

**Jilid II  
Bil. 12**

**Hari Khamis  
25hb Mei, 1972**



**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI**  
**OFFICIAL REPORT**

**DEWAN RAKYAT**  
*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

**PARLIMEN KETIGA**  
*Third Parliament*

**PENGGAL PARLIMEN KEDUA**  
*Second Session*

**KANDONGAN-NYA**

**JAWAPAN<sup>2</sup> MULUT BAGI PERTANYAAN<sup>2</sup> [Ruangan 1435]**

**RANG UNDANG<sup>2</sup>:**

**Rang Undang<sup>2</sup> (Pembahagian) Harta Pesaka Kechil (Pindaan dan Perluasan)**  
**[Ruangan 1477]**

**Rang Undang<sup>2</sup> Pendaftaran Jurutera (Pindaan) [Ruangan 1495]**

**Rang Undang<sup>2</sup> Pendaftaran Jurukor (Pindaan) [Ruangan 1499]**

**Rang Undang<sup>2</sup> Akitek (Pindaan) [Ruangan 1503]**

**Rang Undang<sup>2</sup> Kanun Tanah Negara (Pindaan) [Ruangan 1514]**

**Rang Undang<sup>2</sup> Perusahaan Nenas (Pindaan) [Ruangan 1526]**

**Rang Undang<sup>2</sup> Penjualan Makanan dan Dadah (Pindaan) [Ruangan 1533]**

**USUL:**

**Waktu Meshuarat dan Urusan Yang di-Bebaskan daripada Peratoran Meshuarat**  
**[Ruangan 1530]**

**JAWAPAN<sup>2</sup> BERTULIS [Ruangan 1539]**



MALAYSIA  
**DEWAN RAKYAT YANG KETIGA**

*Penyata Rasmi*

**PENGGAL YANG KEDUA**

---

Hari Khamis, 25hb Mei, 1972

---

*Meshuarat di-mulakan pada pukul 2.30 petang.*

YANG HADHIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO' CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, S.P.M.P., J.P., Dato' Bendahara Perak.
- Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUN DR ISMAIL AL-HAJ BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN, S.S.M., P.M.N., S.P.M.J. (Johor Timor).
- Yang Berhormat Menteri Kewangan, TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P. (Melaka Tengah).
- „ Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., J.M.N., P.J.K., S.P.M.S. (Klang).
- „ Menteri Kerja Raya dan Tenaga, DATO' HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' HAMZAH BIN DATO' ABU SAMAH, S.M.K., D.S.R., S.I.M.P. (Raub).
- „ Menteri Kebajikan 'Am, TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
- „ Menteri Tugas<sup>2</sup> Khas dan Menteri Penerangan, TAN SRI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Lipis).
- „ Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan, DATO' ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ALI BIN HAJI AHMAD (Pontian Selatan).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Perikanan, DATO' ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu Hilir).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD (Langat).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan, TUAN MOHAMED BIN UJANG, A.M.N., P.J.K. (Jelebu-Jempol).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran, TUAN MOHAMED BIN RAHMAT (Johor Bahru Barat).

Yang Berhormat NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, J.P. (Kelantan Hilir).

- „ DATO' DR HAJI ABDUL AZIZ BIN OMAR, D.J.M.K., J.M.N., J.M.K., S.M.K. (Tumpat).
- „ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI ALMARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kubang Pasu Barat).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ TUAN AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Melaka Selatan).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SA'ID, J.P. (Seberang Utara).
- „ TUAN HAJI AHMAD DAMANHURI BIN HAJI ABDUL WAHAB, P.M.P., P.J.K. (Hilir Perak).
- „ TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.J.M.K., P.M.N. (Ulu Kelantan).
- „ PUAN BIBI AISHAH BINTI HAMID DON, A.M.N., P.J.K. (Kulim Utara).
- „ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
- „ TUAN AZAHARI BIN MOHD. TAIB, S.M.K., A.M.N., J.P., J.S.M. (Sungei Patani).
- „ DATO' PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, Q.M.C., P.B.S., P.N.B.S. (Julau).
- „ TUAN BOJENG BIN ANDOT (Simunjan).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).
- „ AWANG BUNGSU BIN ABDULLAH (Limbang-Lawas).
- „ TUAN HAJI AWANG WAL BIN AWANG ABU (Santubong).
- „ TUAN CHAN FU KING (Telok Anson).
- „ TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ TUAN CHAN YOON ONN (Ulu Kinta).
- „ TUAN CHEN KO MING, P.B.S., A.M.N. (Sarikei).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban Timor).
- „ TUAN VALENTINE COTTER *alias* JOSEPH VALENTINE COTTER (Bau-Lundu).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Pulau Pinang Utara).
- „ TUAN V. DAVID (Dato Kramat).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Kampar).
- „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
- „ TUAN THOMAS SELVARAJ GABRIEL (Pulau Pinang Selatan).
- „ TUAN GOH HOCK GUAN (Bungsar).
- „ TUAN HANAFIAH HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).

Yang Berhormat TUAN HASHIM BIN GERA (Parit).

- „ TUAN RICHARD HO UNG HUN (Sitiawan).
- „ TUAN HOR CHEOK FOON (Damansara).
- „ TUAN HUSSAIN BIN HAJI SULAIMAN (Besut).
- „ TUAN KHOO PENG LOONG, O.B.E. (Bandar Sibu).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI IDRIS (Mukah).
- „ TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Batu Gajah).
- „ TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
- „ TUAN LOH JEE MEE (Batang Padang).
- „ TUAN WALTER LOH POH KHAN (Setapak).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN ANDREW MARA ANAK WALTER UNJAH (Betong).
- „ TUAN HAJI MAWARDI BIN LEBAI TEH (Kota Star Utara).
- „ DR MOHAMED BIN TAIB, P.M.K., P.J.K. (Kuantan).
- „ DATO' HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Kota Bharu Hulu).
- „ TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Kuala Trengganu Selatan).
- „ TUAN MOHD. NOR BIN MD. DAHAN, A.M.N., J.P. (Ulu Perak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATO' PANGLIMA ABDULLAH (Darvel).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN HAJI ABDUL MANAN (Kapar).
- „ TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATO' ENSKU MUHSEIN BIN ENSKU ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N. (Trengganu Tengah).
- „ WAN MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).
- „ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL, J.S.M. (Perlis Selatan).
- „ TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Pasar Mas Hilir).
- „ TUAN MUSA BIN HITAM (Segamat Utara).
- „ DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., A.M.N., J.P., J.M.N. (Sabak Bernam).
- „ TUAN MUSTAPHA BIN HUSSAIN (Seberang Tengah).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., J.M.N., D.P.M.J., P.I.S. (Muar Dalam).
- „ TUAN NG HOE HUN (Larut Selatan).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).

**Yang Berhormat PENGARAH RAHUN ANAK DEBAK (Serian).**

- „ TUAN RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Krian Darat).
- „ TUAN R. C. M. RAYAN *alias* R. C. MAHADEVA RAYAN (Ipoh).
- „ TUAN SEAH TENG NGIAB, P.I.S., S.M.J. (Muar Pantai).
- „ DR S. SEEVARATNAM, P.J.K. (Seremban Barat).
- „ DATO' S. P. SEENIVASAGAM, D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).
- „ TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K. (Baling).
- „ TUAN SOH AH TECK, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ DR A. SOORIAN (Port Dickson).
- „ TUAN SU LIANG YU (Bruas).
- „ TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
- „ TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N., P.J.K. (Kulim Bandar Bharu).
- „ TUAN TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).
- „ TUAN TIAH ENG BEE, P.I.S. (Kluang Utara).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TIBUOH ANAK RANTAI (Rajang).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG (Kanowit).
- „ TUAN YEH PAO TZU, A.M.N. (Tawau).
- „ TUAN YEOH TECK CHYE (Bukit Bintang).
- „ TUAN STEPHEN YONG KUET TZE (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH *alias* HAJI YUSOF RAWA (Kota Star Selatan).
- „ TENGKU ZAID BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas Hulu).

**YANG TIADA HADHIR:**

**Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan,**  
TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSEIN, S.M.N. (Pekan).

**Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara, TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N.**  
(Sungai Siput).

- „ Menteri Perhubungan, TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N. (Pontian Utara).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).
- „ Menteri Hal Ehwal Sarawak, TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K., P.N.B.S., O.B.E., Q.M.C. (Ulu Rajang).

- Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Perikanan, TAN SRI HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., D.P.C.M. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Melaka Utara).
- „ Menteri Kesihatan, TUAN LEE SIOK YEW, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ Menteri Pelajaran, TUAN HUSSEIN BIN DATO' ONN, P.I.S., M.B.E. (Johor Bahru Timor).
- „ Menteri Perusahaan Utama, TUAN HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD (Samarahan).
- „ Timbalan Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat, TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).
- „ Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M., C.H., D.M.N. (Kuala Kedah).
- „ DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA'KUB, P.N.B.S. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Sabah Selatan).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. UYONG (Labuk-Sugut).
- „ CHEGU BAUDI BIN UNGGUT (Bandau).
- „ DR CHU CHEE PENG (Kluang Selatan).
- „ TAN SRI SYED JAAFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Bandar Melaka).
- „ DATO' PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Sandakan).
- „ TUAN MOHAMED ARIF BIN SALLEH, A.D.K. (Sabah Dalam).
- „ TUAN HAJI MOHD. CHIK JOHARI ONDU MAJAKIL (Labuan-Beaufort).
- „ TAN SRI MOHAMMAD SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E. (Marudu).
- „ RAJA NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ DATO' PANG TET TSHUNG, P.D.K. (Kota Kinabalu).
- „ DR SULAIMAN BIN MOHAMED ATTAS, J.P., P.J.K. (Rembau-Tampin).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kimanis).
- „ TUAN TING MING KIONG (Bintulu).
- „ TUAN V. VEERAPPEN (Seberang Selatan).
- „ DATO' JAMES WONG KIM MIN, P.N.B.S. (Miri-Subis).

YANG HADHIR BERSAMA:

- Yang Berhormat Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., P.J.K. (Di-lantek).
- „ Menteri Tugas<sup>2</sup> Khas, DR LIM KENG YAIK (Di-lantek).

## DO'A

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Meshuarat*)

## JAWAPAN<sup>2</sup> MULUT BAGI PERTANYAAN<sup>2</sup>

### BADAN<sup>2</sup> BERKANUN PERSEKUTUAN—BILANGAN

1. Tuan Mustapha bin Hussain minta Perdana Menteri menyatakan berapa bilangan badan<sup>2</sup> berkanun yang telah di-bentuk oleh Kerajaan sa-hingga 31hb Mach, 1972 dan memandangkan kepada banyak-nya bilangan badan<sup>2</sup> tersebut ada-kah benar urusan<sup>2</sup> badan<sup>2</sup> ini terlibat kepada lebih daripada satu badan dan oleh yang demikian boleh mengelirukan ra'ayat yang ingin menghubungi mana<sup>2</sup> satu daripada badan<sup>2</sup> tersebut.

**Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tun Dr Ismail Al-Haj):** Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini ada sa-jumlah 58 Badan<sup>2</sup> Berkanun di-peringkat Persekutuan. Sa-chara kasar, memang benar bahawa ada beberapa buah Badan Berkanun yang mempunyai tugas<sup>2</sup> yang hampir sa-rupa di-antara satu dengan lain.

Sa-balek-nya Badan<sup>2</sup> Berkanun ini ada-lah di-tubuhkan untuk mencapai matlamat<sup>2</sup> yang tertentu dalam kandungan mencapai matlamat yang besar.

Walau bagaimana pun, pada awal tahun ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah pun mengarahkan satu kajian sa-mula di-atas susunan dan juga objektif<sup>2</sup> semua Badan<sup>2</sup> Berkanun itu. Kajian sa-mula ini bertujuan memeriksa sama ada Badan<sup>2</sup> Berkanun telah menyesuaikan dasar<sup>2</sup> mereka sa-laras dengan matlamat<sup>2</sup> Dasar Ekonomi Baru sa-bagaimana yang terkandung dalam Rancangan Malaysia Yang Kedua. Kajian sa-mula itu sedang di-selenggarakan oleh Jabatan Perdana Menteri.

Tidak-lah benar bahawa ra'ayat telah terkeliru dalam menghubungi mana<sup>2</sup> satu daripada Badan<sup>2</sup> Berkanun itu.

### PERBADANAN PEMBANGUNAN BANDAR (UDA)—MELANCHARKAN RANCHANGAN

2. Tuan Hor Cheok Foon minta Perdana Menteri menyatakan bila-kah Lembaga Pem-

bangunan Bandar akan melancharkan peringkat pertama ranchangan-nya dengan menyatakan:

- (i) letak-nya kawasan<sup>2</sup> itu;
- (ii) jumlah tanaman modal; dan
- (iii) jumlah pekerjaan<sup>2</sup> yang akan di-ujudkan.

**Tun Dr Ismail Al-Haj:** Tuan Yang di-Pertua, Perbadanan Pembangunan Bandar atau Urban Development Authority (UDA) telah di-lancharkan pada 12hb November tahun lepas. Dalam masa 5 atau 6 bulan yang lepas banyak tenaga telah di-churahkan untuk membena sebuah organisasi yang mempunyai pejabat dan kaki-tangan yang sesuai, mendapatkan ma'alumat<sup>2</sup> penting serta meranchangkan projek<sup>2</sup>.

Sa-bagaimana yang telah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebutkan di-dalam Dewan ini dua minggu yang lepas, buat permulaan UDA akan menumpukan ranchangan<sup>2</sup>-nya dalam Bandaraya Kuala Lumpur. UDA sedang melancar tiga jenis projek<sup>2</sup> pembangunan di-Kuala Lumpur, ia-itu projek<sup>2</sup> kilat jangka pendek, ranchangan<sup>2</sup> jangka pertengahan dan ranchangan<sup>2</sup> jangka panjang.

Peringkat pertama ranchangan UDA ia-lah ranchangan<sup>2</sup> kilat-nya. Dalam peringkat ranchangan ini UDA membeli atau menyewa ruangan<sup>2</sup> perdagangan yang sedia ada atau yang baharu di-bena, di-tempat perdagangan penting, yang sesuai dari segi faktor<sup>2</sup> pasaran dan objectif penyusunan sa-mula masyarakat serta perpaduan Negara. Ruangan<sup>2</sup> Perdagangan ini kemudian-nya di-baiki dan di-peralatkan oleh UDA dan sa-terus-nya di-sewa atau di-jual terus kepada ahli<sup>2</sup> perniagaan sa-chara ansoran. Ada-lah di-jangka lebih kurang 50 projek<sup>2</sup> saperti ini akan terlaksana dalam tahun ini.

- (i) Kewangan<sup>2</sup> atau tempat<sup>2</sup> di-mana projek<sup>2</sup> UDA akan di-jalankan tidak dapat di-sebutkan, untuk mengelak speculation. Saya ingin tegaskan di-sini bahawa projek<sup>2</sup> itu ada-lah di-tempat<sup>2</sup> yang strategic, dari segi faktor<sup>2</sup> pasaran dan kehendak<sup>2</sup> negara bagi menyusun sa-mula masyarakat di-kawasan<sup>2</sup> bandar, sa-laras dengan tujuan kita untuk menyatu-padukan ra'ayat dari berbilang kaum di-negeri ini.



- (ii) Jumlah tanaman modal bagi rancangan UDA peringkat pertama adalah lebih kurang \$3 juta pada permulaan-nya dan di-jangka meningkat sa-hingga \$40 juta pada akhir-nya.
- (iii) Sa-chara langsung lebih kurang 175 pekerjaan akan ujud daripada projek<sup>2</sup> ini pada mula-nya, tetapi bagi semua peringkat kelak angka ini di-jangka meningkat ka-beberapa ribu termasuk pekerjaan yang tidak sa-chara langsung berkaitan dengan projek<sup>2</sup> UDA.

Projek<sup>2</sup> UDA sudah tentu akan menggalakkan perusahaan bangunan dan benaan di-negeri kita, khas-nya, di-Kuala Lumpur. Adalah tujuan Kerajaan untuk menjadikan perkembangan perusahaan bangunan dan benaan ini untuk mengurangkan kesan burok kejatohan harga getah terhadap ekonomi dalam negara kita.

**Tuan Hor Cheok Foon:** (*Dengan izin*) Tuan Yang di-Pertua, we have heard the Honourable Minister's reply saying that the first phase of the UDA development involves an investment figure of \$3 million and this amount is mainly from the Government's pocket. May I ask the Minister, would it be more preferable and more feasible for the Government to draw up feasibilities visualising the capacity and the possibility of investment and to sell the whole thing to prospective investors than to do it itself?

The second question I wish to raise is this: we understand that the Government has intensively advertised for the personnel to fill up various appointments in this newly established Authority, especially in the Singapore newspapers. Therefore, may I ask the Minister, what is the result and the present condition of attracting the professionals, especially the architects, engineers and planners who have drifted to our neighbouring country in the past few years? Are they responding very well to come back to build our country?

**Tun Dr Ismail Al-Haj:** (*Dengan izin*) Sir, it is not intended that UDA is to be the middleman. If it is the opinion of the Chairman or the Manager of UDA that it should do so as the Honourable Member suggested, we might consider it. But the intention is not to make UDA a middleman.

As regards the second part, the Honourable has asked, and some other Members of

the Opposition have asked, why people have gone to Singapore and why they do not work here? Those questions have been answered. Now, he is trying to connect them with UDA. Now, UDA is not responsible for those people who want to go to Singapore and who do not want to come back here. As far as I am concerned, UDA has been giving very attractive salaries to those people who want to work with UDA.

### BANGLADESH MEMASOKI ASEAN—ANGGAPAN

**3. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada benar bahawa Bangladesh ingin memasoki ASEAN.

**Tun Dr Ismail Al-Haj:** Tuan Yang di-Pertua, kita tidak menerima "approach" yang demikian daripada Bangladesh. Walau bagaimana pun, kita tidak menganggap yang Bangladesh termasuk dalam kawasan yang kita sifatkan sa-bagai Asia Tenggara.

**Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tidak-kah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tahu bahawa sa-sunggohnya Ketua Rombongan Malaysia ka-Sidang Menteri<sup>2</sup> Luar Islam di-Jeddah, ia-itu Yang Berhormat Tuan Abdul Ghafar, ketika balek daripada Bangladesh telah memberitahu bahawa negara yang tersebut mahu memasoki ASEAN. Ada-kah kenyataan beliau itu dengan sa-suka hati sa-mata<sup>2</sup> atau memang ada perundingan untuk hal yang tersebut, jika tidak, boleh-kah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri memberi penerangan yang lebih jelas dalam hal ini?

**Tun Dr Ismail Al-Haj:** Kalau apa yang di-katakan oleh Ahli Yang Berhormat itu betul, itu surat khabar, chuma menyuarakan kehendak Bangladesh.

### ANTI-NARCOTIC BUREAU KEBANGSAAN—PENUBOHAN

**4. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri sama ada beliau akan menimbang menubuhkan Biro Dadah untuk menentang bahaya dadah; jika ya, bila-kah Biro ini akan di-tubuhkan.

**Tun Dr Ismail Al-Haj:** Tuan Yang di-Pertua, jawapan-nya, ya. Kerajaan telah mengambil keputusan supaya di-tubuhkan

suatu "Anti-Narcotic Bureau" di-perengkat kebangsaan. Tarikh penubohan-nya akan ditetapkan sa-baik sahaja segala persiapan berkenaan dengan-nya di-sediakan.

**Dr Tan Chee Khoon:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Ada-kah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri sedar, oleh kerana kegunaan dadah makin lama makin bertambah, Biro Dadah atau Anti-Narcotic Bureau mustahak-lah di-tubuhkan dengan segera.

**Tun Dr Ismail Al-Haj:** Saya kata itu-lah yang saya jawab tadi.

#### **KAD PENGENALAN BIRU— PENGELUARAN KAPADA WARGANEGARA**

**5. Tuan Chan Fu King** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada sa-saorang itu menjadi Warganegara Malaysia dengan chara Kuat-kuasa Undang<sup>2</sup> jika ia di-lahirkan sa-belum Merdeka dan mendapat Kad Pengenalan Biru berdasarkan kapada Sijil Kera'ayatan Ibu-bapa-nya yang di-keluarkan di-bawah Perkara 16 walau pun Ibu-bapa mereka tidak mempunyai Sijil Beranak, dan jika ya, nyatakan sama ada Kerajaan berchadang mengeluarkan suatu Sijil mengesahkan bahawa orang yang berkenaan ada-lah sa-orang Warganegara Malaysia mengikut kuat-kuasa Undang<sup>2</sup>.

**Tun Dr Ismail Al-Haj:** Tuan Yang di-Pertua, sa-saorang yang di-lahirkan di-dalam Persekutuan sa-belum Hari Merdeka ada-lah warganegara dengan kuat-kuasa undang<sup>2</sup> jika Kerajaan berpuashati yang salah sa-orang daripada ibu atau bapa-nya juga telah di-lahirkan di-dalam Persekutuan. Pengeluaran Kad Pengenalan Biru kapada orang saperti ini tidak-lah hanya boleh di-anggap sa-bagai berdasarkan kapada Sijil Warganegara di-bawah Perkara 16 yang di-pegang oleh salah sa-orang daripada ibu atau bapa-nya sahaja, tetapi jua ada-lah di-sebabkan Kerajaan tidak ragu<sup>2</sup> bahawa salah sa-orang daripada ibu atau bapa-nya itu telah di-lahirkan di-Persekutuan.

Berkenaan dengan bahagian kedua soalan Ahli Yang Berhormat, saya suka menyatakan bahawa Kad Pengenalan Biru itu sendiri ada-lah bukti "prima facie" bahawa pemegang-nya ada-lah sa-orang warganegara. Warganegara<sup>2</sup> mengikut kuat-kuasa undang<sup>2</sup>

tidak di-keluarkan sa-barang sijil dan oleh itu tidak-lah wajar mengeluarkan sijil<sup>2</sup> kapada orang<sup>2</sup> yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

#### **DUTI EKSEPT LADA HITAM—HASIL**

**6. Tuan Andrew Mara anak Walter Unjah** minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah hasil tahunan yang di-pungut dari chukai<sup>2</sup> eksept lada hitam dan sama ada hasil<sup>2</sup> chukai tersebut boleh di-gunakan khas untuk melaksanakan projek<sup>2</sup> pembangunan dalam negeri Sarawak.

**Menteri Kewangan (Tun Tan Siew Sin):** Tuan Yang di-Pertua, hasil dari duti eksept lada hitam yang di-kutip di-Sarawak berjumlah lebeh kurang \$4 juta dalam tahun 1970, dan lebeh kurang \$5.5 juta dalam tahun 1971. Bukan-lah menjadi dasar Kerajaan untuk menetapkan hasil dari sa-suatu puncha yang tertentu bagi membiayai sa-suatu projek pembangunan yang tertentu, tetapi sekira-nya ini di-lakukan pun jumlah hasil dari puncha tersebut ada-lah lebeh rendah dari jumlah perbelanjaan pembangunan dalam Negeri Sarawak.

**Tuan Luhut Wan:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, ada-kah Menteri Kewangan berchadang untuk memberi banyak lagi bantuan daripada Kerajaan Persekutuan supaya nieranchangkan bagi menanam lebeh banyak lagi lada<sup>2</sup> hitam kapada peladang<sup>2</sup> di-Sarawak.

**Tun Tan Siew Sin:** (*Dengan izin*) That, I think, is a different question.

#### **BIRO<sup>2</sup> PEKERJAAN PERSENDIRIAN**

**7. Tuan Fan Yew Teng** minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah biro<sup>2</sup> Pekerjaan Persendirian yang telah di-daftarkan oleh Pendaftar Perniagaan.

**Tun Tan Siew Sin:** Tuan Yang di-Pertua, sa-hingga sekarang jumlah 28 Biro Pekerjaan Persendirian telah di-daftarkan oleh Pendaftar Perniagaan. 13 daripada jumlah ini telah di-tutup meninggalkan baki sa-banyak 15 sahaja yang maseh tertuboh.

#### **JAWATAN-KUASA PENGAWALAN CHUKAI—ADUAN**

**8. Tuan Fan Yew Teng** minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah aduan<sup>2</sup> yang

telah di-terima oleh "Jawatan-kuasa Penguat-kuasa Chukai Jualan Perbendaharaan" mengenai tuduhan<sup>2</sup> yang mengatakan bahawa pekedai<sup>2</sup> telah mengambil kesempatan untuk mendapatkan keuntongan, hingga April, 1972, dan nyatakan apa-kah langkah<sup>2</sup> atau tindakan<sup>2</sup> yang telah di-ambil.

**Tun Tan Siew Sin:** Tuan Yang di-Pertua, Jawatan-kuasa Pengawalan Chukai telah pun menerima 12 aduan sa-hingga akhir bulan April, 1972 atas kenaikan harga barang<sup>2</sup>.

Jawatan-kuasa itu telah memeriksa aduan<sup>2</sup> ini dan sebahagian daripada pengilang<sup>2</sup> yang telah di-tudoh telah di-minta oleh Jawatan-kuasa ini supaya menerangkan kenaikan harga barang<sup>2</sup> tersebut. Jawatan-kuasa ada-lah berpuas hati . bahawa pengilang<sup>2</sup> yang berkenaan tidak mengenakan chukai<sup>2</sup> jualan lebeh daripada 5%. Jawatan-kuasa juga berpuas hati bahawa kenaikan harga barang<sup>2</sup> yang di-kechualikan bukan-lah di-sebabkan oleh chukai jualan.

## RUMAH PEKERJA<sup>2</sup> KERETAPI JALAN BUNGSAR—MENYEDEHKAN

**9. Tuan V. David** bertanya kepada Menteri Perhubungan sama ada beliau akan mengakui kenyataan bahawa rumah pekerja<sup>2</sup> keretapi kelas XI di-sapanjang Jalan Bungsar ada-lah dalam keadaan yang menyedehkan, dan jika ya, ada-kah beliau akan mengambil tindakan yang sewajar-nya bagi membena rumah<sup>2</sup> yang baik untuk pekerja<sup>2</sup> keretapi.

**Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan (Tuan Mohamed bin Ujang):** Tuan Yang di-Pertua, saya memang sedar yang kebanyakan rumah pekerja<sup>2</sup> keretapi kelas XI di-sapanjang Jalan Bungsar itu di-dalam keadaan yang ada sekarang ini. Satu Jawatan-kuasa telah pun di-bentok guna untuk mengkaji kedudukan perumahan bagi kaki-tangan keretapi keselurohan-nya. Dua blok rumah pangsa mengandungi 96 unit sedang di-bena di-Jalan Bungsar dan akan di-jangka siap dalam bulan Ogos, 1972 ini. Ranchangan juga sedang di-ator untuk membena dua buah rumah pangsa lagi di-Bukit Bangsar, satu di-Sentul dan satu di-Ipoh, jikalau keadaan kewangan mengizinkan.

**Dr Tan Chee Khoon:** (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, is the Honourable Parliamentary Secretary to the Minister of Communi-

cations aware that just before the P.A.T.A. Conference there was a bamboo "wall" built along Jalan Bangsar to hide the deplorable condition of the workers' quarters along Jalan Bungsar, and then after the Conference these bamboo curtains were removed? Can the Honourable Parliamentary Secretary explain why this putting up and taking down of the bamboo curtains along Jalan Bungsar, and the expenditure involved in doing so?

**Tuan Mohamed bin Ujang:** Tuan Yang di-Pertua, saya memang sedar tentang perkara itu, tetapi yang sa-benar-nya bamboo curtains yang di-katakan itu-lah untuk melindungi rumah<sup>2</sup> itu daripada habok<sup>2</sup> jalan, tetapi sa-sudah itu nampak-nya orang<sup>2</sup> yang dudok rumah<sup>2</sup> itu sendiri tidak berse-tuju akan ada-nya dinding. Dinding itu telah di-buka balek. Berkenaan dengan wang belanja-nya, saya tidak dapat mengatakan berapa banyak sekarang tetapi chuma sedikit sahaja.

**Dr Tan Chee Khoon:** Soal tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Setiausaha Parlimen menyatakan, dinding itu ia-lah untuk melindungi keadaan penduduk<sup>2</sup> di-sana, bukan-kah tujuan membena dinding itu menipu pelawat<sup>2</sup> ka-Persidangan PATA di-sini?

**Tuan Mohamed bin Ujang:** Tidak benar, Tuan Yang di-Pertua. Kita tidak pernah menipu sa-siapa.

**Tuan V. David:** (*Dengan izin*) The first part of the question was answered, that the Government is aware of the deplorable condition of the quarters. The answer to the second part says a Committee has been appointed to study the position, and the third, that 96 units are being built in Jalan Bungsar. Sir, in the first place, I want to know the terms of reference of this Committee, whether this Committee has been appointed to modernise the houses or to just study and make a report of the condition; and if at all this Committee has been appointed, when this Committee will report its finding?

**Tuan Mohamed bin Ujang:** Tuan Yang di-Pertua, Committee ini sa-bagaimana yang saya katakan tadi ia-lah untuk mengkaji keselurohan-nya keadaan rumah<sup>2</sup> pekerja<sup>2</sup> keretapi di-tempat itu. Dan sa-bagaimana

saya katakan tadi, pelaksanaan kajian Committee itu ada-lah bergantung kepada keadaan kewangan Jabatan Keretapi Tanah Melayu.

**Tuan V. David:** (*Dengan izin*) In other words, whatever the recommendations of this Committee would be, the Government will not improve the quarters until it has enough money. Sir, am I to assume from the reply that the Government still does not believe in improving the quarters of the railway workers?

**Tuan Mohamed bin Ujang:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjelaskan bahawa perkara<sup>2</sup> hendak mengadakan rumah<sup>2</sup> yang lebih memuaskan bagi pekerja<sup>2</sup> keretapi yang di-maksudkan itu ada-lah dalam perhatian berat Kementerian ini.

**Dr Tan Chee Khoo:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, Boleh-kah Setiausaha Parlimen yang tersebut menerangkan bahawa bila-kah Jawatan-kuasa ini yang sedang mengkaji soal perumahan pada keseluruhannya bagi pekerja<sup>2</sup> keretapi untuk membuat kajian-nya, dan bila-kah Kerajaan atau Kementerian Perhubungan akan mengambil tindakan terhadap chadangan<sup>2</sup> yang akan di-berikan oleh Jawatan-kuasa itu.

**Tuan Mohamed bin Ujang:** Tuan Yang di-Pertua, barangkali soalan itu sudah saya jawab tadi.

**Dr Tan Chee Khoo:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Setiausaha Parlimen yang berkenaan menyatakan 96 yunit perumahan telah di-bena untuk pekerja<sup>2</sup> keretapi di-Jalan Bungsar. Boleh-kah beliau menerangkan tentang yunit perumahan ini sa-orang pekerja dapat sa-buah yunit yang mempunyai sa-buah bilek, sa-buah bilek tidor atau dua buah bilek dan sa-buah bilek tidor.

**Tuan Mohamed bin Ujang:** Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan rumah itu, yang sa-benar-nya tiap<sup>2</sup> satu rumah itu ada mempunyai sa-buah bilek tidor, sa-buah living room, sa-buah bilek dapor, sa-buah bilek mandi dan sa-buah tandas. Dan di-fikirkan bahawa ini memang menchukupi.

**Dr Tan Chee Khoo:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Ada-kah Setiausaha Parlimen tersebut sedar jika sa-saorang pekerja ada sa-orang isteri sahaja kemudian-

nya ada 5-6 atau 7-8 orang anak, bagaimana-kah sa-buah bilek tidor menchukopi untuk kediaman mereka.

**Tuan Mohamed bin Ujang:** Tuan Yang di-Pertua, saya fikir apa yang saya sebutkan tadi memadai-lah bagi pekerja<sup>2</sup> dalam Kumpulan I.M.G., itu ada-lah sa-chara biasa.

**Tuan V. David:** (*Dengan izin*) Sir, in the first place, I would invite the Parliamentary Secretary to get down to the grass roots and have an inspection of these quarters. Sir, these quarters are still below the standard with single rooms where the whole family has been dumped into one single room. Sir, in the first place, I want to know whether the Government admits that there is an absolute need to standardise and modernise the railway quarters; and secondly how fast and how soon could they complete the modernization?

**Tuan Mohamed bin Ujang:** Soalan ini sudah saya jawab tadi, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingat tidak payah di-jawab lagi.

**Dr Tan Chee Khoo:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Setiausaha Parlimen yang berkenaan menerangkan sa-buah bilek tidor untuk pekerja<sup>2</sup> I.M.G. menchukopi. Ada-kah beliau sedar pekerja<sup>2</sup> di-bahagian lain, Bahagian III, II, I dan sa-bagai-nya yang mana pekerja<sup>2</sup> mempunyai anak<sup>2</sup> yang kurang, umpama-nya pekerja<sup>2</sup> dalam Bahagian I chuma ada anak barangkali dua tiga orang sahaja. Tetapi pekerja<sup>2</sup> I.M.G. lebih kurang ada mempunyai 5-6 atau 7 orang anak. Boleh-kah Setiausaha Parlimen menerangkan perbezaan untuk perumahan antara pekerja<sup>2</sup> I.M.G. dan pekerja<sup>2</sup> Bahagian I.

**Tuan Mohamed bin Ujang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan-nya tadi ia-lah berkenaan keadaan rumah Kelas II di-Jalan Bungsar. Saya rasa soalan yang di-kemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu bukan-nya soalan yang kita hadapi sekarang.

**Tuan V. David:** Tuan Yang di-Pertua, saya nampak Kerajaan tidak memberikan jawapan yang memuaskan hati. Fasal apa Kerajaan berfikir pekerja<sup>2</sup> Bahagian IV bukan manusia. Pekerja<sup>2</sup> Bahagian IV adalah manusia biasa juga yang mempunyai keluarga. Oleh kerana ini bukan-lah chukop

bagi sa-buah bilek. Mereka berkehendakkan bilek lebeh daripada satu. Saya minta Setiausaha Parlimen melawat kawasan itu . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang di-katakan-nya dalam soalan ini ia-lah bilek<sup>2</sup> itu tidak termasuk. Soalan-nya ia-lah mengenai rumah sahaja, ada-kah ada rumah atau tidak. Jika kita pergi ka-bilek, lepas bilek, pergi bilek ayer, dan lepas bilek ayer apa pula lagi.

**Tuan V. David:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta Setiausaha Parlimen dan Yang Berhormat Menteri pergi melawat ka-tempat dudok pekerja<sup>2</sup> yang saya fikir . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu boleh di-minta pada masa yang lain. Ini masa soal jawab.

#### **AHLI<sup>2</sup> PAS MASOK PERIKATAN— SIARAN TV/RADIO**

**10. Tuan Abu Bakar bin Umar** minta Menteri Tugas Khas dan Menteri Penerangan menyatakan mengapa Kerajaan menggunakan Talivishen dan Radio untuk menyiarkan berita ahli<sup>2</sup> PAS atau penyokong-nya memasoki UMNO dalam masa pilihanraya kechil di-Tumpat Barat dan Lipis baru<sup>2</sup> ini.

**Menteri Tugas<sup>2</sup> Khas dan Menteri Penerangan (Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie):** Tuan Yang di-Pertua, dasar Kementerian Penerangan ia-lah menyiarkan berita<sup>2</sup> yang objektif, yang ada hubungan dengan masyarakat dan ada nilai<sup>2</sup> berita (news value).

Tuan Yang di-Pertua, bukan semua berita<sup>2</sup>, umpama-nya berita<sup>2</sup> Ahli PAS melompat itu di-masokkan. Tetapi mana yang di-masokkan itu ia-lah berita<sup>2</sup> yang ada nilai<sup>2</sup> berita (news value).

Baharu<sup>2</sup> ini waktu sa-orang anggota PAS yang telah di-pechat dengan tegas-nya oleh PAS bukan kerana melompat ka-parti lain, tetapi kerana dendam. Ini pun di-masokkan juga sa-bagai news.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Umar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada-kah adil bagi Parti Perikatan di-waktu bertanding dalam pilihanraya dengan PAS menggunakan talivishen dan radio Kerajaan, hak ra'ayat untuk berkempen kepada Parti Perikatan sa-bagai menyiarkan berita<sup>2</sup> Ahli<sup>2</sup> PAS melompat masuk UMNO.

**Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua, soal mengeluarkan

news ini tidak-lah memilih masa, berkempen atau tidak berkempen, tetapi ada-lah dasar-nya saperti yang saya katakan tadi sa-kiranya ada perkhabaran, ini ada-lah di-ukor sa-bagai satu news value, maka peristiwa itu akan di-keluarkan, tidak memilih waktu pilihanraya atau pun tidak.

**Dr A. Soorian:** Ada-kah Menteri yang berkenaan itu sedar bahawa apabila ahli<sup>2</sup> anggota parti Pembangkang kena tudoh di-mahkamah, Kerajaan telah menyiarkan berita ini di-dalam radio dan talivishen melalui empat bahasa, tetapi malang-nya dia sudah di-bebaskan, dan tidak di-siarkan berita itu. Dan apabila anggota Parti Kerajaan kena tuduhan, langsung tidak di-keluarkan dalam radio atau talivishen.

**Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie:** Itu tidak ada kena-mengena dengan soal lompat-melompat, Tuan Yang di-Pertua.

**Dr A. Soorian:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Apa soalan tambahan-nya pun boleh, tetapi biar-lah yang berkenaan dengan soalan yang ada.

**Dr A. Soorian:** Betul, Tuan Yang di Pertua. (*Ketawa*). Saya sedar ini bukan kerana lompat-melompat, tetapi perkara ini ada-lah mustahak juga. Saya harap, Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri yang berkenaan boleh memberitahu Dewan tentang menyalah-gunakan talivishen dan radio.

**Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie:** Saperti saya katakan tadi, radio dan talivishen tidak di-salah-gunakan.

**Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, boleh-kah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan memberitahu dari mana puncha<sup>2</sup> berita di-ambil tentang ahli<sup>2</sup> lompat-melompat atau pun Ahli<sup>2</sup> PAS masuk UMNO ini yang di-siarkan di-talivishen dan radio itu.

**Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua, puncha-nya ada-lah daripada kejadian-nya.

**Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, ada-kah Yang Berhormat Menteri Penerangan sedar bahawa sa-sungguh-nya selalu juga berita<sup>2</sup> yang melibatkan orang<sup>2</sup> PAS masuk UMNO sampai

beribu<sup>2</sup> itu kadang<sup>2</sup> tidak betul, seperti yang di-siarkan di-daerah saya, di-kawasan saya 500 Ahli PAS masuk UMNO di-ruangan talivishen dan radio, tetapi apabila saya pergi chek, tidak ada sa-orang pun yang masuk.

Soalan-nya ada-kah Yang Berhormat Menteri itu sadar bahawa pengambilan berita seperti itu ada-lah tidak menepati.

**Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua, yang di-sedari oleh Kementerian ia-lah perkara yang benar.

**Tuan Mohd. Daud bin Abdul Samad:** Tuan Yang di-Pertua, apa-kah Radio dan Talivishen menyiarkan berita lompat-melompat ini suatu langkah perpaduan atau langkah perpechahan.

**Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua, soal perpaduan siapa?

**Tuan Mohd. Daud bin Abdul Samad:** Perpaduan ra'ayat di-Malaysia ini, sebab sudah ada satu Kementerian Perpaduan Negara sekarang ini.

**Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua, ini soal politik, bukan soal perpaduan negara.

**Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus:** Soalan tambahan. Kenapa tidak di-siarkan berita<sup>2</sup> orang UMNO yang masuk PAS.

**Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tadi saya sudah terangkan, Tuan Yang di-Pertua, kalau berita<sup>2</sup> ini ada hubungan dengan masyarakat dan ada nilai berita, maka perkhawaran itu akan di-masukkan.

**Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus:** Apakah ma'ana-nya mengikut pendapat Yang Berhormat Menteri yang berkenaan bahawa berita orang UMNO masuk PAS itu tidak termasuk dalam nilai<sup>2</sup> berita yang di-maksudkan itu atau bagaimana?

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau tidak ada yang masuk dalam PAS macham mana hendak di-siarkan?

**Tuan Luhut Wan:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, dapat-kah Yang Berhormat Menteri memberi jaminan kepada Dewan ini sa-belum menyiarkan apa sahaja berita<sup>2</sup>, biar-lah perkara itu di-selideki dengan betul<sup>2</sup> terlebih dahulu, bagaimana. . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya suka mengingatkan ini ada-lah soalan tambahan.

**Tuan Luhut Wan:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Ada-kah Yang Berhormat Menteri telah menyiasat sa-puchok surat yang telah di-kirim oleh Parti SNAP dahulu, kerana kenyataan yang telah di-beri oleh pehak BERNAMA dari Sarawak mengenai sa-bilangan besar daripada pehak Parti SNAP yang telah melompat kepada Parti Alliance di-Sarawak. Perkara itu telah di-katakan oleh BERNAMA di-Sarawak, mula<sup>2</sup>-nya di-Semanggang 14 buah rumah panjang dan di-Kuching 40 yang di-siarkan oleh Radio Malaysia Sarawak. Apabila sampai di-Kuala Lumpur, di-siarkan pula di-sini 400 atau 4000. Ada-kah Yang Berhormat dapat memberi jaminan supaya berita yang palsu begitu jangan di-siarkan lagi oleh Radio Malaysia?

**Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua, kita menggunakan news yang kita terima itu daripada agency<sup>2</sup>, dan ini ada-lah khabar yang di-beritakan oleh BERNAMA dan yang di-keluarkan oleh Reuter, AP atau UP, begitu juga chara-nya kita mengeluarkan news di-dalam Radio atau Talivishen.

**Tuan Su Liang Yu:** (*Dengan izin*) Will the Honourable Minister explain why an UMNO member when he was convicted in the Court for raping a girl was not announced by Radio Malaysia or T.V. of his conviction—the case of Enche' Hanafi in Kedah.

**Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua, tadi saya sudah menyatakan bahawa soalan ini soal orang parti masuk parti lain. Itu yang menjadi soal pokok dan tidak bersangkut-paut dengan cherita<sup>2</sup> yang lain.

**Dr A. Soorian:** Tuan Yang di-Pertua, dalam soal lompat—melompat ini, pada masa anggota DAP melompat dari DAP kepada Parti MCA, berita itu telah di-siarkan melalui Radio dan Talivishen. Boleh-kah Yang Berhormat Menteri berkenaan memberi jaminan di-Dewan ini, jika ahli<sup>2</sup> Parti Kerajaan melompat kepada parti DAP, boleh-kah Menteri berkenaan menyiarkan perkara itu melalui Radio dan Talivishen.

**Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie:** Saya memberi jaminan bahawa perkara begitu memang perkara negara, perkara nasional dan memang ada nilai<sup>2</sup> berita.

**Dr A. Soorian:** Tuan Yang di-Pertua, jawapan Menteri yang berkenaan itu ta' berapa jelas.

**Tuan Yang di-Pertua:** Pada saya chukop jelas.

**Tuan Haji Mohamed Zain bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, ada-kah keluar-nya ahli<sup>2</sup> PAS itu ketika hampir, atau dalam masa pilehanraya sahaja, tidak pada masa<sup>2</sup> yang lain.

**Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie:** Sa-masa keluar, Tuan Yang di-Pertua, adalah berita-nya. Kalau sa-kira-nya tokoh atau badan itu mempunyai nilai<sup>2</sup> (news).

### **PERSATUAN<sup>2</sup> PELADANG— MASAALAH PADI KUNCHA**

**11. Tuan Abu Bakar bin Umar** minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan sama ada beliau sedar Persatuan<sup>2</sup> Peladang tidak dapat menyelesaikan masalah padi kuncha di-kalangan peladang<sup>2</sup> dan jika ya, apa-kah langkah<sup>2</sup> yang berkesan yang akan di-ambil untuk mengatasi masalah ini.

**Timbalan Menteri Pertanian dan Perikanan (Dato' Abdul Samad bin Idris):** Tuan Yang di-Pertua, ya, saya sedar ada masalah padi kuncha yang telah berlaku di-kalangan petani<sup>2</sup> kerana ekonomi masyarakat yang susah di-atasi. Saya tiada menduga Persatuan<sup>2</sup> Peladang yang hanya baru 3 tahun di-tubuhkan dapat mengatasi masalah padi kuncha ini dengan sa-kali gus.

Penyakit atau masalah padi kuncha ini telah menjadi tradisi yang berasal daripada pendapatan yang rendah oleh peladang<sup>2</sup> yang bergantung kepada orang<sup>2</sup> tengah untuk mendapatkan pinjaman bagi keperluan hidup sa-hari<sup>2</sup> untuk membeli barang<sup>2</sup> makanan dan lain<sup>2</sup>. Oleh itu chara yang berkesan untuk mengatasi masalah ini ia-lah dengan melebuhkan kebolehan dan meninggikan pendapatan peladang<sup>2</sup>. Dari segi ini Kerajaan telah mengadakan kemudahan<sup>2</sup> tanaman dua kali sa-tahun sa-umpama di-Ranchangan Perayeran Muda dan peruntok pinjaman singkat oleh Bank Pertanian. Persatuan<sup>2</sup> Peladang telah juga menyediakan kemudahan<sup>2</sup> bagi peladang<sup>2</sup> menyusun sa-mula

pekerjaan dan penghidupan mereka dengan memberi khidmat perkembangan pertanian, menggunakan benih<sup>2</sup> padi yang tinggi mutu, menjalankan ranchangan kredit bagi penggunaan baja<sup>2</sup> dan rachun serangga dan kemudahan<sup>2</sup> trektor bagi mengusahakan bendang<sup>2</sup> mereka, dan menyelaraskan kerja<sup>2</sup> pemasaran padi sa-bagai daya untuk meninggikan perolehan dan pendapatan peladang<sup>2</sup>. Usaha<sup>2</sup> ini hanya mendapat kejayaan dengan ada-nya kerjasama serta perubahan sikap oleh peladang<sup>2</sup> supaya berjiwa berdikari dan tidak sentiasa bergantung pada khidmat<sup>2</sup> orang tengah untuk keperluan hidup mereka.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Umar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada-kah Kementerian berkenaan berchadang untuk memberi kredit sa-lain daripada kredit baja dan lain<sup>2</sup>, kredit untuk hidup atau pun keperluan hari<sup>2</sup> kapada peladang<sup>2</sup> atau kapada petani<sup>2</sup> sa-masa mereka membuat perusahaan mereka.

**Dato' Abdul Samad bin Idris:** Tuan Yang di-Pertua, masalah yang di-hadapi oleh petani<sup>2</sup> khusus-nya di-Perayeran Muda ini yang menjadikan mereka itu meminjam wang kapada orang tengah yang di-panggilkan padi kuncha ia-lah ketika mereka hendak turun ka-sawah dan juga ketika mereka menuai padi, pada masa ini mereka berkehendakkan bantuan wang atau pinjaman. Dan sa-lain daripada itu dengan tenaga dan usaha yang baharu sekarang ini mereka menggunakan trektor, membeli baja dan rachun serangga. Ini-lah dia yang sekarang ini bantuan kredit yang di-berikan kapada petani<sup>2</sup> dan bantuan wang itu-lah yang di-gunakan oleh mereka untuk sa-hari<sup>2</sup> atau penghidupan mereka sa-hari<sup>2</sup>. Tetapi kalau sa-kira-nya mereka ta' chukop dengan bantuan kredit yang di-berikan itu, soal itu boleh-lah kita kaji dengan halus dan di-harap bantuan<sup>2</sup> kredit yang di-berikan itu akan mendatangkan faedah, kerana Kerajaan sekarang ini sangat berhati<sup>2</sup> dalam memberikan pinjaman atau kredit itu di-sebabkan dan di-khuatiri ada sa-tengah<sup>2</sup>-nya yang tidak menjelaskan bayaran balek, apakala mereka sudah menuai padi, atau pun tidak menunaikan perjanjian sa-bagaimana yang di-tentukan antara ahli<sup>2</sup> Persatuan Peladang dengan Persatuan Peladang dan juga dengan Bank Pertanian.



## PETANI<sup>2</sup> MENGALAMI KERUGIAN—MENGELAKKAN

12. Tuan Abu Bakar bin Umar minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan:

- (a) langkah<sup>2</sup> yang di-ambil untuk mengelakkan petani<sup>2</sup> di-Ranchangan Perayeran Muda daripada mengalami kerugian dari masa menabor benih sa-hingga masa menuai; dan
- (b) langkah yang di-ambil untuk menghapuskan tikus<sup>2</sup> di-dalam Ranchangan Perayeran Muda.

**Dato' Abdul Samad bin Idris:** Tuan Yang di-Pertua:

- (a) Langkah<sup>2</sup> yang di-ambil oleh Kerajaan untuk mengelakkan petani<sup>2</sup> dalam Ranchangan Perayeran Muda daripada mengalami kerosakkan dari masa menabor benih padi sa-hingga masa menuai ada-lah dengan menentukan pembekalan ayer yang sempurna, menggalakkan peladang<sup>2</sup> menggunakan baja dan rachun<sup>2</sup> serangga, rachun tikus dan memberi kemudahan kepada peladang<sup>2</sup> menuai padi mereka dengan alat jentera dan mengadakan pusat<sup>2</sup> pengering padi musim hujan dan untuk mengatasi masalah padi basah. Kerja<sup>2</sup> ini mesti-lah di-faham dan mendapat kerjasama daripada peladang<sup>2</sup> supaya menanam mengikut jadual tanaman dan menjalankan chara<sup>2</sup> pertanian sa-bagai yang di-nasehatkan kepada mereka.
- (b) Langkah<sup>2</sup> telah di-ambil untuk menghapuskan tikus<sup>2</sup> di-dalam Ranchangan Perayeran Muda ada-lah dengan:
  - (1) Mengedarkan rachun<sup>2</sup> tikus dengan perchuma kepada peladang<sup>2</sup>.
  - (2) Menasehatkan supaya semua peladang<sup>2</sup> menanam padi dan tidak meninggalkan bendang<sup>2</sup> mereka terbiar dan menjadi sarang tikus.
  - (3) Mengadakan kempen memburu tikus dengan kerjasama peladang<sup>2</sup>.
  - (4) Mengadakan sa-orang pakar dari MARDI untuk mengkaji tabi'i pembiakkan tikus<sup>2</sup> di-kawasan ini dan chara mereka berpindah

dari satu kawasan ka-kawasan yang lain demi mencari satu chara untuk mengatasi masalah ini.

- (5) Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini bahawa tikus<sup>2</sup> ini ada-lah amat sukar untuk di-hapuskan dengan sa-kali gus dan untuk menghapuskan dari sa-tempat ka-satempat yang lain kerana mereka itu berpindah<sup>2</sup>. Sa-lain daripada itu menurut pakar tikus di-Kementerian Pertanian dan Perikanan ini ada 8 keturunan bagi tikus<sup>2</sup> ini pada tiap<sup>2</sup> tahun. Yang kurang sa-kali 5 keturunan. Di-Daerah Krian terhadap 8 keturunan bagi tiap<sup>2</sup> tahun. Hetong-panjang bagi tiap<sup>2</sup> sa-ekor tikus melahirkan lebeh kurang 56 ekor anak-nya pada sa-tahun dan kadang<sup>2</sup> lebeh daripada itu.

**Tuan Abu Bakar bin Umar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada-lah Menteri yang berkenaan sedar bahawa meshen<sup>2</sup> untuk mengetam padi atau mengambil padi yang di-gunakan di-kawasan Ranchangan Perayeran Muda amat-lah besar dan berat yang tidak sesuai dengan keadaan tanah di-sana.

**Dato' Abdul Samad bin Idris:** Dalam hubungan ini, Tuan Yang di-Pertua, memang ada jentera<sup>2</sup> yang berat, tetapi sa-belum jentera<sup>2</sup> ini di-beli, kita ada-lah mengikut kehendak Persatuan Peladang dan ahli<sup>2</sup> petani di-kawasan itu. Tetapi saya di-fahamkan sekarang ini di-tempat yang dalam adalah di-gunakan jentera<sup>2</sup> yang ringan yang mempunyai dua roda. Bagaimana pun pada awal-nya sa-tengah<sup>2</sup> tempat itu bila Perayeran Muda ini di-ampang, maka ayer-nya itu telah mengalir di-tempat<sup>2</sup> yang dalam dan berpayu dan pada masa dahulu tempat itu di-anggap tidak bagitu berpayu, tetapi setelah ayer-nya banyak, maka itu-lah yang menjadikan kadang<sup>2</sup> trekter yang berat itu ta' boleh membajak di-tempat<sup>2</sup> yang sa-umpama itu. Jadi keadaan ini akan di-atasi dari sa-masa ka-samasa.

**Dr A. Soorian:** (Dengan izin) Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Boleh-kah Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Perikanan tell this House whether it is a fact that the Government policy is to



under-produce the production of rice and, if so, how does it tally with the fact that there is some double cropping done at some places at the Muda Irrigation?

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu soalan lain!

**Dr A. Soorian:** Tidak, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ta' payah bertengkar dengan saya, itu soalan lain.

**Tuan Mohd. Daud bin Abdul Samad:** Soalan tambahan. Dapat-kah Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian dan Perikanan menerangkan ada berapa orang pakar tikus di-Kementerian Pertanian dan Perikanan dan apa bangsa-nya.

**Dato' Abdul Samad bin Idris:** Tuan Yang di-Pertua, saya ta' dapat menerangkan berapa orang pakar tikus ini, tetapi pegawai<sup>2</sup> pertanian boleh di-katakan semua-nya mahir dan ada sa-orang pakar yang sekarang ini telah pun di-hantar oleh MARDI bagi menyiasat tikus<sup>2</sup> dan tabi'at<sup>2</sup>-nya dan ada-lah di-harapkan laporan daripada penyiasatan ini akan dapat mengatasi serba sedikit perkembangan atau pun pembiakkan tikus<sup>2</sup> ini. Dan saya harap Ahli Yang Berhormat akan dapat membantu kerana menghapuskan tikus ini tidak boleh dengan hanya pakar sahaja, melainkan dengan kerjasama petani<sup>2</sup> sendiri.

**Tuan Luhut Wan:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Ada-kah benar kenyataan dari peladang<sup>2</sup> mengatakan bahawa rachun soresza yang di-gunakan sa-bagai merachun tikus itu tidak berapa bisa dan tikus jarang mati oleh rachun itu.

**Dato' Abdul Samad bin Idris:** Tuan Yang di-Pertua, saya ta' berapa faham rachun tikus ini dan nama<sup>2</sup>-nya dari segi teknik-nya, tetapi kira-nya Ahli Yang Berhormat itu berkehendakkan rachun<sup>2</sup> ini nama-nya, kegunaan-nya dan lain<sup>2</sup>, boleh-lah membuat notis terlebih dahulu.

#### **BELIA<sup>2</sup>/BELIAWANIS<sup>2</sup>— LATEHAN ASAS**

**13. Tuan Haji Ahmad bin Arshad** minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sokan menyatakan:

- (a) memandang kepada ramai-nya bilangan kaum belia terutama sa-kali di-kawasan<sup>2</sup> luar bandar yang memer-

lukan latehan asas dalam pembangunan negara, ada-kah Kementerian ini bersedia menjadikan Pusat Angkatan Belia Pelupor Negara di-Dusun Tua itu hanya untuk melateh belia<sup>2</sup> lelaki dan Pusat Latehan Belia Negara di-Pertak untuk melateh belia-wanis<sup>2</sup> sahaja; dan

- (b) apa-kah langkah<sup>2</sup> yang telah di-ambil atau yang akan di-ambil oleh Kementerian ini bagi melateh dan mengeluarkan belia<sup>2</sup> yang berkeliber tinggi sesuai dengan kehendak pembangunan negara ini.

**Menteri Kebudayaan, Belia dan Sokan (Dato' Hamzah bin Dato' Abu Samah):** Dato' Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sokan tidak bersedia pada masa ini untuk mengadakan latehan khas bagi belia-wanis sa-bagaimana yang di-minta di-Pertak kerana:-

(i) Pada masa ini kita telah mengadakan kursus<sup>2</sup> khas sa-lama 3 bulan di-Pusat Latehan Pimpinan Belia Negara di-Pertak untuk belia-wanis<sup>2</sup>;

(ii) Kementerian ada meranchangkan satu ranchangan dalam mana quota bilangan yang di-peruntukan oleh badan yang di-namakan Institusi Latehan Perindustrian itu yang di-berikan kepada Kementerian ini akan di-salurkan kepada belia-wanis<sup>2</sup> supaya mereka dapat mengikuti kursus jurusan latehan kemahiran yang di-jalankan atau pun di-selenggarakan oleh I.T.I.

- (b) Kementerian ini telah juga mengambil langkah bagi melateh dan mengeluarkan belia<sup>2</sup> yang lebeh berkeliber tinggi sesuai dengan kehendak pembangunan negara ini.

Kursus latehan di-Pusat Latehan Belia Dusun Tua telah di-kaji dan disusun sa-mula bagi di-sesuaikan dengan kehendak pembangunan. Tenaga<sup>2</sup> pengajar yang baharu akan di-ambil dari Maktab Politeknik Ungku Omar di-Ipoh dan pengajar<sup>2</sup> yang ada sekarang akan di-hantar mendapatkan pelajaran lanjutan di-Pusat<sup>2</sup> tertentu di-dalam dan juga di-luar negeri.

Sa-perkara lagi peruntukan tambahan telah pun di-beri supaya menambahkan lagi bilangan jurulatih<sup>2</sup>, menambahkan lagi bilangan bengkel<sup>2</sup> (workshop) di-Pusat Latehan belia di-Dusun Tua dan juga di-adakan lebeh banyak lagi alat<sup>2</sup> perkakas baharu yang sesuai dengan kehendak masa ini. Dan juga, sa-lepas Badan U.N.I.C.E.F. mengadakan penyelidikan baharu<sup>2</sup> ini, mereka telah bersetuju memberikan bantuan sa-banyak \$450,000 bagi menolong kita memajukan latehan kemahiran, latehan pimpinan dan pada masa ini pegawai<sup>2</sup> daripada Badan U.N.I.C.E.F. ada di-tempatkan di-Kementerian saya bagi sama<sup>2</sup> mengawasi dan menolong melaksanakan ranchangan<sup>2</sup> yang di-bantu juga dengan wang bantuan yang telah di-beri oleh Badan ini.

**Tuan Haji Ahmad bin Arshad:** Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dengan tidak bersedia-nya pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sokan ini mengadakan sa-buah Pusat Latehan Khas Wanita, ada-kah ini bererti bahawa Kerajaan mengepikan kehendak<sup>2</sup> wanita dalam negeri ini yang mana mereka separoh daripada belia.

**Dato' Hamzah bin Dato' Abu Samah:** Dato' Yang di-Pertua, sa-balek-nya sa-bagaimana Ahli Yang Berhormat sedia ma'alum sudah banyak ada pusat<sup>2</sup> latehan khas bagi beliawanis<sup>2</sup> yang di-selenggarakan oleh badan<sup>2</sup> lagi saperti Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Taman Didekan Wanita yang juga MARA mengadakan Pusat<sup>2</sup> Latehan Belia Khusus bagi beliawanis<sup>2</sup> di-Trengganu, Alor Star dan di-Melaka. Saya rasa buat masa ini bilangan Pusat Latehan bagi beliawanis ada-lah menchukupi bagi kehendak tujuan membimbing, memimpin beliawanis<sup>2</sup>.

**Tuan Abu Bakar bin Umar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada-kah Menteri yang berkenaan telah memberi arahan kepada pegawai<sup>2</sup> Belia Negeri supaya tidak menerima belia<sup>2</sup> daripada PAS, oleh kerana ramai belia<sup>2</sup> daripada Parti PAS ini tidak di-terima untuk masuk dalam belia atau pun untuk berlateh di-Dusun Tua dan sa-bagai-nya.

**Dato' Hamzah bin Dato' Abu Samah:** Dato' Yang di-Pertua, ini soalan lain.

## PEKEBUN<sup>2</sup> KECHIL—SUNGUTAN TERHADAP MRDC

**14. Tuan Haji Ahmad bin Arshad** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sama ada beliau sedar ada-nya sungutan daripada pekebun<sup>2</sup> kechil terhadap Perbadanan Kemajuan Getah Malaysia Berhad berkenaan dengan:

- (a) harga belian susu getah lebeh murah daripada harga getah keping pada sa-kati;
- (b) potongan ayer yang tinggi dalam timbangan susu getah;
- (c) kesukaran mendapatkan wang dari wakil<sup>2</sup> penjual; dan
- (d) keengganan pihak Perbadanan membeli susu getah dari mereka, dan jika ya, nyatakan apa-kah langkah<sup>2</sup> yang akan diambil oleh Kementerian ini untuk mengatasi masalah<sup>2</sup> ini bagi menambah pendapatan penduduk<sup>2</sup> di-luar bandar.

**Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Ali bin Haji Ahmad):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perusahaan Utama, tidak ada menerima laporan yang menyatakan ada-nya perasaan tidak puas hati di-kalangan pekebun<sup>2</sup> kechil berkaitan dengan perjalanan Perbadanan Kemajuan Getah Malaysia Berhad (M.R.D.C.). Walau bagaimana pun, Kementerian ini sedia menyiasat perkara ini, sa-kira ahli Yang Berhormat tersebut boleh memberi keterangan serta butir<sup>2</sup> yang lebeh lanjut.

Berkaitan dengan pemerhatian yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat tersebut kapada beberapa perkara berkaitan dengan perjalanan Perbadanan Kemajuan Getah Malaysia Berhad, saya ingin memberi sedikit penjelasan:

- (a) Perbadanan Kemajuan Getah Malaysia Berhad tidak membezakan harga belian antara susu getah dan getah keping. Harga yang di-tetapkan oleh Perbadanan Kemajuan Getah Malaysia Berhad bagi susu getah ada-lah mengikut harga<sup>2</sup> pasaran getah Malaysia bagi R.S.S. 1, sa-kira-nya besar perbezaan harga di-antara R.S.S. 1 dan R.S.S. 2 dan R.S.S. 3, pekebun<sup>2</sup> kechil biasa-nya lebeh suka menjualkan susu getah daripada getah keping; sa-balek-nya jika sedikit sahaja perbezaan di-antara harga<sup>2</sup> R.S.S. 1 dan R.S.S. 2

dan R.S.S. 3 sa-bagaimana yang berlaku sekarang, maka pekebun<sup>2</sup> kecil tidak beberapa mahu menjual susu getah kepada M.R.D.C.

- (b) Berat ayer yang di-tolak daripada susu getah bagi kandungan getah kering (dry rubber content) ada-lah mengikut chara yang telah di-akukan oleh Pusat Penyelidikan Getah Tanah Melayu dan juga pada am-nya di-persetujui oleh gulungan perindustrian getah. M.R.D.C. telah mengambil perhatian berat untuk mendapatkan sukatan kandungan getah yang tepat memandangkan kepada amalan dengan tujuan untuk penentuan harga pada masa sekarang.
- (c) Kementerian saya tidak mengetahui mengenai kesukaran mendapatkan wang daripada agen<sup>2</sup> penjual susu getah. M.R.D.C. menyelesaikan kira-nya dengan ejen<sup>2</sup> pembeli susu sa-tiap hari atau sa-tiap minggu atau pun sa-tiap bulan. Di-samping itu M.R.D.C. memberi perhatian kepada tegoran<sup>2</sup> mengenai pembayaran yang tidak dijelaskan kepada penjual<sup>2</sup> susu getah di-hari yang sama.
- (d) Lazim-nya M.R.D.C. tidak pernah menolak pembelian getah daripada pekebun<sup>2</sup> kecil. Dalam masa suku tahun akhir tahun 1971, ada terdapat perbezaan harga yang besar di-antara harga R.S.S. 1, dan R.S.S. 2 dan R.S.S. 3. Harga susu getah M.R.D.C. di-waktu itu lebeh menarek dan ini menyebabkan banyak daripada pekebun<sup>2</sup> kecil yang biasa-nya membuat getah keping, mulai menjual susu getah. Oleh kerana keupayaan kilang M.R.D.C. ada-lah terhad, M.R.D.C. enggan menerima susu getah daripada kawasan<sup>2</sup> baharu. Masaalah ini akan dapat di-atasi apabila 26 lagi kilang<sup>2</sup> baharu akan dibena di-bawah Ranchangan Malaysia Kedua.

Perlu di-nyatakan di-sini juga bahawa banyak di-antara pekebun<sup>2</sup> kecil tinggal di-tempat<sup>2</sup> yang sukar di-masoki untuk membeli susu chair mereka itu. Soal pengutipan dan soal memproses dengan tujuan untuk menyelesaikan masaalah<sup>2</sup> di atas ada-lah sedang dalam kajian.

## KEMALANGAN<sup>2</sup> LALULINTAS— MEMBAYAR PAMPASAN

15. Tuan Mustapha bin Hussain minta Peguam Negara menyatakan sama ada Kerajaan sedar bahawa penduduk<sup>2</sup> di-luar bandar termasuk mereka di-perkampungan<sup>2</sup> baharu yang terlibat dan terchedera dalam kemalangan<sup>2</sup> lalu-lintas telah di-perah supaya membayar bayaran<sup>2</sup> peguam sa-banyak 50% wang pampasan mereka, dan jika sedar, sama ada Kerajaan akan meminda Ordinan Penguambela dan Peguamchara supaya jumlah wang pampasan akan di-luluskan dahulu oleh Mahkamah Tinggi dan wang tersebut di-simpan oleh Pemegang Amanah Raya.

**Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof):** Tuan Yang di-Pertua, jika sa-saorang menempah perkhidmatan peguam untuk menuntut ganti rosak atau ganti rugi berkenaan dengan apa<sup>2</sup> benchana yang di-dapati oleh-nya dalam sa-suatu kemalangan yang ada terlibat sa-sabuah kereta motor, maka sama ada tuntutan itu di-selesaikan di-luar Mahkamah atau di-selesaikan akibat daripada pembicharaan di-Mahkamah, bayaran untuk peguam itu akan di-bayar sa-bagaimana yang di-persetujui antara pelanggan dan peguam-nya. Bagaimana pun jika timbul apa<sup>2</sup> pertikaian berkenaan dengan bayaran itu, peguam itu tidak boleh mengambil apa<sup>2</sup> tindakan terhadap pelanggan itu dalam Mahkamah tanpa menyampaikankan sa-suatu bil kos atau perbelanjaan kepada-nya sa-kurang<sup>2</sup>nya sa-bulan terlebeh dahulu dan ada-lah terbuka untuk mana<sup>2</sup> satu pihak mendapatkan supaya bil kos di-tetapkan di-bawah Ordinan Peguambela dan Peguamchara, 1947.

Bagaimana pun, Tuan Yang di-Pertua, jika dengan chara yang tidak sa-wajar-nya dan sa-patut-nya seperti dengan memotong dengan sa-kehendak hati-nya daripada jumlah pampasan yang di-bayar oleh Sharikat Insuran sa-jumlah besar sa-bagai bayaran-nya, sa-saorang peguam mendapatkan bagi diri-nya sa-bagai bayaran-nya suatu jumlah yang lebeh besar daripada jumlah yang telah di-persetujui atau pun yang berchorak memeras atau tidak berpatutan, maka terbuka-lah kepada orang yang terbenchana itu untuk mendapatkan kos atau bayaran itu di-tetapkan oleh Mahkamah dan juga untuk melaporkan kelakuan peguam itu kepada Jawatan-kuasa Peguam Tempatan dengan

tujuan supaya tindakan tata-tertib di-ambil terhadap peguam itu.

Kejadian pengaduan<sup>2</sup> terhadap peguam kerana sebab ini tidak banyak berlaku dan telah tiada apa<sup>2</sup> keraguan untuk mengambil tindakan tata-tertib terhadap sa-saorang peguam apabila sahaja perlu.

Kerajaan menjangka peguambela<sup>2</sup> dan peguamchara<sup>2</sup> akan menjalankan aktiviti<sup>2</sup> profeshenal mereka dengan hormat sa-bagai yang sesuai dengan profeshen mereka tetapi Kerajaan tidak akan ragu<sup>2</sup> untuk mengadakan undang<sup>2</sup> sa-lanjut-nya untuk melaksanakan kawalan dalam perkara ini bagi melindungi kepentingan awam. Kerajaan telah memerhatikan dengan teliti perkara ini dengan rapi, dan ada kemungkinan undang<sup>2</sup> yang perlu ini akan di-adakan. Majlis Peguam akan di-beri peluang pula untuk mengemukakan pendapat<sup>2</sup>-nya untuk di-beri pertimbangan sa-belum pindaan atau chadangan ini di-lakukan, dan undang<sup>2</sup> itu di-bawakan ka-Dewan Majlis ini. Sebab, Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat yang menyoal pun sa-orang peguam maka hendak meminda Advocate and Solicitors Ordinance itu hendak-lah berkehendakkan dengan kerjasama dengan persetujuan Persatuan Peguam juga, kerana masa ini pun Penggubalan Undang<sup>2</sup> Advocate and Solicitors Ordinance itu maseh jadi di-tangan peguam apakala telah di-gubal, baharu-lah di-hantarkan. Saya fikir lebih tepat lagi Ahli Yang Berhormat itu sa-bagai sa-orang peguam membawakan chadangan ini kepada Majlis Peguam supaya apakala Undang<sup>2</sup> itu di-gubal oleh-nya di-masokkan perkara yang di-chadangkan di-Dewan ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah chukop.

*(Masa untuk Pertanyaan<sup>2</sup> bagi Jawab Mulut telah chukop dan Jawapan<sup>2</sup> Lisan bagi Pertanyaan<sup>2</sup> No. 16 hingga 43 ada-lah di-beri di-bawah ini).*

### **JAWATAN TERTINGGI DOKTOR KELINIK**

**16. Dr Tan Chee Khoo** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar bahawa jawatan tertinggi bagi sa-orang doktor kelinik (clinical doctor) ia-lah tingkatan-tertinggi F dan jawatan<sup>2</sup> tingkatan-tertinggi D yang ada merupakan jawatan<sup>2</sup> untuk penyandang;

(b) sama ada beliau sedar bahawa jawatan<sup>2</sup> doktor tidak sa-tanding dengan jawatan<sup>2</sup> di-dalam MCS; jika benar, nyatakan langkah<sup>2</sup> yang beliau akan ambil untuk memulehkan keadaan yang tidak adil ini; dan

- (c) sama ada beliau sedar bahawa peluang<sup>2</sup> untuk naik pangkat bagi doktor<sup>2</sup> ada-lah terhad dan oleh yang demikian banyak daripada mereka telah memasoki pehak swasta.

### **Menteri Kesihatan (Tuan Lee Siok Yew):**

- (a) Jawatan tertinggi bagi sa-orang doktor kelinik ia-lah tingkatan-tertinggi C.3 bidang jawatan utama pakar masing<sup>2</sup> mempunyai satu jawatan tingkatan-tertinggi D dan bukan-nya jawatan untuk penyandang. Sa-bagai tambahan ada 2 bidang lagi jawatan tingkatan-tertinggi D bagi doktor<sup>2</sup> kelinik yang mana ada-lah jawatan untuk penyandang bergantung kepada kebolehan<sup>2</sup> mereka.

- (b) Memang di-aku<sup>2</sup> bahawa jawatan Pegawai Perubatan tidak sa-tanding dengan jawatan P.T.D. oleh kerana tugas<sup>2</sup> dan gaji permulaan Pegawai Perubatan ada-lah berlainan. Tugas<sup>2</sup> Pegawai Perubatan ada-lah lebih berchorak iktisas, sedangkan tugas<sup>2</sup> pegawai<sup>2</sup> P.T.D. berchorak pengurusan. Gaji permulaan Pegawai<sup>2</sup> Perubatan ia-lah \$1,050 tetapi gaji permulaan pegawai<sup>2</sup> P.T.D. chuma \$750 sahaja. Sa-lain daripada itu, pegawai<sup>2</sup> perubatan yang menjalankan tugas<sup>2</sup> pakar ada-lah juga di-bayar elaun pakar, sedangkan pegawai P.T.D. yang menjalankan kerja<sup>2</sup> yang berchorak kepakaran langsung tidak layak menerima sa-barang elaun pun.

Dari segi peluang naik pangkat, keadaan sekarang ada-lah lebih cerah daripada keadaan pada masa<sup>2</sup> yang lepas. Beberapa jawatan Tingkatan-tertinggi telah di-ujudkan untuk membaiki lagi peluang<sup>2</sup> naik pangkat pegawai<sup>2</sup> perubatan dan pegawai<sup>2</sup> pergigian. Sekarang terdapat 182 jawatan Tingkatan-tertinggi berbanding dengan 1,058 jawatan Tingkatan-biasa dalam bidang Perubatan dan Kesihatan. Ratio jawatan Tingkatan Biasa: Tingkatan-tertinggi ia-lah 1:6.

Dalam bidang pergigian pula, terdapat 42 jawatan Tingkatan-tertinggi, jika di-bandingkan dengan 205 jawatan Tingkatan-biasa. Ratio-nya ia-lah 1:5.

Ada-lah di-fikirkan peluang naik pangkat perkhidmatan Pegawai<sup>2</sup> Perubatan sangat-lah menasabah jika dibandingkan dengan perkhidmatan<sup>2</sup> Kerajaan yang lain.

- (c) Ada-lah tidak benar bahawa peluang<sup>2</sup> untuk naik pangkat bagi doktor<sup>2</sup> terhad.

(Dengan izin)

- (a) The highest post for a clinical doctor is Superscale C. The 3 major specialist disciplines have each one Superscale D post not personal to holder. In addition there are two other Superscale D posts for clinical doctors in other disciplines which are personal to the holders depending on their merits.
- (b) It is undeniable that the post of doctors are not at par with the post in the M.C.S. due to the fact that the responsibilities and starting salary of doctors are different. The responsibilities of doctors are more of a professional nature while that of the M.C.S. are more of an administrative nature. The starting salary for doctors is \$1,050 but for M.C.S. officers only \$750. Apart from this, doctors undertaking special work are given specialist allowance, while M.C.S. officers who carry out work of a specialist nature are not eligible to receive such allowance. As for promotional prospects for doctors, the situation now is much more encouraging than it was before. A number of Superscale posts have been established to improve the promotional prospects for medical and dental officers. There are 182 Superscale posts today compared to 1,058 Timescale posts in the Medical and Health sector. The ratio of Timescale to Superscale is 1 : 6.

In the Dental sector, there are 42 Superscale posts, compared to 205 Timescale posts. The ratio is 1:5.

It is felt that the promotional prospects for doctors are reasonable compared to other Government services.

- (c) It is not true that the promotional prospects for doctors are limited.

## MERBAHAYA-NYA MEROKOK— MENGATASI

**17. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Kesihatan:

- (a) ada-kah beliau sedar bahawa merokok itu merbahaya kepada kesihatan, dan jika sedar, apa-kah tindakan yang telah di-ambil atau yang akan di-ambil oleh Kementerian-nya untuk mengurang atau menghapuskan tabi'at merokok di-kalangan orang ramai; dan
- (b) sama ada beliau akan berhubung dengan Menteri Penerangan supaya memberhentikan iklan<sup>2</sup> rokok dalam Radio dan Talivishen Malaysia, dan jika tidak, kenapa.

**Tuan Lee Siok Yew:**

- (a) Saya sedar akan merbahaya-nya merokok bagi kesihatan, dan Kementerian saya pada masa ini sedang berhubung rapat dengan Persatuan Perubatan Malaysia atas langkah<sup>2</sup> untuk mengatasi masa'alah ini menerusi Kempen Pelajaran Kesihatan 'am. Soalan berkaitan undang<sup>2</sup> juga sedang di-kaji.
- (b) Saya akan merojok kepada Kabinet untuk mendapatkan satu keputusan atas perkara mengharamkan Iklan Rokok menerusi Radio dan Talivishen sa-lepas sahaja perkara ini di-kaji dengan teliti.

(Dengan izin)

- (a) I am aware of the health hazards of smoking, and my Ministry is at the moment collaborating with the Malaysian Medical Association on measures to overcome this problem through a public education campaign. The question of legislation is also being looked into.
- (b) I shall seek Cabinet decision on the matter of banning of advertisements on cigarettes over Radio and TV, after this matter has been thoroughly studied.

## KUIL HINDU DI-SUNGEI SUMUN—PEMBENAAN

**18. Tuan Su Liang Yu** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan sama ada beliau sedar bahawa dalam tahun 1968 wang sa-banyak \$30,000 telah di-beri kepada Jawatan-kuasa yang bertanggung-jawab di-Sungei Sumun, Bagan

Datoh untuk membenakan sa-buah kuil Hindu tetapi hingga sekarang bangunan kuil itu masih belum di-sempurnakan; jika ya, apa-kah tindakan yang akan di-ambil untuk mencegah orang<sup>2</sup> yang bertanggung-jawab dari menyalahgunakan wang itu.

**Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Abdul Ghafar bin Baba):** Satu cek sa-banyak \$30,000 ada di-beri dalam bulan November 1967 untuk pembenakan bangunan Rumah Berhala Hindu di-Sungei Sumun, Bagan Datoh. Bangunan itu belum siap kerana kurang kewangan. Pegawai Kemajuan Negeri Perak telah di-arah mengambil langkah<sup>2</sup> yang sewajar-nya dalam hal ini.

### TALIPON<sup>2</sup>—KEROSAKAN

**19. Tuan Su Liang Yu** minta Menteri Perhubungan menyatakan:

- (a) sebab<sup>2</sup>-nya talipon<sup>2</sup> dalam semua pondok<sup>2</sup> talipon di-kampung<sup>2</sup> dan bandar<sup>2</sup> yang telah di-keluarkan oleh Kerajaan baru<sup>2</sup> ini menimbulkan banyak kesusahan kepada orang ramai; dan.
- (b) bila-kah talipon<sup>2</sup> itu akan di-pasang sa-mula di-pondok talipon masing<sup>2</sup>.

**Menteri Perhubungan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir):**

- (a) Jabatan Talikom hanya telah menarek balek sa-bilangan kecil sahaja (Kurang dari 10%) talipon<sup>2</sup> dari pondok talipon orang ramai baik di-dalam bandar<sup>2</sup> mahupun di-kampung<sup>2</sup> di-mana talipon<sup>2</sup> itu di-dapati rosak oleh kerana perbuatan<sup>2</sup> jahat (vandalism) dan kerjasama orang ramai sukar di-dapati bagi mengelakkan kerosakan yang demikian itu.
- (b) Talipon<sup>2</sup> itu akan di-pasang sa-mula di-kawasan<sup>2</sup> yang lebih selamat lagi, seperti dekat Pondok<sup>2</sup> Polis atau pun Balai<sup>2</sup> Polis.

### SERANGAN TIKUS MEMUSNAHKAN TANAMAN

**20. Tuan Haji Mawardi bin Lebai Teh** minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan ada-kah beliau sedar bahawa tikus ia-lah musuh yang paling banyak dan ganas memusnahkan tanaman padi di-Ranchangan Perayeran Muda sekarang ini,

dan jika ya, apa-kah langkah<sup>2</sup> yang telah di-ambil oleh pihak yang berkenaan untuk menghapuskan tikus<sup>2</sup> itu sa-lain daripada penggunaan berbagai<sup>2</sup> jenis ubat racun.

**Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi:** Kejadian serangan tikus bukan-lah satu perkara yang terjadi sepanjang masa tetapi bermusim mengikut tabi'i sa-mula jadi dan berikutan dengan perpindahan mereka dari satu tempat ka-satu tempat.

Serangan tikus di-musim biasa 1971/72 yang agak hebat telah di-kesan di-mukim<sup>2</sup> Langgar, Derga, Kepelu, Pering, Padang Perahu, Kangkong dan Sala Besar di-Daerah<sup>2</sup> Kubang Pasu, Kota Setar dan Yen Serangan<sup>2</sup> yang kurang hebat di-dapati di-beberapa kawasan lain. Selain daripada racun<sup>2</sup> tikus (zinc phosphide) yang telah di-edarkan dengan lebih daripada musim<sup>2</sup> yang lalu. Pihak MADA telah juga berhubung dengan ahli Kajiserangga, Ibu Pejabat Pertanian Kuala Lumpur yang telah pun menghantar sa-orang pegawai untuk membuat kajian permulaan bagaimana dan sebab-nya serangan tikus ini berlaku dengan hebat.

Pihak Jabatan Pertanian dan MADA telah juga berunding dengan pihak MARDI yang akan menjalankan kajian yang lebih sistematik dan rapi atas tabi'i dan sebab yang bilangan musuh<sup>2</sup> ini membiak dengan luas-nya.

### PADI—JENIS DI-TANAM DI-MALAYSIA

**21. Tuan Haji Mawardi bin Lebai Teh** minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan:

- (a) jenis<sup>2</sup> padi yang di-tanam di-Malaysia; dan
- (b) jenis mana-kah yang paling sesuai dalam erti-kata pengeluaran-nya untuk di-tanam di-Malaysia Barat khas-nya di-kawasan<sup>2</sup> Perayeran Muda.

**Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi:**

- (a) Ada banyak jenis padi yang di-tanam di-Malaysia.
- (b) Di-antara jenis<sup>2</sup> padi yang mengeluarkan hasil tinggi yang di-galakkan oleh Kementerian Pertanian dan Perikanan di-tanam di-Perayeran Muda ia-lah

padi Bahagia, padi Mahsuri, padi Murni, padi Malinja dan padi Ria.

### **KECURIAN DI-SEKOLAH<sup>2</sup>— MENGELAKKAN**

22. Tuan Edmund Langgu anak Saga minta Menteri Pelajaran menyatakan langkah<sup>2</sup> yang akan di-ambil untuk menentukan supaya sekolah<sup>2</sup> di-Bahagian Satu dan Tiga, Sarawak bebas dari kechurian oleh penchuri<sup>2</sup> yang nampak-nya telah meng-ambil kesempatan di-atas keadaan kesela-matan.

**Menteri Pelajaran (Tuan Hussein bin Dato' Onn):** Jabatan Pelajaran Sarawak sedang bekerja rapat dengan pihak Polis untuk mengelakkan dari berlaku-nya kechurian<sup>2</sup> itu. Pihak Polis telah di-minta untuk membanyakkan lagi kawalan di-kawasan<sup>2</sup> itu dan mereka telah pun sanggup bekerjasama dalam hal itu. Di-samping itu juga, tindakan sedang di-ambil untuk memasang pagar atau menambah lampu dalam kawasan Sekolah<sup>2</sup> Menengah Kera-jaan.

### **BELIA<sup>2</sup>—MENGELAKKAN MEMASOKI KUMPULAN<sup>2</sup> MENGANCHAM**

23. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sokan menyatakan usaha<sup>2</sup> Kerajaan untuk menge-lakkan belia<sup>2</sup> dari memasoki kumpulan yang mengancham keselamatan negara.

**Dato' Hamzah bin Dato' Abu Samah:** Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sokan, memang menyedari bahawa belia dan per-gerakan mereka ada-lah menjadi sasaran utama bagi pihak<sup>2</sup> yang ingin mendapat tenaga dan kechergasan belia untuk mem-bantu kearah menchapai tujuan<sup>2</sup> mereka yang tertentu terutama tujuan<sup>2</sup> bagi meng-ancham keselamatan negara. Atas kesedaran ini maka Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sokan sedang menggiatkan segala usaha-nya untuk membanyakkan bilangan<sup>2</sup> belia dalam pergerakan mereka supaya sa-chara kumpulan, mereka itu akan mendapat bimbingan bagi menjalankan kegiatan<sup>2</sup> yang mendatangkan faedah kepada mereka dan juga memenohi kehendak<sup>2</sup> pembangunan<sup>2</sup>, perpaduan dan keselamatan negara. Dalam membimbing persatuan<sup>2</sup> belia itu Kement-erian Kebudayaan, Belia dan Sokan juga mengadakan kegiatan<sup>2</sup> perangsaraf-nya

terutama bagi belia<sup>2</sup> di-kawasan<sup>2</sup> sempadan Malaysia/Thai.

Pegawai<sup>2</sup> Kebudayaan, Belia dan Sokan di-perengkat Negeri dan Daerah juga meng-ambil peranan dalam kegiatan<sup>2</sup> perangsaraf yang di-jalankan oleh kerajaan negeri, Kementerian Penerangan dan Penyiaran dan Kementerian<sup>2</sup> yang lain seperti Kementerian Pertahanan dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Dengan kegiatan<sup>2</sup> ini Kementerian ber-harap akan dapat menarik belia<sup>2</sup> kepada kegiatan<sup>2</sup> yang sehat dan berfaedah dan dengan itu mengelakkan mereka dari di-pengarohi atau pun memasoki kumpulan<sup>2</sup> yang mengancham keselamatan negara.

### **HIPIS—MEMBASMI PENYAKIT**

24. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sokan menyatakan sama ada Kerajaan berchadang hendak menguatkuasakan peratoran<sup>2</sup> untuk pakaian dan akhlak bagi membasmi penyakit WABAK HIPIS di-negeri ini.

**Dato' Hamzah bin Dato' Abu Samah:** Sa-benar-nya wabak hipis yang di-maksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidak terdapat di-negeri ini dan kerana itu Kerajaan belum mempunyai chadangan untuk menguatkuasa-kan peratoran<sup>2</sup> untuk membasmi wabak yang di-maksudkan itu. Tetapi sekira-nya di-dapati perlu, Kerajaan akan mengkaji tentang hal ini.

### **BILEK BERSALIN HOSPITAL DAERAH TAPAH**

25. Tuan Loh Jee Mee minta Menteri Kesi-hatan menyatakan sama ada Hospital Daerah, Tapah akan di-peruntukkan dengan sa-buah bilek bersalin baru kerana bilek bersalin yang ada pada masa sekarang sudah ketinggalan zaman.

**Tuan Lee Siok Yew:** Hospital Daerah Tapah akan di-berikan dengan kelengkapan tambahan yang bermutu tinggi di-bawah Ran-changan Malaysia Kedua ini. Oleh sebab itu, keperluan yang penting untuk Hospital ini yang akan di-adakan ia-lah:

(a) Jabatan Pesakit Luar, Jabatan X-Ray, Perkhidmatan Ma'amal, Jabatan Kema-langan dan Kechemasan, Despensari, Tabong Darah dan Pejabat<sup>2</sup> Pentad-biran. Jabatan ini akan di-adakan di-bahagian polykelinik yang baru yang sedang dalam pembinaan.



- (b) Membaiki dan memodenkan lagi wad<sup>2</sup> Kerja ini juga sedang berjalan dengan lancar-nya.
- (c) Bilek Pembedahan. Bilek ini sekarang sedang di-ranchangkan dan di-jadualkan perlaksanaan-nya dalam tahun 1974.

Pembinaan sa-buah Bilek Bersalin yang baru ada-lah tidak termasuk dalam Ranchangan Malaysia Kedua ini. Pembinaan-nya boleh di-masokkan di-bawah ranchangan pembangunan hospital ini, di-dalam ranchangan pembangunan yang akan datang.

(*Dengan izin*) The District Hospital, Tapah is being provided with additional facilities of high priority, in the Second Malaysia Plan. Accordingly, the present urgent needs of the hospital which are being met with are:

- (a) The Outpatients Department, X-Ray Department, Laboratory Services, Accident and Emergency Department, Dispensary, Blood Bank and Administrative Offices. These are being provided in the new Polyclinic Block which is already under construction.
- (b) Improvement and Modernization to Wards. This work is also under progress.
- (c) Operation Theatre. This is now under planning and is scheduled for implementation in 1974.

A new Labour Room has not been included in the Second Malaysia Plan. It will be included in the development programme for this hospital during the next Development Plan.

### HOSPITAL DAERAH TANAH RATA

26. Tuan Loh Jee Mee minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada apa<sup>2</sup> ranchangan hendak membena sa-buah Hospital di-Tanah Rata Cameron Highlands; jika ada bila, dan jika tidak, mengapa.

Tuan Lee Siok Yew: Tidak ada ranchangan yang segera untuk membena sa-buah Hospital Daerah di-Tanah Rata. Di-sana ada sa-buah Pusat Kesihatan Besar yang ada kemudahan<sup>2</sup> perubatan seperti berikut:

- (a) Sa-orang Pegawai Perubatan sa-penoh masa.

- (b) Sa-orang Pegawai Pergigian sa-penoh masa.
- (c) Kemudahan<sup>2</sup> pesakit-dalam bagi 8 buah katil perbidanan dan 6 buah katil 'am.
- (d) Kelinik pesakit luar dengan Kemudahan<sup>2</sup> ma'amal.
- (e) Kelinik Kesihatan Ibu dan Anak.
- (f) Perkhidmatan Kesihatan Umum.

(*Dengan izin*)

There is no immediate plan to put up a District Hospital in Tanah Rata. There is a Main Health Centre which has medical facilities as follows:

- (a) A full time Medical Officer.
- (b) A full time Dental Officer.
- (c) In-patient facilities for 8 Maternity beds and 6 general beds.
- (d) Out-patient clinic with laboratory facilities.
- (e) A Maternal and Child Health Clinic.
- (f) Public Health Services.

### PHYSIOTHERAPIST HOSPITAL BESAR PULAU PINANG—KEKURANGAN

27. Tuan Loh Jee Mee minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa bilangan physiotherapist di-Hospital Besar, Pulau Pinang sangat kurang dan dua orang physiotherapist perempuan yang ada di-hospital itu di-bebankan dengan pekerjaan yang terlampau berat dan jika sedar, apa-kah tindakan yang di-ambil untuk membetulkan keadaan ini.

Tuan Lee Siok Yew: Kekurangan bilangan Jurupuleh Anggota di-dapati di-seluruh negara. Untuk mendapatkan keperluan<sup>2</sup> ini, Kementerian Kesihatan berchadang mengadakan sa-buah Sekolah Jurupuleh Anggota dalam tahun 1973.

(*Dengan izin*) There is an overall shortage of Physiotherapists in the whole country. To meet the requirements, the Ministry of Health is proposing to establish a School of Physiotherapy in 1973.

### PELAN INDOK KUALA LUMPUR

28. Tuan Hor Cheok Foon minta Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan menyatakan bila-kah Pelan Indok bagi Kuala Lumpur akan siap dan sama ada



ia-nya akan memajukan pembangunan perniagaan untuk semua kaum dan menjadikan Kuala Lumpur sa-buah Bandaraya berbilang kaum.

**Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Ong Kee Hui):** Pelan<sup>2</sup> Pembangunan Lengkap bagi Kuala Lumpur yang ada sekarang akan di-kaji sa-mula sebagaimana yang di-peruntukkan dalam undang<sup>2</sup> dalam tempoh 5 tahun pelaksanaan-nya. Semua Pelan<sup>2</sup> Pembangunan Kuala Lumpur pada masa hadapan akan mengandungi tujuan<sup>2</sup> seperti yang di-jelaskan dalam Rancangan Malaysia Kedua dan juga mengenai dasar<sup>2</sup> Kerajaan yang berjalan sekarang tentang penyusunan sa-mula masyarakat. Ia-nya akan mengandungi chukup galakan<sup>2</sup> dan peluang<sup>2</sup> bagi penyertaan yang berkesan untuk semua warganegara Malaysia dalam kawasan Bandaraya ini.

(*Dengan izin*) The present Comprehensive Development Plan of Kuala Lumpur will be reviewed as provided for in the law within 5 years of its implementation. All future development plans of Kuala Lumpur will provide for the objectives spelt out in the 2nd Malaysia Plan and the current Government Policy of restructuring society. There will be sufficient incentives and opportunity for the effective participation of all Malaysians in the urban areas of Kuala Lumpur.

#### OKID—MENGALAKKAN PERUSAHAAN

**29. Tuan Peter Paul Dason:** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apa-kah galakan<sup>2</sup> yang telah di-tawarkan oleh Kerajaan kepada penanam<sup>2</sup> okid di-negara ini untuk memajukan perusahaan okid dan mengeksport-nya kerana perusahaan okid mempunyai keupayaan yang besar sebagai tukaran wang asing.

**Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Mohamed Khir Johari):** Pada masa sekarang Kerajaan tidak ada menawarkan apa<sup>2</sup> galakan kepada penanam<sup>2</sup> okid di-negara ini. Kerajaan telah menerima laporan<sup>2</sup> tentang kemungkinan pasaran okid di-beberapa negeri Eropah dan laporan ini telah pun di-edarkan kepada pengeksport<sup>2</sup> tanpa apa<sup>2</sup> bayaran. Kerajaan juga telah menolong pengeksport<sup>2</sup> okid mendapatkan tambang seberapa murah untuk mengeksport bunga mereka.

(*Dengan izin*) Presently, no incentives are offered to the orchid industry. However, Government has obtained reports on the market potential of orchids as cut flowers in selected European countries, and these reports have been distributed free of charge to interested exporters. The Government has also assisted exporters to obtain the best discounts in air freight rates for the export of their flowers.

#### UNCTAD—PERBELANJAAN PERSIDANGAN

**30. Tuan Peter Paul Dason** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan :

- (i) jumlah perbelanjaan yang di-keluarkan oleh Perwakilan Malaysia menghadhiri UNCTAD di-Santiago, Chile, baharu<sup>2</sup> ini; dan
- (ii) sama ada apa<sup>2</sup> keputusan yang baik untuk Malaysia di-chapai dalam Persidangan itu.

**Tuan Mohamed Khir Johari:**

- (i) Sa-jumlah kira<sup>2</sup> \$75,000 telah di-untukkan bagi membiayai rombongan Malaysia ka-Persidangan UNCTAD di-Santiago, Chile dari 13 April hingga 19 May, 1972.
- (ii) Oleh kerana Persidangan ini maseh lagi berjalan, saya tidak-lah dapat menyatakan keputusan<sup>2</sup>-nya.

(*Dengan izin*).

- (i) A sum of about \$75,000 has been set aside to meet the expenses of the Malaysian delegation to the UNCTAD Conference in Santiago, Chile from April 13 to May 19, 1972.
- (ii) As the Conference is still in session I am not able to indicate the decisions reached.

#### KEADAAN DHARURAT— MENAMATKAN

**31. Tuan Lim Kit Siang** minta Perdana Menteri menyatakan mengapa-kah Kerajaan belum lagi menamatkan Keadaan Dharurat di-Malaysia yang di-umumkan pada bulan Mei 1969, kerana Parlimen telah pun dipulihkan sa-mula lebeh dari sa-tahun; dan nyatakan bilakah Keadaan Dharurat ini akan di-tamatkan.

**Timbalan Perdana Menteri (Tun Dr Ismail Al-Haj):** Sunggoh pun Parlimen telah dipulihkan tidak-lah bererti bahawa keadaan

dharurat tidak wujud lagi. Pada masa ini terdapat anchaman daripada anasir<sup>2</sup> sabversif dan komunis<sup>2</sup> di-Sarawak dan juga di-perbatasan Malaysia/Thai, yang mengancham keselamatan dan kehidupan ekonomi negara. Anchaman ini telah pun di-terangkan dalam dua Kertas Puteh yang di-keluarkan oleh Kerajaan baru<sup>2</sup> ini.

Pengistiharan Dharurat di-dalam bulan Mei 1969 akan di-tarek balek apabila Yang di-Pertuan Agong berpuashati bahawa keadaan Keselamatan dan kehidupan ekonomi Negara pada keseluruhannya terjamin.

### INSURAN KAPADA PENUMPANG<sup>2</sup> KERETAPI

**32. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Perhubungan menyatakan sama ada beliau akan memberi insuran kepada penumpang<sup>2</sup> yang menaiki keretapi, supaya jika terdapat trajedi seperti kemalangan keretapi—bas Pasir Mas di-mana 13 orang telah meninggal dunia, sanak saudara mereka atau tanggungan<sup>2</sup> mereka akan mendapat sagu-hati.

**Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:** Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu ada menyediakan peruntukan khas untuk bayaran ganti rugi kepada penumpang<sup>2</sup> keretapi terbit dari kemalangan keretapi. Bayaran ganti rugi ini chuma di-bayar di-mana sudah di-buktikan bahawa keretapi yang melakukan kesalahan.

### RAILWAY LEVEL CROSSINGS

**33. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Perhubungan menyatakan jumlah "railway level crossings" di-Malaysia Barat; jumlah<sup>2</sup> tersebut yang tidak mempunyai pagar; namakan mereka dan nyatakan apa-kah tindakan<sup>2</sup> yang telah di-ambil untuk mengelak berulang-nya trajedi keretapi-bas Pasir Mas.

**Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:** Saya suka merujuk kepada jawapan saya pada 18hb Mei, 1972 kepada satu soalan oleh Yang Berhormat Ahli dari Kampar yang menyentuh perkara yang serupa. Lintasan<sup>2</sup> rata awam terbuka ada sebanyak 51 buah. Ada-lah memakan masa yang panjang bagi saya menamakan lintasan<sup>2</sup> rata itu satu persatu. Sekira-nya Ahli Yang Berhormat mengkehendaki juga saya akan arahkan Kementerian saya memberi senarai nama<sup>2</sup> itu kepada-nya.

### A.B.A.C.O. ESTATE—ADUAN PEKERJA<sup>2</sup>

**34. Dr A. Soorian** minta Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat menyatakan sama ada Kerajaan sedar bahawa ra'ayat Malaysia telah tidak memberi pekerjaan kepada 5 orang pekerja di-A.B.A.C.O. Estate tetapi memberi pekerjaan kepada pemegang<sup>2</sup> kad pengenalan merah yang mempunyai Permit Kerja dan pemegang<sup>2</sup> kad pengenalan merah ini tidak di-benarkan memasuki kesatuan<sup>2</sup> sekerja dan dengan chara ini majikan mereka memeras pekerja<sup>2</sup> yang memegang kad<sup>2</sup> pengenalan merah ini.

**Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat (Tan Sri V. Manickavasagam):** Penyiasatan yang telah di-jalankan oleh pegawai<sup>2</sup> dari Kementerian saya menunjukkan bahawa aduan itu tidak berasas.

(Dengan izin) Investigation carried out by officers of my Ministry reveals that the allegation has no foundation.

### PENDUDOK<sup>2</sup> KAMPONG BARU MENYERTA RANCHANGAN L.K.T.P.

**35. Tuan Lim Cho Hock** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan sama ada pendudok<sup>2</sup> kampung baru boleh memohon untuk menyertai ranchangan L.K.T.P., dan jika ya, apa-kah kelayakan<sup>2</sup> yang di-perlukan dan peluang mereka dapat masuk ranchangan L.K.T.P.

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Pendudok Kampong<sup>2</sup> Baharu boleh memohon untuk menyertai Ranchangan<sup>2</sup> L.K.T.P. dengan syarat mereka ada kelayakan yang di-perlukan. Untuk menyertai ranchangan<sup>2</sup> L.K.T.P. sa-saorang calon itu di-kehendaki menjadi Warga Negara Malaysia, sudah berkahwin dan berumur 18 hingga 35 tahun (40 tahun bagi bekas ahli<sup>2</sup> keselamatan) dan tidak memiliki tanah lebeh dari 2 ekar. Mereka<sup>2</sup> yang memenohi syarat<sup>2</sup> ini layak membuat permohonan untuk menjadi peserta ranchangan.

Peluang untuk menjadi peserta bergantung kepada markah yang di-beri kepada tiap<sup>2</sup> calon yang di-temuduga dan berdasarkan kepada faktor<sup>2</sup> berikut:

- (i) kelayakan pelajaran, ia-itu markah yang tinggi di-beri kepada calon<sup>2</sup> yang mempunyai kelulusan sekolah yang tinggi.

- (ii) pengalaman dalam bidang pertanian atau tanaman, penyertaan dalam kegiatan<sup>2</sup> kemasyarakatan dan lain<sup>2</sup> kemahiran yang berfaedah.
- (iii) bilangan anak dan tanggungan sa-saorang chalun itu.
- (iv) umur sa-saorang chalun itu.

### PELAN INDOK BAGI KAMPONG<sup>2</sup> BARU

**36. Tuan Lim Cho Hock** minta Menteri Tugas<sup>2</sup> Khas menyatakan sama ada Kerajaan sedang menyediakan suatu pelan indok bagi kampung<sup>2</sup> baru, dan jika ya, bila-kah pelan itu akan siap.

**Menteri Tugas<sup>2</sup> Khas (Dr Lim Keng Yaik):** Satu kajian sedang di-buat untuk menentukan projek<sup>2</sup> dan kemudahan<sup>2</sup> yang di-perlukan dan perlaksanaan-nya akan di-uruskan dengan seberapa segera yang boleh.

(*Dengan izin*) A survey is now being conducted to find out what projects and amenities are really essential and they will be implemented as soon as possible.

### PROJEK<sup>2</sup> PEMBANGUNAN DI-KAMPONG<sup>2</sup> BARU

**37. Tuan Lim Cho Hock** minta Menteri Tugas<sup>2</sup> Khas menyatakan jumlah wang yang akan di-belanjakan oleh Kerajaan terhadap projek<sup>2</sup> pembangunan di-kampung<sup>2</sup> baru.

**Dr Lim Keng Yaik:** Oleh kerana projek<sup>2</sup> yang di-perlukan sedang di-kaji, maka anggaran perbelanjaan-nya belum-lah lagi dapat di-sediakan.

(*Dengan izin*) Since a survey is now being conducted it is not yet possible to give an estimate.

### PEKERJA<sup>2</sup> LADANG GETAH— TANAH<sup>2</sup> DI-BERI

**38. Dr A. Soorian** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan berapa ekar tanah yang telah di-beri kepada pekerja<sup>2</sup> ladang getah dalam masa 14 tahun yang lalu.

**Menteri Perusahaan Utama (Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud):** Kementerian saya tidak dapat menyatakan berapa ekar tanah yang telah di-beri kepada pekerja<sup>2</sup> ladang getah dalam masa 14 tahun kerana Borang Permohonan Tanah Kerajaan (ia-itu

borang yang mengikut Peratoran<sup>2</sup> Tanah) tidak berkehendakkan sa-saorang pemohon itu menyatakan pekerjaan-nya.

Dengan kata lain menakala sa-saorang itu membuat permohonan untuk tanah kerajaan ia tidak menyatakan sama ada ia sa-orang pekerja di-Ladang getah atau tidak.

Dengan yang demikian, Pejabat Tanah tidak ada rekod tentang berapa pekerja ladang yang memohon tanah Kerajaan dan berapa-kah di-antara pekerja<sup>2</sup> ladang itu yang telah di-beri tanah Kerajaan.

### BANGLADESH—MENGHANTAR BANTUAN

**39. Dr A. Soorian** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada Kerajaan akan menghantar bantuan<sup>2</sup> ka-Bangladesh.

**Tun Dr Ismail Al-Haj:** Kerajaan Malaysia telah pun memberi bantuan kepada Bangladesh sebanyak \$500,000. Sa-bahagian daripada bantuan ini ada-lah dalam bentuk "corrugated iron sheets and plastic sheets" yang mana sangat<sup>2</sup> di-perlukan oleh Kerajaan Bangladesh sebagai alat<sup>2</sup> bumbong.

(*Dengan izin*) The Malaysian Government has donated \$500,000 to Bangladesh. Part of this was in the form of corrugated iron sheets as well as plastic sheets urgently needed by the Bangladesh Government as roofing materials.

### PERMIT KERJA—JUMLAH DI-KELUARKAN

**40. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah** minta Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat menyatakan berhubung dengan kawalan tawaran pekerjaan kepada orang<sup>2</sup> yang bukan warganegara untuk memberi keutamaan kepada warganegara Malaysia, nyatakan kemajuan yang telah di-chapai sa-takat ini dalam menyediakan pekerjaan kepada warganegara<sup>2</sup> Malaysia.

**Tan Sri V. Manickavasagam:** Sa-banyak 146,487 Permit Kerja telah di-keluarkan apabila Akta (Sekatan) Pekerjaan 1972 dikuatkuasakan pada 1-7-1969. Sa-hingga 31hb Mach, 1972, terdapat hanya sa-banyak 58,136 sahaja permit yang sah. Daripada jumlah 58,136, sa-banyak 42,415 permit berhak diperbaharui sa-chara otomatik kerana pemegang permit ini terdiri dari orang<sup>2</sup> yang "berhak" seperti isteri<sup>2</sup> warganegara dan mereka yang di-lahirkan di-dalam negeri.

(Dengan izin) 146,487 employment permits were issued when the Employment (Restriction) Act, 1972 came into force on 1-7-1969. As at 31st March, 1972 there were only 58,136 valid permits left. Out of these 58,136 permit holders, 42,415 are entitled to automatic renewal of their permits by virtue of the fact that they are "entitled" persons such as wives of citizens and those born locally, etc.

### KERJA LEBEH MASA

41. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat menyatakan semenjak pindaan<sup>2</sup> di-buat kepada Ordinan Pekerjaan, 1955 untuk meng-hadkan jam lebeh masa bekerja kepada 32 jam sa-bulan untuk buroh<sup>2</sup>:

- berapa peratus buroh<sup>2</sup> yang menikmati elaun<sup>2</sup> lebeh masa bekerja tiap<sup>2</sup> bulan; dan
- mengapa-kah ada kes<sup>2</sup> di-mana sa-tengah<sup>2</sup> buroh itu telah melebihi pem-bahagian 32 jam maksima ini.

Tan Sri V. Manickavasagam: Saya tidak dapat menjawab soalan (a) kerana ada-lah tidak mungkin untuk mengetahui apa-kah kerja lebeh masa yang telah di-berikan dari sa-masa ka-samasa kepada sa-tiap pekerja oleh majikan<sup>2</sup> mereka.

Mengenai soalan (b), perjawatan<sup>2</sup> yang tertentu telah di-berikan perkecualian untuk kategori<sup>2</sup> pekerja yang tertentu untuk di-berikan kerja lebeh masa lebeh dari 32 jam sa-bulan. Sebab yang menasabah ia-lah: kerja<sup>2</sup> tambahan mengikut musim yang di-perlukan apabila pekerja<sup>2</sup> tambahan tidak di-dapati atau tidak bersesuaian keku-rangan pekerja terlatah untuk kerja<sup>2</sup> tertentu; kerja lebeh masa di-perlukan apabila terjadi pemberhentian yang tidak dapat di-jangka-kan apabila pekerja<sup>2</sup> tambahan di-dapati tidak sesuai.

### SUKARELAWAN PERTAHANAN AWAM—AHLI<sup>2</sup>

42. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan menyatakan ada-kah Kerajaan telah mula mengambil 500 Ahli<sup>2</sup> Sukarelawan Pertahanan Awam untuk tahun ini, jika ya, nyatakan angka<sup>2</sup>-nya mengikut negeri.

Dato' Ong Kee Hui: Kerajaan telah meng-ambil 500 Ahli<sup>2</sup> Sukarelawan Pertahanan

Awam untuk tahun ini sebagai tambahan bagi menchukopi jumlah anggota 4,000 ahli<sup>2</sup> di-seluruh Malaysia yang sedang mendapat latehan dalam tahun 1972.

Angka<sup>2</sup> ahli tambahan yang di-ambil tahun ini ia-lah untuk Chawangan<sup>2</sup> Pertahanan Awam:

|                 |     |     |     |      |
|-----------------|-----|-----|-----|------|
| Kangar          | ... | ... | 21  | Ahli |
| Alor Setar      | ... | ... | 35  | "    |
| Ipoh            | ... | ... | 24  | "    |
| Kuala Lumpur    | ... | ... | 190 | "    |
| Melaka          | ... | ... | 24  | "    |
| Kuantan         | ... | ... | 68  | "    |
| Kuala Trengganu | ... | ... | 56  | "    |
| Kota Bharu      | ... | ... | 48  | "    |
| Butterworth     | ... | ... | 6   | "    |
| Miri            | ... | ... | 28  | "    |
| JUMLAH          |     |     | 500 | "    |

(Dengan izin) The Government has re-cruited an additional 500 Civil Defence Vo-lunteers for this year bringing the total force being trained in Malaysia in 1972 to 4,000.

The volunteers recruited are for the various branches of the Civil Defence Force:

|                 |     |     |     |         |
|-----------------|-----|-----|-----|---------|
| Kangar          | ... | ... | 21  | Members |
| Alor Setar      | ... | ... | 35  | "       |
| Ipoh            | ... | ... | 24  | "       |
| Kuala Lumpur    | ... | ... | 190 | "       |
| Melaka          | ... | ... | 24  | "       |
| Kuantan         | ... | ... | 68  | "       |
| Kuala Trengganu | ... | ... | 56  | "       |
| Kota Bharu      | ... | ... | 48  | "       |
| Butterworth     | ... | ... | 6   | "       |
| Miri            | ... | ... | 28  | "       |
| TOTAL           |     |     | 500 | "       |

### PERJANJIAN ASEAN—SHARAT<sup>2</sup>

43. Tuan Fan Yew Teng minta Menteri Luar Negeri menyatakan sharat<sup>2</sup> Kerajaan Malay-sia terhadap Perjanjian ASEAN berkenaan gerakan menchari dan menyelamatkan chara udara (air search and rescue operations), dan beri sebab<sup>2</sup> sharat<sup>2</sup> ini.

Tun Dr Ismail Al-Haj bin Dato' Haji Abdul Rahman: Malaysia menandatangani Perjanjian di-antara Negara<sup>2</sup> ASEAN

mengenai memudahkan Pencharian Kapal<sup>2</sup> Terbang di-dalam Kecheemasan dan Menyelamatkan Mangsa<sup>2</sup> Kemalangan Kapal Terbang, dengan syarat<sup>2</sup> tersebut:

- (a) Perjanjian ini hanya di-tujukan kepada Kapal Terbang awam dalam kecheemasan sahaja, dan tidak akan di-tujukan kepada "state aircraft".
- (b) Kapal Terbang yang di-gunakan dalam hal ehwal ketenteraan dan perkhidmatan<sup>2</sup> awam ada-lah di-anggap sebagai "state aircraft".

Sharat<sup>2</sup> yang di-kenakan oleh Malaysia ia-lah mengikut amalan<sup>2</sup> yang di-shorkan (recommended) dalam lampiran (annexes) Perjanjian International Civil Aviation Organisation dan juga sa-jajar dengan pertimbangan keselamatan negara.

(Dengan izin) Malaysia signed the Agreement for the Facilitation of Search of Aircraft in Distress and the Rescue of Survivors of Aircraft Accidents, with the following reservations:

- (a) The Agreement shall be applicable only to Civil Aircraft in Distress and should not be applicable to State Aircraft;
- (b) Aircraft used in military customs and public services shall be deemed to be State Aircraft.

Malaysia's reservation is in accordance with the practice as recommended in the annexes to the agreement of the International Civil Aviation Organisation and also is consistent with consideration of national security.

## RANG UNDANG<sup>2</sup>

### RANG UNDANG<sup>2</sup> (PEMBAHAGIAN) HARTA PESAKA KECIL (PINDAAN DAN PERLUASAN)

#### Bachaaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Atoran Urusan Meshuarat di-bachakan bagi menyambong sa-mula Perbahathan yang di-tanggohkan atas masalah "Bahawa Rang Undang<sup>2</sup> ini di-bachakan kali yang kedua sekarang." (24hb Mei, 1972).

*Perbahathan di-sambong sa-mula.*

**Tuan Haji Ahmad bin Arshad (Muar Dalam):** Tuan Yang di-Pertua, menyambong uchapan saya sa-malam dalam Rang Undang<sup>2</sup> (Pembahagian) Harta Pesaka

Kecil dan menyokong penoh atas yang di-kemukakan oleh Yang Berhormat Peguam Negara kita ketika membentangkan Rang Undang<sup>2</sup> ini. Maka beberapa pandangan yang saya fikir perlu yang ada kaitan dengan Rang Undang<sup>2</sup> ini, Tuan Yang di-Pertua. Satu daripada-nya dengan di-laksanakan Rang Undang<sup>2</sup> ini akan menyenangkan ra'ayat di-luar bandar kerana penilaian pesaka \$10,000 gantikan dengan \$25,000 sebab kebanyakan harta ra'ayat di-luar bandar ada-lah di-dalam lengkungan tersebut maka tidak-lah payah mereka menyelesaikan perbicharaan kuasa-nya itu kepada Mahkamah Tengah.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya harap Kementerian yang berkenaan supaya menyemak dan menyiasat, kerana lebih banyak harta<sup>2</sup> peninggalan si-mati yang tidak di-ambil kuasa, patut di-adakan satu<sup>2</sup> langkah supaya di-jalankan kerana dengan terbenam-nya harta itu bukan sahaja merugikan ra'ayat termasuk juga merugikan negara.

Yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, supaya menghapuskan orang-tengah sa-bagaimana saya sebutkan sa-malam pada menguruskan satu<sup>2</sup> kuasa yang di-kehendaki orang ramai, kerana dengan ada-nya orang-tengah ini terdapat sa-saorang yang hendak mengambil kuasa kena bayar yang lebih besar dan masaalah ini patut kita salorkan kepada badan<sup>2</sup> Kerajaan seperti Ketua Kampong, Penghulu dan pehak<sup>2</sup> Majlis Tempatan. Sebab-nya, Tuan Yang di-Pertua, saya katakan perkara ini patut champor tangan orang<sup>2</sup> yang berkenaan ini ra'ayat di-luar<sup>2</sup> bandar maseh lagi ada mempunyai perasaan takut bila mendengar perbicharaan termasuklah perbicharaan kuasa itu. Maka dengan sebab itu mereka lebih gemar menggunakan orang-tengah ini.

Yang keempat, Tuan Yang di-Pertua, dalam masaalah penaksiran harta. Saya mengharapkan Pemungut Hasil Tanah di-tiap<sup>2</sup> daerah dalam membuat penilaian kepada harta tanah itu hendak-tah di-sesuai-kan dengan keadaan tempat itu jangn di-kenakan dengan harga yang tinggi sebab kalau kita kenakan dengan harga yang tinggi berchanggah-lah tujuan kehendak Rang Undang<sup>2</sup> ini. Kalau di-taksir sa-ekar tanah \$2,000 kemudian-nya si-mati itu ada mempunyai tanah 12 ekar atau 15 ekar tat kala itu sudah pergi taksir-nya hingga

\$70,000. Maka dengan keadaan ini akan menyulitkan lagi khas-nya ra'ayat di-luar bandar.

Yang kelima, Tuan Yang di-Pertua, yang akhir-nya saya hendak katakan dalam Bill pembahagian harta. Menurut peruntukan khas sa-sabuah negeri seperti Sabah, Negri Sembilan tentu-lah ada peruntukan yang khas pada negeri<sup>2</sup> itu, tetapi sa-tengah negeri yang lain mereka mendapatkan peruntukan ini melalui jalan ugama Islam, melalui Jabatan Ugama tiap<sup>2</sup> Negeri dengan menggunakan hukum faraidh melalui Jabatan Ugama. Satu perkara yang saya hendak bangkitkan dalam masaalah ini, Tuan Yang di-Pertua, mungkin juga Yang Berhormat Peguam Negara kita akan dapat menjawab perkara<sup>2</sup> yang saya timbulkan ini. Dalam pembahagian harta ini ia-itu masaalah anak angkat, bukan anak si-mati yang tulin, yang kedua isteri<sup>2</sup> yang bukan Islam, yang ketiga suami yang bernikah chara berdaftar dengan wanita yang bukan Islam, keempat harta<sup>2</sup> yang di-tinggalkan walau sampai bila tidak mempunyai warith, kelima wanita yang menuntut sama pembahagian dengan orang laki<sup>2</sup>.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masaalah pembahagian harta kepada orang Islam ini pernah orang menudoh bahawa melalui hukum faraidh ini-lah yang menjadikan orang Melayu merosakkan ekonomi-nya dalam perkebunan, dengan sebab hukum faraidh itu dan membelah-bahagi harta<sup>2</sup> si-mati itu. Menurut hemah saya hukum faraidh ini tidak merosakkan ekonomi orang Islam, chuma hukum faraidh ini menentukan hak warith<sup>2</sup> itu. Yang menjadi silap-nya ia-lah orang Islam itu sendiri bilamana telah di-putuskan bichara, dia tidak kira lain, melainkan, Tuan Yang di-Pertua, dia hendak jual sahaja harta<sup>2</sup> yang dapat di-pusakai daripada si-mati. Oleh itu, kalau boleh Kementerian ini menchari satu jalan supaya harta orang<sup>2</sup> Islam ini di-kawal dan hartanya itu kena jadikan sharikat semua warith<sup>2</sup> itu ada mempunyai hak saham dalam harta yang di-tinggalkan itu. Ini, Tuan Yang di-Pertua, saya menganjorkan sa-bagaimana yang Kerajaan buat dalam ranchangan tanah L.K.T.P. Jadi tanah itu di-pusakai oleh sa-orang tetapi warith<sup>2</sup> yang lain berhak juga atas tanah peneroka itu. Jadi dengan keadaan macham ini, saya fikir ekonomi orang Islam pada masa hadapan dalam pembahagian kuasa ini akan dapat di-kawal

dan dengan ini saya fikir akan dapat sambutan daripada ra'ayat luar bandar khas-nya pemikiran mereka pada masa sekarang tidak bagaimana keadaan dahulu mereka suka membaikkan taraf hidup dari masa ka-satu masa, dan dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya memberi sokongan.

#### **Tuan Latip bin Haji Idris (Mukah):**

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk memberi sokongan penoh di-atas Rang Undang<sup>2</sup> (Pembahagian) Harta Pesaka Kechil (Pindaan dan Perluasan), 1972 untuk memperluaskan kuat-kuasa-nya di-Malaysia Timor. Tuan Yang di-Pertua, saya berchakap dengan sa-berapa rengkas-nya. Saya rasa Rang Undang<sup>2</sup> ini ada-lah salah satu bukti Kerajaan Perikatan benar<sup>2</sup> memberi peluang yang lebeh baik lagi kepada ra'ayat yang miskin, terutama-nya kaum bumiputra di-Sarawak termasuk saya sendiri. Dari itu, saya rasa Rang Undang<sup>2</sup> ini ada-lah sudah tentu di-sambut dengan baik dan puas hati oleh semua ra'ayat negeri Sarawak lebeh<sup>2</sup> lagi bumiputra<sup>2</sup> yang di-luar bandar. Dengan ada-nya Rang Undang<sup>2</sup> (Pindaan) ini di-buat, maka saya juga tidak lupa menguchapkan tahniah dan terima kaseh kepada Yang Berhormat Peguam Negara yang membentangkan Rang Undang<sup>2</sup> ini dengan begitu jelas dan tepat bagi kehendak-nya.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut kenyataan Cheraian Fasal 3, maka Menteri Kerajaan Negeri Sarawak juga di-beri kuasa untuk membuat apa<sup>2</sup> ubahsuai yang di-fikirkan perlu berhubung dengan perkara ra'ayat bumiputra Sarawak. Dengan hal yang demikian, saya rasa, ada-lah sesuai sa-kali bagi Kerajaan Pusat memberi segala kuasa kepada Menteri Kerajaan Negeri Sarawak untuk membuat sa-suatu yang perlu dan patut mengikut keadaan negeri masing<sup>2</sup> dalam Malaysia ini.

Berkenaan perkara menaikkan nilai harta pesaka kechil daripada \$10,000 kepada \$25,000 memang sudah kena pada masa-nya sekarang, oleh sebab, nilai harga<sup>2</sup> tanah bumiputra di-Sarawak pun telah meningkat naik pada tiap<sup>2</sup> masa begitu juga benda<sup>2</sup> yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut pandangan saya Rang Undang<sup>2</sup> ini juga dapat memperchepatkan lagi urusan tadbir untuk menguruskan perkara yang berkaitan dengan harta pesaka kechil bagi satu<sup>2</sup> daerah mahu pun bagi satu<sup>2</sup> negara yang berkenaan.

Akhir-nya, sa-kali lagi saya memberi sokongan di-atas Rang Undang<sup>2</sup> ini. Terima kaseh.

**Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil bahagian di-dalam membahathkan satu Akta bagi meminda Ordinan Harta Pesaka Kechil, 1955 ini.

Pertama sa-kali saya menguchapkan terima kaseh kepada Peguam Negara dan Kerajaan kerana meminda angka yang di-katakan sharikat kechil, atau pun harta pesaka kechil daripada \$10,000 kepada \$25,000. Memang sa-benar-nya, Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini sa-keping tanah pun kadang<sup>2</sup> sudah \$25,000.

Perkara yang kedua, yang saya ingin sebutkan di-sini ia-lah tentang sedikit sa-banyak pentadbiran, perjalanan untuk menyelesaikan tarikh<sup>2</sup> atau pun pesaka<sup>2</sup> peninggalan si-mati ini harus-lah di-selenggarakan dengan lebeh baik dan lebeh chepat. Di-masa yang lalu ada juga terdapat kes<sup>2</sup> tarikh kechil ini tidak di-bicharakan dengan begitu chepat, dengan beberapa sebab<sup>2</sup> yang tertentu, mithal-nya banyak kerja untuk pegawai<sup>2</sup> yang berkenaan dan sa-bagai-nya. Saya berharap di-masa yang akan datang harus-lah di-selaraskan kerja menyelesaikan harta pesaka kechil ini dengan lebeh wajar lagi, kerana kalau makin lama di-tinggalkan begitu maka lebeh banyak kerja<sup>2</sup> yang perlu di-selesaikan, baik dari segi perkiraan, penyata dan sa-bagai-nya, walau pun di-atas pesaka kechil di-mana<sup>2</sup>, tetapi perkiraan-nya harus-lah sempurna juga, sesuai dengan peratoran<sup>2</sup> yang tertentu oleh pehak<sup>2</sup> yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, yang ketiga yang hendak saya sebutkan ia-lah tentang per-bicharaan untuk menyelesaikan harta pesaka kechil ini harus-lah bukan hanya di-pejabat sahaja; boleh di-selesaikan juga di-tempat<sup>2</sup> yang tertentu seperti ketika sa-orang Penolong Pegawai Daerah atau pun orang yang berkuasa dalam hal ini pergi melawat di-satu tempat, maka di-selesaikan kes pesaka ini di-tempat yang berkenaan, di-Balai Raya, di-Balai Penghulu, atau pun di-satu tempat yang di-khaskan di-kampung untuk urusan<sup>2</sup> Kerajaan. Ini satu chara menyenangkan orang ramai, menyenangkan ra'ayat, kerana ra'ayat atau pun orang<sup>2</sup> di-luar bandar hendak pergi ka-pejabat yang berpuluh<sup>2</sup> batu, dua puluh batu, tiga puluh

batu ada-lah memakan belanja yang banyak. Jadi, kalau kerja kita jalankan dengan chara sempurna, pegawai yang berkenaan pergi ka-luar bandar dan membicharakan kes ini, maka itu ada-lah mendatangkan kesenangan bagi orang-ramai.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang saya hendak sebutkan lagi ia-lah tentang kes<sup>2</sup> lama, ia-itu kes pesaka yang sampai tiga tahun tidak di-selesaikan, hendak-lah di-longgarkan sedikit tentang penyata kira<sup>2</sup>. Mithal-nya sa-orang itu, sa-orang peninggal meninggalkan pesaka tiga ekar tanah, tiga tahun telah tidak di-bicharakan, maka anak<sup>2</sup>-nya menoreh getah yang berkenaan dan untuk sampai kepada hari perbicharaan dalam masa tiga tahun, atau pun dua tahun itu, hendak di-buat penyata itu orang kampung susah sedikit. Jadi, saya harap pehak yang berkenaan dalam menyelenggarakan hal ini harus-lah merengankan sedikit penyata itu supaya mendatangkan kemudahan kepada orang<sup>2</sup> kampung.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi yang saya ingin sebutkan ia-lah tentang hal harta pesaka yang di-sebutkan Harta Sa-pencharian. Sa-pencharian yang saya sebutkan ini ia-lah bagini: Kalau harta itu nama si-suami, sedangkan yang bekerja-nya suami dan isteri. Kalau dia berniaga, suami dan isteri berniaga sama; atau pun dia makan gaji, isteri jadi guru, suami jadi kerani, erti-nya itu harta sa-pencharian. Jadi, kalau harta itu nama sa-orang sahaja, tidak-lah kena. Hakikat-nya yang sa-benar ia-lah harta itu di-mileki oleh suami dan isteri, sama sahaja antara kedua-nya. Saya harap perkara yang seperti ini harus di-selenggarakan dengan lebeh baik supaya tidak timbul perasaan tidak puas hati di-kalangan kedua<sup>2</sup> pehak.

Saya bersetuju dengan sa-tengah<sup>2</sup> orang yang menuntut supaya mata pencharian sama ini di-selesaikan, tetapi bukan hanya untuk lelaki sahaja, tetapi untuk wanita pun demikian juga. Kadang<sup>2</sup> kalau si-suami itu sayangkan sangat pada isteri-nya di-letakkan nama isteri belaka harta-nya, sedangkan yang menchari harta itu suami. Ini pun harus di-awasi supaya tidak ada perasaan tidak puas hati di-kalangan satu pehak, erti-nya sama ada suami, atau isteri, harus-lah di-selesaikan dengan sa-chara aman dan sempurna. Sekian, terima kaseh.



**Tuan Lim Cho Hock (Batu Gajah):** (*Dengan izin*) Sir, I welcome the amendment to the Ordinance. Sir, the value of money has gone down tremendously since the last few years and this amendment is most welcome. The beneficiaries of certain estates have got to apply to the High Court, if the value of the estate is about \$11,000 or \$12,000, then the beneficiaries would have got to apply to the High Court and to engage a lawyer to appear for them. As we know, Sir, the procedure in the High Court is a bit cumbersome and the cost of applying to the High Court is quite high, so that the beneficiaries would have to spend some money to engage a lawyer to get the estate settled.

However, Sir, although the Small Estates (Distribution) Ordinance is meant to simplify matters, in reality we find that the procedure is very cumbersome, not so much of the rules but we know as a fact, as a reality, that the District Officers and Assistant District Officers who are in charge of distribution of the small estates are invariably engaged in other matters. They are invariably made Chairmen of various other projects so that they do not have much time to deal with matters like distribution of small estates.

Sir, the valuation of the estate invariably takes a long time, two months or sometimes six months or even one year, so that the beneficiaries who are in dire need of money or property have got to wait and suffer the delay caused by the over-worked officers of the Land Office. I hope the Government will ease the burden of the D.Os and A.D.Os who are in charge of the distribution of small estates. Sir, I also urge the Government to give a simple course to the D.Os and A.D.Os. on the law of distribution and on the law as to who should be entitled to the estate. Sir, I have come across one or two cases where those who deserve to have a share are not given a share and those who do not deserve a share are given a share. I have got evidence on that and, in fact, the beneficiary of this particular estate who is entitled to a share has not got a share and he is my friend too.

Sir, I hope Government will give a simple course to the persons in charge of distribution and I hope the procedure will be simplified and work on these small estates will be speeded up. Thank you.

**Tuan Othman bin Abdullah (Perlis Utara):** Tuan Yang di-Pertua, saya ada-lah bersama<sup>2</sup>

mengalu<sup>2</sup>kan Rang Undang<sup>2</sup> ini yang mana sa-panjang yang saya dapati dan selideki dalam semua bahagian ini ada-lah memberi banyak faedah kepada ra'ayat terutama sa-kali ra'ayat di-kawasan<sup>2</sup> luar bandar yang berharap sa-mata<sup>2</sup> kepada keadilan Kerajaan, terutama sa-kali saya suka menarek perhatian, Tuan Yang di-Pertua, mengenai harta pesaka yang lama yang belum pernah di-selideki, yang belum pernah di-ketahui oleh penduduk<sup>2</sup> atau tuan<sup>2</sup> punya tanah itu sendiri. Umpama-nya si-mati yang telah meninggal dunia sa-hingga berpuluh<sup>2</sup> tahun, tetapi tidak pernah di-ambil tindakan langsung oleh pihak Kerajaan sa-hingga tuan yang punya sa-benar<sup>2</sup>-nya telah teraniaya dan tidak mendapat apa<sup>2</sup> hak langsung di-atas pesaka itu. Kadang<sup>2</sup> sa-waktu pembahagian harta pesaka ini di-lindungi warith<sup>2</sup>-nya ia-itu dalam loghat negeri Perlis warith<sup>2</sup> yang terdinding yang tidak dapat hak dan faedah langsung daripada harta pesaka ibu bapa dan datok nenek-nya sendiri, kerana dengan sebab lama-nya harta pesaka itu di-bagikan atau di-pechah<sup>2</sup>kan.

Yang kedua, saya suka menarek perhatian berhubung dengan harta peninggalan si-mati. Di-Perlis ada dua tiga perkara yang telah berlaku umpama-nya sa-peninggalan harta<sup>2</sup> yang bergerak ia-itu macham kereta<sup>2</sup> teksi, terekor<sup>2</sup> dan lain<sup>2</sup> harta yang bergerak dan juga tanah<sup>2</sup> yang di-mileki sa-chara sewa tumpang atau pun T.O.L.

Baharu<sup>2</sup> ini, saya telah menerima pengaduan daripada pihak yang berkenaan ia-itu sa-buah teksi dan beberapa banyak lagi tanah T.O.L. yang peninggalan si-mati pada masa hidup-nya dahulu dia mileki sa-buah teksi dan teksi itu di-beli dengan chara berpakat, dengan chara berkongsi, dengan memberi sandaran harta, ia-itu harta isteri-nya yang baharu, tetapi bila tuan punya teksi itu mati maka baharu-lah timbul warith<sup>2</sup> dan anak<sup>2</sup>-nya sendiri yang mana telah menjadi pergaduhan atau menjadi da'waan sa-sama sendiri berhubung dengan perkara ini di-sebabkan perkara teksi ini di-masokkan dalam harta si-mati itu. Pada hal tanah T.O.L. bukan-lah sa-bagai harta, tetapi sa-bagai satu lesen samasa tuan yang ada itu maseh hidup. Pihak Kerajaan hendak-lah menimbangkan soal ini supaya perkara<sup>2</sup> yang bagitu—tanah<sup>2</sup> T.O.L. atau teksi di-timbangkan kepada pihak<sup>2</sup> yang benar<sup>2</sup> berhak mendapat harta itu sendiri. Kerajaan harus-lah menimbangkan bagaimana pengurbanan pihak<sup>2</sup> yang tertentu



umpama-nya isteri yang baharu yang mengurbankan tanah bendang dan harta<sup>2</sup> untuk membeli barang<sup>2</sup> itu semua sa-kali, janganlah di-fikirkan atau di-pandangkan kapada warith-nya ia-itu anak-nya yang tidak pernah langsung di-dapati langsung berjumpa dengan nya. Bila orang tua ini mati, baharu-lah anak-nya itu datang menerima harta pesaka si-mati itu. Ini patut-lah di-timbangkan kapada anak tiri-kah, isteri yang baharu-kah yang mengurbankan harta pesaka itu patut di-beri timbangan yang sama supaya perkara<sup>2</sup> itu tidak-lah nampak yang kita tidak menjalankan keadilan.

Perkara yang kedua, saya juga telah mendapat tahu dan menerima pengaduan daripada pehak<sup>2</sup> anak-chuchu yang mendapat harta pesaka ini, ia-itu soal Lembaga Amanah Menyimpan atau membahagi harta pesaka itu. Baharu<sup>2</sup> ini, saya dapat tahu Penyimpan Amanah Harta Pesaka ini terlalu lama untuk menyelesaikan soal<sup>2</sup> pembahagian. Sudah-lah lama, tetapi juga telah di-permain<sup>2</sup>kan atau pun melambat<sup>2</sup>kan soal penilaian harta pesaka ini yang menyebabkan anak<sup>2</sup>-nya menjadi susah. Saya berharap supaya harta pesaka ini, kalau di-nilai oleh Lembaga Amanah hendak-lah menilai dengan lebeh chepat dan di-beri peruntukan<sup>2</sup> yang chepat, yang adil supaya dapat mereka itu menjalankan kehidupan mereka dengan harta pesaka sa-peninggalan ibu bapa-nya, dan jangan-lah di-beri sedikit<sup>2</sup>, umpama-nya \$1,000; \$2,000; \$3,000, jadi macham mana anak chuchu-nya itu hendak menjalankan pekerjaan, atau perniagaan hasil peninggalan harta pesaka ibu bapa mereka itu. Ada-lah di-harap pehak Lembaga Amanah menerusi tiap<sup>2</sup> buah Negeri yang lebeh amanah menyimpan harta pesaka ini supaya dapat di-pertimbangkan, dapat di-nilai, atau di-ambil tindakan yang chepat supaya anak chuchu mereka itu tidak menjadi kesusahan, atau menanggung segala hutang piutang yang begitu banyak kerana mengharapkan harta pesaka daripada ibu bapa-nya. Sekian, terima kasih.

**Tuan Sulaiman bin Bulon (Bagan Datoh):** Dato' Yang di-Pertua, saya menyokong penoh Rang Undang<sup>2</sup> ini dan apa yang menjadi masalah besar di-kampong<sup>2</sup> ia-lah bagaimana kerja<sup>2</sup> ini dapat di-jalankan dengan sempurna. Sebab, orang<sup>2</sup> kampong tidak begitu mengambil berat dalam soal ini kadang-kala, kerana perjalanan di-Pejabat Tanah yang tidak begitu mengambil berat

untuk hendak menyelesaikan kes<sup>2</sup> pesaka yang sa-umpama ini. Saya selalu dapati bahawa tiap<sup>2</sup> satu permintaan itu memakan masa yang lama bertahun<sup>2</sup>, kadang<sup>2</sup> sudah 10 tahun pun belum dapat di-selesaikan. Ini akan merosakkan fikiran orang<sup>2</sup> kampong dan merosakkan kedudukan mereka dan merosakkan ekonomi mereka, yang mereka harapkan bahawa dengan selesai-nya kes<sup>2</sup> perbicharaan mereka itu, maka dapat-lah mereka hidup dengan baik di-atas harta yang mereka tuntutan ini. Kalau Pejabat Tanah mithal-nya satu<sup>2</sup> permohonan itu di-selesaikan di-meja kerani memakan masa 6 bulan dan di-panjangkan ka-meja pegawai memakan masa 6 bulan lagi dan kemudian S.O. pula hendak memeriksa tanah ini, hendak menilai tanah ini memakan masa 6 bulan lagi, jadi kaedah<sup>2</sup> yang sa-umpama ini-lah yang tidak memberatkan orang<sup>2</sup> kampong hendak menyelesaikan hal<sup>2</sup> harta pesaka yang di-tuntut oleh mereka itu. Ini juga akan merugikan Kerajaan bukan sahaja orang<sup>2</sup> kampong sendiri, tetapi juga kerosakan nama Kerajaan.

Satu perkara lagi yang saya dapati ia-lah apabila sa-orang itu telah meninggal dan harta ini tidak begitu banyak di-tinggalkan, chuma sa-keping tanah atau dua keping tanah, dua tiga ekar, kemudian pendapatan tidak begitu banyak daripada tanah<sup>2</sup> ini dan pula warith-nya terlalu ramai. Ini satu perkara yang patut di-timbangkan oleh Peguam Negara bagaimana hendak menyelesaikan tanah<sup>2</sup> yang sa-umpama ini yang banyak di-kampong<sup>2</sup>. Warith-nya ramai dan perkara itu tidak di-selesaikan di-atas tanah itu juga, kalau di-kehendaki, sa-lebeh<sup>2</sup>-nya tinggal dua depa atau pun tiga depa kapada sa-orang warith yang tinggal itu. Dengan kerana itu, tanah ini di-tinggalkan, di-biar kan begitu sahaja. Kalau ada-lah satu Undang<sup>2</sup> yang boleh melanggar<sup>2</sup> sharat<sup>2</sup> ini, perkara yang sa-umpama ini dengan segera-nya dapat di-betulkan dan banyak-lah agaknya yang orang<sup>2</sup> di-kampong itu akan dapat menyelesaikan masalah yang sa-umpama ini.

Ini-lah satu perkara yang saya dapati yang banyak berlaku di-kampong<sup>2</sup> dalam keadaan yang demikian.

Satu lagi perkara, Dato' Yang di-Pertua, ia-lah tentang nilai tanah. Umpama-nya nilai tanah begitu tinggi, pendapatan-nya tidak begitu banyak daripada tanah ini dan setem yang di-kenakan itu tidak sa-imbang pula dengan pendapatan yang di-dapati daripada

tanah itu. Jadi bagaimana-kah orang<sup>2</sup> kampung ini hendak membayar harga setem yang di-kenakan kerana hendak memudahkan kerja<sup>2</sup> menyelesaikan perbicharaan-nya. Ini satu perkara yang selalu timbul di-kampung<sup>2</sup>. Sudah di-nilai, sudah di-buat kerja hendak menchari wang, hendak membayar duit setem pun susah. Ini-lah satu perkara yang merumitkan orang<sup>2</sup> kampung dan ini satu daripada-nya patut-lah Kerajaan menimbangkan bagaimana chara-nya boleh merendahkan pembayaran setem yang di-kenakan kerana menyelesaikan kaedah<sup>2</sup> tanah yang sa-umpama ini supaya dapat semua sa-kali orang<sup>2</sup> kampung menerima nekmata daripada kemudahan<sup>2</sup> yang di-berikan kepada mereka. Ini-lah yang patut saya kemukakan kepada Peguam Negara mudah<sup>2</sup>an satu lagi kelonggaran akan di-berikan kepada orang<sup>2</sup> kita di-atas masalah harta pesaka ini. Dan menaikkan nilai daripada \$10 ribu kepada \$20 ribu ini tidak-lah menjadi masalah yang besar kepada orang<sup>2</sup> kampung. Tinggal lagi itu-lah yang saya fikirkan tadi kelonggaran<sup>2</sup> hendak-lah di-fikirkan bagaimana membolehkan orang<sup>2</sup> kampung ini semua sa-kali boleh dapat menyelesaikan masalah mereka sendiri sedangkan kita berkehendakkan mereka itu mengambil bahagian di-dalam bidang ekonomi kita. Jikalau keadaan mereka tidak begitu tenteram, ekonomi mereka tidak begitu baik, keadaan mereka tidak dapat di-perbetulkan, bagaimana-kah masalah kita hendak memandu mereka kepada jalan yang lebeh baik pada masa yang akan datang ini.

Sa-takat ini-lah sahaja yang saya hendak buat tegoran sedikit, mudah<sup>2</sup>an Kementerian yang berkenaan dapat mengambil perhatian di-atas soal ini. Terima kaseh.

**Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof):** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan berbanyak terima kaseh kepada Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat yang telah memberi pandangan<sup>2</sup> dan ucapan dalam Rang Undang<sup>2</sup> atau Bill yang telah di-bentangkan di-Dewan ini.

Mula<sup>2</sup> sa-kali saya menjawab kepada Ahli Yang Berhormat dari Bagan Datoh yang telah berucap akhir sa-kali tadi. Pertama kata-nya, kalau saya tidak salah kerana baharu sangat lagi, ada-lah tidak menjadi masalah naik \$10 ribu itu kepada \$20 ribu. Yang sa-betul-nya kenaikan nilai daripada \$20 ribu kepada \$25 ribu bukan masalah, menyenangkan orang kampung

dan dia faham betul<sup>2</sup> apa yang saya sebutkan semalam kerana apakala di-naikkan daripada \$10 ribu nilai harta itu kepada \$25 ribu, maka boleh-lah orang kampung itu senang pergi Pejabat Tanah mengambil surat kuasa dan beri di-situ. Dahulu-nya kalau tidak di-pinda undang<sup>2</sup> ini ka-atas daripada \$10 ribu membawa kepada \$25 ribu orang<sup>2</sup> di-kampung di-jajahan Bagan Datoh tentu pergi ka-Mahkamah Tinggi Ipoh, baharu boleh ambil surat kuasa. \$10 ribu naik \$25 ribu bukan-lah masalah. Sa-patut-nya menyenangkan, sudah sampai masa yang sa-wajar. Itu yang pertama.

Yang kedua-nya, tegoran berkenaan dengan harta dua tiga ekar warith-nya banyak sangat. Siapa hendak di-salahkan kalau anak-nya sampai satu dozen, 12 orang warith-nya. Ini-lah satu ranchangan keluarga yang hendak di-jalankan daripada sekarang. Harta dua tiga ekar warith pula ramai. Tanah kalau di-beri, kata-nya sa-besar tapak kubor. Jadi siapa yang hendak di-salahkan atas perkara ini. Ada-kah Kerajaan? Kita boleh halusi dari segi macham ini, sa-umpama hendak memperbaiki perkara itu, ada tidak ada ikut-lah ranchangan Kerajaan yang di-katakan ada, hendak-lah di-buat ranchangan keluarga supaya dapat di-atorkan berapa ramai anak mengikut berapa ekar tanah yang ada pada masa itu. Kalau satu ekar satu dua orang pun sudah ramai pada pendapat saya, Tuan Yang di-Pertua.

Lagi satu bila ramai, harta-nya sedikit maka warith<sup>2</sup> yang jauh<sup>2</sup> itu tidak mengambil berat. Kalau-lah mithal-nya warith 20 orang, tanah 2 ekar, ada yang duduk di-Bagan Datoh, yang lain sudah pindah ka-Johor, Singapura, Sabah atau ka-lain<sup>2</sup> tempat tidak dapat di-selesaikan perkara ini melainkan tiap<sup>2</sup> warith itu memberi persetujuan atau datang hadir atau menjawab dengan surat. Kalau tidak dapat tanah itu, sedikit sangat bahagian-nya. Menilaikan dengan duit tidak banyak \$20-\$30 sahaja maka tidak menjadi keberatan-lah warith begitu ramai, harta begitu sedikit. Ini-lah satu kesulitan yang bukan senang hendak di-selesaikan. Tetapi kalau 200-300 ekar, Tuan Yang di-Pertua, lekas masing<sup>2</sup> datang ka-Pejabat Tanah memohon bahagian-nya. Itu satu masalah tidak boleh juga di-salahkan Kerajaan. Saya pun tidak nampak dapat menyelesaikan perkara itu.

Yang ketiga-nya pula, kelewatan dengan Pejabat Tanah, bertahun<sup>2</sup> untuk menyelesaikan satu<sup>2</sup> fail khas-nya berkenaan dengan menilai. Ini boleh di-katakan saya bersetuju, kerana saya sudah lama juga lima enam tahun di-Pejabat Tanah. Ini satu masaalah masing<sup>2</sup> Ketua Jabatan Tanah atau Pegawai Daerah mengambil berat dalam perkara ini. Memandangkan perkara ini tidak akan berlaku dan mengambil tindakan, kalau ada pegawai<sup>2</sup> atau kerani<sup>2</sup> di-bawah-nya membuat kerja sambil lewa, leka sahaja membiarkan, tidak menolong orang<sup>2</sup> kampung yang tua<sup>2</sup>, yang susah datang ka-Pejabat Tanah hendak meminta mengambil kuasa. Sa-patut-nya mesti di-layan orang<sup>2</sup> tua itu, orang<sup>2</sup> miskin itu. Dudok dan tolong isikan borang itu dan di-bantu sa-berapa yang boleh. Tetapi banyak Pejabat<sup>2</sup> Tanah konon katanya, banyak kerja lain, tinggal sahaja bagitu daripada satu<sup>2</sup> hari ka-belakang. Ini-lah satu masaalah sa-bagaimana saya sebutkan dalam masa ucapan saya. Saya akan membincangkan dengan Pesuruhjaya Tanah dan juga Menteri<sup>2</sup> Besar dalam perkara ini bagaimana kita sama ada hendak menambah kecekapan pegawai<sup>2</sup> tanah itu atau menambah pegawai<sup>2</sup> kita di-Pejabat Tanah atau Pemungut Hasil Tanah, kalau ada, mendapat persetujuan dari Kementerian Kewangan. Kalau kita hendak tambah pegawai itu senang. Wang-nya pula satu perkara yang besar. Ada-kah menasabah kita tambah dua orang lagi pegawai untuk menjaga hendak memberi pesaka sahaja. Ini satu perkara yang besar yang hendak di-bawa.

Fasal lambat bertahun<sup>2</sup>, ini nampak-nya sama kebanyakan Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat telah membawa perkara ini. Sa-belum kita merdeka dahulu memang-lah perkara ini banyak lambat kerana kita kata orang<sup>2</sup> kampung itu tidak tahu perkara ini, takut hendak mengambil surat kuasa kerana kena bichara, kata-nya. Sekarang kita sudah merdeka, kita sudah ada kelas dewasa, sudah memberi pelajaran kepada manusia. Sebarang penerangan pun sudah banyak, tetapi pelek juga banyak lagi orang<sup>2</sup> kampung yang tidak tahu kalau sudah mati suami-nya atau isteri-nya, kalau ada harta lambat atau tidak tahu pergi ka-Pejabat Tanah untuk mengambil kuasa dan untuk membahagi harta si-mati. Ini saya fikir kerjasama daripada semua pihak bukan sahaja bagi pihak Kerajaan, tetapi juga di-pihak

orang awam dan pihak wakil ra'ayat, Penghulu<sup>2</sup> serta Imam hendak-lah memberi penerangan masing<sup>2</sup> ka-kampung<sup>2</sup> menyatakan khas-nya kalau boleh pada hari mati itu hari dia menanam orang yang mati itu. Selalu-nya datang Imam<sup>2</sup>, Ketua<sup>2</sup> Kampung memberi ucapan apakala sa-saorang itu mati untuk menuntut harta dan lain<sup>2</sup> patut di-tambah lagi hendak-lah warith supaya menyenangkan sa-kurang<sup>2</sup>-nya roh si-mati itu jangan chuchu-nya berkelahi menyatakan warith itu hendak-lah lebeh baik segera mengambil kuasa supaya harta<sup>2</sup> itu senang di-bahagi kepada warith<sup>2</sup>. Itu sahaja satu chara yang baik di-jalankan, atau di-buat ucapan di-masjid<sup>2</sup>. Mithal-nya masa khutbah dan lain<sup>2</sup>. Dan bagi Kementerian hendak pergi menjajah di-wilayah Malaysia memberitahu hal ini bukan senang perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, dapat di-jalankan.

Yang kedua-nya, kalau ada kelengah<sup>2</sup>an bagaimana yang di-tegorkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, kita sekarang telah merdeka, ada wakil ra'ayat dan ra'ayat<sup>2</sup> kita di-kampung yang di-beri pelajaran dan lain<sup>2</sup>, hendak-lah mereka itu mengadu kepada wakil ra'ayat, kerana kita ada wakil ra'ayat, ta' ada guna kita ada wakil ra'ayat, kalau dia ta' dapat menerima atau menjalankan aduan<sup>2</sup> daripada ra'ayat<sup>2</sup> yang ada di-dalam kawasan-nya atas kelengahan, tanggohan<sup>2</sup>; tidak ada kecekapan Pegawai<sup>2</sup> Daerah atau Penolong Pegawai Daerah dalam hal ini. Tentu dia tahu. Kalau ada kes yang samacham itu, boleh-lah di-adukan kepada Biro Pengaduan. Jabatan Perdana Menteri telah mengadakan Biro itu. Itu-lah satu daripada-nya supaya dapat di-atorkan, sa-lain daripada di-bawa ka-dalam Dewan Meshuarat ini. Itu-lah satu chara yang sa-baik<sup>2</sup>-nya dan sa-kira-nya pengaduan itu tidak juga dapat di-jalankan, maka boleh-lah Kerajaan sendiri mengambil tindakan disiplin atas pegawai<sup>2</sup> yang tidak menjalankan tanggung-jawab-nya kepada orang<sup>2</sup> miskin di-kampung<sup>2</sup>.

Ahli Yang Berhormat dari Perlis Utara, saya ta' berapa dengar ucapan-nya, Tuan Yang di-Pertua. Saya ta' berapa faham, samar<sup>2</sup> sangat. Saya dengar tadi, teks kata-nya, dan saya hendak menerangkan di-sini berkenaan dengan harta bergerak (movable property) ia-itu harta pesaka kepada si-mati, segala harta bagi-nya walau pun sedikit jua pun hendak-lah di-nyatakan kepada Penolong Pemungut Hasil Tanah yang hendak

mengeluarkan surat kuasa atau hendak membahagikan harta, walau sedikit pun atau pun hutang<sup>2</sup>-nya sa-kali, ia-itu termasuklah mithal-nya teksi yang mana walau pun sedikit, ada berkongsi ramai, sa-kali pun ada hutang, hendaklah di-masokkan juga kerana boleh jadi tolak hutang, tolak kongsi ada lagi hak si-mati di-dalam-nya.

Mengenai perkara tanah T.O.L. kata-nya bukan harta. Tidak-kah tanah T.O.L., Tanah Lesen Tumpangan Sementara itu kalau ada pokok buah<sup>2</sup>an di-dalam-nya, harta si-mati itu. Betul tanah itu tanah Kerajaan, tetapi amanah<sup>2</sup> yang ada di-atas tanah itu, pokok<sup>2</sup> buah<sup>2</sup>an dan sa-bagai-nya ada-lah sa-bahagian daripada harta si-mati, dan orang luar ta' boleh masuk mengambil sahaja tanah T.O.L. itu, melainkan warith<sup>2</sup> si-mati ini yang banyak atas tanah itu. Sebab itu-lah tanah T.O.L. itu di-masokkan, sememang wajar di-masokkan sa-bagai harta si-mati yang tinggal. Saya ta' nampak yang di-sungutkan-nya. Perkara itu kata-nya lechek atau ta' masuk, saya pun ta' faham apa yang di-kehendaki-nya.

Berkenaan dengan lambat pembayaran Lembaga Amanah kata-nya, saya fikir Public Trustee atau Lembaga Amanah Raya pada masa ini, kita tahu ada-lah menolong kepada semua orang kampung yang hendak mengambil kuasa, apakala sa-saorang itu meninggal dunia. Saya menyatakan di-Dewan ini sa-bberapa yang boleh hendaklah orang<sup>2</sup> kampung, kalau hendak mengelakkan mengambil loyar atau susah dalam perkara hendak mengambil kuasa atau membahagi harta, bolehlah berjumpa kepada Pejabat Public Trustee yang sedia dan sa-memang tanggungjawab-nya dan kerja-nya untuk menolong orang<sup>2</sup> kampung, dan orang<sup>2</sup> miskin. Pejabat Amanah Raya menolong mengambil kuasa dan pembahagian harta. Perkara ini memang selalu kita dengar seperti yang di-siarkan dalam akhbar<sup>2</sup>, Public Trustee itu sedia membantu dalam perkara ini. Dan Lembaga Amanah tadi, rasa saya yang di-sungutkan. Tuan Yang di-Pertua, ia-lah apakala harta itu hendak di-bahagi maka di-dapati ada anak<sup>2</sup> yang kecil mithal-nya belum berumur 18 tahun ka-atas. Kalau-lah si-mati ada meninggalkan warith<sup>2</sup> di-bawah 18 tahun, maka di-sini-lah Lembaga Amanah yang mustahak sa-kali memegang harta kanak<sup>2</sup> itu. Kerana kalau selalu di-berikan kepada warith-nya, kepada bapa saudara-nya, atau

orang lain yang menjaga-nya, kita dapati banyak dalam pengalaman kita di-sapu-nya harta anak yatim. Banyak yang telah berlaku, lepas itu hendak di-da'awa balek, sudah ta' ada lagi harta itu pada bapa saudara-nya, bapa saudara-nya sudah menghabiskan. Apa akan jadi kepada anak kecil itu? Sebab itu-lah kalau ada anak<sup>2</sup> kecil kepada si-mati itu harta yang di-pegang oleh Lembaga Amanah ini di-bayar oleh Mahkamah atau pun Public Trustee mengikut kadar sa-bulan ka-sabulan, mengikut apa yang patut untuk pelajaran dan nafkah anak itu supaya harta itu di-jaga sa-baik<sup>2</sup>-nya. Apakala berumur 18 tahun, baharu-lah di-pulangkan harta itu kepada anak yang kecil itu. Itu-lah tugas Lembaga Amanah. Sungguh pun nampak-nya lambat, susah hendak mendapat duit, tujuan-nya ia-lah sa-mata<sup>2</sup> menjaga harta anak yatim itu supaya tidak di-putar-belitkan oleh warith<sup>2</sup>-nya yang tua itu, atau saudara-nya, kalau di-berikan kepada-nya.

Ahli Yang Berhormat dari Batu Gajah, rasa saya, telah di-terangkan tadi.

(Dengan izin) Tuan Yang di-Pertua, we realise that problem, and I have said in my earlier speech that we are taking steps to discuss this matter with District Officers and Assistant District Officers as well as Commissioners of Land to avoid delays in any matter.

As regards unjust distribution, as I said just now, if that is so, if it is not in accordance with the law, the only way is either to report to the District Officer or to make an appeal to the Court. There is no other way. But if you keep quiet about it, nothing can be done about it.

Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara, menyebutkan perkara anak angkat, harta sa-pencharian, tiada warith dan lain<sup>2</sup> berkenaan dengan faraidh. Sa-betul-nya, Tuan Yang di-Pertua, mengambil kuasa itu ia-lah kuasa Kerajaan Persekutuan. Pembahagian harta lain daripada orang Islam ia-lah kuasa Kerajaan Persekutuan, tetapi bagi orang<sup>2</sup> Islam yang ada di-dalam negeri kita ini harta-nya di-bahagi ia-lah mengikut undang<sup>2</sup> Islam yang di-tetapkan sa-belum di-bahagi-nya oleh Tuan Kadhi sa-suatu daerah mengikut hukum faraidh yang ada. Apakala perkara itu di-rujukkan kepada Pejabat Kadhi untuk memberi fatwa, berapa bahagian sa-saorang itu boleh dapat mengikut hukum faraidh, untuk penerangan

kapada Pemungut Hasil Tanah sa-belum di-bahagi, maka tiap<sup>2</sup> warith akan di-panggil berjumpa dengan Tuan Kadhi. Di-situ-lah terpulang kapada Pejabat Kadhi, yang berkuasa ada-lah Kerajaan Negeri, bukan Kerajaan Persekutuan menetapkan sama ada orang itu anak angkat yang patut mendapat harta atau tidak. Kira-nya kalau ada anak angkat, mithal-nya Rahmah binti Abdullah pada hal bapa-nya bernama Ibrahim, dapat juga harta pesaka, bukan salah siapa, ia-lah salah Tuan Kadhi yang tidak menyelideki dalam perkara ini. Sa-kira-nya perkara ini berlaku boleh di-ambil tindakan mahkamah kerana membuat satu penerangan yang bohong di-hadapan Kadhi sama juga berbuat penerangan bohong di-hadapan Majisteret atau mahkamah. Itu-lah satu chara hendak menyelesaikan-nya, ta' guna perkara ini di-bawa di-dalam Dewan ini, kerana itu perkara Kerajaan Negeri. Harta sa-pencharian ini banyak juga timbul perkara ini. Ini pun mengikut hukum Islam, adat bagi orang<sup>2</sup> Islam, bukan-lah perkara ini ada kena-mengena dengan Kerajaan Persekutuan. Kalau sa-kira-nya pula timbul masa'alah, kata-nya, harta sa-pencharian ini kadang<sup>2</sup> nama sa-orang sahaja, sama ada suami-nya atau isteri-nya. Mati sa-orang daripada-nya, timbul perbalahan mengatakan harta itu bukan harta sa-pencharian. Sa-betul-nya kalau betul orang itu suami isteri, membuka satu kebun, menebang hutan suami isteri, walau pun akan datang nama tanah itu ia-lah bagi suami-nya sahaja, apakala mati suami-nya, maka berhak isteri itu apakala dalam bichara mengenai harta pesaka ini menyatakan yang dia ini bersama<sup>2</sup> suami-nya mengeluarkan titek-peloh dan berkorban tenaga untuk membersehhkan tanah itu dan menanam di-atas tanah itu. Sa-kira-nya di-terima oleh Pemungut Hasil Tanah atau mahkamah yang membicharkan dalam kes itu, maka hak dia dalam harta sa-pencharian ini tentu akan dapat di-jamin, ta' payah nama sa-kali pun, lagi selamat kalau ada nama. Tetapi kalau sa-suatu harta yang nama-nya di-buboh dua nama, suami-nya pun ada, isteri-nya pun ada, ta' payah lagi di-sebut harta sa-pencharian kerana kalau mati salah satu daripada-nya, salah sa-orang tentu dapat sa-paroh daripada bahagian-nya. Ini ta' payah lagi di-katakan harta sa-pencharian, tetapi hendak masokkan dua nama, atau satu nama itu bukan-lah Kerajaan boleh bertanggung-jawab dalam perkara ini. Kerana bila sa-orang suami, atau sa-orang

isteri sudah chukup kaseh, salah sa-orang daripada-nya—ta' ada kuasa dalam dunia boleh menahan salah sa-orang hendak memberi apa yang ada pada-nya kapada sa-orang yang di-kasehi-nya.

Mengenai nilai tanah, perkara ini pun di-timbulkan juga yang mana kata-nya lambat atau tinggi. Sa-benar-nya, Dato' Yang di-Pertua, nilai tanah ini ada dua chara, Yang pertama, di-nilaikan untuk stamp duty atau chukai stem. Itu di-nilaikan apakala sa-saorang itu mati. Itu-lah di-nilaikan-nya masa dia itu meninggal dunia baharu-lah nilai harta itu mengikut pada masa itu. Tetapi pada masa hendak mengambil kuasa itu ada satu nilai lain untuk menentukan berapa-kah harta-nya. Nilai ini terpulang-lah kapada Pemungut Hasil Tanah yang menilaikan-nya mengikut harga yang patut di-pasaran pada masa itu kerana Pemungut Hasil Tanah atau pun Penolong-nya tidak ada faedah sama ada meninggikan atau menurunkan valuation pada masa hendak memberi harta itu kerana mengikut stem duti ia-lah sa-masa hari mati-nya pada masa itu. Kalau-lah harga tanah itu \$2,500 harga pasaran, maka sa-patut-nya-lah harga itu di-tetapkan kerana kalau di-letakkan harga yang rendah akan timbul perkelahian warith<sup>2</sup> yang ada itu, kerana dengan sebab nilai tidak mengikut harga pasaran, mithal-nya harga tanah itu \$2,500 di-nilaikan \$1,500 salah sa-orang daripada adek beradek-nya berkata: Biar-lah dia mengambil kebun ini dan bayar yang lain<sup>2</sup> itu harga tanah itu sahaja. Tatkala itu timbul satu pergaduhan sa-kira-nya valuation atau harga tanah yang sa-betul-nya tidak di-tetapkan oleh penilai tanah atau pun Penolong Pegawai Daerah. Perkara itu bunyi-nya senang, Dato' Yang di-Pertua, tetapi masaalah<sup>2</sup>-nya mengikut pengalaman saya sa-bagai Penolong Pegawai Daerah dan juga Pemungut Hasil Tanah sedar akan kesusahan itu. Walau bagaimana pun, saya chuba juga bagi pihak Kerajaan, Dato' Yang di-Pertua, menolong menyelesaikan perkara<sup>2</sup> yang di-bangkit dan di-timbulkan oleh Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat. Demikian-lah jawapan saya.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang<sup>2</sup> di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kapada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang<sup>2</sup> di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatan-kuasa*)

*Fasal 1 hingga 9—*

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** Tuan Pengerusi, saya mohon meniadakan pindaan sa-bagaimana yang telah di-edarkan kepada Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat. Pindaan-nya seperti berikut—

Tambah syarat berikut kepada seksyen ke-13 baharu 3 (2) yang di-adakan oleh Fasal 4:

“Provided that, until the Minister otherwise orders, this subsection shall have effect in the States of West Malaysia with the substitution of the words “ten thousand dollars” for the words “twenty-five thousand dollars”.

Pindaan di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

*Fasal 1 hingga 9* seperti yang di-pinda, di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang<sup>2</sup>.

*Jadual* di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang<sup>2</sup>.

Rang Undang<sup>2</sup> di-laporkan dengan pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

## RANG UNDANG<sup>2</sup> PENDAFTARAN JURUTERA (PINDAAN)

**Bachan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**Menteri Kerja Raya dan Tenaga (Dato' Haji Abdul Ghani Gilong):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengemukakan Rang Undang<sup>2</sup> yang bernama Akta Pendaftaran Jurutera (Pindaan) 1972 di-bacha bagi kali yang kedua.

Saperti yang boleh di-dapati dalam huraian pada Rang Undang<sup>2</sup> ini Fasal 3 Rang Undang<sup>2</sup> ini meniadakan untuk menubuhkan sa-mula Lembaga Jurutera yang di-tubuhkan di-bawah seksyen 3 pada Akta dan untuk mengadakan peruntukan bagi melantekkan sa-orang ahli sa-bagai ganti sa-orang lain yang telah mati, meletakkan jawatan atau yang mana perlantekannya telah di-batalkan.

Fasal 8 Rang Undang<sup>2</sup> ini bertujuan untuk meminda seksyen 10 yang berhubung dengan kelayakan untuk di-daftarkan di-bawah Akta. Sa-saorang Jurutera yang mempunyai kelayakan yang sesuai ada-lah di-kehendaki supaya mendaftar sa-bagai sa-orang Jurutera Berijazah dan mendapatkan pengalaman praktikal yang di-tetapkan dan keanggotaan Bersekutu Kesatuan Jurutera (Malaysia) atau sa-suatu kelayakan yang sa-taraf dengan-nya sa-belum ia berhak mendaftar sa-bagai sa-orang Jurutera Profeshenal. Sa-orang Jurutera Profeshenal di-bawah Fasal 6 ada-lah berhak untuk menjalankan amalan dan perniagaan atau bekerja sa-bagai sa-orang Jurutera dan Fasal 7 membenarkan sa-orang Jurutera Profeshenal mengemukakan pelan terta'alok kepada had<sup>2</sup> yang di-tetapkan dalam peratoran yang di-buat di-bawah Akta ini atau menggunakan kependekan “P. Eng.” sa-lepas nama-nya. Dengan ini sa-orang jurutera Berijazah hanya boleh bekerja sa-bagai sa-orang Jurutera jika kebenaran bertulis dari Lembaga telah di-dapati.

Walau bagaimana pun pindaan telah di-buat di-bawah Fasal 8 bagi meminda seksyen 10 supaya mengecualikan orang<sup>2</sup> yang berikut mendapatkan pengalaman praktikal yang di-tetapkan bagi maksud pendaftaran sa-bagai sa-orang Jurutera Profeshenal:

- (a) Sa-siapa jua pada tarikh yang di-tetapkan (ia-itu tarikh Akta mula di-kuatkuasakan) ada-lah sa-orang ahli Bersekutu Kesatuan Jurutera (Malaysia) dan yang memohon untuk di-daftarkan dalam masa 12 bulan dari tarikh itu;
- (b) Sa-siapa jua yang menjalankan amalan atau perniagaan atau bekerja sa-bagai Jurutera *bona fide* sa-belum sahaja tarikh yang di-tetapkan dan yang memohon untuk di-daftarkan dalam masa 12 bulan daripada tarikh itu.

Mengikut seksyen 11 Akta yang sekarang ini sa-orang Jurutera ada-lah di-halang menjalankan amalan-nya di-bawah nama sa-suatu syarikat berhad atau di-bawah perlindungan tanggungan berhad. Fasal 9 Rang Undang<sup>2</sup> ini meniadakan supaya seksyen 11 itu di-mansuhkan.

Fasal 11 bertujuan untuk meminda seksyen 15 (1) yang mengadakan peruntukan berkenaan dengan berbagai<sup>2</sup> hal di-bawah nama



pendaftaran sa-saorang Jurutera boleh dibatalkan. Perenggan<sup>2</sup> (c) dan (f) yang di-chadangkan mengadakan peruntukan berkenaan dengan hal<sup>2</sup> yang sa-lanjut-nya.

Pada akhir-nya Rang Undang<sup>2</sup> ini pun bertujuan untuk meminda seksyen 17 bagi mengadakan peruntukan berkenaan dengan pendaftaran sa-mula sa-orang Jurutera yang nama-nya telah di-keluarkan daripada pendaftaran atas perintah Lembaga sa-lepas habis tempoh tidak kurang daripada 6 bulan sa-lepas perintah tersebut atau sa-lepas keputusan sa-suatu rayuah.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon men-chadangkan.

**Menteri Kebajikan 'Am (Tan Sri Fatimah binti Haji Hashim):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Mohd. Tahir bin Abdul Manan (Kapar):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong dengan sa-penoh-nya Rang Undang<sup>2</sup> Pendaftaran Jurutera 1967 yang ada di-hadapan kita ini. Saya chuma hendak berchakap dengan pendek sahaja. Saya terlebih dahulu suka menguchapkan terima kaseh kapada Yang Berhormat Menteri Kerja Raya dan Tenaga yang telah dapat membentangkan Rang Undang<sup>2</sup> ini dan juga menguchapkan tahniah kapada Jurutera<sup>2</sup> dan pegawai<sup>2</sup> yang berkenaan kerana dapat membuat suatu pindaan yang pada pendapat saya memberi kebaikan kapada semua lapisan jurutera<sup>2</sup>. Saya faham ia-itu mengadakan suatu Akta yang sa-macham ini bukan-nya senang, tetapi dengan kerjasama dan sa-fahaman yang di-beri oleh pehak akitek dan jurukor<sup>2</sup> bahan mereka dapat memenohkan 3 Rang Undang<sup>2</sup> sa-rentak dan sesuai mengikut pendirian 3 professional yang sedikit berlainan.

Rang Undang<sup>2</sup> ini dapat-lah memperlasakan aktiviti<sup>2</sup> dan perkara<sup>2</sup> yang dahulu-nya tidak dapat di-fahami dan memperlindungan dan membuktikan taraf dan mutu profession ini. Pada masa ini banyak ra'ayat tidak faham apa dia jurutera<sup>2</sup> dan perkhidmatan yang di-beri-nya dan kedudukan jurutera<sup>2</sup> dan apa-kah peranan<sup>2</sup> yang dimainkan oleh mereka dalam bidang pembangunan<sup>2</sup> dan pentadbiran hari<sup>2</sup>.

Rang Undang<sup>2</sup> ini juga memberi perlindungan kapada public interest.

Dengan ada-nya Rang Undang<sup>2</sup> ini Jabatan<sup>2</sup> yang berkehendakkan jurutera<sup>2</sup> boleh-lah dapat memenohkan jawatan<sup>2</sup> dengan sa-chepat mungkin dan tidak payah lagi menunggu berbulan<sup>2</sup> atau pun bertahun<sup>2</sup> untuk mendapatkan kelulusan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam atau pun Surohanjaya Perkhidmatan Awam seperti yang telah di-alami pada masa ini. Ini-lah satu daripada beberapa sebab kenapa banyak jurutera<sup>2</sup> yang baharu lulus daripada universiti<sup>2</sup> lari menchari kerja di-luar negara dan di-firma<sup>2</sup>.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pehak practising engineers Rang Undang<sup>2</sup> ini ada-lah di-alu<sup>2</sup>-kan terutama sa-kali berkenaan dengan pemotongan berkenaan dengan maksima yang terkandung dalam seksyen 4 perenggan (d).

Dan saya suka juga mengambil peluang dan menyentuh berkenaan dengan jurutera<sup>2</sup> yang ada di-Jabatan<sup>2</sup> Kerajaan. Jurutera<sup>2</sup> ini tidak mendapat layanan yang baik daripada Kerajaan terutama sa-kali dalam soal gaji permulaan dan peluang naik pangkat. Jawatan tingkatan tertinggi ada-lah kurang, jika dibandingkan dengan jawatan<sup>2</sup> yang bukan professional. Ini patut-lah di-timbangkan untuk di-lebuhkan peluang mereka yang pada masa ini ada-lah lambat dan terhad. Kedudukan jurutera<sup>2</sup> ini ada-lah sa-rupa dengan doktor<sup>2</sup> yang baharu<sup>2</sup> ini Ahli Yang Berhormat dari Batu telah memberi pandangan berkenaan dengan-nya dalam Dewan ini. Saya rasa, saya patut memberi chontoh ia-itu saya sendiri telah merasa dan menderita hendak mendapatkan kenaikan pangkat. Rakan saya yang bukan professional telah pun meningkat ka-Superscale A dan B tetapi saya telah dan sudah memegang jawatan Superscale F sa-lama lebeh kurang 7 tahun.

Yang akhir-nya, saya berharap kapada Menteri yang berkenaan supaya Rang Undang<sup>2</sup> ini dapat di-laksanakan dengan elok-nya untuk kepentingan jurutera<sup>2</sup> maka ahli<sup>2</sup> Lembaga yang di-pilih oleh Menteri mesti-lah terdiri dari jurutera<sup>2</sup> yang sa-benar-nya berdedikasi dan berminat demi kepentingan professional masing<sup>2</sup>. Sekian, terima kaseh.

**Dato' Haji Abdul Ghani Gilong:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan berbanyak<sup>2</sup> terima kaseh atas sokongan Ahli Yang Berhormat dari Kapar tadi dan bagitu juga saya ucapkan berbanyak terima kaseh atas pandangan<sup>2</sup>-nya.

Berkenaan dengan peluang<sup>2</sup> kenaikan pangkat yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tadi, di-sini ingin-lah saya memberi tahu yang pada waktu ini Kementerian sedang mengambil tindakan atau pun menchari jalan bagaimana meng-upgradekan beberapa post yang ada dalam Jabatan Kerja Raya.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang<sup>2</sup> di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kapada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang<sup>2</sup> di-timbangan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatan-kuasa*)

Fasal 1 hingga 14 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang<sup>2</sup>.

Rang Undang<sup>2</sup> di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

## **RANG UNDANG<sup>2</sup> PENDAFTARAN JURUKOR (PINDAAN)**

### **Bachaa Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**Dato' Haji Abdul Ghani Gilong:** Tuan Yang di-Pertua, saya menchadangkan bahawa satu Rang Undang<sup>2</sup> untuk meminda Akta Pendaftaran Jurukor, 1967 di-bacha bagi kali yang kedua.

Tujuan utama Rang Undang<sup>2</sup> ini ia-lah untuk meminda seksyen 10 yang berhubung dengan kelayakan untuk di-daftarkan di-bawah Akta. Mengikut Fasal 9 yang telah di-chadangkan itu sa-siapa jua yang mempunyai kelayakan yang di-perlukan ada-lah di-kehendaki supaya mendaftarkan buat sementara dan untuk mendapatkan pengalaman praktikel yang di-tetapkan dan keanggotaan Institusi Jurukor (Malaysia) atau sa-suatu kelayakan yang setaraf dengan-nya sa-belum ia berhak mendaftar dengan sa-penoh-nya sa-bagai sa-orang Jurukor (yang akan dinamakan bagi maksud Akta ini sa-bagai "Jurukor Berdaftar"). Sa-saorang Jurukor Berdaftar di-bawah Fasal 6 ada-lah berhak untuk menjalankan amalan atau perniagaan atau bekerja sa-bagai Jurukor, tetapi sa-saorang Jurukor yang di-daftarkan buat sementara boleh bekerja sa-bagai Jurukor hanya dengan kebenaran bertulis dari Lembaga.

Walau bagaimana pun mengikut pindaan bagi seksyen 10 seperti yang telah di-chadangkan di-bawah Fasal 9 orang<sup>2</sup> yang berikut ada-lah di-kechualikan mendapat pengalaman praktikel yang di-tetapkan bagi maksud pendaftaran sa-bagai sa-orang Jurukor—

- (a) Sa-siapa juga yang pada tarikh yang di-tetapkan (ia-itu tarikh Akta itu mula di-kuatkuasakan ada-lah sa-orang anggota Institusi Jurukor (Malaysia) dalam Bahagian Ukor Bahan atau Bahagian Ukor Amalan Biasa yang memohon untuk di-daftarkan dalam masa 12 bulan dari tarikh itu;
- (b) Sa-siapa jua pada tarikh yang di-tetapkan mempunyai sa-suatu kelayakan yang pada pendapat Lembaga di-fikirkan sa-bagai sa-taraf dengan kelayakan anggota Institusi Jurukor Malaysia dan yang memohon untuk di-daftarkan dalam masa 12 bulan dari tarikh itu;
- (c) Sa-siapa juga yang sa-belum sahaja tarikh yang di-tetapkan menjalankan amalan atau perniagaan atau telah di-ambil bekerja sa-bagai sa-orang Jurukor *bona fide* dan yang memohon untuk di-daftarkan dalam masa 12 bulan dari tarikh itu.

Rang Undang<sup>2</sup> ini telah pun menchadangkan di-antara lain untuk menubuhkan samula Lembaga Jurukor yang di-tubuhkan di-bawah seksyen 3 dalam Akta itu dan untuk mengadakan peruntukan bagi perlantekan sa-orang ahli sa-bagai ganti sa-saorang lain yang telah mati, meletakkan jawatan atau yang mana perlantekan-nya telah di-batalkan (Fasal 3).

Seksen 11 Akta yang sekarang menhlangkan sa-orang Jurukor yang berdaftar menjalankan amalan di-bawah nama sa-suatu sharikat berhad atau di-bawah perlindungan tanggong berhad. Fasal 10 Rang Undang<sup>2</sup> ini bertujuan untuk menghapuskan seksyen 11 itu.

Perenggan (f) baharu kapada seksyen 15 (1) yang telah di-chadangkan di-bawah Fasal 12 mengadakan peruntukan berkenaan dengan satu daripada berbagai<sup>2</sup> hal di-bawah nama pendaftaran sa-saorang Jurukor boleh di-batalkan itu.

Pada akhir sekali Rang Undang<sup>2</sup> ini bertujuan di-bawah Fasal 14 untuk meminda seksyen 17 bagi mengadakan peruntukan



berkenaan dengan pendaftaran sa-mula sa-saorang Jurukor yang nama-nya telah dikeluarkan daripada pendaftaran atas perintah Lembaga sa-lepas habis tempoh tidak kurang daripada 6 bulan sa-lepas perintah itu atau sa-lepas keputusan sa-suatu rayuan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon men-chadangkan.

**Tan Sri Fatimah binti Haji Hashim:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Goh Hock Guan (Bungsar):** (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, I welcome the introduction of this Bill and would like to endorse fully the requirement to register all persons who want to practise as surveyors or valuers in this country. This is important, Sir, because the surveying profession has grown in scope and complexity and it is essential that only people who have gone through the necessary study and the necessary discipline should be entitled to register to practise in order that the public interest may be protected.

I say this, Sir, because unless this is done, there are frequently many other people who would like to practise, in addition to their profession, even the surveying profession. I know for a fact—speaking as an architect—that there are architects who also like to practise as surveyors and valuers and the problem arises when valuations are made inadequately or survey work is conducted inadequately, and the public interest then is not protected. So, therefore, I fully endorse the necessity for each profession to keep fairly strictly to do the work for which it is best trained; in other words, surveyors to do basically surveying work, architects to do architectural work, engineers to do engineering work, and not one trying to do the work of the other, because of the complexity and the specialisation which the surveying work has already acquired over a period of time.

The second point which I would like to bring up, Sir, is this, I notice that the Bill seeks to delete Section 11, which prohibited registered surveyors previously to practise under the name of a limited company or under the protection of limited liability. Now, Sir, this is an interesting and important question because hitherto, up till now, the accepted practice for all professional people—including surveyors,

doctors, engineers and architects—is that they are all required to practise under conditions of unlimited liability so that dissatisfied clients can sue them up to the maximum limit. But I see here, Sir, that the surveying profession has now put forward this new clause which would then enable surveying firms to practise under limited liability. Sir, I for one would welcome such a development. I believe that professional firms, like all other businesses in this country and in this age, have grown in complexity and the responsibility that goes with it, that it is no longer possible for any professional firm to practise under conditions of unlimited liability. I think those days are over when the task was simpler and one could take full responsibility for it. But today, it is an extremely difficult business to be able to take full responsibility for everything that one does in one's profession. Therefore, I welcome fully the initiative shown by the surveyors in this regard and I hope very soon the architects and the engineers and the other professionals who would also like to practise under limited liability companies would also be permitted to do so. This is in keeping with development overseas. Sir, Overseas—in England, Australia and America—it is now realised that it is unfair to the professionals to practise under conditions of unlimited liability. So, Sir, I welcome this as a forward step and, whilst I do that, I hope the surveyors would bear in mind that even if they are allowed to practise under limited liability, they will still conduct themselves and their profession with the same degree of skill and professional competence and sense of responsibility which have categorised the surveying profession in this country.

Sir, the other item which I would like to bring up is the question of obtaining titles for land which the licensed surveyors are frequently embarking upon to do. There is inordinate delay, Sir, in obtaining titles for land, especially building land in the urban areas. Big properties are now being subdivided to make way for housing development and there is inordinate delay to get titles for plots of land to build houses, to enable either the developer . . . . .

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Which particular clause, Honourable Member, are you referring to?

**Tuan Goh Hock Guan:** Well, Sir, this last point which I am bringing up touches on the surveying profession.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Well, you can only limit your speech on the policy of the Bill, only on the clauses that the Bill covers. You are talking about land and so on. You can go on speaking till the cows come home, but please limit your intervention to the policy as stated in the various clauses.

**Tuan Goh Hock Guan:** I shall do that, Sir. So, Sir, the surveyors in their profession are concerned with the practise of surveying in this country. There are frequent complaints about the delay in getting titles for the properties, and I hope, Sir, the Minister would look into this and help the surveyors in their work and help expedite the obtaining of titles for these properties. Thank you.

**Dato' Haji Abdul Ghani Gilong:** Tuan Yang di-Pertua, nampak-nya tidak ada yang perlu yang hendak saya jawab di-sini, kerana semua jawapan telah saya terangkan tadi. Berkenaan dengan hal tanah ini sa-bagaimana Ahli Yang Berhormat sendiri tahu bukan dalam jagaan Kementerian saya, tetapi walau bagaimana pun boleh-lah saya tolong sampaikan maksud Ahli Yang Berhormat itu.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang<sup>2</sup> di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang<sup>2</sup> di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatan-kuasa*)

*Fasal 1 hingga 15* di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang<sup>2</sup>.

Rang Undang<sup>2</sup> di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

## **RANG UNDANG<sup>2</sup> AKITEK (PINDAAN)**

**Bachaaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**Dato' Haji Abdul Ghani Gilong:** Tuan Yang di-Pertua, saya menchadangkan bahawa satu Rang Undang<sup>2</sup> bernama Akta

Akitek (Pindaan) 1972 di-bacha bagi kali yang kedua.

Saperti yang telah di-terangkan dalam huraian kapada Rang Undang<sup>2</sup> ini Fasal 3 menchadangkan untuk menubuhkan sa-mula Lembaga Akitek yang di-tubuhkan di-bawah sekshen 3 Akta ini dan bagi mengadakan peruntukan bagi perlantekan sa-orang ahli untuk menggantikan sa-orang lain yang telah mati, meletakkan jawatan atau yang mana perlantekan-nya telah di-batalkan.

Satu tujuan utama Rang Undang<sup>2</sup> ini ia-lah untuk meminda sekshen 10 yang berkenaan dengan kelayakan untuk pendaftaran di-bawah Akta ini. Di-bawah pindaan<sup>2</sup> yang telah di-chadangkan di-fasal 9 sa-siapa jua yang mempunyai kelayakan yang di-perlukan ada-lah di-kehendaki mendaftar sa-bagai sa-orang Siswazah Akitek dan memperolehi pengalaman praktikal yang di-tetapkan dan menjadi anggota Perbadanan Pertubohan Akitek<sup>2</sup> Malaysia atau sa-suatu kelayakan yang sa-teraf dengan-nya sa-belum berhak di-daftarkan sa-bagai sa-orang Akitek. Sa-saorang Akitek di-bawah Fasal 7 yang telah di-chadangkan itu ada-lah berhak untuk menjalankan amalan atau perniagaan atau pun pekerjaan sa-bagai sa-orang Akitek, tetapi sa-saorang Siswazah Akitek hanya boleh bekerja sa-bagai sa-orang Akitek jika kelulusan bertulis daripada Lembaga telah di-dapati.

Bagaimana pun mengikut pindaan kapada sekshen 10 saperti yang telah di-chadangkan di-bawah Fasal 9 orang<sup>2</sup> yang berikut tidak di-kehendaki mendapat pengalaman praktikal yang di-tetapkan bagi maksud pendaftaran sa-bagai sa-orang Akitek:

- (a) sa-siapa jua yang pada tarikh yang di-tetapkan (ia-itu tarikh Akta ini mula di-kuatkuasakan) di-daftarkan di-bawah Bahagian Ordinan Akitek 1951;
- (b) Sa-siapa jua yang menjadi anggota Perbadanan bagi Pertubohan Akitek<sup>2</sup> sa-belum sahaja tarikh yang di-tetapan dan yang memohon untuk di-daftarkan dalam tempoh 12 bulan dari tarikh itu dan pada tarikh permohonan itu ia-nya ada-lah sa-orang anggota Perbadanan bagi Pertubohan Akitek<sup>2</sup> Malaysia;
- (c) Sa-siapa jua yang menjalankan amalan atau perniagaan atau yang telah bekerja sa-bagai sa-orang Akitek *bona fide*

di-Malaysia Timor bagi sa-kurang<sup>2</sup>-nya 12 bulan sa-belum tarikh yang di-tetapkan dan yang memohon untuk di-daftarkan dalam tempoh 12 bulan dari tarikh itu;

- (d) Sa-siapa jua yang pada tarikh yang di-tetapkan ada-lah sa-orang anggota Siswazah bagi Pertubohan Akitek<sup>2</sup> Malaysia dan telah bekerja sa-bagai sa-orang Akitek di-Persekutuan dan ia-nya memohon untuk di-daftarkan dalam tempoh 12 bulan dari tarikh itu.

Di-bawah sekshen 11 Akta yang sekarang Akitek<sup>2</sup> yang berdaftar tidak boleh menjalankan amalan di-bawah nama sa-suatu sharikat berhad atau di-bawah perlindungan tanggungan berhad, Fasal 10 dalam Rang Undang<sup>2</sup> ini menchadangkan bahawa sekshen 11 itu di-mansokhkan.

Ada-lah juga di-chadangkan hendak meminda bahagian 5 Akta yang berkenaan dengan pendaftaran Pelukis Pelan Bangunan. Dengan pindaan yang di-chadangkan bagi sekshen 19 di-bawah Fasal 17 itu Lembaga Akitek di-beri budi bichara mutlak untuk mendaftar sa-siapa juga yang ada mempunyai kelayakan dan pengalaman untuk menjadi Pelukis Pelan Bangunan. Ini berma'ana persetujuan terlebih dahulu dari pehak berkuasa Bangunan atau Majlis Tempatan dalam kawasan di-mana Pelukis Pelan Bangunan berchadang hendak menjalankan amalan tidak lagi di-perlukan. Lembaga ada-lah juga di-beri kuasa untuk mengubah atas permohonan sa-orang Pelukis Pelan Bangunan Berdaftar, apa<sup>2</sup> sekatan yang di-kenakan atas sa-orang Pelukis Pelan Bangunan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan.

**Tan Sri Fatimah binti Haji Hashim:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Goh Hock Guan:** (*Dengan izin*) Sir, I welcome again the introduction of the Amendment which would now enable architects to practise as limited companies with limited liabilities. This is in keeping with the times and the complexity of present-day architectural practice.

I also welcome, Sir, the registration of building draughtsmen. In the past there were many building draughtsmen who had been allowed to submit building plans to local

councils, and although strictly speaking they should only submit building plans for buildings up to one, two storeys, and a small building area of 1,000 to 2,000 square feet, there are quite a few local councils in Malaysia, especially in Ipoh, which have approved indiscriminately the registration of unqualified and under-trained building draughtsmen to become architects, as a result of which some of the bigger buildings which have been put up are poor in standard, not particularly good looking as far as aesthetic is concerned, and in some cases, could pose a real structural liability where the public interest is concerned.

Sir, the collapse of the five-storey flats in Jalan Raja Laut is a case in point, although there the particular architect concerned was a fully qualified architect. But it does illustrate the point that even under the best of circumstances, even with fully qualified professionals doing the job, disasters like these could occur, as the complexities of buildings become more evident in the days to come.

Now this brings me, Sir, to my other point which is that we should also prohibit architects from practising as structural engineers unless they are specifically trained to do so. At the moment, Sir, any architect could submit in addition to building plans, also structural plans involving reinforced concrete work, steel work, and the calculations for these works to any local council, and most architects, Sir, although they have had some grounding in structural design, are, in my opinion, not fully qualified to do the work which ought rightly to belong to the structural engineer. Sir, this again is a question of professional jealousy and professional greed, when one professional wants to do the work of the other professional. I would like to see, Sir, that architects strictly confine themselves to architectural work, engineers confine themselves strictly to engineering work—you get the case of engineers who want to become architects and who want to submit building plans—and surveyors confine themselves to surveying work. I think if we could stick to the disciplines along the lines where we are all trained and best suited for, then I think the public interest would be better served.

The other point which I would like to bring forward is the composition of the Board of Architects. Presently, the Board of Architects is being filled up by the same old faces, people that we have seen year in, year out, for

the past decade, and I think, Sir, it is not a good policy to have this type of monopoly of the Architect's Board by a group of people. I am not questioning their integrity, I think that they have done their job well, but as a matter of principle there should be a system of rotation where no member of the Board should be allowed to serve more than a term of, say, three years. I think this is essential, especially now that the Board of Architects is going to be the sole registration body for the purpose of registering building draughtsmen, because if we get the same people continuously on the Board, abuses may arise; it has not arisen yet, but we never know. So with a system of rotation I think the public interest will be protected, and the building draughtsmen also will get a better deal.

Finally, I welcome the provision to register building draughtsmen in this country. It is important that we give opportunities to building draughtsmen, people who have already acquired the skills of the building trade but who have not been able to enjoy the opportunity of going overseas to study to become architects. But with this provision they would be able to register themselves and design building and carry out buildings, especially in the smaller towns and the rural areas where the more affluent architects would not go to and where these building draughtsmen will be able to provide technical services to the people. But I would like to see that the registration of these building draughtsmen be done on a consistent basis; in other words, henceforth we do not get different councils registering different types of building draughtsmen and then they are only limited to practising only in that particular locality and not elsewhere. That I think should be remedied. In other words, Sir, once a building draughtsman has been registered, recognised and he has got the necessary skill, he should be allowed thereafter to practice in any local council area in any part of Malaysia, not necessarily restricted to the particular locality of the local council area in which he is presently staying.

Sir, I welcome this Bill.

**Tuan Haji Ahmad bin Sa'id (Seberang Utara):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong suatu Akta bagi meminda Akta Akitek, 1967. Ini ada-lah satu pindaan yang sangat baik bagi kebajikan negara kita kerana di-dapati di-antara akitek<sup>2</sup> yang seka-

rang menjalankan urusan dengan berbagai chara sa-bagaimana yang ada dalam pindaan menegah sa-saorang mengadakan sharikat. Kerana manakala sa-orang akitek itu mengadakan sharikat-nya di-dapati termasuk di-dalam sharikat-nya jurukor, jurutera dan juga lain<sup>2</sup> orang mithal-nya sanitary engineer termasuk di-dalam sharikat ini. Dan juga kita dapati ada juga sharikat<sup>2</sup> Akitek yang menjalankan sa-bagai pembena atau pun housing developer, ada juga kita dapati sharikat<sup>2</sup> ini menjalankan sa-bagai peminjam wang atau financier. Jikalau sa-sabuah sharikat akitek itu monopoli banyak daripada urusan<sup>2</sup> berkaitan dengan orang ramai, maka peluang kapada orang lain pun tersekat. Ini-lah satu chara yang saya mengalu<sup>2</sup>kan-nya. Tujuan-nya ada-lah sangat baik dan saya memberi sokongan yang penoh kapada pindaan ini.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan bayaran kapada plan<sup>2</sup> yang di-buat oleh Akitek ini sa-bagaimana yang ada sekarang ini peratoran-nya bagi sa-suatu plan itu manakala yang tuan punya tanah itu hendak memajukan tanah itu di-ambil sa-orang akitek untuk buat plan bangunan dan di-kenakan bayaran untuk bangunan 7½% dan sanitary engineer-nya 1½%. Jurukor bahan 1½% dan lain<sup>2</sup> lagi sa-hingga meningkat 12% lebih. Ada di-antara akitek<sup>2</sup> yang tidak mengindahkan peratoran berlawan di-antara mereka itu sa-hingga di-kenakan 5% atau 4% di-atas bayaran plan<sup>2</sup> yang di-buat-nya itu. Saya berharap pehak Lembaga yang akan di-tubuhkan dan juga pehak Kerajaan mengawasi sungguh<sup>2</sup> supaya pembayaran bagi sa-saorang akitek itu biar-lah sama dan tidak berlainan di-antara satu dengan lain. Kalau berlaku perkara itu, maka ini ada-lah menyalahi bagi peratoran yang di-tetapkan oleh Lembaga dan patut di-ambil tindakan yang keras terhadap orang yang menyalah gunakan kuasa itu.

Yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, mengenai pelukis plan yang di-daftarkan di-Majlis<sup>2</sup> Tempatan, tetapi bagi Part I atau Bahagian I itu di-daftarkan oleh Majlis terus di-terima dan di-daftarkan oleh Majlis<sup>2</sup> Tempatan yang ada di-dalam negara kita ini. Part II sahaja yang di-daftarkan oleh Majlis Tempatan masing<sup>2</sup> kerana hendak memberi peluang kapada pelukis plan yang Part II ini membuat plan bagi kawasan<sup>2</sup> yang tertentu sa-bagaimana yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bungsar kalau sa-saorang itu sudah di-daftarkan oleh Lembaga

ini dia boleh melukis plan bukan sahaja didalam kawasan bandar tersebut bahkan seluruh Malaysia ini. Saya sendiri tidak bersetuju dengan chara itu, kerana kalau dibenarkan begitu harus orang daripada Kuala Lumpur pergi ka-Perlis, daripada Kuala Lumpur pergi ka-Johor maka orang tempatan sendiri tidak dapat menchari makan dengan chara melukis plan. Saya harap pehak Menteri yang berkenaan akan mengambil perhatian supaya di-beri peluang kepada pelukis<sup>2</sup> plan tempatan untuk menchari makan dengan chara melukis plan yang Part II ini sa-tinggi dua tingkat sa-luas 3,000 persegi jadi tidak payah di-benarkan orang luar datang membuat kerja di-tempat itu.

Ada satu amalan yang biasa di-buat ia-itu pelukis Part II ini mereka buat plan yang patut di-buat oleh pelukis plan Part I dan orang yang mempunyai ijazah Part I ini chuma menanda-tangani atas plan yang di-buat oleh pelukis plan Part II atau Bahagian II ini. Ini satu amalan yang sangat tidak baik, kerana dengan perbuatan ini akan mengurangkan peluang kepada Part I ini mengambil bahagian. Saya berharap Kementerian ini akan mengawasi jangan lagi berlaku perkara<sup>2</sup> yang sa-macam ini dan biar-lah orang yang Part I itu teruskan kerja-nya sendiri berkaitan dengan apa yang di-tugaskan kapadanya dan bagi Part II ini apa yang di-tentukan dalam peratoran bagi Lembaga ini.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua, terima kaseh.

**Tuan Hor Cheok Foon (Damansara):** (Dengan izin) Tuan Yang di-Pertua, I stand up to welcome this Bill brought to this House to streamline the profession of architects. When we speak of the architects profession, I have got a Malay friend from a rural area and I asked him one day "Halim, what do the rural folks think of an architect?" He went back to his kampong and found the answer. He told me that to the rural folks the architect means, "Tukang Kayu".

It shows that in this country this profession has not been well publicised and it is very unfortunate that people in the rural areas are not really appreciating the role of the architects. Therefore, that brings us to the point that further legislation and emphasis on the profession of architects will do good to the country, especially during this period of our nation-building.

Tuan Yang di-Pertua, architects all this time have been trained overseas and we now

know that in the public sector, especially in the P.W.D., they are short of architects and, as far as I understand, a lot of their projects are short-handed because they could not recruit proper architects to carry out the work.

I must say it is encouraging that in the recent past the Minister of Education has announced that the Kuala Lumpur Institute of Technology, i.e. the previous Kuala Lumpur Technical College, is now training architects, and we hope that the training will take effect and in the very near future more architects will come out to our society to contribute their part.

In regard to the registration of architects, it is felt also that in the past graduates from Australia, England and so on were mainly monopolising the entire field of the architectural profession. Not much thought has been given to people who have been overseas to United States, Europe, Japan and also to Taiwan; and I am sure there are a number of them who are waiting to be given a fair share and a fair recommendation, before they can come forward to contribute whatever skill and whatever know-how and experience they have gained overseas. I call upon the Government to give them special consideration, especially in regard to the constitution of the Board of Architects to have a different concept in accepting new members to the profession.

Tuan Yang di-Pertua, the idea of a *Sendirian Berhad* is good, and this will enable local firms to group together and to conduct more complete and bigger scale professional services, because in the past our local architects, firms especially, were not big enough to handle big jobs. Like in the university hospital project, we had two foreign consultants' firms. Therefore, the local firms, the local professionals, are not able to contribute fairly and to have equal opportunity with the foreign firms, because foreign firms, being what they are and having come from developed countries, are able to have better organisation, better personnel with longer experience and therefore it gives the local firms less opportunities to compete with them.

Sir, I would like to touch upon the professional fees. In this Bill it is stated that the architects' fees may be recovered in the Court. Well, it is no use to be just assured of one's fees to be recovered in Court without qualifying of how much fees one can recover. Tuan

Yang di-Pertua, in the field of architecture and especially when the competition is very, very keen and building draughtsmen are able to submit plans, when we come to simpler buildings like those under housing schemes, where if you build one unit, you can build another thousand more units of the same type, therefore, the local developer has been exploiting the profession. He merely has to get an architect to do him one model single-storey terrace house design, and he will do by himself the rest of the 1,000 or 2,000 units. Therefore, from then onwards, the architect's services will become irrelevant. When such a situation arises, the architect's fees or the percentage of fees, has always been exploited, and to be frank, architects being trained professionals, they would not like to reveal how much they are collecting from one client to the other fellow professionals. Therefore, the whole thing becomes a hush-hush affair and the architects themselves have to suffer. Therefore, I hope the Government would take measures to sit down together with the representatives of the professional institutes, the private developers to give the opinions of the Government to lay down some basic, reasonable, workable, professional scales, so as to omit unnecessary and unhealthy competition.

Lastly, Sir, I would like to point out that in the architects profession, the tool, the instrument, to practise is the building by-law. Much has been said on this: that the National Uniform Building By-law is on the way. However, until today, we have not got any uniform by-law throughout the country. For example, Penang has got its own by-law; Ipoh has got its own by-law, Kuala Lumpur has got its own by-law, and down in the South, Johore Bahru has got its own by-law; every place is sticking to its own rules. Therefore, because of lack of up-to-date registration and tight control over the building industry, a lot of misconduct and malpractice has occurred. I remember lately, next to the tragic Jalan Raja Laut 4-storey building which collapsed some years ago, just next to it, there is also another building which has been recently built and which has also partially collapsed and the developer overnight hushed up and covered up the whole thing. I remember, we in the D.A.P. have written letters to the Minister concerned, but we have not got a reply yet. Therefore, Sir, we sincerely hope that the country is now on its way to nation-

building and it lays emphasis on science and technology, and we welcome any legislation similar to this in streamlining technical professions and the allied professions. Thank you very much.

**Dato' Haji Abdul Ghani Gilong:** Tuan Yang di-Pertua, pertama sa-kali saya mengucapkan berbanyak terima kaseh di-atas sokongan Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat yang telah berchakap tadi berkenaan dengan Bill ini.

Di-sini saya hendak menjawab sedikit sahaja. Pertama sa-kali saya hendak menjawab kepada Ahli Yang Berhormat dari Seberang Utara yang meminta Pertimbangan supaya kerja<sup>2</sup> itu jangan di-monopoli oleh satu akitek sahaja. Di-sini ingin-lah saya memberitahu yang pemberian kerja kepada Akitek<sup>2</sup> Perunding ada-lah di-buat dengan faktor<sup>2</sup> yang berikut:-

- (i) kebolehan sa-suatu firma;
- (ii) untuk membahagi<sup>2</sup> kerja kepada semua firma<sup>2</sup> yang mempunyai kelayakan dan kebolehan yang cukup.

Ahli Yang Berhormat dari Bungsar telah menyentoh fasal keahlian Lembaga ini.

Di-sini ingin-lah saya memberitahu kepada Ahli Yang Berhormat itu yang saya sa-bagai Menteri Kerja Raya berkuasa melantek Ahli<sup>2</sup> ini dan saya akan chuba menggunakan kuasa itu dengan sa-baik<sup>2</sup>-nya dan jikalau Ahli Yang Berhormat itu suka, boleh jadi dia juga boleh jadi ahli, kalau dia ada kelayakan. (Ketawa).

Berkenaan dengan tegoran Ahli Yang Berhormat dari Bungsar juga supaya melarang akitek submit structural plan ini tidak-lah dapat kita larang mereka, kalau permohonan mereka itu di-fikirkan oleh Board ada-lah mempunyai kelayakan membuat demikian. Tegoran<sup>2</sup> yang lain, saya akan ambil perhatian.

**Tuan Goh Hock Guan:** Tuan Yang di-Pertua, selalu-nya akitek<sup>2</sup> ini yang hendak submit structural plan bagi municipality tiap<sup>2</sup> kali plan<sup>2</sup> itu bukan-lah di-buat oleh akitek itu sendiri, dan saya tahu banyak structural plan itu ada-lah di-buat oleh orang lain seperti draughtsman, akan tetapi tanggung-jawab itu-lah yang mustahak. Jikalau bangunan itu roboh, siapa-kah yang akan bertanggung-jawab.



**Dato' Haji Abdul Ghani Gilong:** Tuan Yang di-Pertua, saya sudah jelaskan tadi bahawa kita hanya terima plan itu kalau orang yang submit plan itu yang ada mempunyai kelayakan mengikut pandangan Board, bukan kita terima sa-barang plan daripada sa-siapa yang tidak ada qualification. Jadi orang yang bertanggung-jawab itu tentu-lah orang yang kita tahu ada qualification. Itu baharu kita benarkan, kalau tidak, kita ta' benarkan.

**Tuan Goh Hock Guan:** Untuk penjelasan dalam keadaan sekarang seperti saya sendiri umpama-nya, sa-bagai sa-orang akitek, saya pun boleh submit structural plan kepada municipality dan saya tahu ada banyak akitek seperti saya tidak chukop mempunyai kelayakan bagi membuat structural plan kepada municipality, oleh kerana ini ada-lah satu specialist subject yang mustahak Kerajaan memastikan hanya structural engineers yang ada qualification, yang ada experience sahaja boleh mereka submit plan ini, tetapi akitek seperti saya walau pun they have had some training in this, should not be allowed to submit structural plans because of the complexity of the structural designs. At the moment it is allowed. I can submit any plan to the Municipality, sign my name and it is "okay", but the building may collapse.

**Dato' Haji Abdul Ghani Gilong:** Tuan Yang di-Pertua, kita akan ambil perhatian berkenaan hal ini, tetapi walau bagaimana pun, saya ingin menerangkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa perkara ini ada-lah subject to approval of the Board dan saya perchaya Board itu tentu tidak akan overlook dalam perkara ini. Itu-lah sahaja, yang saya ingin terangkan.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang<sup>2</sup> di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang<sup>2</sup> di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatan-kuasa*)

*Fasal 1 hingga 27* di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang<sup>2</sup>.

Rang Undang<sup>2</sup> di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

## **RANG UNDANG<sup>2</sup> KANUN TANAH NEGARA (PINDAAN)**

### **Bachakan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan ia-itu Rang Undang<sup>2</sup> Akta Kanun Tanah Negara (Pindaan), 1972 di-bacha bagi kali yang kedua.

Pindaan<sup>2</sup> yang di-chadangkan ini ia-lah untuk meminda Sekshen 102 (1), 102 (6), 214 A dan Borang 13 C Kanun Tanah Negara, 1965. Tujuan pindaan ini ada-lah seperti yang akan saya terangkan ini.

- (i) Sekshen 102 (1) sa-belum di-pinda ada-lah membolehkan pehak berkuasa Negeri menentukan chukai<sup>2</sup> tanah mengikut standard rate, hanya sa-belum perubahan pertama kadar itu di-jalankan. Dengan pindaan yang di-chadangkan ini pehak berkuasa Negeri di-beri kuasa menentukan chukai<sup>2</sup> tanah sa-chara persendirian walau pun sa-sudah perubahan pertama kadar chukai di-jalankan di-bawah sekshen 101.
- (ii) Peruntukan Sekshen 102 (6) sa-bagaimana yang ada sekarang tidak-lah begitu jelas kerana pengertian kadar biasa atau standard rate boleh di-tafsirkan sa-bagai kadar biasa yang wujud pada masa Kanun Tanah Negara dikuatkuasakan ia-itu pada 1hb Januari, 1966 dan boleh juga di-tafsirkan sa-bagai kadar biasa yang berjalan sekarang sa-bagaimana yang telah di-tetapkan di-dalam Peratoran Tanah di-Negeri<sup>2</sup>. Dengan mengadakan pindaan yang di-chadangkan itu, maka keraguan tidak akan timbul lagi kerana standard rate di-dalam pindaan itu ada-lah di-tetapkan tafsiran-nya sa-bagai standard rate di-dalam Peratoran Tanah pada masa arahan di-buat bagi meminda chukai tanah menurut kuat-kuasa Sekshen-kecil (1) Sekshen 102 Kanun Tanah Negara.
- (iii) Berkenaan dengan pindaan<sup>2</sup> kepada Sekshen 214 (A) pula maka pindaan itu ada-lah bertujuan untuk mengawal dengan lebih ketat lagi pemecahan ladang atau kumpulan ladang<sup>2</sup> yang

berkembar yang luas-nya tidak kurang daripada 500 ekar. Di-bawah pindaan<sup>2</sup> yang di-chadangkan itu, maka ada-lah menjadi satu kesalahan yang boleh di-hukum di-dalam mahkamah bagi sa-siapa yang memindah milek ladang atau chuba memindah milek ladang tanpa mendapat kebenaran terlebih dahulu dan boleh juga di-hukum dengan hukuman penjara dan juga di-denda, pada hal di-bawah Seksyen 214 (A) sebelum di-pinda dahulu yang melakukan kesalahan itu tidak-lah dapat di-hukum di-mahkamali. Tindakan yang boleh di-ambil hanya-lah sa-takat tidak mendaf-tarkan pemindahan milek ladang ber-kenaan itu sahaja. Sa-lain daripada itu di-bawah seksyen-kecil 10A (b) ada-lah di-nyatakan satu persatu perbuatan seperti yang di-sifatkan sa-bagai per-buatan yang di-lakukan bersalahan dengan peruntukan seksyen ini atau melanggar Undang<sup>2</sup> ini.

Ini untuk mengelakkan sa-barang keraguan yang mungkin akan timbul tanpa penerangan yang di-kanunkan.

Yang keempat-nya, Tuan Yang di-Pertua, pindaan kepada borang seksyen 13 C ada-lah di-buat bagi menyesuaikan dengan pindaan seksyen 214 A seperti tersebut di-atas tadi.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan seksyen 102 (1) dan 214 A dan borang 13 C telah pun di-gubal di-jadikan undang<sup>2</sup> sa-masa dharurat tahun 1969, ia-itu undang<sup>2</sup> bertajok Ordinan No. 88 (Kuasa<sup>2</sup> Perlu) Dharurat, 1971. Seka-rang ini ada-lah di-chadangkan supaya undang<sup>2</sup> itu di-jadikan undang<sup>2</sup> yang kekal. Oleh kerana ada penambahan pindaan seksyen kecil 6 kepada seksyen 102, maka ka-semua-nya pindaan<sup>2</sup> itu di-masokkan dalam satu Rang Undang<sup>2</sup> (Pindaan) seperti yang di-chadangkan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencha-dangkan.

**Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Ong Kee Hui):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tan Sri Syed Nasir bin Ismail (Muar Dalam):** Dato' Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang<sup>2</sup> ini dan hanya hendak memberi pandangan dengan ringkas sahaja.

Saya menyokong kuat sangat apa yang telah di-terangkan oleh Yang Berhormat Peguam Negara tadi ia-itu tentang sekatan mengenai pemindahan milek tanah estet ter-utama sa-kali, kerana pada pendapat saya manusia kalau kerana wang ada yang sanggup masok penjara dan membayar denda walau beberapa banyak sa-kali pun jika keuntungan yang di-perolehi-nya itu daripada kesalahan atau jenayah itu berganda<sup>2</sup> lebeh banyak daripada apa yang di-perolehi-nya kelak.

Semenjak negara kita merdeka sa-bagai-mana yang kita selalu dengar dan baca di-akhbar<sup>2</sup>, penjualan ladang<sup>2</sup> yang besar atau pemecahan<sup>2</sup> estet<sup>2</sup> ini banyak sa-kali berlaku ia-lah kerana beberapa sebab. Di-antara-nya ia-lah:

- (i) Untuk menchari keuntungan yang lebeh besar bagi tuan<sup>2</sup> punya estet itu;
- (ii) Untuk menchari modal untuk pela-boran yang membawa keuntungan yang lebeh besar di-dalam negeri ini;
- (iii) Memindahkan modal ka-negara lain, negara asal tuan punya estet itu dengan sebab<sup>2</sup> yang tertentu; dan
- (iv) Ada kala<sup>2</sup>-nya untuk menamatkan pe-mogokan yang di-lakukan oleh buroh<sup>2</sup> di-dalam sa-suatu estet itu.

Apabila berlaku pemecahan<sup>2</sup> estet yang besar<sup>2</sup> ini, kaum buroh-lah yang selalu-nya menderita di-sebabkan atau akibat daripada pemecahan estet ini. Maka buroh<sup>2</sup> ini hilang pekerjaan dan kalau pun tidak tuan<sup>2</sup> punya yang baharu yang telah membeli estet<sup>2</sup> yang telah di-pechah<sup>2</sup>kan itu membuat beberapa sharat<sup>2</sup> yang baharu pula yang tidak mengun-tonkan buroh, tetapi kerana terpaksa kena-lah juga buroh<sup>2</sup> ini menerima sharat<sup>2</sup> yang boleh di-katakan berat sa-belah yang boleh menguntongkan tuan punya yang baharu.

Saya berpendapat ia-itu salah satu chara bagi menyelamatkan kaum buroh kita ini daripada teraniaya dengan ada-nya pemin-dahan milek daripada satu estet yang besar kepada pemecahan estet atau estet itu juga di-jualkan kepada orang yang lain, saya ber-pendapat ada baik-nya jika Kerajaan atau ejensi<sup>2</sup> Kerajaan mengambil alih estet<sup>2</sup> yang hendak di-jualkan oleh sa-suatu pehak atau tuan punya itu dengan jalan menjalankan usaha perusahaan estet itu sa-hingga dapat estet itu di-beli sa-mula oleh buroh<sup>2</sup> yang daripada warganegara Malaysia ini, ia-itu dengan memberi waktu dan masa kira<sup>2</sup> dapat



buroh<sup>2</sup> itu memileki estet itu yang sudah di-pechah<sup>2</sup>kan, atau estet yang asal yang tidak di-pechahkan supaya dapat di-mileki oleh buroh<sup>2</sup> yang bekerja di-situ dengan kaedah dan chara LKTP menjalankan perusahaan ini, atau pemilikan oleh pekerja<sup>2</sup>, atau peserta<sup>2</sup> Ranchangan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan ini. Dengan jalan ini bukan sahaja dapat di-pelihara estet ini daripada di-lakukan oleh pehak yang mempunyai estet dengan sebab<sup>2</sup> yang telah saya sebutkan tadi, tetapi juga dapat di-kawal dan di-jaga kebajikan dan kesejahteraan buroh<sup>2</sup> yang bekerja di-situ sa-hingga pada satu masa kelak dapat di-pindah-milekkan kepada buroh<sup>2</sup> itu sendiri. Rasa saya, kalau Kerajaan dapat menimbangkan hal ini, boleh mendedahkan faedah dan menafa'at-nya dapat dinikmati oleh buroh<sup>2</sup>. Terima kaseh.

**Tuan Haji Ahmad bin Sa'id (Seberang Utara):** Dato' Yang di-Pertua, saya mengalu<sup>2</sup>kan pindaan ini dan memberikan sokongan yang penoh di-atas Akta (Pindaan) Kanun Tanah Negara ini.

Dato' Yang di-Pertua, pindaan ini merupakan satu pindaan untuk hendak menchegeh pemecahan ladang<sup>2</sup> atau estet<sup>2</sup> lebeh daripada 500 ekar. Saya berharap kepada Yang Berhormat Peguam Negara dan juga kepada Kerajaan supaya menimbangkan apa yang saya akan sebutkan ini. Tanah ada-lah satu benda yang amat berguna kepada manusia. Kejadian dalam dunia ini mengikut tawarikh kerana tanah<sup>2</sup>-lah sa-hingga menjadi peperangan, menjadi pergelutan, menjadi pemberontakan dan berbagai<sup>2</sup> lagi.

Oleh hal yang demikian, Dato' Yang di-Pertua, saya berharap dengan sa-tinggi<sup>2</sup> harapan kepada Yang Berhormat Peguam Negara supaya membuat kajian sama ada patut di-pinda lagi kepada Kanun Tanah Negara ini dengan chara mengkelas atau pun menjeniskan tanah<sup>2</sup> yang ada di-dalam negara ini, ia-itu tanah untuk buat sawah padi, tanah untuk kebun buah<sup>2</sup>an, tanah untuk tanaman sayor, tanah untuk tanaman kelapa dan manakala di-jeniskan tanah<sup>2</sup> ini dalam Kanun Tanah Negara ini, maka di-hadkan sa-saorang itu tidak boleh memileki lebeh daripada 15 ekar bagi hakmilk bagi sa-saorang. Dengan chara yang sa-macham ini, Dato' Yang di-Pertua, akan menyekat pembolotan tanah oleh orang yang mempunyai wang sa-bagaimana yang terjadi di-dalam Negara kita sekarang ini.

Saya dapat tahu ada sa-tengah<sup>2</sup> tempat sa-orang memileki tanah sawah sa-hingga 1,000 ekar, 2,000 ekar tanah kebun kelapa, tanah kebun buah<sup>2</sup>an dan lain<sup>2</sup> lagi dan mereka ini mengenakan sewa ka-atas pengusaha tanah itu, orang yang menyewakan tanah itu dengan harga yang chukop tinggi.

Di-tempat saya sendiri, Dato' Yang di-Pertua, kalau sa-ekar tanah sawah itu di-sewakan kepada sa-orang yang tidak mempunyai tanah kena bayar sa-hingga \$250 sa-tahun, dengan membayar dahulu baharu boleh dapat tanah itu. Ini ada-lah satu masaalah yang sangat rumit dari segi orang<sup>2</sup> yang tidak mempunyai tanah.

Dalam anggaran saya, Dato' Yang di-Pertua, orang yang memileki tanah dalam Negara kita ini barangkali ada dalam 20% sahaja. Bagi peladang<sup>2</sup> mengikut perangkaan chuma 40% sahaja yang mempunyai tanah sendiri, yang 60% lagi itu menyewa tanah orang. Ini akan menjadi satu masaalah yang besar pada masa hadapan. Oleh yang demikian, Dato' Yang di-Pertua, saya berharap pehak Kerajaan akan mengambil satu tindakan yang positif untuk menyelesaikan masaalah orang yang tidak mempunyai tanah ini. Sunggoh pun L.K.T.P. menjalankan ranchangan yang tegas bagi belia<sup>2</sup> tetapi sa-bagai petani<sup>2</sup> yang asal, mereka tidak hendak dikeluarkan daripada tanah<sup>2</sup> atau kampong mereka sendiri dan chara hendak menyelesaikan, Dato' Yang di-Pertua, saya ingin mengeshorkan supaya Kerajaan mengadakan satu perbadanan. Jikalau Kerajaan boleh mengutamakan kepada sharikat Permodalan Kemajuan Perusahaan sa-banyak \$100 juta, saya tidak nampak kenapa Kerajaan tidak boleh mengadakan satu perbadanan dan memperuntukkan wang sa-banyak itu juga bagi meminjamkan wang ini kepada petani<sup>2</sup> yang tidak ada tanah dan di-kenakan bayaran faedah yang sa-murah<sup>2</sup>-nya. Jikalau-lah Bank Pertanian boleh menolong petani<sup>2</sup> dengan memberi kredit dengan mengenakan faedah sa-banyak 3% saya perchaya pehak Kerajaan boleh melalui perbadanan yang saya sebutkan ini supaya memberi pinjaman kepada petani<sup>2</sup> untuk membeli tanah<sup>2</sup> yang mereka usahakan itu sendiri, dan saya berharap kepada Kerajaan supaya memasokkan lagi satu syarat dalam Kanun Tanah Negara ini supaya membolehkan perbadanan jikalau Kerajaan bersetuju, membolehkan Kerajaan

mengambil tanah dengan sa-chara paksa atau acquisition untuk kepentingan umum, atau pun public interest dan di-berikan tanah ini kepada petani<sup>2</sup> yang asal yang berusaha di atas tanah itu dan di-buatkan syarat supaya petani<sup>2</sup> ini membayar balek kepada perbadanan ini sa-lama 20 tahun.

Bagaimana saya sebutkan jika sa-bidang tanah sa-ekar itu berharga \$4,000 jikalau dia kena bayar dalam tempoh 20 tahun chuma sa-orang petani itu bayar \$200 lebih sahaja sa-tahun ini termasuk faedah. Sekarang ini petani<sup>2</sup> membayar di-antara \$200 dengan \$250 kepada tuan punya tanah dan di-antara \$200 sa-hingga \$250 juga pada akhir 20 tahun ka-hadapan menjadikan milek-nya sendiri dan saya mengeshorkan pula kepada Kerajaan supaya manakala di-ambil tanah daripada tuan punya tanah itu, katakan-lah sa-saorang itu mempunyai 100 ekar Kerajaan ambil sa-chara paksa atau beli dengan sa-chara berunding dan tinggalkan 15 ekar kepada tuan punya tanah yang asal, 85 ekar itu di-bahagi<sup>2</sup>kan kepada petani<sup>2</sup> dan Kerajaan bayarkan harga tanah itu 50% daripada harga tanah itu kepada tuan punya tanah dan yang 50% lagi . . . . .

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, untuk penjelasan. Berkenaan dengan tuan tanah, ini tidak ada kena-mengena dengan apa yang di-ucapkan oleh Ahli Yang Berhormat. Apa yang di-sebutkan-nya itu ia-lah Land Acquisition Act, kalau di-bawa ka-Dewan ini, baharu-lah boleh di-bahathkan. Ini Kanun Tanah Negara tidak ada kena-mengena dengan apa yang di-ucapkan itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau tidak ada kena-mengena tidak payah-lah di-bahathkan.

**Tuan Haji Ahmad bin Sa'id:** Tuan Yang di-Pertua, ini ada-lah pindaan kepada Kanun Tanah Negara, jadi saya berharap pehak Kerajaan akan menimbangkan apa yang saya sebutkan, jika di-fikirkan menasabah, maka dapat-lah di-pinda Undang<sup>2</sup> Kanun Tanah Negara untuk memberi kemudahan kepada apa yang saya sebutkan tadi, chuma saya memberi pandangan berkaitan dengan Undang<sup>2</sup> Kanun Tanah Negara.

Akhir-nya, Dato' Yang di-Pertua . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh-lah disambong, tetapi pendekkan sedikit ucapan Ahli Yang Berhormat,

**Tuan Haji Ahmad bin Sa'id:** Ya. Akhir-nya, Dato' Yang di-Pertua saya berharap bersungoh<sup>2</sup> supaya pehak Kerajaan akan mengambil satu langkah yang positif untuk memudahkan atau memberi kemudahan kepada orang<sup>2</sup> yang tidak mempunyai tanah itu mudah<sup>2</sup>an dapat memberi lebih lagi kelapangan kepada orang<sup>2</sup> yang tidak berada. Terima kasih.

**Dato' Haji Mohamed Asri bin Haji Muda (Kota Bharu Hulu):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin berchakap sedikit sahaja berkenaan dengan Rang Undang<sup>2</sup> ini ia-itu mengikut apa yang di-kandongkan dalam Rang Undang<sup>2</sup> ini ia-lah untuk mengenakan hukuman yang menasabah kepada orang<sup>2</sup> yang melakukan pindah milek ladang tanpa kebenaran. Sa-benar-nya, Tuan Yang di-Pertua, dalam soal tanah ini banyak sangat berlaku spekulasi seperti apa yang kita telah dengar, yang di-terangkan oleh Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat yang terdahulu daripada saya. Tetapi satu lapangan lagi chara pemilek<sup>2</sup> tanah ini, ladang ini, melakukan spekulasi-nya ia-lah dalam chara apabila mereka dapati ladang<sup>2</sup> mereka tidak dapat di-lakukan pindah milek, oleh kerana tidak dapat kebenaran, atau pun sulit bagi mendapatkan kebenaran, mereka telah melakukan dengan chara yang lain. Ladang<sup>2</sup> besar ini, sa-bahagian besar-nya bersifat atau merupakan sa-bagai company atau sharikat; mereka mempunyai share, maka share<sup>2</sup> itu di-jual kepada gulungan<sup>2</sup> yang tertentu, atau orang<sup>2</sup> yang tertentu. Apabila share telah di-jual, kata-lah kepada A, B dan sa-terus-nya kepada C, maka A, B dan C ini-lah yang masuk memerintah di-dalam kawasan ladang itu untuk kelulusan yang sesuai dengan harga share yang di-beli daripada ladang itu. Hal ini boleh di-katakan, nampak-nya, hampir<sup>2</sup> menjadi amalan biasa di-lakukan sa-bagitu chara, sa-tengah<sup>2</sup> daripada sharikat<sup>2</sup> ladang<sup>2</sup> besar dalam negeri ini terutama sa-kali, Tuan Yang di-Pertua, ada ladang<sup>2</sup> yang terlalu besar yang belum sempat di-tanam, maka share<sup>2</sup> di-jual kepada ahli<sup>2</sup> perdagangan, atau ahli<sup>2</sup> kewangan yang tertentu dalam negara kita ini dan orang<sup>2</sup> yang membeli share tadi masuk membuka ladang<sup>2</sup> itu dengan menebas, menebang dengan menanam baharu, walau pun di-kulit luar-nya di-tampil dengan nama sharikat yang mempunyai ladang itu pada asal-nya, tetapi yang melakukan pekerjaan itu ia-lah orang<sup>2</sup> yang membeli share itu

sendiri. Ini tentu-nya di-buat dengan chara, mungkin melalui nasehat<sup>2</sup> daripada peguam<sup>2</sup> mereka masing<sup>2</sup>. Saya perchaya patut juga persoalan ini di-perhatikan benar<sup>2</sup> oleh pehak Peguam Negara, supaya jangan ada lobang<sup>2</sup> kecil yang dapat orang<sup>2</sup> itu melarikan diri atau mengelakkan diri daripada hukuman Kerajaan, kerana melanggar peratoran, atau Undang<sup>2</sup> Kanun Tanah Negara ini. Dengan demikian, saya perchaya, kalau dapat di-usahakan kaedah<sup>2</sup> baharu lagi atau tambahan baharu lagi, saya perchaya perbuatan melanggar peratoran dengan sa-chara berselindung di-sebalek taklik seperti ini akan dapat di-elakkan.

**Tuan Lim Cho Hock:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya hendak bertanya, hendak menyokong atau membangkang?

**Tuan Lim Cho Hock:** Menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau menyokong tidak payah berchakap lagi.

**Tuan Lim Cho Hock:** Tuan Yang di-Pertua, saya ada sedikit hal sahaja hendak berchakap.

**Tuan Yang di-Pertua:** Pendek-pendek sahaja.

**Tuan Lim Cho Hock:** (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, there are two limbs to this Amendment Bill. The first one is on the tightening up of the restriction on the transfer of estate land, and I welcome this amendment. Sad to say, it has come at least three years too late. Hundreds of labourers in the Suffolk Estate had been retrenched because that estate was fragmented by way of private treaties.

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, untuk penerangan. Kata Ahli Yang Berhormat itu tiga tahun too late. Saya telah katakan yang undang<sup>2</sup> ini di-buat dalam tahun 1969 yang berjalan sa-masa Undang<sup>2</sup> Dharurat dahulu. Undang<sup>2</sup> ini chuma hendak di-kekalkan. Undang<sup>2</sup> Dharurat ini hendak di-mansokhkan dan di-jadikan undang<sup>2</sup> yang kekal. Jadi bagaimana yang di-katakan tiga tahun itu too late, undang<sup>2</sup> ini telah berjalan sa-lama tiga tahun.

**Tuan Lim Cho Hock:** Sir, what is it?

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** Nampak-nya dia tidak faham Bahasa Kebangsaan dan saya minta izin untuk menerangkan dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) Sir, he said this law is three years too late. I said in the beginning in the National Language when I brought this Bill that this law has been in existence just after the 13th May, 1969 and it is already in force during that time and now we are making it into permanent law. So it cannot be true to say that it is too late by three years. It has been in existence since after May, 1969. Now, since it is in English, I hope you understand it, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Cho Hock:** Thank you, Sir, for the explanation. This law may have been in force since three years ago, but, sad to say, this law has not been implemented to the satisfaction of hundreds of labourers who had been retrenched in Suffolk Estate in Sitiawan because that estate was fragmented by way of private treaties and we have sent numerous letters, and, in fact, the labourers themselves have sent numerous letters, to the various Ministries for action to be taken but unfortunately nothing has come out of it.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa telah lewat (very late), ada-lah lebih elok di-luluskan sahaja dengan ta' payah berchakap banyak. Making long speeches is not so necessary.

**Tuan Lim Cho Hock:** All right, I will go to the second limb, Sir. The second limb is that the State Authority has got the right to revise the rates. Sir, I would like to urge the Federal Government to direct the State Authorities, particularly the Perak State Authority, to be more reasonable in the revision of land rates. In 1970, I understand there was a revision made, and the rates were so ridiculously high that TOL holders who wished to convert their titles into qualified titles have not been able to pay up the new rates and up to date, Sir, because the rates are so high that not even one per cent of the people involved has paid up and that defeats the purpose of the revision of the new rates. For instance, Sir, in Tanjong Tualang the old rates were about \$300 to \$400 per house, but after the revision the rate came up to \$3,000 to \$12,000 per house, so that not even a single house owner in Tanjong Tualang was able to pay the new rates. Sir, there are talks in the Government circles that 30-year leases

may be extended to 99-year or 90-year leases, but if the land rates are trebled, then I think the people would not welcome this extension of the leases because they cannot afford to pay the increased land rates. Since time is running short, I think I would just stop at that.

**Tuan Luhut Wan (Baram):** Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil bahagian dalam masa dua tiga minit. Saya memberi sokongan yang penoh kepada Peguam Negara oleh kerana beliau telah membawa chadangan ini kepada Dewan ini. Ada satu perkara yang saya hendak sentoh sedikit mengenai hal tanah di-negeri Sarawak oleh kerana semua syarat<sup>2</sup> yang di-bawa oleh Yang Berhormat Peguam Negara dalam Dewan ini mengikut undang<sup>2</sup> ini ada-lah sangat baik. Akan tetapi saya ingin memberi sedikit pandangan kepada Yang Berhormat Peguam Negara mengenai hal kesuburan tanah di-negeri Sarawak, oleh kerana pada masa ini negeri Sarawak itu tidak mempunyai satu undang<sup>2</sup> yang menyekatkan peladang<sup>2</sup> supaya menggunakan tanah itu sa-bagai chara extension system, oleh kerana, Tuan Yang di-Pertua. .

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, untok penerangan. Kerajaan Persekutuan tidak ada kuasa sedikit pun mengenai dengan Undang<sup>2</sup> Tanah di-Sarawak atau di-Sabah. Ahli Yang Berhormat ta' usah susah hati atas perkara ini.

**Tuan Luhut Wan:** Tuan Yang di-Pertua, yang saya maksudkan alang-kah baik-nya jika Peguam Negara memberi satu arahan kepada Kerajaan Negeri Sarawak.

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** Ada-lah salah jika di-buat arahan sa-macham itu, kerana ini mengganggu hak dan kuasa Kerajaan Negeri Sarawak—tidak boleh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Undang<sup>2</sup> Tanah di-Sarawak itu khas bagi undang<sup>2</sup> Sarawak. Jadi tidak payah perkara itu di-bawa di-sini. Ahli Yang Berhormat boleh bawa di-sana, di-Sarawak.

**Tuan Luhut Wan:** Terima kaseh, Tuan Yang di-Pertua.

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menjawab pendek sahaja. Pertama saya mengucapkan sa-tinggi<sup>2</sup> terima kaseh kepada Ahli Yang Berhormat yang menegor khas-nya Ahli Yang

Berhormat dari Muar Dalam dan Ahli Yang Berhormat dari Kota Bharu Hulu, yang kedua<sup>2</sup>-nya pada pendapat saya telah memberi tegoran dan chadangan yang sangat benar dan berkesan dan patut di-timbangkan, khas-nya pandangan Ahli Yang Berhormat dari Kota Bharu Hulu sa-bagaimana yang ada di-terangkan di-sini. Itu-lah sebab-nya, Tuan Yang di-Pertua, di-pindakan undang<sup>2</sup> ini, dan dengan itu Kerajaan dapat mengambil pindaan kepada chara<sup>2</sup> pemindahan yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Bharu Hulu tadi.

Sekshen (10A) menyatakan di-sini:

“(10A) (a) Any person who transfers, conveys or disposes of or attempts to transfer, convey or dispose of in any manner whatsoever, . . . . .”

Ma'ana-nya chuba menjual dengan apa chara jua pun. Kita berharap dengan pindaan ini, chara jualan yang di-katakan tadi di-jadikan estet itu satu share, kemudian di-jual pula share<sup>2</sup> pada orang ramai, orang ramai masok pula mengerjakan tanah itu, akan kita ambil tindakan dan sa-kira-nya undang<sup>2</sup> yang di-pinda ini di-dapati di-mahkamah memberi satu keputusan atau hukuman, orang itu tidak bersalah juga, maka kita akan pinda lagi bawa ka-Parlimen ini dan di-ketatkan lagi dengan apa chara juga pun. Tetapi kalau-lah boleh di-hukum perbuatan yang telah berlaku sa-bagaimana yang di-katakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Bharu Hulu tadi, maka menunjokkan undang<sup>2</sup> ini sudah tepat ma'ana-nya dan dapat di-jalankan.

Chadangan<sup>2</sup> yang di-bawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Seberang Utara nampak-nya pada pendapat saya dia berkehendakkan di-sini Land Reform. Undang<sup>2</sup> ini kita buat mengetatkan supaya estet itu jangan di-pechahkan. Ahli Yang Berhormat ini meminta supaya di-beli atau di-bayar semua estet tanah besar dan di-pechahkan pula. Ini ada-lah berlawanan 100% dengan kehendak dan tujuan Kerajaan. Saya fikir yang merunsingkan Ahli Yang Berhormat itu ia-lah Land Reform berkenaan dengan tanah sawah, itu lain perkara, bukan di-bawah Rang Undang<sup>2</sup> ini. Kuasa itu ada pada Kerajaan Negeri. Chadangan<sup>2</sup> itu memang banyak orang sudah menchadangkan dan sudah lama dahulu di-fikirkan oleh Kerajaan. Saya boleh berkata di-sini terus di-tolak, sebab benda ini di-fikirkan tidak menasabah, tidak boleh di-jalankan sekarang. Berapa ratus juta hendak suroh Kerajaan Negeri menyediakan-nya

mana hendak di-chari duit untuk membeli tanah<sup>2</sup> itu semua. Kalau di-beli \$600 juta mithal-nya, hendak di-beri kepada tiap<sup>2</sup> orang yang hendak tanah itu, tunggu hendak di-bayar 20 tahun dengan bunga-nya. Mana Kerajaan Negeri boleh dapat duit. Meminjam dari Kerajaan Persekutuan, dari mana Kerajaan Persekutuan dapat duit lagi dan hendak beli estet di-pechah<sup>2</sup>kan bagi kepada orang yang berkehendakkan tanah.

Sa-betul-nya Kerajaan chuba mengatasi masaalah kekurangan tanah ini, sa-bagai mana yang di-katakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membukakan banyak kawasan<sup>2</sup> baharu di-Pahang, di-Johor dan lain<sup>2</sup> itu bagi orang yang tidak mempunyai tanah. Jangan tanah yang bagus di-selenggarakan sa-chara estet, banyak pendapatan chukai itu di-ambil, di-potong<sup>2</sup>, di-bahagi<sup>2</sup>kan kepada orang ramai, nanti pokok getah kahwin yang berumor empat tahun itu tinggal batang sahaja, tiada apa yang ada sa-lepas itu. Itu yang membimbangkan dan bangkrap pula negeri ini. Chadangan ini tidak saya terima dan saya menolak-nya.

**Tuan Haji Ahmad bin Sa'id:** Maksud saya tadi, Dato' Yang di-Pertua, saya sudah terangkan, tanah yang sa-luas 500 ekar ka-atas itu di-kenakan undang<sup>2</sup> ini. Kalau hendak di-pechah, di-bahagikan pun yang 500 ekar ka-bawah. Itu maksud saya—tidak berlawanan dengan apa yang di-sebutkan oleh Yang Berhormat Peguam Negara.

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** Itu pun saya tolak. (Ketawa) Kapada mereka yang tidak mempunyai tanah Kerajaan memberi bantuan, berikan kalau ada wang, kita buka tanah baharu. Bila buka tanah baharu, L.K.T.P. di-berikan wang lagi untuk mengusahakan-nya, baharu-lah negara dapat menaikkan lagi taraf ekonomi-nya. Lagi banyak di-buka tanah, lagi banyak hasil di-dapati. Itu-lah jawapan saya, Dato' Yang di-Pertua, atas tegoran<sup>2</sup> Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang<sup>2</sup> di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang<sup>2</sup> di-timbangan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatan-kuasa*)

*Fasal 1 hingga 3* di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang<sup>2</sup>.

*Jadual Pertama dan Kedua* di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang<sup>2</sup>.

Rang Undang<sup>2</sup> di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

## RANG UNDANG<sup>2</sup> PERUSAHAAN NENAS (PINDAAN)

### Bachaa Kali Yang Kedua dan Ketiga

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** Dato' Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan, ia-itu satu Akta Perusahaan Nenas (Pindaan), 1972 di-bacha bagi kali yang kedua.

Dato' Yang di-Pertua, perusahaan nenas ia-lah salah satu perusahaan utama yang penting di-negeri ini. Lebih kurang 90% daripada keluaran-nya ada-lah di-ekspot dan menyumbangkan sa-banyak \$40.7 juta pendapatan luar pada tahun 1971. Walau pun perusahaan ini di-jalankan oleh pehak<sup>2</sup> swasta, tetapi Kerajaan dengan kuasa undang<sup>2</sup> telah menubuhkan sa-buah Lembaga yang dikenali dengan nama "Lembaga Perusahaan Nenas Tanah Melayu" pada tahun 1957, ia-itu di-bawah Ordinan Perusahaan Nenas, 1957 untuk mengawal segala aspek perusahaan nenas. Atau rengkas-nya Lembaga ini di-tubuhkan dengan tujuan untuk menjalankan hal<sup>2</sup> saperti penyelidekan, penentuan harga buah<sup>2</sup> nenas, kawalan kualiti dan kesihatan, kawalan ekspot dan pendapatan ses yang di-kenakan ka-atas ekspot.

Lembaga Perusahaan Nenas Tanah Melayu ia-lah sa-buah Lembaga bersama antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Singapura dan mengandongi tujuh orang ahli termasuk Pengerusi. Ahli<sup>2</sup> lain termasuk-lah dua orang wakil Kerajaan Malaysia, sa-orang wakil Singapura, sa-orang wakil dari Persatuan Pengilang<sup>2</sup> Nenas, sa-orang wakil Pekebun<sup>2</sup> Kechil dan Pegawai Pentadbir Pretanian Negeri Johor. Di-masa yang lalu, Dato' Yang di-Pertua, Lembaga ini tidak pernah menerima sa-barang bantuan Kewangan dari mana<sup>2</sup> Kerajaan. Puncta kewangan datang dari ses yang di-kenakan di-atas ekspot nenas.

Dato' Yang di-Pertua, dari pengalaman perjalanan Lembaga ini di-masa<sup>2</sup> yang lalu terdapat beberapa masalah, terutama-nya dalam hubungan Lembaga dengan pehak<sup>2</sup> pengilang dan pekebun<sup>2</sup> kecil. Akta pindaan ini bertujuan untuk mengatasi masalah<sup>2</sup> itu. Pindaan yang akan di-buat ia-lah kepada Sekshen 2, Sekshen 3 (2) (d), Sekshen 3 (2) (e), Sekshen 7 (2) dan Sekshen 7 (4).

Sekshen 2 di-pinda untuk mengubah ta'arif perkataan "Minister" atau "Menteri", yang berm'a'na:

"Minister charged with responsibility for Commerce and Industry"

kapada ma'ana

"Minister charged with responsibility for Pineapple Industry".

Pindaan ini perlu di-buat, Dato' Yang di-Pertua, di-sebabkan perubahan susunan Kabinet awal tahun dahulu.

Sekshen 3 (2) (d) dan 3 (2) (e) pula dalam Akta ini, pindaan ini ia-lah bertujuan untuk menambahkan wakil<sup>2</sup> pengilang dan pekebun<sup>2</sup> kecil di-dalam Lembaga Perusahaan Nenas Tanah Melayu dari sa-orang kapada masing<sup>2</sup>-nya dua orang.

Dato' Yang di-Pertua, pada masa ini ada lima buah kilang nenas. Empat di-negeri ini, sementara satu lagi di-negeri Singapura, tetapi seperti saya nyatakan di-atas tadi, hanya sa-orang sahaja wakil yang mewakili mereka di-dalam Lembaga itu. sa-orang wakil ini bukan-lah sahaja tidak dapat menyuarakan dengan sa-penoh-nya kepentingan<sup>2</sup> kilang<sup>2</sup> nenas di-dalam Lembaga bahkan juga tidak dapat menyuarakan dengan saksama kepentingan<sup>2</sup> kilang yang berlainan. Oleh sebab itu-lah di-masa<sup>2</sup> yang lalu tidak terdapat kata sa-pakat di-antara lima buah kilang itu tentang siapa yang patut mewakili mereka di-dalam Lembaga itu. Wakil Kilang Nenas Tanah Melayu, ia-itu Kilang Nenas Kebangsaan, umpama-nya menyuarakan yang mereka patut mewakili di-dalam Lembaga kerana mereka mengeluarkan dan mengeksportkan lebih kurang 40% dari jumlah pengeluaran dan eksport nenas Malaysia. Sementara wakil<sup>2</sup> kilang yang lain pula menyuarakan kapada pendapat<sup>2</sup> yang berlainan pula. Dari itu Kerajaan telah meneliti keadaan ini dengan saksama, telah bersetuju untuk menambahkan wakil pengilang<sup>2</sup> nenas di-dalam Lembaga daripada sa-orang kapada dua orang. Sa-orang daripada-nya mewakili

Kilang Nenas Tanah Melayu atau Kebangsaan dan sa-orang lagi mewakili kilang<sup>2</sup> yang lain.

Dato' Yang di-Pertua, sa-laras dengan ini Kerajaan juga telah bersetuju untuk menambahkan Wakil Pekebun<sup>2</sup> Kecil di-dalam Lembaga daripada sa-orang sekarang kapada dua orang supaya wakil Pekebun<sup>2</sup> Kecil dan Pengilang<sup>2</sup> mempunyai suara yang sama di-dalam Lembaga itu.

Ada dua sebab mengapa Sekshen 7 sekshen-kecil (2) di-pinda. Satu kerana untuk membolehkan Lembaga menerima wang peruntukan yang di-luluskan oleh Parlimen ini untuk satu<sup>2</sup> ranchangan tertentu. Pada masa ini Lembaga Perusahaan Nenas Tanah Melayu di-tugaskan bagi menjalankan Ranchangan Tanam Sa-mula Nenas yang mula di-lancarkan pada akhir tahun 1971, tetapi Dato' Yang di-Pertua, di-dalam Ordinan Perusahaan Nenas, 1971, tidak ada sa-barang cheraian yang memberikan ini Lembaga tidak menerima sa-barang bantuan kewangan dari Kerajaan. Semua wang Lembaga dari hasil pungutan ses atau pun potongan yang di-kenakan ka-atas eksport nenas.

Kedua-nya pindaan kapada Sekshen 7, sekshen-kecil (2) ini, Dato' Yang di-Pertua, ia-lah untuk membolehkan Lembaga memberi pinjaman kewangan kapada kaki-tangan-nya untuk membeli kenderaan dan atau membeli atau membena rumah. Pindaan ini di-fikirkan perlu dan sa-laras dengan dasar Kerajaan sekarang ini yang menggalakkan pegawai<sup>2</sup> dan kaki-tangan<sup>2</sup> Kerajaan serta Badan<sup>2</sup> Berkanun memiliki rumah<sup>2</sup> sendiri.

Sekshen 7 (4), Dato' Yang di-Pertua, bertujuan untuk memberi kuasa kapada Menteri bertanggung-jawab kapada Lembaga ini untuk mengarahkan Lembaga ini mengadakan satu<sup>2</sup> kira<sup>2</sup> yang berlainan dari kira<sup>2</sup> biasa bagi semua wang yang di-peruntukkan oleh Kerajaan kapada Lembaga itu.

Dato' Yang di-Pertua, saya mohon men-chadangkan.

**Dato' Ong Kee Hui:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (Dungan):** Dato' Yang di-Pertua, saya ingin berchakap di-dalam Rang Undang<sup>2</sup> ini di-bahathkan. Pertama sa-kali ia-lah tentang perusahaan nenas yang bagitu mendapat



kejayaan walau pun perusahaan nenas ini dari segi sharikat-nya ia-lah chara lebih kurang berkongsi juga dengan Singapura.

Dato' Yang di-Pertua, apa yang saya ingin mengambil perhatian ia-lah tentang perusahaan nenas ini di-tumpukan hanya kepada satu tempat sa-mata<sup>2</sup>, ia-lah yang di-jalankan sekarang kebanyakan-nya di-Johor. Saya ingin meminta kepada pihak Kerajaan supaya perhatian di-arahkan juga di-Trengganu khas-nya di-tempat saya sendiri. Satu kawasan lebih kurang lebih daripada 10,000 ekar yang mengikut penyiataan pihak Pertanian sa-sungguh-nya tanah ini tidak sesuai di-tanam sa-lain daripada nenas di-tempat saya ia-itu di-daerah Dungun, dengan sebab tanah-nya tanah gambut . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya suka hendak mengingatkan, perkara itu tidak boleh di-bawa di-sini. Perkara itu di-luar daripada perbahathan ini. Perbahathan ini meminda Akta ini sahaja, jadi di-tepatkan kepada pindaan Akta ini sahaja. Kalau ada masa, saya izinkan, sebab masa sudah suntok. Kita berhajat hendak menghabiskan hari ini juga, sebab kita ada satu Bill sahaja lagi.

**Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus:** Sadikit sahaja lagi. Dato' Yang di-Pertua, saya minta supaya perhatian di-beri agar kehendak orang kampung atau pun kehendak ra'ayat ini dapat di-laksanakan. Sebab perkara ini telah saya kemukakan kepada pihak yang berkenaan di-dalam Meshuarat Tindakan Daerah, tetapi pihak yang berkenaan tidak berjaya dengan demikian juga di-peringkat negeri. Saya harap pihak Lembaga Perusahaan Nenas harus mengambil perhatian membuat survey ka-sana dan memberi galakan juga dengan memberi bantuan dan sa-bagai-nya sa-bagaimana yang di-buat di-sebelah Johor sana. Sekian, terima kaseh.

**Tan Sri Syed Nasir bin Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang<sup>2</sup> ini, tetapi dengan ringkas sahaja bagaimana kehendak Tuan Yang di-Pertua supaya di-ringkaskan ia-itu bagaimana kita mengetahui bahawa perusahaan nenas ini mendapat pasaran yang baik di-luar negeri dan sa-bagaimana yang di-sebutkan oleh Yang Berhormat Peguam Negara tadi \$40 juta; perpuluhan tidak di-sebutkan. Apa yang saya ketahui bahawa banyak juga daripada pengeksport nenas ini mengalami kerugian dan mengikut siasatan saya ia-itu ada beberapa sebab ia-itu pertandingan dengan

nenas<sup>2</sup> yang lain—nenas yang di-keluarkan oleh negara<sup>2</sup> yang lain seperti Afrika, Formosa, Hawaii dan juga Okinawa. Dan apa yang saya dapati daripada penyiataan saya ia-itu orang<sup>2</sup> Eropah mendapati bahawa nenas yang di-keluarkan dari sini asam atau acid—ada mengandungi lebih acid tetapi ini boleh di-atasi menunjukkan keperibadian—ada identity nenas Malaysia ini yang ada acid sedikit. Ini pun tidak menjadi hal, tetapi walau bagaimana pun ini satu daripada sebab, rasa saya, boleh di-adakan satu penyeledekan yang tegas sama ada di-jalankan oleh MARDI sekarang, atau sa-bagaimana yang di-sebutkan oleh Yang Berhormat Peguam Negara tadi wang peruntukan ini boleh digunakan untuk penyeledekan, kerana yang sudah<sup>2</sup> ini sa-tahu saya hanya membantu penyeledekan bukan menjalankan penyeledekan dengan sendiri-nya. Ini satu perusahaan yang patut di-jalankan dengan sendiri-nya. Begitu juga satu daripada sebab-nya kelemahan kita di-sini saya mengetahui ada tidak kurang 35 brand—jenis yang di-ekspot. Jadi di-Eropah yang menjadi kesusahan sa-bagai sa-suatu pengeksport di-sana hendak mengiklankan nenas ini, dia tidak boleh-lah kita ka-Eropah sana di-tayangkan di-Eropah, di-France, di-Sepanyol dan di-mana, makan-lah nenas Malaysia. Bila dia pergi ka-kedai—di-supermarket-nya nenas Malaysia yang mana—macam<sup>2</sup> brand, ada yang brand menandakan Parlimen British, ada kapal layar ada bermacam<sup>2</sup>. Sa-saorang yang macam kita juga di-sini sudah tentu membeli sa-suatu itu dengan brand-nya, ada orang beli Lux bukan kerana apa<sup>2</sup>, tetapi kerana Lux itu di-tayangkan di-Talivishen umpamanya. Itu satu daripada yang patut di-atasi bagaimana hendak menyatukan kalau dapat satu jenis untuk eksport . . . .

## USUL

### WAKTU MESHUARAT DAN URUSAN YANG DI-BEBASKAN DARIPADA PERATORAN MESHUARAT

**Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat (Tan Sri V. Manickavasagam):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon meniadakan:

Menurut peruntukan<sup>2</sup> peratoran Meshuarat 12 (1) Majlis Dewan Ra'ayat tidak akan di-tanggohkan hari ini sa-hingga telah selesai di-pertimbangkan semua sa-kali urusan Kerajaan yang di-bentangkan



dalam Atoran Urusan Meshuarat untuk hari ini dan apabila tamat meshuarat Dewan ini akan di-tanggohkan kepada suatu tarikh yang tidak di-tetapkan.

**Dato' Ong Kee Hui:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan dan di-setujukan.

Di-putuskan,

Menurut peruntukan<sup>2</sup> Peratoran Meshuarat 12 (1) Majlis Dewan Ra'ayat tidak akan di-tanggohkan hari ini sa-hingga telah selesai di-pertimbangkan semua sa-kali urusan Kerajaan yang di-bentangkan dalam Atoran Urusan Meshuarat untuk hari ini dan apabila tamat meshuarat Dewan ini akan di-tanggohkan kepada suatu tarikh yang tidak di-tetapkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekarang Ahli Yang Berhormat boleh menyambungkan ucapan-nya.

**Tan Sri Syed Nasir bin Ismail:** Walau pun ada kesempatan, tetapi saya akan ringkaskan juga. Oleh itu, Dato' Yang di-Pertua, saya berhajat supaya Kerajaan mengambil sa-suatu langkah atau lembaga ini mengambil satu langkah supaya menyatukan pengeks-spot<sup>2</sup> nenas ini supaya dapat pasaran yang lebeh baik di-Eropah dengan menandingi dan menyaingi nenas<sup>2</sup> yang di-keluarkan oleh negara<sup>2</sup> yang tersebut tadi, bukan sahaja nenas yang kita keluarkan: ada pula jenis bulat, ada jenis empat segi, dan berbagai<sup>2</sup> lagi. Ini pun mendatangkan kesukaran bagi peminat<sup>2</sup> nenas kita di-sabelah Eropah yang menjadi pasaran kita yang terbesar. Dengan sebab itu, ini menjadikan rumit bagi mereka hendak memilih nenas Malaysia ini yang mana patut di-beli dengan sebab ada-nya hal ini.

Sa-lain daripada itu juga, saya dapat tahu daripada penyiasatan saya bahawa antara pengeks-spot<sup>2</sup> ini sendiri sama sendiri chuba berlawan<sup>2</sup> dengan menurunkan harga untuk mendapatkan kota mengeks-spot nenas<sup>2</sup> mereka—nenas<sup>2</sup> yang di-jual. Jadi dengan sebab itu, Dato' Yang di-Pertua, mustahak sangat-lah di-adakan satu ikhtiar dan juga langkah<sup>2</sup> yang perlu di-ambil supaya nenas kita ini dapat di-adakan terutama sa-kali tentang brand-nya, umpama-nya kalau di-Afrika ada brand golden beach—satu sahaja. Kalau kita di-sini ada Beach of Passionate Love, ada satu sahaja. Kalau orang hendak

chari nenas—nenas mana yang ada passionate beach dan ini akan berlawanan dengan golden beach di-Afrika. Dia makan nenas kita banyak, kalau kena bulat, bulat-lah, atau kedua<sup>2</sup>-nya sahaja. Ini ada bulat, ada bersegi, ada macham<sup>2</sup>. Jadi ini menyusahkan memilih nenas yang mana patut di-makan.

Jadi ini sahaja dengan rengkas, Tuan Yang di-Pertua. Walau pun ada lagi tetapi baik-lah kita ringkaskan sahaja.

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, saya menguchapkan terima kaseh kepada dua orang Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat yang telah beruchap tadi.

Berkenaan dengan chadangan dari Ahli Yang Berhormat dari Dungun, sudah di-ambil ingatan untuk di-timbangkan dan juga chadangan dari Ahli Yang Berhormat dari Muar Dalam, sudah di-ambil ingatan untuk di-timbangkan tetapi juga saya hendak menjawab sadikit sahaja.

Berkenaan dengan brand, perkara itu boleh di-bawa kepada Lembaga. Terutama-nya tiap<sup>2</sup> satu perkara chadangan itu ada pros and cons yang hendak di-timbangkan halus<sup>2</sup>. Kita takut pula dengan perubahan yang tidak tentu. Boleh jadi pada satu masa kelak merosakkan pasaran kita. Tetapi walau bagaimana pun chadangan itu nampak-nya baik kerana ada kadang<sup>2</sup> importer sa-sabuah negeri itu pula hendakkan nenas kita itu dengan menyatakan satu<sup>2</sup> brand atau chap yang dia sendiri menetapkan di-sini. Kalau bersetuju mithal-nya sekian banyak ratus ribu tan di-ambil. Kalau tidak dia tidak impot. Ini satu masalah juga yang telah timbul dalam perkara ini. Tetapi walau bagaimana pun chadangan itu sangat baik nampak-nya, betul. Kalau-lah sudah mashhor nenas kita daripada Malaysia dengan satu atau dua brand, kalau tidak banyak pun, senang-lah ia-itu kita tengok satu bangsa tomato sauce satu atau dua sahaja itu, sudah mashhor di-serata dunia senang-lah, orang tahu mengikut satu<sup>2</sup> chap. Chadangan ini akan di-timbangkan.

Berkenaan dengan berbagai bentok dan rupa jenis nenas yang keluar itu, ini susah sadikit, kerana yang sa-betul-nya dengan sebab ada-nya lain<sup>2</sup> chara atau bentok nenas yang di-tin itu ia-lah hendak mengelakkan, saperti kata orang puteh "waste". Kerana

ada baki<sup>2</sup> nenas, tidak boleh mithal-nya di-adakan keping, tetapi di-adakan cube. Dengan sebab itu, saya fikir ada dua tiga chara sama ada cube nipis atau kurang tebal mengikut hendak mengelakkan waste atau buah<sup>2</sup> nenas kadang<sup>2</sup> ada yang besar dan ada yang kecil. Tetapi walau bagaimana pun, kata-nya, kalau boleh bentok-nya hendak sa-rupa tetapi saya fikir manusia ini ma'alum-lah kata orang different person different taste. Tetapi sa-kurang<sup>2</sup>-nya jangan banyak sangat chara bentok. Saya bersetujulah satu cube dalam satu slice. Perkara itu pun akan di-timbangkan oleh pihak yang berkenaan.

Berkenaan dengan chadangan dari Ahli Yang Berhormat yang sa-kali lagi menyatakan tempat di-Kelantan dan Trengganu sesuai menanam nenas, ini memang-lah Kerajaan dan juga sa-memang di-galakkan perusahaan ini. Tetapi pada masa ini tanah yang chukop sesuai ia-lah di-Johor dengan sebab tanah itu di-gelar P.T. Soil. Tetapi jikalau ada tanah yang di-Kelantan dan Trengganu sa-rupa dan sangat sesuai untuk nenas sampai 10,000 ekar saperti tanah di-Pontian dan Johor sana, saya perchaya perkara itu akan di-timbangkan oleh Kerajaan dan Lembaga juga.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang<sup>2</sup> di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang<sup>2</sup> di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatan-kuasa*)

*Fasal 1 hingga 4* di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang<sup>2</sup>.

Rang Undang<sup>2</sup> di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

## **RANG UNDANG<sup>2</sup> PENJUALAN MAKANAN DAN DADAH (PINDAAN)**

**Bachaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**Menteri Kerja Raya dan Tenaga (Dato' Haji Abdul Ghani Gilong:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk membentangkan satu

Rang Undang<sup>2</sup> bertajok satu Akta untuk meminda Ordinan Penjualan Makanan dan Dadah<sup>2</sup>, 1952. di-bacha bagi kali yang kedua.

Pindaan yang di-chadangkan terhadap sekshen 2 ada-lah untuk membolehkan pengilang<sup>2</sup> menggunakan dalam membuat susu, minyak<sup>2</sup> sayoran dan lemak<sup>2</sup> sayor<sup>2</sup>an atau champoran kedua-nya, yang boleh di-makan, sa-bagai menggantikan lemak susu; dan pindaan kapada sekshen 20 pula untuk melonggarkan masa yang terhad bagi membolehkan tindakan mahkamah di-ambil mengikut Ordinan ini.

Kenaikan harga susu telah menjadi satu tajok yang sangat berat. Pengilang<sup>2</sup> susu di-Malaysia menggunakan lebeh kurang 6,000 tan minyak mentega (butter oil) yang di-impot tiap<sup>2</sup> tahun dengan memakan belanja lebeh kurang \$24.3 juta. Dengan menggantikan minyak kelapa sawit kapada minyak mentega (butter oil) sa-penoh-nya Malaysia akan dapat menggunakan 6,000 tan minyak kelapa sawit-nya sendiri dan mengurangkan harga susu pekat. Ini akan juga menyelamatkan tukaran wang asing di-sebabkan pengurangan impot minyak mentega. Pengurangan harga ini hasil dari penggantian bahan<sup>2</sup> tersebut akan juga membolehkan pengilang<sup>2</sup> susu tempatan untuk menchari pasaran eksport terutama-nya di-negeri<sup>2</sup> di-mana tegahan dalam penggunaan filled milk ini tidak ada.

Kementerian saya melalui Institiut Penyelidikan Perubatan dan Jabatan Kimia telah menjalankan satu analisa terhadap chontoh<sup>2</sup> dan juga membuat pertanyaan mengenai penggunaan minyak kelapa sawit dalam filled milk daripada sumber<sup>2</sup> antarabangsa. Sementara Kementerian saya bersetuju dengan penggunaan minyak kelapa sawit dalam pengeluaran susu pekat di-atas sebab<sup>2</sup> ekonomi, malumat<sup>2</sup> yang di-terima dari sumber<sup>2</sup> antarabangsa sa-takat ini menunjokkan bahawa kesan<sup>2</sup> yang timbul dalam jangka masa panjang terhadap pembesaran kanak<sup>2</sup> dan kemajuan-nya belum lagi di-tentukan. Oleh yang demikian ada-lah perlu untuk mengawasi penggunaan filled milk bagi bayi<sup>2</sup> dan kanak<sup>2</sup> kecil. Oleh itu peruntukan mesti-lah di-buat di-dalam undang<sup>2</sup> bagi pengelang<sup>2</sup> untuk menandakan dengan jelas bahawa susu<sup>2</sup> yang tertentu itu ada-lah tidak sesuai bagi kegunaan bayi<sup>2</sup>.

Ta'arif filled milk dalam undang<sup>2</sup> yang ada sekarang tidak membenarkan penggantian minyak mentega dengan lemak<sup>2</sup> sayor<sup>2</sup>an; dan jika lemak sayor<sup>2</sup>an dari minyak kelapa sawit hendak di-gunakan bagi penyediaan susu dalam negeri ini, ada-lah mustahak bagi ta'arif filled milk yang terdapat dalam undang<sup>2</sup> sekarang itu di-bawah Ordinan Makanan dan Dadah<sup>2</sup> 1952 itu di-pinda. Keputusan telah di-buat bagi meminda definasi filled milk supaya di-bacha seperti berikut:

"Filled milk means milk from which the milk fat has been replaced wholly or partly by an equivalent amount of edible vegetable oil or vegetable fat or a mixture of vegetable oils or vegetable fats as approved by the Director-General of Health resulting in a product which is a simulation of milk."

Bahagian kedua Rang Undang<sup>2</sup> ini adalah mengenai seksyen 20 Ordinan Penjualan Makanan dan Dadah<sup>2</sup> 1952 bersabit dengan tindakan terhadap mereka<sup>2</sup> yang melanggar undang<sup>2</sup> ini. Dalam bahagian ini, tiada tindakan boleh di-ambil terhadap mereka<sup>2</sup> yang melanggar Ordinan ini sa-lepas tamat-nya 28 hari dari pada masa pembelian makanan dan dadah<sup>2</sup> itu. Jangka masa ini di-dapati terlalu sengkat di-atas sebab<sup>2</sup> tertentu dan selalunya tindakan tidak dapat di-jalankan dalam jangka masa yang demikian, kerana chontoh<sup>2</sup> tersebut mesti di-uji terlebih dahulu. Oleh itu ada-lah di-dapati perlu sekarang untuk dilanjutkan tempoh itu kepada 60 hari untuk memberikan masa yang cukup bagi Kementerian ini mengambil sebarang tindakan yang perlu ka-atas mereka yang melakukan kesalahan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk membentangkan agar Akta Penjualan Makanan dan Dadah<sup>2</sup> (Pindaan) 1972 yang bertujuan untuk meminda seksyen 2 dan seksyen 20 Ordinan Penjualan Makanan dan Dadah<sup>2</sup> 1952 sekarang di-bachakan bagi kali yang kedua dan di-luluskan oleh Dewan.

**Dato' Ong Kee Hui:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Dr Chen Man Hin (Seremban Timor):** (Dengan izin) Mr Speaker, Sir, this is the last Bill for the day, and the other Bills have been passed through in rapid succession. Although this is the last Bill, it is quite an important Bill in the sense that it affects the health of

the future of the children who are born in this country and who will be born in this country.

Sir, "filled milk", as has been defined by the Honourable Minister, is milk from which milk fat has been removed and replaced wholly or partly with vegetable oil or vegetable fat. In this particular sense, I think, he means the vegetable fat from palm oil.

Sir, here we are disturbing nature's way of providing the best nutrition for babies or infants. Many countries in the world have also banned the sale of filled milk because it is quite inadequate for the nutrition of the babies in the sense that it retards their growth and also affects their digestion. Many professors—I have here quite a lot of literature on this—have indicated that before you give any form of filled milk to the public, there must be adequate tests before such a product is considered safe for the use of babies, particularly so for babies in Malaysia on whom we depend upon for the strength to build up our country. Here, I would like to quote a paper written by a professor. It says here, "The Committee on Nutrition, American Academy of Paediatrics, has strongly emphasised the need for thorough testing of such products before they are marketed. It is imperative that extended animal feeding trials followed, if successful, by carefully controlled clinical studies on infants be carried out. Only on this basis can a decision be made as to whether or not milk fat can be replaced by palm oil to produce a milk equivalent to natural cow's milk."

I would like the Honourable Minister to state whether such extensive trials have been made on the type of filled milk which is to be sold to the public in Malaysia. If the Ministry has not done so, then I think it is rather dangerous and that a whole series of trials must be made before this filled milk product is sold to the public.

Sir, for millions of years man has fed natural milk, animal milk, to the babies and it has been found to be suitable. But, we men are trying to introduce some synthetic elements which may disturb the whole milk ecology, as we are also disturbing the ecology of the human environment by bulldozers and things like that. In a similar way, if we do things rashly, without considering all the aspects, we are also disturbing the normal development of infants. Therefore, I urge the

Ministry concerned to defer the implementation of this Bill before it is made into law, to defer the implementation and to have a series of trials first before we ever sell such milk to the public.

In this connection, I think, the Ministry of Health also lacks a Department which can study adequately all the food products that are being marketed in this country so that every food product will have a chop to say that it is fit for the consumption of the public, just like you have the SIM chop for products from our industries. So, I think, we should have a similar chop also for food products. Thank you, Sir.

**Dato' Haji Abdul Ghani Gilong:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih atas pandangan Ahli Yang Berhormat dari Seremban Timor, tetapi sa-bagaimana yang telah saya terangkan tadi, kita sudah membuat penyiasaan yang chukop bahawa susu yang kita akan buat ini ada-lah sesuai untuk orang besar atau dewasa (adult) sahaja. Kita belum dapat tahu ada-kah ini sesuai atau tidak untuk budak<sup>2</sup>, tetapi sa-hingga pada waktu ini, kita belum dapat menentukan, dan kita mahu pengilang<sup>2</sup> ini supaya menaruh label yang terang mengatakan susu ini tidak sesuai untuk budak<sup>2</sup>. Jikalau Ahli Yang Berhormat itu faham atas penerangan saya sa-masa mengemukakan Bill ini tadi, yang telah pun saya terangkan dari awal lagi menyatakan susu yang kita akan keluarkan mengikut pindaan Rang Undang<sup>2</sup> ini ada-lah tidak kita untokkan kepada bayi<sup>2</sup> atau anak<sup>2</sup> kecil, melainkan untuk orang besar<sup>2</sup> sahaja. Pendek kata tindakan untuk menjaga perkara yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu akan di-jalankan.

**Dr Chen Man Hin:** (*Dengan izin*) Sir, may I ask the Honourable Minister to state whether this milk which he is proposing to sell to the public has been tested by any of our local hospitals, or in the University Hospital by a Professor of Children?

**Dato' Haji Abdul Ghani Gilong:** Sa-bagaimana yang telah saya terangkan tadi susu ini sudah di-test oleh pakar<sup>2</sup> kita di-Pusat Penyelidikan Perubatan dan juga Jabatan Kimia dan telah di-dapati ada-lah sesuai untuk orang besar, tetapi untuk bayi<sup>2</sup> belum di-ketahui dan itu-lah sebab-nya kita tidak benarkan pengilang<sup>2</sup> menjual kepada anak<sup>2</sup> kecil.

**Dr Chen Man Hin:** Untuk bayi<sup>2</sup> ada-lah sangat mustahak, sunggoh pun pakar<sup>2</sup> kimia meluluskan-nya, tetapi kalau belum di-jalankan test untuk bayi<sup>2</sup> (babies), saya fikir ini ta' boleh di-jalankan (implement).

**Dato' Haji Abdul Ghani Gilong:** Tuan Yang di-Pertua, itu-lah sebab-nya kita mahu pengilang<sup>2</sup> ini supaya membuboh label yang chukop terang mengatakan susu ini ta' sesuai untuk bayi<sup>2</sup>.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang<sup>2</sup> di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang<sup>2</sup> di-timbangan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatan-kuasa*)

*Fasal 1 hingga 3* di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang<sup>2</sup>.

Rang Undang<sup>2</sup> di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Meshuarat di-tanggohkan pada satu masa yang belum lagi di-tetapkan.

*Dewan di-tanggohkan pada pukul 6.50 petang.*

## JAWAPAN<sup>2</sup> BERTULIS

### KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

#### Perintah Buang Negeri

**1. Tuan V. Veerappen** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri memberikan satu senarai nama orang<sup>2</sup> yang di-tahan di-Malaysia sa-belum di-buang negeri, beri sebab<sup>2</sup> mereka di-buang negeri dan berapa lama-kah mereka di-tahan.

**Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tun Dr Ismail Al-haj bin Dato' Abdul Rahman):**

- (a) Bukan-lah menjadi amalan Kementerian ini memberi nama<sup>2</sup> mereka yang di-kenakan Perintah Buang Negeri demi kepentingan keselamatan negara dan menjaga maruah orang<sup>2</sup> yang berkenaan itu.
- (b) Mereka di-buang negeri kerana bukan warganegara Malaysia dan ada-nya mereka di-negeri ini di-anggap tidak mendatangkan kebaikan kepada Persekutuan (not conducive to the good of the Federation).
- (c) Tempoh tahanan mereka ada-lah berbedza, bergantung kepada selesai-nya penyelenggaraan menghantar mereka pulang ka-negeri asal masing<sup>2</sup>.

#### Chen You Fook

**2. Tuan Ng Hoe Hun** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) ada-kah beliau sedar bahawa sa-orang tahanan politik bernama Chen You Fook dari Batu Gajah yang di-bawa ka-Hospital Besar Kuala Lumpur untuk menjalani rawatan khas pada 9-12-71 telah di-penjara dan di-pukul oleh MM 26694 dan Kopral 27820 di-Balai Polis Jalan Bandar, Kuala Lumpur, dan jika ya, nyatakan tindakan yang telah di-ambil oleh Ketua Pegawai Polis Selangor dalam perkara ini;
- (b) ada-kah beliau sedar bahawa pada 29-10-71 empat orang tahanan politik bernama Koay Chee Kiang, Hui Sun Tai, Kong Hui dan Teh Ti Su dari Batu Gajah mendapat layanan yang kejam di-Balai Polis Jalan Bandar, Kuala Lumpur, di-mana mereka telah di-paksa bertelanjang bogel dan Kopral 27420 menahan mereka dari meng-

gunakan chermim-mata<sup>2</sup> mereka dan menuangkan ayer ka-atas katil<sup>2</sup> mereka supaya mereka tidak dapat tidor samalam<sup>2</sup>an, dan jika ya, nyatakan apakah tindakan<sup>2</sup> yang akan di-ambil oleh Kementerian ini untuk mengelakkan peristiwa seperti ini di-masa yang akan datang dan bagi menentukan yang tahanan<sup>2</sup> politik mendapat layanan yang sempurna;

- (c) ada-kah beliau sedar bahawa sa-orang tahanan politik bernama Lee Seng Chong membantah terhadap tangan-nya dari di-gari sa-waktu beliau menghadhiri upacara pengkebumian kakak-nya di-Melaka dan oleh kerana itu beliau tidak dapat menghadhiri pengkebumian tersebut, dan jika ya, nyatakan sama ada beliau akan menyiasat perkara ini dan memberi suatu jaminan kepada Dewan ini yang peristiwa seperti itu tidak akan berlaku lagi di-masa yang akan datang;
- (d) sama ada perlu di-garikan tangan sa-orang tahanan politik bernama Ng See Siong dari Batu Pahat kepada katil-nya sa-waktu beliau menjalani satu rawatan di-Hospital Besar Ipoh, dan jika ya, nyatakan sebab<sup>2</sup>-nya, dan jika tidak, ada-kah beliau dapat memberi jaminan kepada Dewan ini yang peristiwa seperti itu tidak akan berlaku lagi di-masa akan datang;
- (e) berhubung dengan dua puchok surat yang di-hantar oleh sa-orang tahanan politik dari Batu Gajah kepada peguam-nya masing<sup>2</sup> bertarikh 3-12-71 dan 12-12-71, ada-kah beliau sedar bahawa surat yang pertama mengambil masa dua sa-tengah bulan untuk sampai kepada peguam-nya dan surat yang kedua tidak sampai langsung, dan jika ya, nyatakan sama ada beliau dapat memberi jaminan yang surat<sup>2</sup> yang di-hantar oleh tahanan<sup>2</sup> politik itu sampai ka-tempat<sup>2</sup> yang di-tuju-nya dengan segera;
- (f) ada-kah beliau sedar yang surat yang di-hantar oleh sa-orang tahanan politik bernama Eng Tian Pen kepada peguam-nya tidak di-poskan dan sa-puchok surat yang di-hantarkan oleh peguam-nya pada bulan November, 1971 hanya sampai kepada-nya dua bulan kemudian, dan jika ya, apa-kah tindakan yang akan di-ambil mengenai perkara ini;

- (g) (i) ada-kah beliau sedar yang bahan<sup>2</sup> bacaan yang terdapat di-kedai<sup>2</sup> buku tidak di-berikan kepada tahanan<sup>2</sup> politik, dan jika ya, mengapa;
- (ii) ada-kah beliau sedar yang berita<sup>2</sup> dari akhbar *Straits Times* kadang<sup>2</sup> melindungi berita<sup>2</sup> yang sa-benar, dan jika ya, nyatakan mengapa-kah tindakan saperti itu di-ambil; dan
- (h) (i) nama<sup>2</sup> orang yang di-tangkap oleh pihak Polis di-bawah undang<sup>2</sup> Akta Keselamatan Dalam Negeri dalam bulan Januari dan Februari tahun 1972;
- (ii) mengapa-kah pihak Polis tidak memberitahu saudara-mara orang<sup>2</sup> ini mengenai penangkapan mereka;
- (iii) ada-kah Kerajaan akan segera membebaskan orang<sup>2</sup> yang di-tahan dalam tahun 1972;
- (iv) bilangan yang di-tahan hingga sekarang di-bawah undang<sup>2</sup> Akta Keselamatan Dalam Negeri;
- (v) jumlah orang<sup>2</sup> yang di-bebaskan dengan syarat dan jumlah orang<sup>2</sup> yang di-bebaskan di-bawah undang<sup>2</sup> seksyen 18 (1) (b) Akta Keselamatan Dalam Negeri; dan
- (vi) bilangan orang<sup>2</sup> yang di-tahan lebih daripada enam tahun dan berapa lama lagi-kah mereka akan di-tahan.

**Tun Dr Ismail Al-haj bin Dato' Abdul Rahman:**

- (a) Saya suka menyatakan bahawa tuduhan yang di-buat oleh Ahli Yang Berhormat mengatakan Chen You Fook itu di-bawa ka-Kuala Lumpur untuk menjalani rawatan khas ada-lah tidak benar. Chen You Fook ada-lah di-tahan di-bawah seksyen 8 Akta Keselamatan Dalam Negeri telah di-bawa daripada Tempat Tahanan Perlindungan Khas Batu Gajah ka-Kuala Lumpur pada 9-12-71 untuk di-hadapkan kepada Lembaga Penasehat mengenai permohonan-nya supaya di-ulangkaji Perintah Tahanan-nya. Setelah selesai daripada pertemuan dengan Lembaga Penasehat itu beliau telah di-hantar kembali ka-tempat tahanan-nya di-Batu Gajah. Pada

10-12-71 sa-kembali-nya beliau di-tempat tahanan-nya di-Batu Gajah beliau telah membuat aduan bertulis menudoh bahawa MM 26694 dan Kopral 27820 telah memukul beliau sa-masa beliau di-tahan di-dalam lock-up Polis Jalan Bandar. Ketua Pegawai Polis Selangor telah menyiasat aduan ini. Hasil daripada penyiasatan itu telah di-serahkan kepada Timbalan Penda'awa Raya Selangor. Kes ini ada-lah di-dalam tangan Timbalan Penda'awa Raya itu untuk tindakan beliau sa-wajar-nya.

- (b) Ke-empat<sup>2</sup> orang tahanan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu telah di-bawa ka-Kuala Lumpur daripada Tempat Tahanan Perlindungan Khas Batu Gajah pada 27-10-71 untuk mendapat rawatan perubatan. Sa-masa mereka berada di-Kuala Lumpur mereka telah di-tahan di-lock-up Balai Polis Jalan Bandar. Aduan ke-empat<sup>2</sup> orang tahanan itu telah di-siasat dengan teliti-nya oleh pihak Polis yang mendapati bahawa, tuduhan<sup>2</sup> itu ada-lah tidak berasas sama sekali. Chermin mata mereka itu di-tanggalkan mengikut kehendak<sup>2</sup> cheraian 21 (iii) Perintah Ketua Pegawai Polis (C.P.O. Standing Order).
- (c) Ya, saya sedar bahawa Lee Seng Chong telah membantah terhadap tindakan pegawai<sup>2</sup> pengiring-nya (escorts) meng-gari tahanan-nya apabila beliau hendak menghadziri perkebunian kakak-nya. Beliau telah di-bawa ka-Melaka pada 28hb Mei, 1971 tetapi beliau sendiri telah enggan menghadziri kebunian kakak-nya itu. Penggunaan gari ka-atas orang<sup>2</sup> tahanan ada-lah satu langkah berjaga<sup>2</sup> (precautionary) yang bertujuan untuk mengelakkan orang<sup>2</sup> yang di-tahan daripada melarikan diri sa-masa dalam perjalanan. Tanggong-jawab menjaga orang tahanan ada-lah terletak di-atas bahu pegawai<sup>2</sup> pengiring (escorts) dan terpulang-lah kepada pegawai<sup>2</sup> itu menggunakan budi-bicara mereka sama ada menggari orang tahanan itu atau tidak. Lee Seng Chong telah di-gari pada hari tersebut itu oleh kerana pegawai<sup>2</sup> yang mengiringi-nya berpen-dapat ada kemungkinan subjek akan melarikan diri jika tidak di-gari.

- (d) Ya, ada-lah perlu bagi Ng See Chiong itu di-gari bagi mengelakkan berlakunya kejadian burok di-khalayak ramai sa-masa beliau menjalani rawatan. Saya suka menyatakan bahawa penggunaan gari ka-atas sa-saorang tahanan itu ada-lah bergantung kepada "merits of each case".
- (e) Surat yang pertama bertarikh 3-12-1971 telah di-tahan oleh kerana kandungan surat itu di-anggap prasangka oleh Penguasa (Superintendent) Tempat Tahanan Perlindungan tersebut mengikut Peratoran 83 (2) Internal Security (Detained Persons) Rules, 1960. Penulis surat itu telah membuat rayuan kepada Pegawai Yang Menjaga (Officer-in-Charge) Tempat<sup>2</sup> Tahanan Perlindungan yang telah membenarkan surat itu di-kiriskan kepada yang di-alamatkan. Maka itu-lah yang menyebabkan surat itu terlewat di-sampaikan. Surat yang kedua ada-lah di-anggap mengandungi perkara<sup>2</sup> prasangka mengikut seksyen 83 (2) Peratoran<sup>2</sup> Keselamatan Dalam Negeri (Orang<sup>2</sup> Tahanan), 1960. Oleh itu surat tersebut tidak di-lanjutkan kepada yang berkenaan. Saya suka menyatakan bahawa surat<sup>2</sup> yang tidak melanggar peruntukan seksyen 83 Peratoran Keselamatan Dalam Negeri (Orang<sup>2</sup> Tahanan), 1960, ada-lah di-hantarkan ketempat yang di-tujukan secepat mungkin.
- (f) Kedua<sup>2</sup> puchok surat yang tersebut tidak di-sampaikan kepada Eng Tian Pen atau peguam-nya oleh kerana pada masa itu beliau maseh menjalani hukuman tidak boleh menghantar dan menerima surat<sup>2</sup> sa-lama dua bulan kerana melanggar tata-tertib Tempat Tahanan Perlindungan. Hukuman tersebut itu telah di-jatuhkan oleh Penguasa Tempat Tahanan Perlindungan tersebut mengikut kuasa<sup>2</sup> di-bawah section 71 Internal Security (Detained Persons) Rules, 1960. Kedua<sup>2</sup> surat tersebut telah di-hantar apabila hukuman yang di-kenakan ka-atas beliau tamat.
- (g) (i) Kenyataan Ahli Yang Berhormat itu tidak benar. Orang<sup>2</sup> tahanan tidak di-halang membacha apa jua bahan<sup>2</sup> bachean jika bahan<sup>2</sup> bachean itu tidak di-haramkan atau pun di-anggap prasangka.
- (ii) Ya, saya sedar bahawa pada masa<sup>2</sup> yang lampau berita<sup>2</sup> dari surat khabar tersebut telah di-lindungi mengikut seksyen 80 (2) Internal Security (Detained Persons) Rules, 1960. Tujuan-nya ia-lah untuk mengelakkan orang<sup>2</sup> tahanan membacha berita<sup>2</sup> yang mungkin membangkitkan kachau bilau dalam Tempat<sup>2</sup> Tahanan Perlindungan.
- (h) (i) Bukan-lah menjadi amalan Kementerian ini memberitahu nama<sup>2</sup> orang<sup>2</sup> yang di-tangkap itu demi menjaga keselamatan dan maruah orang<sup>2</sup> yang berkenaan itu.
- (ii) Pihak Polis biasa-nya memberitahu keluarga atau sa-siapa yang ada bersama orang yang di-tangkap itu apabila menangkap sa-saorang itu di-bawah section 73 (1) Akta Keselamatan Dalam Negeri.
- (iii) Kerajaan akan membebaskan orang<sup>2</sup> yang di-tahan di-bawah section 8 Akta Keselamatan Dalam Negeri itu apabila berpuas hati bahawa kegiatan<sup>2</sup> mereka itu tidak lagi akan memudharatkan keselamatan, kehidupan ekonomi atau perkhidmatan<sup>2</sup> penting di-negeri ini. Untuk ma'aluman Ahli Yang Berhormat kes<sup>2</sup> orang<sup>2</sup> yang di-tahan itu di-pertimbangkan atau di-ulangkaji oleh sa-buah Lembaga Penasehat (Advisory Board) mengikut seksyen<sup>2</sup> 12 atau 13 Akta tersebut.
- (iv) Pada masa ini seramai 339 orang sedang di-tahan di-bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri.
- (v) Saya suka mema'alomkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa tidak ada section 18 (1) (b) di-dalam Akta Keselamatan Dalam Negeri tahun 1960. Tetapi jika Ahli Yang Berhormat memaksudkan section 8 (5) Akta tersebut maka bilangan-nya ia-lah 47 dan sa-orang telah di-bebaskan tanpa syarat.
- (vi) Bilangan orang<sup>2</sup> yang menjalani Perintah Tahanan di-bawah section 8, Akta Keselamatan Dalam Negeri lebih daripada 6 tahun ia-lah 3 orang. Kes<sup>2</sup> mereka itu telah di-ulangkaji beberapa kali oleh Lembaga Penasehat (Advisory Board) mengikut section 13, Akta tersebut



dan Lembaga tersebut mengeshor-kan supaya mereka itu terus di-tahan lagi. Oleh yang demikian soal beberapa lama lagi mereka akan di-tahan akan bergantung kepada hasil ulangkaji yang akan di-adakan oleh Lembaga tersebut dari masa kesemasa mengikut peruntukan section 13.

#### Gerakan Sedar

**3. Tuan Ng Hoe Hun** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa pada 14hb Mach, 1972, sa-orang tahanan berumur 23 tahun, yang di-tangkap sa-masa Gerakan Sedar di-Kedah, telah meninggal dunia di-dalam lokap sa-masa di-soal, dan jika ya, nyatakan:

- (a) nama-nya;
- (b) sebab<sup>2</sup> kematian-nya;
- (c) sama ada penyihasatan polis telah di-buat dan jika tidak, mengapa;
- (d) doktor yang menjalankan pemereksaan mayat itu dan apa laporan-nya;
- (e) waris-nya;
- (f) berapa lama beliau di-dalam lokap;
- (g) pegawai yang menyoal-nya;
- (h) doktor yang menandatangani surat akuan mati-nya; dan
- (i) sama ada beliau sa-orang warganegara Malaysia.

**Tun Dr Ismail Al-haj bin Dato' Abdul Rahman:** Satu penyihasatan (inquest) telah di-jalankan pada 10hb April, 1972 di-Mah-kamah Baling atas kematian orang yang berkenaan. Beliau yang bernama Wong Sue di-dapati meninggal dunia pada 13hb Mach, 1972. Megistret telah membuat kesimpulan pendapat bahawa si-mati telah membunuh diri.

#### Pagar Dawai Kawat

**4. Tuan Hor Cheok Foon** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau berchadang hendak meruntuhkan pagar dawai kawat yang mengelilingi kampung<sup>2</sup> baharu dalam Negeri Perak, supaya ra'ayat dapat hidup dengan bebas dan gembira.

**Tun Dr Ismail Al-haj bin Dato' Abdul Rahman:** Ahli Yang Berhormat itu tidak memberi nama<sup>2</sup> kampung baharu yang di-maksudkan-nya. Oleh demikian ada-lah sukar

bagi saya memberi jawapan yang tepat kepada pertanyaan-nya. Jika Ahli Yang Berhormat itu memaksudkan kampung Tanah Hitam, Kanthan Bharu, Kuala Kuang dan Simpang Jalong, saya suka menyatakan ia-itu pada masa ini saya tidak berchadang hendak meruntuhkan pagar<sup>2</sup> yang telah di-dirikan di-sekeliling kampung<sup>2</sup> tersebut.

#### Pondok<sup>2</sup> Polis

**5. Dr Tan Chee Khoon** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) berapa banyak-kah Pondok<sup>2</sup> Polis yang telah di-dirikan di-Kuala Lumpur, Ipoh dan Pulau Pinang hingga sekarang;
- (b) sama ada beliau berchadang hendak mendirikan Pondok<sup>2</sup> Polis lebeh banyak lagi atau ada-kah jumlah yang ada sekarang sudah menchukopi;
- (c) sama ada beliau sedar bahawa sa-tengah<sup>2</sup> Pondok Polis itu tidak me-mainkan peranan yang sa-benar-nya bagi membantu orang ramai.

**Tun Dr Ismail Al-haj bin Dato' Abdul Rahman:**

- (a) Bilangan Pondok Polis yang telah di-dirikan ada-lah saperti berikut:

|                   |     |           |
|-------------------|-----|-----------|
| (i) Kuala Lumpur  | ... | 75 pondok |
| (ii) Pulau Pinang | ... | 8 pondok  |
| (iii) Ipoh        | ... | 19 pondok |

- (b) Bilangan pondok<sup>2</sup> Polis yang tersebut di-tempat<sup>2</sup> di-atas ada-lah sudah men-chukopi buat masa ini. Oleh sebab itu Kerajaan tidak-lah berchadang hendak menambah lagi bilangan pondok<sup>2</sup> Polis di-situ. Sunggoh pun begitu pem-binaan pondok<sup>2</sup> Polis di-satu<sup>2</sup> tempat ada-lah di-kaji dari masa ka-semasa dan bilangan pondok<sup>2</sup> Polis itu akan di-tambah atau di-kurangkan jika di-fikir-kan perlu. Kajian ini di-jalankan dari segi pembangunan bandar dan kegiatan jenayah di-sesuatu tempat.
- (c) Saya tidak menerima apa<sup>2</sup> aduan yang tidak memuaskan terhadap peranan yang di-mainkan oleh pondok<sup>2</sup> Polis ini. Jika Ahli Yang Berhormat itu ada aduan yang tertentu sila-lah kemuka-kan aduan itu kepada saya untok di-siasat.

**Ranchangan<sup>2</sup> Rumah Murah**

**6. Tuan Chan Siang Sun** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bila-kah ranchangan<sup>2</sup> rumah harga murah akan dilaksanakan di-Karak, Chamang dan Menakab. (Tapak<sup>2</sup> untuk ranchangan<sup>2</sup> ini telah di-sediakan).

**Tun Dr Ismail Al-haj bin Dato' Abdul Rahman:** Pinjaman telah di-luluskan bagi Kerajaan Negeri untuk melaksanakan ranchangan<sup>2</sup> di-atas. Kechuali terdapat satu<sup>2</sup> perkara yang di-luar jangka, ranchangan<sup>2</sup> itu akan di-laksanakan pada tahun ini. Oleh kerana ranchangan<sup>2</sup> ini ada-lah ranchangan<sup>2</sup> Kerajaan Negeri, Ahli Yang Berhormat adalah di-nasehatkan menghubungi Kerajaan Negeri itu untuk mengetahui butir<sup>2</sup> dan kemajuan ranchangan<sup>2</sup> ini.

**Teoh Sam Poh**

**7. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:

- (a) di-mana dan bila Teoh Sam Poh di-tahan;
- (b) sebab<sup>2</sup> dia di-tahan; dan
- (c) berapa lama lagi dia akan di-tahan.

**Tun Dr Ismail Al-haj bin Dato' Abdul Rahman:**

- (a) Teoh Sam Poh telah di-tahan di-bawah seksyen 8 Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960 di-Tempat Tahanan Perlindungan Khas, Batu Gajah sejak 24hb November, 1966.
- (b) Sabjek telah di-tahan oleh kerana sejak tahun 1959 kegiatan<sup>2</sup>-nya ada-lah memudharatkan keselamatan negara ini.
- (c) Kes-nya ini telah di-ulangkaji pada 27hb April, 1972 oleh Lembaga Pena-sehat (Advisory Board) yang mengeshorkan supaya sabjek terus di-tahan. Sunggoh pun begitu kes saperti ini akan di-ulangkaji semula mengikut peruntukan seksyen 13 Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960. Oleh yang demikian soal berapa lama lagi beliau akan di-tahan akan bergantung kepada hasil ulangkaji yang tersebut.

**Lim Choon Hwa**

**8. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:

- (a) di-mana dan bila Lim Choon Hwa di-tahan;
- (b) sebab<sup>2</sup> dia di-tahan; dan
- (c) berapa lama lagi dia akan di-tahan.

**Tun Dr Ismail Al-haj bin Dato' Abdul Rahman:**

- (a) Enche' Lim Choon Hwa telah di-tahan di-bawah seksyen 8 Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960 di-Tempat Tahanan Perlindungan Khas, Batu Gajah sejak 24hb November, 1966.
- (b) Sabjek telah di-tahan oleh kerana sejak tahun 1965 kegiatan<sup>2</sup>-nya ada-lah memudharatkan keselamatan negara ini.
- (c) Kes-nya ini telah di-ulangkaji pada 27hb April, 1972 oleh Lembaga Pena-sehat (Advisory Board) yang mengeshorkan supaya sabjek terus di-tahan. Sunggoh pun begitu kes saperti ini akan di-ulangkaji semula mengikut peruntukan seksyen 13 Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960. Oleh yang demikian soal berapa lama lagi beliau akan di-tahan akan bergantung kepada hasil ulangkaji yang tersebut.

**Rumah Harga Murah**

**9. Dr Tan Chee Khoon** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bilangan rumah harga murah yang telah di-dirikan di-Kuala Lumpur dalam tahun 1969, 1970 dan 1971 dan ada-kah beliau sedar bahawa lebeh banyak lagi rumah<sup>2</sup> saperti ini patut di-dirikan untuk menampung penduduk<sup>2</sup> di-Kuala Lumpur.

**Tun Dr Ismail Al-haj bin Dato' Abdul Rahman:** Bilangan rumah harga murah yang telah di-bena dan di-siapkan di-Kuala Lumpur dengan menggunakan wang pinjaman Kerajaan Persekutuan bagi tahun<sup>2</sup> 1969, 1970 dan 1971 ada-lah saperti berikut:

|      |     |     |     |       |       |
|------|-----|-----|-----|-------|-------|
| 1969 | ... | ... | ... | 2,863 | yunit |
| 1970 | ... | ... | ... | 1,072 | ..    |
| 1971 | ... | ... | ... | 984   | ..    |

Kementerian ini memang sedar akan perlunya di-bena banyak lagi rumah<sup>2</sup> bukan sahaja bagi penduduk<sup>2</sup> di-Kuala Lumpur malah juga di-kawasan<sup>2</sup> lain. Walau bagaimana pun, jumlah wang yang boleh di-belanjakan bagi perumahan awam perlu-lah di-pertimbangkan dengan keutamaan<sup>2</sup> Kerajaan yang lain. Untuk ma'aluman Ahli Yang Berhormat itu, sajumlah 7,314 rumah awam yang berharga murah ada-lah di-jangka di-bena di-Kuala Lumpur dalam masa Ranchangan Malaysia Kedua oleh Dewan Bandaraya dan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor.

#### Lembaga Perumahan

**10. Dr Tan Chee Khoon** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) jumlah wang yang di-simpan oleh Lembaga Perumahan di-dalam bank<sup>2</sup> pada akhir tahun 1969, 1970 dan 1971; dan
- (b) mengapa-kah wang itu di-simpan di-dalam bank dan tidak di-gunakan untuk mendirikan rumah.

**Tun Dr Ismail Al-haj bin Dato' Abdul Rahman:**

- (a) Jumlah wang yang di-laborkan dalam bank sa-bagai simpanan jangka panjang oleh Lembaga Perumahan pada penghujung tahun<sup>2</sup> 1969, 1970 dan 1971 ada-lah seperti berikut:

|          |     |             |
|----------|-----|-------------|
| 1969 ... | ... | \$4,432,500 |
| 1970 ... | ... | 4,638,500   |
| 1971 ... | ... | 4,936,500   |

- (b) Wang itu telah di-laborkan dalam bank<sup>2</sup> supaya mendapatkan pendapatan untuk membiayai perjalanan harian Lembaga Perumahan. Semenjak 1957, Lembaga Perumahan tidak membena rumah dengan sendiri tetapi telah di-atorkan menjadi penasihat teknikal dan agen Kerajaan dalam penglaksanaan ranchangan<sup>2</sup> perumahan awam bagi kumpulan<sup>2</sup> orang<sup>2</sup> berpendapatan rendah. Dalam peranan-nya yang kemudian ini Lembaga itu tidak mempunyai apa<sup>2</sup> puncha pendapatan oleh kerana khidmat<sup>2</sup> Lembaga itu ada-lah di-beri perchuma kepada Kerajaan<sup>2</sup>

Negeri dan tidak di-kenakan kepada ranchangan<sup>2</sup> perumahan. Khidmat<sup>2</sup> ini ada-lah di-anggap sa-bagai bantuan terhadap ranchangan perumahan awam. Pada masa ini Kerajaan sedang mengkaji struktur dan fungsi Lembaga Perumahan supaya menentukan peranan-nya di-masa akan datang berhubung dengan pembangunan perumahan awam berbanding dengan agensi<sup>2</sup> Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan yang lain, yang terlibat dalam pembangunan perumahan.

#### Perwakilan Dari Semua Parti

**11. Tuan V. David** bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri sama ada Kerajaan akan menimbang untuk membenarkan satu perwakilan dari semua parti melawat khemah<sup>2</sup> tahanan.

**Tun Dr Ismail Al-haj bin Dato' Abdul Rahman:** Saya telah pun menjawab soalan tersebut pada 20hb Januari tahun ini. Jawapan-nya ia-lah—Tidak.

#### "Red Star Over China"

**12. Dr Tan Chee Khoon** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada buku "Red Star Over China" yang di-tulis oleh Edgar Snow itu di-haramkan, dan sa-kira-nya tidak, mengapa-kah kulit buku itu di-hitamkan ketika di-bawa masuk ka-Malaysia baru<sup>2</sup> ini.

**Tun Dr Ismail Al-haj bin Dato' Abdul Rahman:** Buku berjudul "Red Star Over China" karangan Edgar Snow telah di-anggap parasangka terhadap keselamatan pada 4hb Januari, 1962 mengikut Seksyen 9 "Control of Imported Publications Ordinance, 1958". Oleh hal yang demikian buku ini tiada-lah di-benarkan di-bawa masuk atau pun di-edarkan kepada orang<sup>2</sup> ramai di-negeri ini. Oleh kerana buku ini telah tidak di-benarkan untuk di-bawa masuk maka itu-lah sebab-nya si-pembawa menghitamkan kulit buku ini dengan niat hendak mengelirukan pehak<sup>2</sup> berkuasa supaya dapat dia membawa buku itu sa-chara haram.

### Kawasan Keselamatan Khas

**13. Tuan Edwin anak Tangkun** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) apa-kah implikasi pengumuman yang di-buat baru<sup>2</sup> ini tentang Bahagian Ketiga di-Sarawak di-jadikan "kawasan keselamatan khas"; dan
- (b) akibat<sup>2</sup>-nya terhadap kegiatan<sup>2</sup> ekonomi penduduk<sup>2</sup> dalam kawasan itu.

**Tun Dr Ismail Al-haj bin Dato' Abdul Rahman:**

- (a) Saperti Ahli Yang Berhormat barangkali ma'alom, kejadian pembunuhan, pencholekan, pengugutan dan memusnahkan harta benda oleh pengganas<sup>2</sup> kominis di-Bahagian Ketiga Sarawak telah bertambah dalam beberapa bulan yang lalu. Tindakan yang tegas dan segera ada-lah di-perlukan untuk menjaga keselamatan awam. Bahagian Ketiga Sarawak telah di-istiharkan sebagai "kawasan keselamatan khas" untuk menjamin bahawa jentera Kerajaan ada-lah bersedia dan di-gunakan dengan penuh untuk menghapuskan pengganas<sup>2</sup> kominis di-kawasan tersebut. Dengan pengistiharan kawasan keselamatan khas, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak sebagai Pengarah Gerakan Negeri telah di-beri kuasa yang penuh untuk mengambil segala langkah yang perlu mengenai keadaan keselamatan di-kawasan tersebut. Bahagian Ketiga ada-lah di-asingkan daripada kawasan<sup>2</sup> Sarawak yang lain untuk maksud pentadbiran.

- (b) Pengistiharan Bahagian Ketiga sa-bagai kawasan keselamatan khas dengan sendiri-nya tidak akan mendatangkan apa<sup>2</sup> akibat yang burok kepada aktiviti ekonomi di-kawasan tersebut. Sebenar-nya ini ia-lah satu langkah untuk mengawal keadaan keselamatan di-kawasan tersebut dan akan membolehkan penduduk<sup>2</sup> di-kawasan tersebut menjalankan urusan<sup>2</sup> biasa mereka dengan aman.

### Tangkapan 124 Orang

**14. Tuan Edmund Langgu anak Saga** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyata-

kan, di-antara 124 orang yang di-tangkap di-Sarawak baru<sup>2</sup> ini sa-bagaimana yang di-laporkan di-dalam *Straits Times* keluaran 24hb Mach:

- (a) berapa orang perempuan;
- (b) berapa orang guru;
- (c) berapa orang penuntut; dan
- (d) berapa orang yang berumur kurang daripada 18 tahun.

**Tun Dr Ismail Al-haj bin Dato' Abdul Rahman:** Di-bawah Gerakan "Petek" yang di-lancarkan serentak pada 22hb Mach, 1972 di-Bahagian<sup>2</sup> Pertama dan Ketiga negeri Sarawak seramai 124 orang telah di-tangkap. Butir<sup>2</sup> orang<sup>2</sup> yang telah di-tangkap saperti yang di-kehendaki oleh Yang Berhormat ialah saperti berikut:

- (a) 50 orang ada-lah perempuan;
- (b) 6 orang ada-lah guru;
- (c) 98 orang ada-lah penuntut; dan
- (d) 80 orang ada-lah di-bawah umur 18 tahun.

### Orang<sup>2</sup> Dagang

**15. Tuan Fan Yew Teng** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan jumlah jawatan yang maseh lagi di-pegang oleh orang<sup>2</sup> dagang di-(a) Sektor<sup>2</sup> Persendirian, (b) Sektor<sup>2</sup> Awam dan apa-kah langkah<sup>2</sup> yang telah di-ambil atau yang akan di-ambil oleh Kerajaan untuk mengisi jawatan<sup>2</sup> ini dengan ra'ayat Malaysia.

**Tun Dr Ismail Al-haj bin Dato' Abdul Rahman:** Jumlah jawatan<sup>2</sup> yang maseh di-pegang oleh orang<sup>2</sup> dagang dalam Sektor Persendirian dan Sektor Awam pada masa ini ada-lah saperti berikut:

#### A. Sektor Persendirian

|                    |     |       |
|--------------------|-----|-------|
| Malaysia Barat ... | ... | 2,138 |
| Malaysia Timor ... | ... | 229   |

Jumlah tersebut ada-lah termasuk pegawai<sup>2</sup> dagang di-dalam Sharikat Perdagangan dan Perindustrian, Perusahaan<sup>2</sup> Ladang dan Perusahaan<sup>2</sup> Lombong.

**B. Sektor Awam**

|                    |     |     |
|--------------------|-----|-----|
| Malaysia Barat ... | ... | 266 |
| Malaysia Timor ... | ... | 330 |

*Langkah<sup>2</sup> positif dan tegas yang sedang dan akan di-ambil oleh Kerajaan untuk mewarganegarkan jawatan tersebut.*

Pada masa sekarang Kerajaan mempunyai satu perjanjian dengan Dewan<sup>2</sup> Perniagaan dimana Sharikat<sup>2</sup> Perdagangan dan Perindustrian itu di-kehendaki mengadakan achara<sup>2</sup> latihan seperti berikut:

- (i) Dengan menawarkan biasiswa<sup>2</sup> kepada warganegara<sup>2</sup> Malaysia untuk melanjutkan pelajaran ka-Universiti<sup>2</sup> dan Yayasan Pelajaran Tinggi di-dalam dan di-luar negeri.
- (ii) Dengan melateh warganegara<sup>2</sup> untuk memegang jawatan "executive" dan pengurusan di-semua peringkat.

*Langkah<sup>2</sup> yang di-jalankan dalam Sektor Awam pula ia-lah—*

- (iii) Dengan menawarkan lebih banyak biasiswa untuk warganegara melanjutkan pelajaran di-dalam mata pelajaran sains dan teknologi.
- (iv) Dengan menubuhkan Fakulti Perubatan di-Universiti Kebangsaan pada tahun ini.
- (v) Dengan menubuhkan Fakulti Pergigian di-Universiti Malaya pada session 1972/1973 ini.
- (vi) Mengadakan beberapa buah sekolah vocational, yayasan pertanian dan menaikan taraf maktab teknik ka-peringkat Universiti.

**Pegawai<sup>2</sup> Dagang**

**16. Tuan Fan Yew Teng** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan apa-kah langkah<sup>2</sup> yang telah di-ambil atau yang akan di-ambil oleh Kerajaan untuk mengurangkan atau menghapuskan jawatan<sup>2</sup> yang di-sandang oleh pegawai dagang di-perusahaan<sup>2</sup> surat khabar di-Malaysia.

**Tun Dr Ismail Al-haj bin Dato' Abdul Rahman:** Kerajaan telah menubuhkan satu Jawatankuasa Tetap mengandungi wakil<sup>2</sup> daripada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Pelajaran, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, Jabatan Imigresen dan Kementerian Buruh untuk mengkaji kedudukan jawatan<sup>2</sup> yang di-pegang

oleh pegawai<sup>2</sup> dagang di-Sharikat<sup>2</sup> Perdagangan termasuk-lah perusahaan<sup>2</sup> surat khabar. Jawatankuasa Tetap ini di-beri kuasa mengkaji dan menentukan mengikut keadaan yang terjalin di-satu<sup>2</sup> sharikat itu tempoh masa-nya jawatan<sup>2</sup> yang di-pegang oleh pegawai<sup>2</sup> dagang itu patut di-warganegarakan. Walau bagaimana pun mengikut dasar yang ada sekarang jawatan<sup>2</sup> yang di-pegang oleh pegawai<sup>2</sup> dagang hendak-lah di-warganegarakan selewat<sup>2</sup>-nya pada penghujung tahun 1975 (terkecuali jawatan<sup>2</sup> yang telah di-anggap jawatan<sup>2</sup> penting).

**Penjara Khas, Seremban**

**17. Dr A. Soorian** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan jumlah orang<sup>2</sup> tahanan yang terdapat sekarang di-Penjara Khas, Seremban, lama-nya mereka di-tahan dan apa-kah nasib mereka.

**Tun Dr Ismail Al-haj bin Dato' Abdul Rahman:** Orang<sup>2</sup> tahanan di-Penjara Khas, Seremban, tidak termasuk mereka yang menjalani hukuman penjara oleh Mahkamah sekarang berjumlah 102 orang.

Tempoh tahanan mereka ada-lah berbeza, bergantung kepada selesai-nya penyelenggaraan menghantar mereka pulang ka-negeri asal masing<sup>2</sup>.

**"The Malay Dilemma"**

**18. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada benar atau tidak yang Kerajaan berchadang menarek balek pengharaman buku Dr Mahathir yang bertajuk "The Malay Dilemma".

**Tun Dr Ismail Al-haj bin Dato' Abdul Rahman:** Jikalau ada chadangan tentu ada pelaksanaan. Jikalau sesuatu chadangan itu Kerajaan hendak mendapat fikiran umum ia akan di-sebar bagi pengetahuan umum. Jikalau tidak, chadangan Kerajaan hanya dapat di-ketahui umum bila masa Kerajaan melaksanakan-nya.

**"The Far Eastern Economic Review"**

**19. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan jumlah keluaran Far Eastern Economic Review yang telah di-haramkan di-Malaysia tahun ini, dan nyatakan sebab<sup>2</sup> pengharaman tiap<sup>2</sup> satu.

**Tun Dr Ismail Al-haj bin Dato' Abdul Rahman:** Chuma satu sahaja keluaran majallah "The Far Eastern Economic Review" ia-itu keluaran No. 6 bertarikh 5hb Februari, 1972 yang telah di-anggap parasangka terhadap keselamatan dan tidak di-benarkan di-bawa masuk dan di-edarkan kepada orang ramai mengikut seksyen 9 "Control of Imported Publications Ordinance, 1958".

Saya sudah pun memberi sebab mengapa majallah ini tidak di-benarkan di-bawa masuk apabila menjawab soalan daripada Y.B. Enche' V. David pada 17hb Mei, 1972.

#### Lawatan Timbalan Perdana Menteri

**20. Tuan Haji Ahmad bin Arshad** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan hasil yang besar yang telah di-chapai bersama oleh kedua<sup>2</sup> buah negara sa-masa lawatan Timbalan Perdana Menteri ka-Indonesia baru<sup>2</sup> ini dalam:

- (a) lapangan antarabangsa;
- (b) keselamatan dan pertahanan; dan
- (c) perdagangan dan perusahaan.

**Tun Dr Ismail Al-haj bin Dato' Abdul Rahman:**

- (a) Hasil yang besar daripada lawatan saya ka-Indonesia dalam lapangan antara-bangsa ia-lah Malaysia dan Indonesia telah dapat mengeratkan lagi tali persahabatan dan persefahaman di-antara kedua<sup>2</sup> buah negara dan juga menghapuskan saki baki sa-barang perasaan silap faham yang di-timbulkan semasa konfrantasi dahulu.
- (b) Dalam lapangan keselamatan dan pertahanan lawatan saya juga menghasilkan satu perjanjian di-peringkat Menteri berkenaan dengan kerjasama menentang anchaman komunis di-kawasan sempadan.
- (c) Dalam lapangan perdagangan dan perusahaan pula lawatan saya itu telah membuka jalan ka-arrah kerjasama yang lebeh rapat lagi dalam bidang itu antara kedua<sup>2</sup> negara.

#### Tan Kai Hee

**21. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri sama ada beliau sedar ia-itu Tan Kai Hee telah di-tahan semenjak bulan Februari, 1965, dan

jika sedar, kenapa dia di-tahan begitu lama sedangkan rakan<sup>2</sup>-nya yang di-tahan kerana terlibat dalam tunjok perasaan pada 13hb Februari, 1965, semua-nya telah di-bebaskan.

**Tun Dr Ismail Al-haj bin Dato' Abdul Rahman:** Tan Kai Hee telah di-tangkap pada 13hb Februari, 1965 dan Perintah Tahanan di-bawah seksyen 8, Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960 telah di-keluarkan pada 12hb Mach, 1965. Kes subjek telah di-ulangkaji beberapa kali oleh Lembaga Penasehat (Advisory Board) mengikut seksyen 13, Akta tersebut. Ulangkaji yang terakhir telah di-adakan pada 15hb Mach, 1972 dan Lembaga tersebut mengeshorkan supaya subjek tersebut terus di-tahan.

#### Rasuah dan Komishen

**22. Tuan Mustapha bin Hussain** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada Kerajaan sedar bahawa di-satengah<sup>2</sup> sharikat persendirian termasuk bank<sup>2</sup>, rasuah, memberi komishen dan "kick-back" yang merosakkan masharakat sedang berlaku dengan hebat-nya dan jika sedar sama ada Kerajaan berchadang meminta Akta Menchegah Rasuah supaya majikan<sup>2</sup> persendirian termasuk dalam tafsiran "public-body" dan terkawal dalam undang<sup>2</sup> yang tersebut.

**Tun Dr Ismail Al-haj bin Dato' Abdul Rahman:** Kerajaan sedar bahawa pegawai<sup>2</sup> di-satengah sharikat<sup>2</sup> persendirian termasuk bank<sup>2</sup> ada mengamalkan rasuah dan penerimaan komishen. Kerajaan tidak berchadang hendak meminda tafsiran "public-body" oleh kerana tafsiran "principal" dalam Akta Menchegah Rasuah, 1961 sudah pun meliputi tujuan yang di-maksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

#### "Mutiar"

**23. Tuan Haji Mawardi bin Lebai Teh** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan ada-kah Kerajaan berchadang hendak menimbang sa-mula untuk membenarkan pengedaran sa-buah kitab bernama "Mutiar" yang di-karang oleh Sheikh Abdul Kadir El-Mandili oleh kerana kitab tersebut amat-lah berguna dan dapat menambahkan lagi khazanah sastera Islam di-bidang hukum di-Malaysia, dan jika tidak, mengapa.

**Tun Dr Ismail Al-haj bin Dato' Abdul Rahman:** Mengikut rekod dalam Kementerian ini penerbit kitab bernama "Mutiar"

karangan Sheikh Abdul Kadir El-Mandili belum lagi memohon kebenaran untuk mengedarkan kitab tersebut kepada orang ramai di-negeri ini. Oleh yang demikian soal untuk membenarkan atau tidak pendedaran kitab tersebut belum-lah lagi timbol.

#### Pemaju<sup>2</sup> Perumahan

**24. Dr Tan Chee Khoo** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar bahawa ramai di-antara pemaju<sup>2</sup> perumahan di-sekitar Kuala Lumpur enggan mengadakan persiapan dan kemudahan dalam rancangan perumahan yang di-dirikan oleh mereka, seperti saloran<sup>2</sup> ayer, taman permainan kanak<sup>2</sup> dan sa-bagainya; dan
- (b) sama ada beliau berchadang hendak memperketatkan lagi undang<sup>2</sup> perumahan supaya tidak menyusahkan penghuni<sup>2</sup> dan juga orang ramai.

**Tun Dr Ismail Al-haj bin Dato' Abdul Rahman:**

- (a) Di-bawah Kaedah<sup>2</sup> (Mengawal dan Melesen) Pemaju Perumahan, 1970, ada-lah menjadi kewajipan Pemaju<sup>2</sup> Perumahan memperuntokan dengan perbelanjaan<sup>2</sup>-nya sendiri jalan<sup>2</sup>, jalan<sup>2</sup> kereta, parit<sup>2</sup>, pembetong<sup>2</sup>, saloran ayer dan tangki najis atau saloran najis atau pelembah najis menurut kehendak<sup>2</sup> dan piawai<sup>2</sup> Pihak-berkuasa yang Berkenaan, ia-itu Pihak-berkuasa Tempatan atau Pegawai Daerah yang mana juga yang berkenaan yang mengeluarkan Perakuan Layak. Peruntokan taman permainan kanak<sup>2</sup> dan kemudahan rekreasi ada-lah tanggungjawab Pihak-berkuasa yang berkenaan.
- (b) Kementerian Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan sedang menggubal Akta Jalan<sup>2</sup>, Parit dan Pembinaan dan perundangan kecil yang akan menjamin lebih lagi bahawa kekurangan di-dalam Undang<sup>2</sup> Kecil Pembinaan yang ada sekarang di-atasi.

#### KEMENTERIAN KEWANGAN

**Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Trengganu**

**25. Tuan Mohd. Daud bin Abdul Samad** minta Menteri Kewangan menyatakan jumlah wang yang di-pinjam oleh Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Trengganu dari-

pada Kerajaan Pusat dalam tahun 1972 ini dengan menyatakan berapa banyak wang yang di-untokkan bagi tiap<sup>2</sup> projek.

**Menteri Kewangan (Tun Tan Siew Sin):** Kerajaan Persekutuan telah bersetuju meminjam kepada Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Trengganu, melalui Kerajaan Negeri Trengganu, wang berjumlah \$10.3 juta dalam tahun 1972 untuk Projek Kemajuan Tanah Sg. Tong. Dari jumlah ini, sa-banyak \$4.2 juta telah di-keluarkan setakat ini, ia-itu sa-hingga akhir bulan April tahun ini.

The Federal Government has agreed to lend to the State Economic Development Board of Trengganu, through the State Government of Trengganu, a sum of \$10.3 million in 1972 for the Sungai Tong Land Development Scheme. Of this amount, a sum of \$4.2 million has been released so far, i.e., up to the end of April this year.

#### Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja

**26. Dr Tan Chee Khoo** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) jumlah siswazah<sup>2</sup> dari Universiti<sup>2</sup> Nanyang, Taiwan dan Travancore yang sekarang ini di-ambil bekerja oleh Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja; dan
- (b) ada-kah ijazah mereka itu di-akuī oleh Lembaga itu.

**Tun Tan Siew Sin:**

- (a) Ada 16 orang siswazah<sup>2</sup> dari Universiti Nanyang dan 4 siswazah dari Universiti Taiwan yang sekarang bekerja sa-bagai Merinyu di-Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Siswazah<sup>2</sup> dari Universiti Travancore tidak pernah bekerja di-Kumpulan Wang itu.

20 siswazah<sup>2</sup> dari Universiti Nanyang dan Taiwan telah di-ambil bekerja dalam tahun 1967/68 untuk sa-suatu tugas<sup>2</sup> khas. Kumpulan Wang menghendaki Merinyu<sup>2</sup> yang boleh bergaul dengan saudagar<sup>2</sup> China, berchakap dalam bahasa mereka, dan memeriksa rekod<sup>2</sup> mereka yang di-tulis dalam bahasa China. Siswazah<sup>2</sup> dari Nanyang dan Taiwan telah di-ambil bekerja khusus untuk maksud ini, dan bukan untuk lain maksud. Kerja<sup>2</sup> Merinyu<sup>2</sup> ini di-dapati memuaskan dan berjaya.



- (b) Oleh kerana siswazah<sup>2</sup> dari Universiti Taiwan dan Nanyang di-ambil bekerja untuk tujuan khas, soal mengakui ijazah dari Taiwan dan Nanyang oleh Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, tidak-lah timbul.
- (a) Sixteen graduates from Nanyang University and 4 graduates from Taiwan University are serving as Inspectors in the Employees Provident Fund. No graduates from Travancore University have been employed by the Fund.

The 20 graduates from Nanyang and Taiwan Universities were recruited in 1967/68 for a special function. The Fund needed to have Inspectors who go among Chinese businessmen, speak their language, and examine their records which are written in Chinese. Graduates from Nanyang and Taiwan were recruited solely for this purpose, and no other. The work of these Inspectors has proved to be satisfactory and successful.

- (b) Since the Taiwan and Nanyang graduates were recruited for a specific purpose, the question of the recognition of Taiwan and Nanyang degrees by the Employees Provident Fund Board does not arise.

## KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

### Ranchangan<sup>2</sup>

27. Tuan Mohd. Daud bin Abdul Samad minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan ranchangan<sup>2</sup> yang sudah pun di-mulakan sejak Kementerian ini di-tubuhkan.

**Menteri Perpaduan Negara (Tun V. T. Sambanthan):** Beberapa bulan yang lalu ini telah di-gunakan untuk menilai tugas<sup>2</sup> kedua<sup>2</sup> jabatan yang di-satukan untuk di-jadikan Kementerian Perpaduan Negara. Ini ber-ma'ana :

- (i) menilai bidang aktiviti<sup>2</sup> kedua<sup>2</sup> jabatan ini dan membuat perubahan<sup>2</sup> yang di-fikirkan perlu;
- (ii) meranchangkan aktiviti<sup>2</sup> untuk masa hadapan dengan berpandukan kepada pengalaman<sup>2</sup> yang telah lalu.

Kementerian Perpaduan Negara telah di-bentok dengan tujuan untuk mencapai matlamat perpaduan negara yang maha penting itu. Ini berma'ana mengadakan dialog dengan beberapa golongan masyarakat yang di-mulakan dengan parti<sup>2</sup> politik dan di-susuli dengan majlis<sup>2</sup> diskusi dengan orang<sup>2</sup> awam untuk tujuan meninjau berbagai<sup>2</sup> pendapat tentang masaalah<sup>2</sup> perpaduan negara.

Serentak dengan ini aktiviti<sup>2</sup> Kelas Perpaduan Ra'ayat berjalan terus dan langkah<sup>2</sup> sedang di-ambil untuk meluaskan lagi aktiviti dalam bidang ini. Sementara itu Bahagian Perhubungan Masyarakat sedang di-bentok supaya satu sekim gerakan yang sistematis dapat di-adakan di-seluruh negeri. Selain daripada itu Bahagian Penyelidikan Kementerian ini terus menjalankan penyelidikan<sup>2</sup> di-dalam berbagai lapangan dan juga sedang menjalankan kajian sosio-ekonomi ka-atas kampong<sup>2</sup> bahru, kampong<sup>2</sup> dan estet<sup>2</sup> untuk membolehkan membuat penilaian yang saintifik terhadap masaalah<sup>2</sup> dan taraf kemiskinan atau kekayaan bagi tiap<sup>2</sup> satu masyarakat ini.

The past few months have been utilised for the purpose of evaluating the functions of the two departments that comprise the Ministry of National Unity. This meant :

- (i) assessing the scope and extent of the activities of these two departments and bringing about changes where considered necessary;
- (ii) to programme activities for the future in the light of past experience.

The Ministry of National Unity was formed with the objective of pursuing the overriding objective of national unity. This has meant dialogue with various groups of persons which began in the first instance with various political parties and was followed by discussions with other members of the public with a view to ascertaining the cross-section of opinion with regard to the problems of national unity.

Concurrently the activity relating to Kelas Perpaduan Ra'ayat has gone on and measures are being undertaken to extend its activities. In the meanwhile the Community Relations Division is being set up so as to bring about a systematic scheme of operation throughout the country. In addition the Research Division of the Ministry continues its researches in various fields and also has undertaken a socio-economic study on new villages, kampongs and estates so as to be

able to assess and evaluate a proper scientific form to the problems and level of poverty or affluence in each of these communities.

## KEMENTERIAN PERHUBONGAN

### Ibusawat Otomatik

28. Tuan V. Veerappen minta Menteri Perhubungan menyatakan sama ada beliau sedar ibusawat automatik di-Nibong Tebal terlampau lambat menyambungkan panggilan<sup>2</sup> talipon, dan jika sedar, apa-kah tindakan yang akan Kementerian berchadang hendak ambil atas perkara ini.

Menteri Perhubungan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Panggilan<sup>2</sup> jauh (sambungan talipon) daripada pelanggan<sup>2</sup> Nibong Tebal ada-lah di-perbuat melalui operater<sup>2</sup> talipon di-Bukit Mertajam atau Parit Buntar. Kebanyakan daripada panggilan<sup>2</sup> ini di-sambungkan melalui Bukit Mertajam. Pada masa sekarang ada kelambatan untuk mendapatkan panggilan jauh semasa kesebokkan sa-hari<sup>2</sup>.

2. Langkah<sup>2</sup> telah di-ambil oleh Jabatan Talikom untuk memperbaiki perkhidmatan talipon. Empat lagi papan<sup>2</sup> suis sedang di-pasang di-Bukit Mertajam dan operater<sup>2</sup> yang di-kehendak<sup>2</sup> untuk bekerja<sup>2</sup> di-tempat<sup>2</sup> ini telah di-ambil dan sekarang ini mereka sedang menjalani latihan. Satu lagi papan suis akan di-pasang di-Parit Buntar dalam tahun 1973 untuk mengendalikan panggilan<sup>2</sup> jauh yang di-jangka akan bertambah.

3. Sa-bagai tambahan kepada di-atas, maka lebeh banyak lagi talian<sup>2</sup> daripada Nibong Tebal untuk kedua<sup>2</sup> tempat ia-itu Bukit Mertajam dan Bukit Buntar akan di-adakan. Alat<sup>2</sup> untuk ini sedang di-pesan dan tarikh jangka kesiapan untuk projek<sup>2</sup> ini ia-lah lewat tahun 1973.

4. Di-bawah Rancangan Malaysia Yang Kedua pelanggan<sup>2</sup> di-Nibong Tebal akan boleh mendapati pada lewat tahun 1974 atau awal tahun 1975 kemudahan<sup>2</sup> yang bermutu tinggi ia-itu Panggilan Dail Terus (Subscriber Trunk Dialling) yang serupa dengan apa yang di-dapati oleh pelanggan<sup>2</sup> di-Pulau Pinang.

### Posmen<sup>2</sup>

29. Tuan V. Veerappen minta Menteri Perhubungan menyatakan sama ada beliau sedar yang posmen<sup>2</sup> tidak di-benarkan berchuti

kerana hendak menghadiri kematian saudara mara atau pun perkahwinan rakan sa-jawat mereka sendiri.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Sa-bagai polisi Posmen<sup>2</sup> sentiasa di-beri chuti rehat untuk tujuan<sup>2</sup> tersebut. Walau pun di-mana<sup>2</sup> Jabatan Perkhidmatan Pos mengalami kekurangan kakitangan chuti<sup>2</sup> yang di-pohon oleh posmen<sup>2</sup> untuk tujuan tersebut tidak pernah di-tolak. Bagini-lah sepanjang pengetahuan saya.

### Bil Talipon

30. Tuan Ng Hoe Hun minta Menteri Perhubungan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa sa-orang pelanggan talipon tempatan telah di-minta membayar satu bil talipon sa-banyak \$2,695 walhal bayaran sa-benar-nya ia-lah \$10 sahaja, dan jika ya,

- (a) berapa tepat-kah membuat bil dengan komputer, dan jika tidak boleh bergantung kepada-nya sama ada Kerajaan maseh perchaya penoh kepada komputer apabila membuat bil<sup>2</sup>;
- (b) sama ada Menteri akan mengeluarkan arahan kepada pegawai<sup>2</sup>-nya untuk menentukan supaya bil<sup>2</sup> ada-lah betul sa-belum menghantarkan-nya kepada pelanggan<sup>2</sup> untuk mengelakkan kesusahan yang sa-patut-nya tidak berlaku.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Perkara mengenai bil \$2,695 bukan-lah di-sebabkan sa-barang kesilapan dari komputer tetapi di-sebabkan kesalahan lain. Komputer boleh di-perchayai bagi membuat bil<sup>2</sup> yang tepat dan betul dan kesalahan<sup>2</sup> yang sedikit yang kadang<sup>2</sup> berlaku ada-lah di-sebabkan oleh hal<sup>2</sup> lain dari komputer saperti salinan tulisan dan lain<sup>2</sup>.

Dalam pengeluaran bil<sup>2</sup> penelitian yang banyak di-lakukan untuk mengelakkan kesalahan<sup>2</sup> dan semua langkah<sup>2</sup> yang boleh telah di-ambil untuk menentukan bahawa bil<sup>2</sup> itu betul. Jabatan Talikom menghantar kira<sup>2</sup> 100,000 bil<sup>2</sup> sa-bulan dan kesalahan<sup>2</sup> ada-lah kechil sa-kali bilangan-nya.

### Keretapi Tanah Melayu

31. Tuan Hor Cheok Foon minta Menteri Perhubungan menyatakan sama ada Keretapi Tanah Melayu akan mengambil tindakan untuk (a) menukar kelas<sup>2</sup> dua dan tiga

menjadi kelas biasa dan (b) memberi dan memperbaiki kemudahan<sup>2</sup> untuk kesenangan orang ramai.

**Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:** Ya. Perkara ini sedang di-timbang oleh Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu. Kemudahan<sup>2</sup> pada am-nya sedang diperbaiki.

#### **Dermaga di-Kuantan**

**32. Dr Tan Chee Khoo** minta Menteri Perhubungan menyatakan sama ada Kerajaan berchadang hendak membena sa-buah dermaga di-Kuantan, dan jika ya, bila-kah projek ini akan siap.

**Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:** Kerajaan ada rancangan hendak membena sa-buah Pelabuhan di-Tg. Gelang 15 batu ka-utara Kuantan. Tempat baharu ini dipilih ia-lah dengan sebab ayer-nya lebeh dalam daripada di-Tg. Tembeling ia-itu tempat yang mula<sup>2</sup> di-chadangkan. Ini berma'ana kekurangan perbelanjaan meng-gali-nya (dredging) dan juga dapat di-guna oleh kapal<sup>2</sup> yang lebeh besar pada masa hadapan ia-itu sa-hingga 30,000 tan berat-nya. Kajian teliti kejuruteraan, ekonomi dan sa-bagai-nya sedang di-jalankan.

Projek ini di-jangka siap dalam tahun 1977/78.

#### **Permohonan<sup>2</sup> Talipon**

**33. Dr Tan Chee Khoo** minta Menteri Perhubungan menyatakan berapa lama lagi yang di-perlukan oleh Jabatan Talikom untuk memperoses dan meluluskan permohonan<sup>2</sup> talipon yang menjadi bertambah banyak.

**Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:** Masa di-kehendakki untuk memperoses dan meluluskan permohonan talipon bergantung kepada ada-nya kemudahan<sup>2</sup> saperti alat nombor di-ibusawat, pasangan kebel kepada kawasan rumah pemohon dan talian kepada rumah pada masa permohonan itu di-buat. Jika sekira ada-nya kemudahan<sup>2</sup> ini pemohon akan di-beritahu dalam sa-minggu atau dua, bergantung kepada banyak-nya permohonan, mengenai kebolehan memberi perkhidmatan itu. Sa-lepas itu pemohon di-kehendakki menyelesaikan perkara<sup>2</sup> formal saperti membuat bayaran chagaran, menandatangani surat perjanjian dan memberikan keterangan

untuk buku panduan. Masa bagi perengkat ini bergantung kepada "enthusiasm" pemohon itu. Ada pemohon yang menyelesaikan perkara ini dalam satu atau dua hari sahaja; yang-lain mengambil masa yang panjang pula untuk menimbang balek hinggakan ada yang mengubah fikiran-nya tidak lagi menerima perkhidmatan itu; dan ini menyebabkan segala masa dan tenaga yang telah di-beri oleh Jabatan Talikom menjadi sia<sup>2</sup>.

2. Selepas menyelesaikan perkara<sup>2</sup> formal ini, pemasangan perlu di-jalankan dan ini meliputi mendawaikan alat<sup>2</sup> di-ibusawat, penyambongan kebel, memasang tiang dan dawai dan memasang wair dan alat di-rumah. Masa di-kehendakki bagi kerja ini ia-lah lebeh kurang sa-minggu bergantung kepada banyak-nya kerja yang di-jalankan. Pada keseluruhan-nya, tempohan masa bagi memberi perkhidmatan kepada satu permohonan untuk talian terus yang senang, jika semua kemudahan<sup>2</sup> tersedia, ia-lah sa-bulan. Tetapi pemasangan PABX di-pejabat<sup>2</sup> dan di-bangunan<sup>2</sup> bertingkat memakan masa yang lebeh.

3. Tetapi jika kemudahan<sup>2</sup> bagi memberi perkhidmatan tidak tersedia pada masa permohonan di-buat, pemohon akan di-beri tahu hal ini dalam sa-minggu atau dua dan perkhidmatan akan di-tawarkan sa-baik sahaja kemudahan<sup>2</sup> telah di-sediakan sa-lepas di-beri pertimbangan<sup>2</sup> ekonomi dan teknikal. Masa menyediakan kemudahan<sup>2</sup> ini bergantung kepada kerja yang di-jalankan saperti memasang rangkaian kebel dan mengadakan ibusawat.

#### **Perkhidmatan Talipon**

**34. Tuan Chan Siang Sun** minta Menteri Perhubungan menyatakan ada-kah beliau sedar tentang selalu terdapat kelambatan dalam perkhidmatan talipon di-daerah<sup>2</sup> Bentong dan Mentakab, dan jika ya, nyatakan apa-kah tindakan yang telah di-ambil oleh Kementerian ini untuk memperbaiki perkhidmatan tersebut.

**Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:** Menteri Perhubungan sedar tentang kelambatan perkhidmatan talipon dalam daerah<sup>2</sup> Bentong dan Mentakab.

Sa-buah sistem radio VHF telah pun di-pesan dalam tahun 1971 dan telah pun di-terima dan kerja<sup>2</sup> memasang-nya telah pun di-mulakan dan sistem ini di-jangka akan memulakan perkhidmatan-nya pada awal

bulan Jun tahun 1972 ini. Dengan ada-nya sistem ini akan memberi perkhidmatan talipon yang baik lagi ka-daerah Bentong.

Bagi daerah Mentakab kerja memasang 20 circuits tambahan telah pun di-mulakan dan ini akan siap dalam bulan Ogos 1972 ini. Pada masa yang sama juga satu sistem microwave yang baru sedang di-ranchangkan untuk memenuhi kehendak daerah<sup>2</sup> Mentakab. Sistem microwave ini di-jangka akan siap untuk perkhidmatan pada awal tahun 1974.

#### Trajadi di-Pasir Mas

35. Dr Tan Chee Khoo minta Menteri Perhubungan menyatakan langkah<sup>2</sup> yang akan di-ambil oleh beliau supaya kejadian seperti traji di-Pasir Mas tidak akan berulang lagi.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Bagi menjawab soalan ini saya suka merujuk kepada jawapan saya dalam Dewan yang mulia ini pada 11-5-1972 kepada satu soalan yang mengandungi perkara yang sa-rupa.

#### Jabatan Talikom

36. Tuan Ng Hoe Hun minta Menteri Perhubungan menyatakan sama ada Kerajaan berchadang untuk menjadikan Jabatan Talikom satu badan yang mempunyai kuasa otonomi, dan jika tidak, mengapa.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tidak ada hasrat sekarang ini untuk menjadikan Jabatan Talikom satu badan yang ber-sendirian kerana ia-nya berjalan dengan memuaskan sebagai satu Jabatan Kerajaan.

#### Sistem Dail Terus

37. Tuan Loh Jee Mee minta Menteri Perhubungan menyatakan bila-kah Tapah akan dapat Sistem Dail Terus (SDT).

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Alat<sup>2</sup> untuk mengadakan Sistem Dail Terus di-Tapah di-jadualkan di-pesan pada tahun 1975, dan projek ini di-jangka akan siap pada tahun 1977.

### KEMENTERIAN PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN

#### Indastri<sup>2</sup> Kertas

38. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada Kerajaan telah membuat suatu

polisi meliputi indastri<sup>2</sup> kertas dan "pulp", dan jika ya, beri satu laporan pendek.

Menteri Kewangan dan Pemangku Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tun Tan Siew Sin): Chadangan untuk membena sa-buah kilang kertas dan "pulp" yang di-chantumkan di-Malaysia telah lama di-timbangkan oleh Kerajaan. Sa-buah Sharikat Perunding Canada telah pun di-tauliahkan untuk menjalankan kajian kemungkinan atas chadangan ini. Laporan Kajian kemungkinan ini telah pun selesai dan Kerajaan sedang mengkaji Laporan itu.

The proposal to establish an integrated pulp and paper mill in Malaysia has been a subject of consideration by the Government. A Canadian consultant company was commissioned to carry out a feasibility study on the proposal to establish the integrated pulp and paper mill. The report of the feasibility study has now been completed and the Government is at present actively considering the report.

#### Kilang<sup>2</sup> yang di-tutup

39. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan butir<sup>2</sup> jumlah kilang<sup>2</sup> yang telah di-tutup di-Malaysia Barat sejak 1965, beri angka<sup>2</sup> untuk sa-tiap tahun; dan untuk sa-tiap kilang pula berikan butir<sup>2</sup> enterprise mereka, jumlah pekerja<sup>2</sup> yang terpaksa berhenti, dan sa-bagai-nya.

Tun Tan Siew Sin: Kementerian saya tiada mengumpulkan perangkaan berkenaan dengan kilang<sup>2</sup> di-dalam negeri ini. Sunggoh pun demikian Kementerian saya mengumpul maalamat berkenaan dengan sharikat<sup>2</sup> bertarap perintis. Kilang<sup>2</sup> yang bertarap perintis yang di-tutup langsung semenjak 1965 adalah seperti berikut:

|      |     |     |     |       |
|------|-----|-----|-----|-------|
| 1965 | ... | ... | ... | tiada |
| 1966 | ... | ... | ... | 1     |
| 1967 | ... | ... | ... | tiada |
| 1968 | ... | ... | ... | 1     |
| 1969 | ... | ... | ... | 3     |
| 1970 | ... | ... | ... | 1     |
| 1971 | ... | ... | ... | 1     |

Jumlah pekerja<sup>2</sup> yang terbuang di-sebabkan penutupan sharikat<sup>2</sup> tersebut tiada-lah di-ketahui.

My Ministry does not collect statistics on all factories in the country. However, it does collect information on pioneer companies.

The number of pioneer factories that have actually closed down without re-opening since 1965 is as follows:

|      |     |     |     |      |
|------|-----|-----|-----|------|
| 1965 | ... | ... | ... | none |
| 1966 | ... | ... | ... | 1    |
| 1967 | ... | ... | ... | none |
| 1968 | ... | ... | ... | 1    |
| 1969 | ... | ... | ... | 3    |
| 1970 | ... | ... | ... | 1    |
| 1971 | ... | ... | ... | 1    |

The number of employees that was laid off as a result of this is not available.

#### Pemandolan

40. Tuan Ng Hoe Hun minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian, memandangkan bahawa Malaysia mempunyai terlalu ramai penduduk<sup>2</sup> dan pemandolan ada di-amalkan untuk mengawal bertambah-nya bilangan penduduk<sup>2</sup> nyatakan:

- bilangan lelaki yang telah di-mandolkan;
- bilangan perempuan yang telah di-mandolkan;
- sama ada Kerajaan akan menimbang memberi bantuan kewangan kepada orang<sup>2</sup> yang telah di-mandolkan untuk menggalakkan orang<sup>2</sup> lain mengambil bahagian dalam hal ini dengan sukarela;
- sama ada Lembaga Peranchang Keluarga akan menggalakkan penggunaan pemandolan ini; dan
- sama ada Kerajaan akan mengemukakan satu Rang Undang<sup>2</sup> Pemandolan sukarela di-Parlimen.

#### Tun Tan Siew Sin:

- Semenjak permulaan Ranchangan, 1,046 orang lelaki telah di-mandolkan;
- Lembaga Peranchang Keluarga Negara tidak melakukan pemandolan perempuan. Ini di-selenggarakan oleh Pakar<sup>2</sup> Sakit Puan/Pebidanan Kerajaan dari Kementerian Kesihatan berasaskan sebab<sup>2</sup> kesihatan. Semenjak penubuhan Lembaga ini, 12,992 pemandolan<sup>2</sup> perempuan telah di-jalankan dan dilaporkan kepada Lembaga;
- Kerajaan tiada chadangan dan tidak akan menimbangkan apa<sup>2</sup> chadangan seperti memberi bantuan wang/galakan sama ada untuk menggalakkan orang<sup>2</sup>

lain supaya menjalani pembedahan pemandolan atau kepada orang<sup>2</sup> yang telah di-mandolkan;

- Lembaga Peranchang Keluarga Negara, Malaysia tidak menjalankan Ranchangan peranchang keluarga berasaskan kepada satu<sup>2</sup> chara (method) sahaja dan oleh itu tidak akan menggalakkan penggunaan satu chara tertentu seperti pemandolan;
- Kerajaan tidak berchadang mengemukakan satu Rang Undang<sup>2</sup> Pemandolan Sukarela.
  - Since the beginning of the programme, 1,046 males have been sterilised;
  - The National Family Planning Board does not undertake to perform female sterilisations. Such operations are being performed by Government Gynaecologists/Obstetricians of the Ministry of Health based on Health reasons. Since the inception of the National Family Planning Board, 12,992 such operations have been performed and reported to the Board;
  - The Government has no proposal and does not intend to have any proposal of such kinds (cash aids/incentive) to either motivate people to undergo sterilisations or to people who have already been sterilised;
  - The National Family Planning Board, Malaysia does not run a single method orientated programme, and as such the Board will not encourage any specific method including sterilisation;
  - The Government has no proposal to introduce a Voluntary Sterilisation Bill.

#### Projek<sup>2</sup> Pembangunan Perusahaan

41. Tuan Latip bin Haji Dris minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- berapa bilangan projek<sup>2</sup> pembangunan perusahaan yang di-untukkan bagi negeri Sarawak dalam tahun 1972;
- jenis projek<sup>2</sup> ini; dan
- tempat projek<sup>2</sup> ini di-adakan.

#### Tun Tan Siew Sin:

- Bagi tempoh antara 1-1-72 hingga 31-3-72, kelulusan telah pun di-berikan kepada 5 projek perusahaan untuk di-bangunkan di-Negeri Sarawak.

(b) Jenis projek<sup>2</sup> tersebut ada-lah seperti berikut:

- (i) Pembuatan peti<sup>2</sup> sejok dan kipas angin meja berlektrik;
- (ii) Pembuatan paip<sup>2</sup> besi tuangan dan alat<sup>2</sup> pasangan (fittings) dan penutup<sup>2</sup> lobang;
- (iii) Limbongan kapal untuk kapal<sup>2</sup> kayu yang berat-nya sampai 100 ton;
- (iv) Pembuatan kepingan besi galvani biasa; dan
- (v) Kilang<sup>2</sup> pengisar rempah, tepong gandum dan tepong beras.

(c) Kedudukan 5 buah projek yang diluluskan itu ada-lah seperti berikut:

|                                |   |
|--------------------------------|---|
| Kuching ... ..                 | 3 |
| Kawasan Perusahaan Pending ... | 1 |
| Kawasan Perusahaan Bintawa ... | 1 |

(a) For the period 1-1-72 to 31-3-72 approval has been granted to 5 industrial projects to be established in Sarawak.

(b) The types of projects are:

- (i) manufacture of refrigerators and electric table fans;
- (ii) manufacture of cast iron pipes and fittings and manhole covers;
- (iii) shipyard for wooden vessels up to 100 DWT;
- (iv) manufacture of galvanised iron sheets;
- (v) grinding mill for spices, wheat and rice flour.

(c) The location of the 5 approved projects are:

|                               |   |
|-------------------------------|---|
| Kuching ... ..                | 3 |
| Pending Industrial Estate ... | 1 |
| Bintawa Industrial Estate ... | 1 |

**Pernas Trading Sdn. Bhd., Sarawak**

**42. Tuan Haji Awang Wal bin Awang Abu** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan bilangan peniaga<sup>2</sup> Bumiputra di-Sarawak yang telah mendapat bantuan daripada Pernas Trading Sdn. Bhd., Sarawak.

**Tun Tan Siew Sin:** PERNAS Trading Sdn. Berhad tidak berniaga secara langsung dengan peniaga<sup>2</sup> bumiputra di-Sarawak.

Menurut dasar yang di-persetujui di-antara Y.A.B. Perdana Menteri dengan Y.A.B. Ketua Menteri Sarawak, PERNAS Trading hendak-lah menyalorkan barang<sup>2</sup> perniagaannya melalui Perbadanan Kemajuan Ekonomi Sarawak yang akan membekalkan barang<sup>2</sup> itu kepada peniaga<sup>2</sup> di-Sarawak.

PERNAS Trading Sdn. Berhad is not trading directly with bumiputra traders in Sarawak. In conformity with the policy agreed upon between Y.A.B. the Perdana Menteri and Y.A.B. the Chief Minister of Sarawak, PERNAS Trading shall channel all its goods to the Sarawak Economic Development Corporation which will then supply such goods to bumiputra traders in Sarawak.

### KEMENTERIAN BUROH DAN TENAGA RA'AYAT

**Pejabat Buroh dan Pekerjaan**

**43. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat menyatakan sama ada beliau akan membuka suatu pejabat buroh dan pekerjaan yang berasingan untuk menampung penduduk<sup>2</sup> yang menchari pekerjaan di-Batu Pahat.

**Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat (Tan Sri V. Manickavasagam):** Daerah Batu Pahat sekarang di-liputi oleh Pejabat Buroh dan Pejabat Pekerjaan di-Muar, yang memberi perkhidmatan sa-chukup-nya untuk memenuhi keperluan<sup>2</sup> penduduk<sup>2</sup> di-sana.

Batu Pahat District is now covered both by Labour and the Employment Offices from Muar which provide adequate services to meet the needs of the people there.

**Konvenshen I.L.O. No. 98**

**44. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat menyatakan sama ada beliau sedar ia-itu banyak undang<sup>2</sup> sekatan bagi kesatuan<sup>2</sup> sekerja melanggar "I.L.O. Convention 98" mengenai hak berkesatuan dan "collective bargaining" yang telah di-sahkan oleh Kerajaan Malaysia; dan nyatakan sama ada beliau akan mengambil langkah<sup>2</sup> untuk membatalkan undang<sup>2</sup> yang melanggar Convention ini.

**Tan Sri V. Manickavasagam:** Konvenshen I.L.O. No. 98 berkaitan dengan hak untuk menubuhkan Kesatuan dan perundingan bersama. Prinsip Konvenshen ini telah dan terus di-jalankan di-negeri ini sejajar dengan

dasar yang di-istiharkan oleh Kerajaan bagi menggalakkan pertumbuhan dan perkembangan kesatuan<sup>2</sup> sekerja yang bebas, demokratik dan bertanggungjawab serta untuk memelihara hubungan baik majikan/pekerja di-negeri ini. Undang<sup>2</sup> Buroh kita melindungi hak<sup>2</sup> pekerja untuk mengadakan pertubuhan mereka dan juga perundingan bersama. Mereka di-lindungi dari sa-barang gangguan, sekatan dan paksaan oleh majikan<sup>2</sup> mereka bagi menjalankan hak<sup>2</sup> mereka dalam pergerakan<sup>2</sup> yang halal di-sisi undang<sup>2</sup>. Undang<sup>2</sup> sa-terus-nya melindungi pekerja<sup>2</sup> dari di-diskriminasi berkaitan dengan pekerjaan, kenaikan pangkat atau sa-barang keadaan pekerjaan dengan tidak mengira sama ada mereka ada-lah ahli kesatuan atau tidak. Oleh itu saya anggap bahawa undang<sup>2</sup> Kesatuan Sekerja kita ada-lah bersesuaian dengan Konvenshen itu.

I.L.O. Convention No. 98 relates to Right to Organise and Collective Bargaining. The principle of this Convention has been, and continues to be, applied in our country in consonance with the declared policy of the Government to encourage the growth and development of a free democratic, sound and responsible trade union movement and to foster good employer/employee relationship in this country. Our labour legislation protects the rights of workmen to organise themselves and enter into collective bargaining. They are protected from any interference, restraint or coercion by their employers in exercise of their rights in any lawful activities. The laws further protect workmen from being discriminated in regard to employment, promotion or any conditions of employment irrespective of whether they are members of trade unions or otherwise. In view of this I consider that our Trade Union laws are in consonance with the Convention.

#### Pegawai Kesatuan Sekerja

45. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat senarai nama<sup>2</sup> pegawai kesatuan<sup>2</sup> sekerja yang memegang jawatan di-kesatuan<sup>2</sup> sekerja mengikut budi-bichara-nya dari 9hb Oktober, 1969 dengan chara<sup>2</sup> berikut:

- (i) Nama;
- (ii) Jawatan yang di-pegang dan Kesatuan<sup>2</sup>; dan
- (iii) Tempoh.

#### Tan Sri V. Manickavasagam:

- (i) Mohammad Sanusi bin Omar.
- (ii) Setiausaha Agong Non-Metallic Mineral Products Manufacturing Employees Union.
- (iii) Satu Tahun mula 17-2-1972.  
(One year from 17-2-1972).

#### Pekerjaan

46. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat memberikan butir<sup>2</sup> mogok (sah dan tidak sah) pemberhentian kerja yang lain<sup>2</sup>, kerja mengikut peratoran, berpiket oleh mereka yang berkesatuan atau pun tidak berkesatuan yang berlaku dari 1hb Oktober, 1971 dan 31hb Mach, 1972, dengan chara<sup>2</sup> yang berikut:

- (i) nama Kesatuan atau Kumpulan pekerja<sup>2</sup>;
- (ii) jumlah pekerja<sup>2</sup> yang terlibat;
- (iii) sebab<sup>2</sup> pemberhentian kerja dsb.;
- (iv) lama-nya;
- (v) jumlah<sup>2</sup> hari<sup>2</sup> kerja yang hilang; dan
- (vi) chara<sup>2</sup> penyelesaian.



## Tan Sri V. Manickavasagam:

## PEMOGOKAN (1971)

| No. | Nama Kesatuan atau Kumpulan Pekerja <sup>2</sup>                                                          | Tarikh   | Jumlah pekerja <sup>2</sup> yang terlibat | Sebab <sup>2</sup> pemberhentian kerja dsb.                                                                                                                                                     | Lama-nya | Jumlah hari <sup>2</sup> kerja yang hilang | Chara <sup>2</sup> Penyelesaian                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                      |
|-----|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------|-------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------|--------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1.  | Kesatuan Kebangsaan Pekerja <sup>2</sup> Ladang/Ladang Mengkebong, K. Krai, Kelantan                      | 4-10-71  | 28                                        | 2 orang pekerja <sup>2</sup> "penduduk terhad" menghasut pekerja <sup>2</sup> menuntut kerja ringan dan membantah pehak pengurusan' enggan memberi chuti untuk menghadhir kematian rakan mereka | 1        | 28                                         | Pekerja <sup>2</sup> balek dengan sendiri selepas kedua <sup>2</sup> orang pekerja "penduduk terhad" di-tangkap oleh pehak polis                                                                                                                                                                                                                                                                                     |
| 2.  | Pekerja <sup>2</sup> tidak berkesatuan/ Universal Veneer Products Ltd., Buloh Kasap, Segamat, Johor       | 5-10-71  | 294                                       | Pembuangan sa-orang pekerja ber-bangkit daripada pertengkaran dengan ketua bahagian                                                                                                             | 8        | 2,352                                      | Pada awal-nya pehak pengurusan enggan champor tangan Kementेरian ini tetapi dengan bantuan Kementेरian ini pehak majikan mengambil balek semua pekerja <sup>2</sup>                                                                                                                                                                                                                                                  |
| 3.  | 65 orang pekerja <sup>2</sup> tidak ber-kesatuan/Kaolin (M) Sdn Bhd, Bidor, Perak                         | 2-10-71  | 65                                        | Sa-orang pekerja sementara tidak di-tawarkan pekerjaan pada 2hb Oktober                                                                                                                         | 3        | 121                                        | Akibat pekerja sementara tidak di-beri pekerjaan pada hari itu pekerja <sup>2</sup> telah memukul sa-orang penyelia pehak pengurusan. Pada esok hari-nya pehak pengurusan tidak mem-benarkan pekerja <sup>2</sup> bekerja. Tetapi dengan champor tangan Kementेरian ini mogok tamat pada 5-10-71 dan pehak pengurusan di-nasihatkan supaya membuat penyiasatan selanjut-nya berkaitan dengan pe-muluan penyelia itu. |
| 4.  | Kesatuan Kebangsaan Pekerja <sup>2</sup> Ladang/Kerilla Estate, Teman-gan, Kelantan                       | 19-10-71 | 211                                       | Penoreh <sup>2</sup> getah menyatakan pokok <sup>2</sup> getah sangat basah untuk di-toreh pada hari itu                                                                                        | 1        | 211                                        | Pekerja <sup>2</sup> balek bekerja dengan sen-diri-nya                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                               |
| 5.  | " " " "                                                                                                   | 21-10-71 | 211                                       | " " " "                                                                                                                                                                                         | 1        | 211                                        | " " " "                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                              |
| 6.  | " " " "                                                                                                   | 25-10-71 | 94                                        | " " " "                                                                                                                                                                                         | 1        | 94                                         | " " " "                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                              |
| 7.  | 601 Pekerja <sup>2</sup> tidak berkesatuan/ United Malaya Pineapple Growers and Cannors Ltd., Johor Bahru | 3-11-71  | 601                                       | Penangkapan 4 orang pekerja oleh pehak polis                                                                                                                                                    | 19       | 11,419                                     | Kementेरian ini berhubung dengan kedua <sup>2</sup> balek pehak tetapi pada awal-nya pekerja <sup>2</sup> enggan menerima nasihat yang di-beri. Sa-lanjut-nya dengan usaha Kementेरian ini pehak pengurusan bersetuju mengambil sa-bilangan besar daripada pekerja <sup>2</sup> yang mogok                                                                                                                           |

## PEMOGOKAN (1971) — (samb.)

| No. | Nama Kesatuan atau Kumpulan Pekerja <sup>2</sup>                                                                | Tarikh   | Jumlah pekerja <sup>2</sup> yang terlibat | Sebab <sup>2</sup> pemberhentian kerja dsb.                                                                                                             | Lama-nya | Jumlah hari <sup>2</sup> kerja yang hilang | Chara <sup>2</sup> Penyelesaian                                                                                                       |
|-----|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------|-------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------|--------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 8.  | 14 orang pekerja tidak berkesatuan/Indo-Malaysia Engineering Co. Sdn Bhd, Shah Alam                             | 11-11-71 | 14                                        | Keengganan pehak majikan memberi pendahuluan kepada pekerja <sup>2</sup> Islam untuk H. R. Puasa                                                        | 1        | 14                                         | Atas champor tangan Kementerian ini pekerja <sup>2</sup> di-beri pendahuluan sebanyak \$30                                            |
| 9.  | 24 pekerja <sup>2</sup> tidak berkesatuan/Tong Ah Garments Factory, Pulau Pinang                                | 15-11-71 | 24                                        | Pembuangan kerja sa-orang pekerja dan pembayaran kerja lebehmasa                                                                                        | 1        | 24                                         | Pekerja <sup>2</sup> membatalkan mogok atas nasihat Kementerian ini. Mereka dinasihatkan membuat rayuan atas sebab <sup>2</sup> mogok |
| 10. | Kesatuan Kebangsaan Pekerja <sup>2</sup> Ladang/Ladang Gim Aik, Ayer Molek, Melaka                              | 16-11-71 | 55                                        | Keengganan pehak pengurusan membayar faedah chuti tahunan kepada pekerja <sup>2</sup> beragama Islam sa-belum H. R. Puasa                               | 2        | 110                                        | Pihak pengurusan bersetuju menyempurnakan tuntutan pekerja <sup>2</sup> berbangkit daripada champor tangan Kementerian ini            |
| 11. | Kesatuan Kebangsaan Pekerja <sup>2</sup> Ladang/Sebarang Estate, Telok Anson, Perak                             | 20-11-71 | 92                                        | Pekerja <sup>2</sup> mogok apabila Penolong Pengurus di-tudoh memukul sa-orang bekas pekerja yang di-dapati menoreh pada 19hb November, tanpa kebenaran | 1        | 92                                         | Pekerja <sup>2</sup> membatalkan mogok atas nasihat pehak kesatuan                                                                    |
| 12. | Kesatuan Kebangsaan Pekerja <sup>2</sup> Ladang/Ladang Lauderdale, Taiping, Perak                               | 1-12-71  | 102                                       | Pengambilan 4 orang pekerja kontrek                                                                                                                     | 1        | 102                                        | Pekerja <sup>2</sup> membatalkan mogok atas nasihat pehak kesatuan                                                                    |
| 13. | Kesatuan Kebangsaan Pekerja <sup>2</sup> dalam Sharikat Pembuat Keluaran Getah/Kinta Rubber Works Sdn Bhd. Ipoh | 27-12-71 | 141                                       | Pembatalan bekalan kenderaan per-chuma yang di-beri oleh pehak majikan                                                                                  | 5        | 611                                        | Sebab pertikaian di-rujukkan ka-Mahkamah Perusahaan                                                                                   |

1972

| Bil. | Tarikh bermula | Nama Kesatuan atau Kumpulan Pekerja <sup>2</sup> (Tempat Pekerjaan)                                                           | Jumlah Pekerja yang terlibat | Sebab <sup>2</sup> pemberhentian pekerja dsb.                                                                                                 | Lama-nya | Jumlah hari kerja yang hilang | Chara Penyelesaian                                                                                                                                                                                                                                                 |
|------|----------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------|-------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1.   | 15-1-72        | Kesatuan Kebangsaan Pekerja <sup>2</sup> Lombong Malaya/Pacific Tin Consolidated Corporation Bhd, Batang Berjuntai, Selangor  | 156                          | Pengambilan sa-orang "kepala" baru                                                                                                            | 1        | 156                           | Dengan champor tangan Kementerian ini kedua <sup>2</sup> belah pehak ber-setuju membincangkan sebab <sup>2</sup> mogok dalam meshuarat bersama                                                                                                                     |
| 2.   | 18-1-72        | Kesatuan Kebangsaan Pekerja <sup>2</sup> Sharikat <sup>2</sup> Pembuat Keluaran getah/Kinta Rubber Works Sdn Bhd, Ipoh, Perak | 220                          | Pembatalan bekalan kenderaan per-chuma yang di-beri oleh pehak pengurusan                                                                     | 11       | 2,420                         | Dengan champor tangan Kementerian ini semua pekerja <sup>2</sup> di-ambil balek dan sebab <sup>2</sup> mogok di-rujukkan ka-Mahkamah Perusahaan                                                                                                                    |
| 3.   | 19-1-72        | 52 orang pekerja <sup>2</sup> tidak ber-kesatuan/Parrys Confectionery (M) Sdn Bhd, Shah Alam, Selangor                        | 52                           | Chadangan <sup>2</sup> pehak majikan menepi-kan 30 orang pekerja                                                                              | 1        | 52                            | Dengan champor tangan Kementerian ini chuma 26 orang pekerja sahaja di-ketepikan dan mereka di-beri sa-bulan gaji mengganti notis, bayaran gaji untuk chuti yang belum di-ambil dan pengakuan bahawa mereka akan di-beri keutamaan sekira-nya ada kekosongan kelak |
| 4.   | 29-1-72        | Kesatuan Kebangsaan Pekerja <sup>2</sup> L o b o n g Malaya/Berjuntai Tin Dredging Bhd, Batang Berjuntai, Selangor            | 627                          | Pekerja <sup>2</sup> membantah tindakan pehak pengurusan meletakkan 2 orang pe-kerja yang memangku jawatan balek kepada jawatan hakiki mereka | 5        | 1,567                         | Mogok di-tamatkan oleh kesatuan atas nasihat Ibu Pejabat Kesatuan berasaskan sebab pertikaian di-bin-changkan mengikut "grievance pro-cedure" dalam perjanjian bersama                                                                                             |
| 5.   | 2-2-72         | Kesatuan Kebangsaan Pekerja <sup>2</sup> Ladang/Benopdane Estate, Bi-dor, Perak                                               | 33                           | Pengeneapan 16 orang pekerja meng-akibatkan sa-bahagian estet di-jual untuk Perlembongan                                                      | 1        | 33                            | Pekerja <sup>2</sup> membatalkan pemogokan atas nasihat pehak kesatuan                                                                                                                                                                                             |
| 6.   | 2-2-72         | Kesatuan Kebangsaan Pekerja <sup>2</sup> Ladang/Gloucester Estate, Te-lok Anson, Perak                                        | 126                          | Pembuangan 2 orang pekerja yang bermastautin di-estate tanpa ke-benaran                                                                       | 1        | 126                           | Pekerja <sup>2</sup> membatalkan pemogokan atas nasihat pehak kesatuan                                                                                                                                                                                             |
| 7.   | 5-2-72         | 180 orang pekerja <sup>2</sup> tidak ber-kesatuan/Chung Kai Knitting Factory, Petaling Jaya, Selan-gor                        | 180                          | Faedah <sup>2</sup> chuti tahunan dan chuti sakit dan "laying-off" 38 orang pe-kerja                                                          | 2        | 360                           | Dengan champor tangan Kemen-terian ini pemogok <sup>2</sup> balek bekerja dengan syarat sa-bilangan pekerja <sup>2</sup> akan bekerja selang sa-hari untuk ujian sa-lama 10 minggu kerana perniagaan pehak majikan sangat merosot                                  |
| 8.   | 4-2-72         | Kesatuan Sekerja Kebangsaan Pekerja <sup>2</sup> Perdagangan/Union Ltd, Petaling Jaya, Selangor                               | 47                           | Kegagalan menchapai perjanjianber-sama                                                                                                        | 14       | 658                           | Persetujuan telah di-chapai atas se-mua usul <sup>2</sup> untuk perjanjian bersama mereka dengan champor tangan Ke-menterian ini                                                                                                                                   |

1972—(samb.)

| Bil. | Tarikh bermula | Nama Kesatuan atau Kumpulan Pekerja <sup>2</sup> (Tempat Pekerjaan)                                                           | Jumlah Pekerja yang terlibat | Sebab <sup>2</sup> pemberhentian pekerja dsb.                                                                                                             | Lama nya | Jumlah hari kerja yang hilang | Chara Penyelesaian                                                                                                                                                                                                                                |
|------|----------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------|-------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 9.   | 11-2-72        | Kesatuan Kebangsaan Pekerja <sup>2</sup> Sharikat <sup>2</sup> Pembuat Keluaran Getah Malaya/Kinta Rubber Works Sdn Bhd, Ipoh | 124                          | Keengganan pehak pengurusan mengambil balek 100 orang pekerja sa- telah usul pertikaian di-rujukkan ka- Mahkamah Perusahan                                | 2        | 248                           | Pihak pengurusan bersetuju meng- ambil balek semua pekerja <sup>2</sup> atas champor tangan Kementerian ini                                                                                                                                       |
| 10.  | 1-3-72         | 144 orang pekerja <sup>2</sup> tidak ber- kesatuan/Pan Malaysian Wood Products Sdn Bhd, Raub Pahang                           | 144                          | Tuntutan untuk kenaikan kadar gaji                                                                                                                        | 1        | 144                           | Pekerja <sup>2</sup> balek bekerja atas nasihat Kementerian ini dan tuntutan me- rekta akan di-timbangkan oleh Pen- gurus Sharikat kelak                                                                                                          |
| 11.  | 1-3-72         | Kesatuan Pekerja <sup>2</sup> Perkilangan Keluaran Galian bukan Logam/ Federal United Floor Tiles (M) Sdn Bhd, Kuala Lumpur   | 15                           | Keengganan pehak pengurusan mengiktirafkan pehak Kesatuan selepas Y.B. Menteri membuat keputusan mengikut Seksyen 8 (5) Akta Perhubungan Perusahaan, 1967 | 2        | 30                            | Pihak pengurusan bersetuju meng- iktirafkan pehak kesatuan sa-hingga Mahkamah Tinggi memutuskan ra- yuan pehak pengurusan atas ke- putusan Y.B. Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat                                                                  |
| 12.  | 1-3-72         | Kesatuan Kebangsaan Pekerja <sup>2</sup> Ladang/Glengowrie Estate, Semenyih, Selangor                                         | 35                           | Pembuangan sa-orang pekerja                                                                                                                               | 1        | 35                            | Pekerja <sup>2</sup> membatalkan mogok atas nasihat pehak kesatuan                                                                                                                                                                                |
| 13.  | 7-3-72         | Kesatuan Kebangsaan Pekerja <sup>2</sup> Ladang/Enche' Wong Choon Leong Kontrektier Ladang Kulai Besar, Kulai, Johor          | 14                           | Kenaikan kadar gaji patut di-kebela- kangkan                                                                                                              | 1        | 14                            | Pekerja <sup>2</sup> membatalkan mogok atas nasihat kesatuan dan Kementerian ini                                                                                                                                                                  |
| 14.  | 9-3-72         | 136 orang pekerja <sup>2</sup> tidak ber- kesatuan/Allied Manufacturing Co. Sdn Bhd, Petaling Jaya, Selangor                  | 136                          | Pengambilan sa-orang daripada 26 orang pekerja <sup>2</sup> yang telah di- ketepikan dahulu                                                               | 19       | 2,584                         | Pekerja <sup>2</sup> enggan menerima nasihat Kementerian ini dan seterusnya pehak pengurusan menutup perma- gaaunya di-Petaling Jaya untuk di- ubah ka-Johor Bahru. Dengan usaha Kementerian ini pekerja <sup>2</sup> di-beri fa- edah perpisahan |
| 15.  | 18-3-72        | Kesatuan Kebangsaan Pekerja <sup>2</sup> Ladang/Arcadia Estate, Siti- awan, Perak                                             | 105                          | Pembuangan 2 orang pekerja                                                                                                                                | 4        | 282                           | Pekerja <sup>2</sup> membatalkan mogok atas nasihat kesatuan mereka                                                                                                                                                                               |

LAIN<sup>2</sup> PEMBERHENTIAN KERJA

| No. | Nama <sup>2</sup> Kesatuan atau<br>Kumpulan Pekerja <sup>2</sup>                                                    | Tarikh  | Jumlah<br>pekerja <sup>2</sup><br>yang<br>terlibat | Sebab <sup>2</sup> pemberhentian<br>kerja dsb.                                                                                                                                    | Lama-<br>nya               | Jumlah<br>hari<br>yang<br>hilang | Chara <sup>2</sup> Penyelesaian                                                                                                                                                        |
|-----|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------|----------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------|----------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1.  | Pekerja <sup>2</sup> tidak berkesatuan/<br>Sharikat Soon Seng, Kuala<br>Lumpur                                      | 29-2-72 | 29                                                 | Pembuangan 4 orang pekerja                                                                                                                                                        | Tidak<br>sampai<br>sa-hari | —                                | Atas nasihat Kementerian ini pe-<br>kerja <sup>2</sup> balek bekerja dan 4 orang<br>yang di-berhentikan membuat rayuan<br>di-bawah Seksyen 16A, Akta Per-<br>hubungan Perusahaan, 1967 |
| 2.  | Pekerja <sup>2</sup> tidak berkesatuan/<br>Length Sdn Berhad, Petaling<br>Jaya                                      | 29-2-72 | 16                                                 | Pembuangan sa-orang pekerja yang<br>di-tudoh mengut sa-orang pekerja<br>perempuan supaya menjadi ahli ke-<br>satuan                                                               | "                          | —                                | Pekerja <sup>2</sup> kembali bekerja atas nasihat<br>Kementerian ini dan pekerja di-<br>buang di-ambil balek bekerja sa-<br>lepas mengakui bahawa kelakuan itu<br>tidak di-ulangi lagi |
| 3.  | Kesatuan Sekerja Kebangsaan<br>Pekerja <sup>2</sup> Perdagangan/Otis Ele-<br>vator Co. Ltd, Kuala Lumpur            | 6-3-72  | 18                                                 | Pengantongan kerja sa-orang<br>"fitter" selama 7 hari                                                                                                                             | "                          | —                                | Kedua <sup>2</sup> belah pihak di-nasihat su-<br>paya menyelesaikan perkara ini<br>mengikut "grievance procedure" da-<br>lam perjanjian bersama mereka                                 |
| 4.  | Kesatuan Pekerja <sup>2</sup> Kilang<br>Papan dan Kayu-Kayan Malay-<br>sia Barat/Tong Fong Plywood<br>Factory, Ipoh | 13-3-72 | 89                                                 | Keengganan pihak pengurusan me-<br>mulakan perundingan untuk per-<br>janjian bersama dan tindakan pihak<br>pengurusan memaksa pekerja <sup>2</sup> be-<br>kerja dengan kontraktor | "                          | —                                | Atas nasihat Kementerian ini ke-<br>dua <sup>2</sup> belah pihak bersetuju me-<br>meshuaratkan sebab <sup>2</sup> berkenaan                                                            |
| 5.  | Pekerja <sup>2</sup> tidak Kesatuan/<br>Ginder Singh Transport Ltd,<br>Petaling Jaya                                | 15-2-72 | 40                                                 | Pembuangan 2 orang pekerja kerana<br>tidak hadir selama 2 hari                                                                                                                    | "                          | —                                | Atas nasihat Kementerian ini pihak<br>pengurusan mengambil semula ke-<br>dua <sup>2</sup> pekerja itu dan pekerja <sup>2</sup> yang<br>lain menyambung kerja mereka sa-<br>mula        |

## KERJA MENGIKUT PERATORAN

Tiada

## PIKET

Piket di-lancarkan pada masa tidak bekerja ia-itu sa-belum mula bekerja, waktu makan tengah-hari dan selepas bekerja. Oleh yang demikian tidak ada kehilangan hari kerja dan bilangan pekerja terlibat sebenarnya tidak di-dapati.

| <i>Bil.</i> | <i>Tarikh</i> | <i>Kesatuan atau Kumpulan<sup>2</sup> Pekerja</i>                                                                                           | <i>Jumlah pekerja<sup>2</sup> terlibat</i> | <i>Sebab piket</i>                                                                                                                                                                                                                                                                                                     | <i>Chara Penyelesaian</i>                                                                                                                                     |
|-------------|---------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1.          | 2-11-71       | Harbour Trade Union/Sharikat Cargo Handling Corporation Ltd, Pelabuhan Kelang                                                               | Lebih kurang 2,000                         | Layanan istimewa yang di-beri kepada pekerja <sup>2</sup> bijeh besi dan sharat <sup>2</sup> kerja                                                                                                                                                                                                                     | Kementerian ini berusaha sa-chara runding damai tetapi tidak berjaya. Seterusnya kes ini di-rujukkan ka-Mahkamah Perusahaan                                   |
| 2.          | 5-11-71       | Kesatuan Pekerja <sup>2</sup> Perusahaan Logam/Malayan Galvanised Iron Pipes Sdn Bhd, Petaling Jaya                                         | Tidak di-ketahui...                        | (i) mengenal tuntutan untuk per-janjian bersama<br>(ii) penindasan dan pengangguan ka-atas ahli <sup>2</sup> Jawatan-kuasa kesatuan<br>(iii) rancangan pehak pengurusan memberi kerja kepada kon-trekter, dan<br>(iv) pehak pengurusan meng-halang pekerja <sup>2</sup> yang ber-henti mendapat lam <sup>2</sup> kerja | Selepas champor tangan Ke-meniterian ini kedua <sup>2</sup> belah pehak bersetuju berunding sa-chara terus                                                    |
| 3.          | 24-11-71      | Kesatuan Pekerja <sup>2</sup> Perkakas dan Perusahaan Bersama/Champion Motors (M) Sdn. Bhd, Batu Tiga                                       | "                                          | Keengganan pehak pengurusan mengiktirafkan kesatuan dan pem-buangan 10 orang pekerja                                                                                                                                                                                                                                   | Tuntutan pengiktirafan di-putus-kan dengan pemereksaan keahlian kesatuan dan kes pembuangan di-layani mengikut SEKSHEN 16A, Akta Perhubungan Perusahaan, 1967 |
| 4.          | 17-1-72       | Kesatuan Pekerja <sup>2</sup> Malayawata Steel Bhd, Malayawata Steel Bhd, Prai                                                              | 20 ..                                      | Kenaikan gaji tahunan luar biasa di-beri kepada sa-tengah kerani                                                                                                                                                                                                                                                       | Piket ini tidak di-sokong oleh pehak kesatuan dan seterusnya di-batal-kan                                                                                     |
| 5.          | 25-1-72       | Kesatuan Pekerja <sup>2</sup> Perubatan <sup>2</sup> Kesihatan (Chawangan Pulau Pinang dan Province Wellesley)                              | 300..                                      | Kerana gaji bulan Januari tidak di-jelaskan sa-belum Hari Raya Puasa                                                                                                                                                                                                                                                   | Gaji tidak di-bayar saperti di-ke-hendaki. Piket tidak di-panjangkan                                                                                          |
| 6.          | 5-2-72        | Kesatuan Sekerja Kebangsaan pe-kerja <sup>2</sup> Perdagangan/Wearne Bro-thers, Far East Motors and Uni-versal Cars, Seluruh Malaysia Barat | Tidak di-ketahui..                         | Berkaitan dengan perundingan untuk perjanjian bersama                                                                                                                                                                                                                                                                  | Perkara ini telah dapat di-selesaikan oleh kedua <sup>2</sup> belah pehak sa-chara perundingan bersama                                                        |
| 7.          | 10-2-72       | Kesatuan Pekerja <sup>2</sup> Tembaku/Sharikat Sri Ambal, Kuala Lumpur                                                                      | 19 ..                                      | 19 orang pekerja di-angap me-letakkan jawatan mereka apabila tidak bekerja sa-lama 5 hari                                                                                                                                                                                                                              | Atas champor-tangan Kementerian ini pekerja <sup>2</sup> yang di-buang di-ambil bekerja semula                                                                |

**Pegawai<sup>2</sup> Kontrek**

**47. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat memberikan butir<sup>2</sup> pegawai<sup>2</sup> yang bersara di-Kementerian-nya tetapi di-ambil bekerja sa-mula sa-bagai pegawai<sup>2</sup> kontrek di-bahagian<sup>2</sup> yang tertentu di-Kementerian-nya dengan bekerja penuh masa, beri butir<sup>2</sup> dengan chara<sup>2</sup> berikut:

- (1) Nama Pegawai;
- (2) Tarikh ia bersara;
- (3) Jawatan lama dan gaji sa-masa bersara;
- (4) Jawatan kontrek dan gaji sa-bulan;
- (5) Tempoh kontrek; dan
- (6) Ada-kah apa<sup>2</sup> sagu-hati sa-lepas habis kontrek.

**Tan Sri V. Manickavasagam:** Hanya dua orang pegawai yang telah bersara dari Kementerian ini yang di-ambil bekerja sa-mula sa-bagai pegawai kontrek. Butir<sup>2</sup> bagi kedua<sup>2</sup> orang pegawai ini ada-lah seperti berikut:

1. (1) Nama Pegawai: Enche' S. Kumar.  
(2) Tarikh ia bersara: 12-7-1969.  
(3) (i) Jawatan lama: Pesuruhjaya Buroh, Malaysia Barat.  
(ii) Gaji sa-masa bersara: \$1,490.  
(4) (i) Jawatan kontrek: Ketua Pengarah, Pertubuhan Keselamatan Sosial.  
(ii) Gaji sa-bulan: Gaji pokok—\$1,850.  
(5) Tempoh kontrek: 25-8-1971–24-8-1972.  
(6) Ada-kah apa<sup>2</sup> sagu-hati sa-lepas habis kontrek: Tidak.
2. (1) Nama Pegawai: Enche' F. Tambou.  
(2) Tarikh ia bersara: 30-4-1969.  
(3) (i) Jawatan lama: Pesuruhjaya Perhubungan Perusahaan.  
(ii) Gaji sa-masa bersara: Gaji pokok—\$1,490.  
(4) (i) Jawatan kontrek: Pengerusi Mahkamah Perusahaan.  
(ii) Gaji sa-bulan: Gaji pokok—\$1,850.

(5) Tempoh kontrek: 2-5-1972–1-5-1973 (Sejak 2-5-69).

(6) Ada-kah apa<sup>2</sup> sagu-hati sa-lepas habis kontrek: Tidak.

There are only two retired officers from the Ministry who have been re-employed as contract officers. Particulars for these two officers are as follows:

1. (1) Name of officer: Enche' S. Kumar.  
(2) Date of retirement: 12-7-1969.  
(3) (i) Previous appointment: Commissioner of Labour, West Malaysia.  
(ii) Salary on retirement: \$1,490.  
(4) (i) Contract appointment and salary per month: Director-General of Social Security Organisation.  
(ii) Salary: \$1,850.  
(5) Duration of contract: 25-8-1971–24-8-1972.  
(6) Any gratuity on expiry of contract: Nil.
2. (1) Name of officer: Enche' F. Tambou.  
(2) Date of retirement: 30-4-1969.  
(3) (i) Previous appointment: Commissioner for Industrial Relations.  
(ii) Salary on retirement: \$1,490.  
(4) (i) Contract appointment and salary per month: Chairman of Industrial Court.  
(ii) Salary: \$1,850.  
(5) Duration of contract: 2-5-1972–1-5-1973 (Since 2-5-69).  
(6) Any gratuity on expiry of contract: Nil.

**Majlis Penasihat Buroh Bersama Kebangsaan**

**48. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat memberikan butir<sup>2</sup> meshuarat Majlis Penasihat Buroh Bersama Kebangsaan dan jawatankuasa<sup>2</sup>-nya dari 1hb Julai, 1971, nyatakan perkara yang di-binchangkan di-satiap meshuarat dan keputusan-nya.

**Tan Sri V. Manickavasagam:** Tarikh meshuarat Majlis Penasihat Buroh Bersama Kebangsaan dan jawatankuasa<sup>2</sup>-nya sejak 1-7-71 ada-lah seperti berikut:

(a) *Majlis Penasihat Buroh Bersama Kebangsaan*

24hb November, 1971.



(b) *Jawatankuasa Tetap (Standing Committee)*

- (i) 7hb September, 1971.
- (ii) 6hb November, 1971.
- (iii) 26hb Februari, 1972.

(c) *Jawatankuasa I.L.O. Konvenshen dan Rekomendeshen*

- (i) 22hb Oktober, 1971.
- (ii) 26hb Oktober, 1971.
- (iii) 31hb Mach, 1972.

(d) *Jawatankuasa Undang<sup>2</sup> Buroh*

- (i) 21hb Oktober, 1971.
- (ii) 25hb Mach, 1972.

Berbagai<sup>2</sup> perkara yang di-binchangkan di-meshuarat<sup>2</sup> ini dan chatitan<sup>2</sup> meshuarat telah di-edarkan kepada ahli<sup>2</sup> majikan dan jawatankuasa masing<sup>2</sup>. Ada-lah tidak mungkin untuk di-senaraikan di-sini semua perkara yang di-binchangkan dan keputusan<sup>2</sup> yang telah di-ambil di-tiap<sup>2</sup> meshuarat kerana ia-nya perkara<sup>2</sup> untuk ahli sahaja.

Dates of meetings of the National Joint Labour Advisory Council and its Committees held since 1-7-71 are as follows:

(a) *National Joint Labour Advisory Council*

24th November, 1971.

(b) *Standing Committee*

- (i) 7th September, 1971.
- (ii) 6th November, 1971.
- (iii) 26th February, 1972.

(c) *ILO—Conventions and Recommendations Committee*

- (i) 22nd October, 1971.
- (ii) 26th October, 1971.
- (iii) 31st March, 1972.

(d) *Labour Laws Committee*

- (i) 21st October, 1971.
- (ii) 25th March, 1972.

Various matters were discussed at these meetings and notes of these meetings were distributed to the members of the Council or Committees as the case may be. It is not possible to list here the whole range of subjects discussed and decisions reached at each of these meetings as these are matters for the members only.

49. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat menyatakan butir<sup>2</sup> kehadiran meshuarat<sup>2</sup> Majlis Penasihat Buroh Bersama Kebangsaan, dan meshuarat<sup>2</sup> jawatan-kuasa-nya, beri butir<sup>2</sup> yang berlainan untuk:

- (a) panel<sup>2</sup> Kerajaan;
- (b) panel<sup>2</sup> Majikan; dan
- (c) panel<sup>2</sup> Pekerja<sup>2</sup> dari 1hb Julai, 1971.

Tan Sri V. Manickavasagam: Details of attendances at meetings of the National Joint Labour Advisory Council and its Committees since 1-7-71 are as follows:

(a) *National Joint Labour Advisory Council Meeting held on 24th November, 1971. Government Panel.*

Y.B. Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat (*Chairman*).

Y.B. Timbalan Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat.

Ketua Setiausaha Kementerian Buroh dan Tenaga Ra'ayat.

Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Buroh dan Tenaga Ra'ayat.

Ketua Penolong Setiausaha Kementerian Buroh dan Tenaga Ra'ayat.

Penolong Setiausaha II Kementerian Buroh dan Tenaga Ra'ayat.

Penolong Setiausaha III Kementerian Buroh dan Tenaga Ra'ayat.

Pendaftar Kesatuan Sekerja Malaysia.

Ketua Pemereksa Kilang dan Jentera.

Ketua Pengarah Hal Ehwal Buroh.

Ketua Pengarah Hal Ehwal Perhubungan Perusahaan.

Ketua Pengarah Pertubohan Keselamatan Sosial.

Pengarah Hal Ehwal Buroh "C".

Timbalan Pendaftar Kesatuan Sekerja.

Timbalan Ketua Pengarah Hal Ehwal Buroh.

Timbalan Ketua Pengarah Hal Ehwal Perhubungan Perusahaan.

Timbalan Ketua Pengarah, Pertubohan Keselamatan Sosial.

Wakil Jabatan Perdana Menteri.

Wakil Jabatan Perkhidmatan Awam.

Wakil Kementerian Pertanian dan Tanah.

Penolong Setiausaha I Kementerian  
Buroh dan Tenaga Ra'ayat.

*Employers' Panel*

Senator Dato' Haji S.O.K. Ubaidulla.

Dato' V. M. Hutson.

Enche' Teh Thean Choo.

Enche' W. Fernando.

Enche' Chee See Cheang.

Enche' Law Saw Choon.

Enche' David Wong.

Enche' S. Narayanan.

Dato' Mohd. Yusof bin Hj. Ahmad.

Enche' G. Y. L. Lee.

Enche' Khoo Thaw Choon.

Enche' Mohd. Zain bin Ahmad.

Y.M. Tengku Daud.

*Workers' Panel*

Y.B. Enche' Yeoh Teck Chye.

Y.B. Enche' V. David.

Enche' S. J. H. Zaidi.

Enche' Ibrahim Musa.

Enche' G. Parameswaran.

Enche' T. Narendran.

Enche' Khoo Huat Hin.

Enche' Harun Haji Nawawi.

Enche' Ibrahim Mustapha.

Enche' Loon Teck Cheong.

Puan John Gurusamy.

Enche' George L. Gallyot.

Enche' Albert Thien Than Siong.

*(b) Standing Committee Meeting*

(Date(s) shown against each name indicates the meeting(s) at which he was present).

*Government Panel*

Ketua Setiausaha Kementerian Buroh dan Tenaga Ra'ayat (*Chairman*)—(7-9-71, 6-11-71 and 26-2-72).

Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Buroh dan Tenaga Ra'ayat—(7-9-71 and 26-2-72).

Ketua Pengarah Hal Ehwal Buroh—(7-9-71, 6-11-71 and 26-2-72).

Timbalan Ketua Pengarah Hal Ehwal Buroh—(7-9-71 and 26-2-72).

Pendaftar Kesatuan Sekerja Malaysia—(7-9-71 and 6-11-71).

Timbalan Ketua Pengarah Hal Ehwal Perhubungan Perusahaan—(7-9-71, 6-11-71 and 26-2-72).

Pengarah Hal Ehwal Perhubungan Perusahaan—(7-9-71 and 26-2-72).

Pengarah Hal Ehwal Buroh—(7-9-71, 6-11-71 and 26-2-72).

Timbalan Ketua Pemereksa Kilang dan Jentera—(7-9-71, 6-11-71 and 26-2-72).

Pengarah Hal Ehwal Perhubungan Perusahaan—(6-11-72).

Timbalan Ketua Pengarah Pertubuhan Keselamatan Sosial—(6-11-72).

Penolong Setiausaha I—(7-9-71, 6-11-71 and 26-2-72).

*Employers' Panel*

Dato' V. M. Hutson—(7-9-71, 6-11-71 and 26-2-72).

Enche' David Wong—(7-9-71, 6-11-71 and 26-2-72).

Enche' W. Fernando—(7-9-71, 6-11-71 and 26-2-72).

Enche' Hew Chai Kee—(7-9-71, 6-11-71 and 26-2-72).

Enche' S. Narayanan—(6-11-71).

Enche' A. F. Young—(26-2-72).

*Workers' Panel*

Y.B. Enche' Yeoh Teck Chye—(7-9-71 and 6-11-72).

Enche' P. P. Narayanan—(7-9-71).

Enche' A. Mathews—(7-9-71 and 6-11-72).

Enche' G. Parameswaran—(7-9-71, 6-11-71 and 26-2-72).

Enche' George L. Gallyot—(7-9-71 and 26-2-72).

Enche' Yahaya Mohd. Ali—(7-9-71, 6-11-71 and 26-2-72).

Enche' S. J. H. Zaidi—(7-9-71, 6-11-71 and 26-2-72).

Enche' T. Narendran—(6-11-71 and 26-2-72).

Enche' S. Choudry—(6-11-71).

Enche' G. Parumal—(6-11-71).

Enche' Ibrahim Musa—(26-2-72).

(c) *ILO—Conventions and Recommendations Committee Meetings*

(Date(s) shown against each name indicates the meeting(s) at which he was present).

*Government Panel*

Ketua Setiausaha Kementerian Buroh—Chairman (22-10-71 and 26-10-71).

Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Buroh dan Tenaga Ra'ayat—(Chairman—31-3-72).

Ketua Penolong Setiausaha Kementerian Buroh dan Tenaga Ra'ayat—(22-10-71 and 26-10-71).

Penolong Setiausaha II Kementerian Buroh dan Tenaga Ra'ayat—(22-10-71 and 26-10-71).

Ketua Pengarah Hal Ehwal Perhubungan Perusahaan—(22-10-71 and 26-10-71).

Timbalan Ketua Pengarah Hal Ehwal Perhubungan Perusahaan—(22-10-71, 26-10-71 and 31-3-72).

Timbalan Pengarah Hal Ehwal Buroh—(22-10-71, 26-10-71 and 31-3-72).

Pengarah Hal Ehwal Buroh—(22-10-71, 26-10-71 and 31-3-72).

Timbalan Pendaftar Kesatuan Sekerja—(22-10-71, 26-10-71 and 31-3-72).

Penolong Setiausaha I—(22-10-71, 26-10-71 and 31-3-72).

*Employers' Panel*

Enche' S. C. Law—(22-10-71, 26-10-71 and 31-3-72).

Enche' G. Y. L. Lee—(22-10-71, 26-10-71 and 31-3-72).

*Workers' Panel*

Y.B. Enche' Yeoh Teck Chye—(31-3-72).

Enche' S. J. H. Zaidi—(22-10-71, 26-10-71 and 31-3-72).

Enche' Ibrahim Musa—(22-10-71 and 26-10-71).

Enche' T. Narendran—(22-10-71 and 26-10-71).

Enche' George L. Gallyot—(22-10-71 and 26-10-71).

Enche' G. Parumal—(22-10-71, 26-10-71 and 31-3-72).

Enche' K. Duraiappah—(22-10-71, 26-10-71 and 31-3-72).

(d) *Labour Laws Committee Meetings*

(Date(s) shown against each name indicates the meeting(s) at which he was present).

*Government Panel*

Ketua Setiausaha Kementerian Buroh dan Tenaga Ra'ayat—Chairman—(21-10-71).

Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Buroh dan Tenaga Ra'ayat—(Chairman—21-10-71 and 25-3-72).

Ketua Penolong Setiausaha Buroh dan Tenaga Ra'ayat—(21-10-71).

Penolong Setiausaha II—(21-10-71 and 25-3-72).

Pendaftar Kesatuan Sekerja—(21-10-71).

Timbalan Ketua Pengarah Hal Ehwal Perhubungan Perusahaan—(21-10-71 and 25-3-72).

Pengarah Hal Ehwal Perhubungan Perusahaan (21-10-71).

Timbalan Ketua Pemereksa Kilang dan Jentera (21-10-71 and 25-3-72).

Timbalan Pendaftar Kesatuan Sekerja (21-10-71 and 25-3-72).

Timbalan Ketua Pengarah Hal Ehwal Buroh—(21-10-71 and 25-3-72).

Pengarah Hal Ehwal Buroh (21-10-71 and 25-3-72).

Ketua Pengarah, Pertubuhan Keselamatan Sosial (21-10-71 and 25-3-72).

Penolong Setiausaha III Kementerian Buroh dan Tenaga Ra'ayat—(25-3-72).

Penolong Setiausaha I Kementerian Buroh dan Tenaga Ra'ayat—(21-10-71 and 25-3-72).

*Employers' Panel*

Enche' W. Fernando—(21-10-71 and 25-3-72).

Enche' David Wong—(21-10-71 and 25-3-72).

Enche' A. F. Young—(21-10-71 and 25-3-72).

Enche' D. Gibson—(25-3-72).

*Workers' Panel*

Y.B. Enche' Yeoh Teck Chye—  
(21-10-71 and 25-3-72).

Enche' S. J. H. Zaidi—(21-10-71 and  
25-3-72).

Enche' G. Parumal—(21-10-71 and  
25-3-72).

Enche' George L. Gallyot—(21-10-71).

Enche' T. Narendran—(25-3-72).

**Rumah Orang Tua, Nibong Tebal**

**50. Tuan V. Veerappen** minta Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat menyatakan apa-kah seliaan yang di-buat dalam men-tadbirkan Rumah Orang Tua di-Nibong Tebal dan siapa-kah yang menyelia-nya dan mengapa-kah bantuan Pejabat Kebajikan Am tidak di-minta untuk menyelia atau me-meriksa keadaan di-rumah itu khas-nya berkaitan dengan rawatan yang di-beri kepada penghuni<sup>2</sup> dan bekalan makanan oleh kontrakter<sup>2</sup>.

**Tan Sri V. Manickavasagam:** Rumah Lembaga Kumpulan Wang Buroh India Selatan di-Nibong Tebal ada-lah di-bawah pengawasan Jabatan Buroh dan Perhubungan Perusahaan. Kementerian Buroh dan Tenaga Ra'ayat Pengarah Buroh Penang dan Penolong Pengarah Buroh di-Butterworth menga-wasi perjalanan sebenar Rumah itu. Rawatan perubatan yang chukop ada-lah di-berikan oleh Pegawai Perubatan Kerajaan yang melawat atau di-hospital<sup>2</sup> kerajaan sekira-nya di-perlukan hingga di-hospital. Pembekalan makanan ada-lah di-awasi dengan teliti, dengan pertolongan satu Jawatan-kuasa yang mewakili penduduk<sup>2</sup> rumah.

The South Indian Labour Fund Board's Home at Nibong Tebal is supervised by the Department of Labour and Industrial Relations of the Ministry of Labour and Manpower. The Director of Labour, Penang and the Assistant Director of Labour at Butterworth oversee the actual running of the Home. Adequate medical treatment is provided by a visiting Government Medical Officer and at Government Hospitals if hospitalisation is required. The supply of food is closely supervised, assisted by a Committee representing the inmates.

**Kesatuan Pekerja<sup>2</sup> Pelabohan Pulau Pinang**

**51. Dr Tan Chee Khoo** minta Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat menyatakan:

- (a) sama ada beliau telah menerima sa-puchok surat daripada Setiausaha Agong, Persatuan Pekerja<sup>2</sup> Pelabohan Pulau Pinang yang menyatakan bahawa mereka telah pun memohon kepada Pengurus, Penang Port Stevedoring Corporation supaya wang pendahuluan sa-banyak \$50 untok bulan Februari di-bayar pada 1 haribulan untok mem-bolehkan kaum Muslimin dan Hindu yang bekerja di-situ merayakan hari<sup>2</sup> Raya Haji dan Thaipusam yang jatoh-nya pada 26 haribulan dan 30 haribulan Januari, 1972;
- (b) sama ada beliau sedar bahawa pekerja<sup>2</sup> kaum Muslimin telah di-bayar gaji pada 25 haribulan Januari manakala kaum Hindu pula tidak mendapat bayaran tersebut dan pengumuman mengenai hal itu telah di-buat pada 28 haribulan Januari, 1972; dan
- (c) sama ada beliau sedar bahawa per-istiwa ini telah menimbulkan rasa tidak puas hati di-kalangan kaum pekerja tersebut dan kira-nya benar apa-kah langkah<sup>2</sup> yang di-ambil supaya hal itu tidak di-ulangi lagi di-masa depan.

**Tan Sri V. Manickavasagam:** Satu tali-gram telah di-terima dari Kesatuan Pekerja<sup>2</sup> Pelabohan Pulau Pinang awal bulan Januari tahun ini mengenai permohonan Kesatuan kepada Penang Port Stevedoring Corporation untok mendapat pendahuluan sa-banyak \$50 kepada pekerja<sup>2</sup> beragama Hindu bagi mem-bolehkan mereka merayakan hari Thaipusam yang jatoh pada 30hb Januari.

Ada-lah menjadi amalan biasa bagi Per-badanan itu memberi pendahuluan sechra tunai kepada pekerja beragama Islam bagi Hari Raya Puasa, pekerja<sup>2</sup> China bagi Tahun Baru China dan pekerja<sup>2</sup> Hindu bagi hari Deepavali sahaja. Tetapi dalam bulan Januari, atas permintaan pekerja<sup>2</sup> beragama Islam, Perbadanan itu telah memberika: wang pendahuluan sechra tunai kepada mereka untok merayakan Hari Raya Haji (26hb Januari).

Apabila taligram telah di-terima, sa-orang pegawai dari Kementerian saya telah meng-hubongi majikan berkenaan dan meminta-nya memberikan pendahuluan saperti itu

kapada pekerja<sup>2</sup> Hindu tetapi majikan tidak dapat memberikan wang pendahuluan sechara tunai itu. Saya sedar bahawa terdapat sedikit rasa tidak puas mengenai perkara ini. Walau bagaimana pun untuk kepentingan hubungan baik antara pekerja dan majikan, telah pun di-chadangkan kapada majikan supaya beliau dapat memberikan layanan yang sama kapada pekerja<sup>2</sup> lain.

A telegram was received from the Penang Port Workers Union in early January this year over the union's request made to the Penang Port Stevedoring Corporation for a cash advance of \$50 to its Hindu workers in order to enable them to celebrate the last Thaipusam which fell on 30th January.

It has been the normal practice of the Corporation to give cash advances to its Muslim workers for Hari Raya Puasa, Chinese workers for Chinese New Year and Hindu workers for Deepavali only. But in January, the Corporation, on the request of its Muslim workers granted cash advances to them to celebrate Hari Raya Haji (26th January).

On receipt of the telegram, an officer of the Ministry contacted the employer concerned and persuaded him to give similar advances to the Hindu workers but the employer could not give the cash advances. I am aware that there was some dissatisfaction among the workers over this issue. Nonetheless, it had been suggested to the employer that in the interest of good employer-employee relationship he should also give similar treatment to the other workers.

#### Perundingan

**52. Dr Tan Chee Khoon** minta Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat menyatakan:

- (a) sama ada beliau akan menggalakkan kaum pekerja mengambil bahagian dalam membuat sa-barang keputusan di-dalam kilang<sup>2</sup> perusahaan sa-telah mendapat izin berbuat demikian dari pehak pengusaha yang berkenaan; dan
- (b) ada-kah beliau sedar yang amalan seperti itu di-lakukan di-Jerman Barat dan akibat-nya bilangan mogok dan tunjok perasaan telah berkurangan, dan jika ya, sama ada beliau akan mengizinkan amalan seperti itu di-lakukan di-negeri ini.

**Tan Sri V. Manickavasagam:**

- (a) Kerajaan menggalakkan majikan<sup>2</sup> dan pekerja mengadakan rundingan mengenai perusahaan bagi menentukan ketenteraman perusahaan dan menchapai pengeluaran yang maksima.
- (b) Saya sedar tentang amalan yang di-jalankan di-Jerman Barat di-mana Majlis majikan dan pekerja bekerja sama di-atas dasar perjanjian bersama yang berkuatkuasa berhubung dengan Kesatuan Sekerja dan pertubuhan majikan<sup>2</sup>. Walau bagaimana pun sistem yang di-pakai di-negeri ini hendak-lah sesuai dengan keadaan di-sini.
- (a) Government encourages employers and employees to have consultation in undertaking so as to ensure industrial peace and achieve maximum productivity.
- (b) I am aware of the practice in West Germany where the employer and the workers Council co-operate on the basis of the collective agreements in force in conjunction with the trade unions and employers associations. However, the system that is adopted in our country should be suitable to condition here.

#### KEMENTERIAN PERTANIAN DAN PERIKANAN

##### Bekalan Ayer

**53. Tuan V. Veerappen** minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan ada-kah beliau sedar bahawa selalu berlaku kekurangan bekalan ayer di-kawasan padi Sungai Acheh, Seberang Perai Selatan dan apa-kah langkah<sup>2</sup> beliau berchadang hendak ambil supaya bekalan ayer di-bendang<sup>2</sup> disana menchukupi bekalan ayer.

**Menteri Pertanian dan Perikanan (Tan Sri Haji Mohd. Ghazali bin Haji Jawi):** Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Perikanan tidak tahu-menahu tentang ada-nya kekurangan ayer di-kawasan padi Sungai Acheh bagi tanaman musim utama. Walau bagaimana pun beliau sedar tentang kekurangan ayer bagi tanaman luar musim (ia-itu yang kedua) oleh kerana kemudahan<sup>2</sup> pengayuran masih belum lagi di-sediakan dalam kawasan ini.

Wang sa-banyak \$9,098,776 telah diperuntukkan dalam Ranchangan Malaysia

Kedua di-bawah Krian Tambahan Peringkat III, dan kerja<sup>2</sup> terhadap ranchangan ini sedang di-laksanakan. Apabila siap dalam tahun 1974, ia-nya akan menyediakan ayer pengayeran yang menchukupi bagi seluroh kawasan pengayeran Krian yang mana termasuk kawasan padi Sungai Acheh.

#### Kaum Nelayan

**54. Tuan Haji Ahmad bin Arshad** minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan, memandang bahawa kaum nelayan merupakan golongan ra'ayat yang paling menderita di-negeri ini:

- (a) sama ada beliau sedar bahawa mengikut peratoran sekarang hanya penangkap<sup>2</sup> ikan di-laut sahaja yang dapat kemudahan tetapi penangkap ikan di-darat ada-lah terbiar dan jika ya, nyatakan apa-kah tindakan yang akan di-ambil; dan
- (b) nyatakan bagaimana kaum nelayan kita boleh mengubah chara hidup mereka kepada perusahaan, perdagangan dan pertanian.

**Tan Sri Haji Mohd. Ghazali bin Haji Jawi:**

- (a) Sunggoh pun banyak usaha<sup>2</sup> di-tumpukan bagi mengadakan kemudahan<sup>2</sup> kepada penangkap<sup>2</sup> ikan di-laut, akan tetapi penangkap ikan di-darat ada-lah juga di-beri perhatian berat.

Bahagian Perikanan telah pun dan sedang membaiki serta membiak ikan<sup>2</sup> di-sungai<sup>2</sup>, tasek dan kolam. Sa-banyak 13.6 juta beneh<sup>2</sup> ikan telah pun di-semai di-tempat<sup>2</sup> tersebut. Di-samping itu bantuan<sup>2</sup> saperti beneh<sup>2</sup> ikan, baja, kapur dan lain<sup>2</sup> kelengkapan perkolaman juga di-beri kepada mereka yang menjalankan perusahaan menternak ikan.

- (b) Beberapa ranchangan telah di-sediakan untuk membolehkan nelayan<sup>2</sup> mengubah chara hidup mereka dengan

mendapatkan permodalan, pengetahuan, kelengkapan dan pengurusan sa-bagai mana yang di-perlukan dalam perusahaan perdagangan dan pertanian moden. Lembaga Kemajuan Ikan telah di-tubuhkan bagi membekalkan alat<sup>2</sup> kelengkapan. Pengetahuan perikanan di-beri melalui aktiviti<sup>2</sup> seksi pengembangan dan di-sekolah<sup>2</sup> dan Instituit Nelayan; soal pengurusan di-adakan melalui penubuhan persatuan<sup>2</sup> nelayan. Lembaga Pemasaran Ikan telah di-tubuhkan bagi memudahkan pengurusan pemasaran supaya dapat menyalorkan segala hasil<sup>2</sup> mereka.

#### Pelbagai Tanaman

**55. Tuan Luhut Wan** minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan:

- (i) sa-takat mana-kah Kementerian beliau telah membantu Sarawak dalam melaksanakan pelbagai tanaman; dan
- (ii) apa-kah dasar Kerajaan Persekutuan mengenai pertanian dengan menggunakan jentera di-kawasan<sup>2</sup> luar bandar.

**Tan Sri Haji Mohd. Ghazali bin Haji Jawi:**

- (i) Kementerian saya telah menyokong dan membantu Kerajaan Sarawak melalui MARDI dalam penyelidikan dan perchubaaan bagi menanam kopi, koko dan tanaman jangka pendek tahunan (annual cash crop) dalam usaha mempelbagai perusahaan tanaman di-Negeri itu.
- (ii) Kerajaan Persekutuan menggalakkan chara dan teknik moden termasuk penggunaan jentera di-ladang<sup>2</sup>. Jabatan Pertanian mempunyai trektor<sup>2</sup> dan tiller yang boleh di-sewakan dengan bayaran yang murah untuk kegunaan pekebun kecil. Pertunjukan sering di-adakan tentang penggunaan alat<sup>2</sup> ini untuk menggalakkan petani<sup>2</sup> atau kumpulan<sup>2</sup> petani membeli-nya. Pinjaman untuk tujuan ini boleh diperolehi dari Perbadanan Kemajuan Ekonomi Sarawak (Sarawak Economic Development Corporation).

### KEMENTERIAN PEMBANGUNAN NEGARA DAN LUAR BANDAR

#### Jenis<sup>2</sup> Pembangunan di-Trengganu

**56. Tuan Mohd. Daud bin Abdul Samad** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan jenis<sup>2</sup> pembangunan yang telah di-laksanakan di-Trengganu dalam tahun 1971 dan jumlah wang yang di-belanjakan untuk projek<sup>2</sup> tersebut.

**Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Abdul Ghafar bin Baba):** Jenis<sup>2</sup> Projek yang di-laksanakan oleh Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar saja dan jumlah wang yang telah di-belanjakan bagi Negeri Trengganu dalam tahun 1971 ada-lah seperti berikut:

| <i>Ajensi</i>       | <i>Jenis Projek</i>                  | <i>Tempat</i>                                                                            | <i>Perbelanjaan</i> |
|---------------------|--------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------|
| LKTP .. .. .        | Pembukaan Tanah ..                   | Bukit Bading, Seberang Tayor, Tenang Besut, Belara, Chalok Barat, Chalok dan Jerangau .. | \$3.9 juta          |
|                     | Membeli perkakas Kilang Kelapa Sawit | Jerangau .. .. .                                                                         | \$0.8 juta          |
| LPPTN .. .. .       | Pemulehan Tanah ..                   | Tanah Sungai Dura, Ulu Trengganu .. .. .                                                 | \$0.5 juta          |
|                     | Ranchangan Belia ..                  | Bukit Kapah, Ulu Trengganu ..                                                            | \$2.5 juta          |
| MARA .. .. .        | Rumah Kedai .. .. .                  | K. Trengganu .. .. .                                                                     | \$0.6 juta          |
|                     | Bazar .. .. .                        | Kemaman .. .. .                                                                          | \$0.04 juta         |
|                     | Bazar .. .. .                        | Dungun .. .. .                                                                           | \$0.04 juta         |
|                     | Pembinaan Tambahan Limbongan MARA    | K. Trengganu .. .. .                                                                     | \$0.9 juta          |
| Kementerian .. .. . | Projek <sup>2</sup> Kechil .. .. .   | Trengganu .. .. .                                                                        | \$0.2 juta          |
|                     | Jalan <sup>2</sup> Luar Bandar ..    | Trengganu .. .. .                                                                        | \$0.04 juta         |
| JUMLAH ..           |                                      |                                                                                          | <u>\$9.52 juta</u>  |

Types of projects implemented by this Ministry alone and the total amount spent for the year 1971 in the State of Trengganu are as follows:

| <i>Agency</i>    | <i>Type of Project</i>                      | <i>Locality</i>                                                                          | <i>Expenditure</i>    |
|------------------|---------------------------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------|
| FLDA .. .. .     | Land Development ..                         | Bukit Bading, Seberang Tayor, Tenang Besut, Belara, Chalok Barat, Chalok and Jerangau .. | \$3.9 million         |
|                  | Purchase of equipments for Oil Palm Factory | Jerangau .. .. .                                                                         | \$0.8 million         |
| FELCRA .. .. .   | Land Rehabilitation ..                      | Sungai Dura, Ulu Trengganu ..                                                            | \$0.5 million         |
|                  | Youth Scheme .. .. .                        | Bukit Kapah, Ulu Trengganu ..                                                            | \$2.5 million         |
| MARA .. .. .     | Shop Houses .. .. .                         | K. Trengganu .. .. .                                                                     | \$0.6 million         |
|                  | Bazaar .. .. .                              | Kemaman .. .. .                                                                          | \$0.04 million        |
|                  | Bazaar .. .. .                              | Dungun .. .. .                                                                           | \$0.04 million        |
|                  | Extension to MARA Dockyard                  | K. Trengganu .. .. .                                                                     | \$0.9 million         |
| Ministry .. .. . | Minor Works .. .. .                         | Trengganu .. .. .                                                                        | \$0.2 million         |
|                  | Rural Roads .. .. .                         | Trengganu .. .. .                                                                        | \$0.04 million        |
| TOTAL ..         |                                             |                                                                                          | <u>\$9.52 million</u> |

#### Bantuan Buku<sup>2</sup> Teks

**57. Tuan Mohd. Daud bin Abdul Samad** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan sama ada benar bahawa Kementerian-nya ada memberi buku<sup>2</sup> teks kepada murid<sup>2</sup> sekolah di-Trengganu dalam tahun 1971, dan jika ya, nyatakan berapa jumlah harga buku<sup>2</sup> tersebut dan untuk sekolah<sup>2</sup> jenis apa buku<sup>2</sup> itu di-berikan.

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Memang benar Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar ada memberi bantuan sebanyak \$85,000 untuk membeli buku teks bagi penuntut<sup>2</sup> Tingkatan V di-Negeri Trengganu dalam tahun 1971.

It is true Ministry of National and Rural Development did allocate an allocation of \$85,000 for the purchase of text books for Form V students in Trengganu in 1971.



### Jenis<sup>2</sup> Projek<sup>2</sup> Pembangunan

**58. Tuan Mohd. Daud bin Abdul Samad** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan jenis<sup>2</sup> projek<sup>2</sup> pembangunan yang sedang di-jalankan di-Negeri Trengganu pada tahun 1972 ini dan jumlah wang yang sudah pun di-belanjakan untuk projek<sup>2</sup> tersebut.

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Jenis<sup>2</sup> projek yang sedang di-laksanakan di-Negeri Trengganu oleh Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar saja bagi tahun 1972 ini ada-lah seperti berikut:

| <i>Ajensi</i>                    | <i>Jenis Projek</i>              | <i>Tempat</i>                | <i>Perbelanjaan</i> |
|----------------------------------|----------------------------------|------------------------------|---------------------|
| LKTP .. .. .                     | Pembangunan Tanah ..             | Lurah Jabor .. .. .          | \$0.2 juta          |
| LPPTN .. .. .                    | Pemulehan Tanah ..               | Sungai Dura, U. Trengganu .. | \$0.03 juta         |
|                                  | Ranchangan Belia ..              | Bukit Kapah, U. Trengganu .. | \$0.1 juta          |
| Kem. Pem. Negara dan Luar Bandar | Projek <sup>2</sup> Kechil .. .. | Trengganu .. .. .            | \$0.003 juta        |
|                                  |                                  | JUMLAH ..                    | <u>\$0.333 juta</u> |

Types of development projects which are being implemented in the State of Trengganu by Ministry of National and Rural Development alone for the year 1972 are as follows:

| <i>Agency</i>    | <i>Type of Project</i> | <i>Locality</i>              | <i>Expenditure</i>     |
|------------------|------------------------|------------------------------|------------------------|
| FLDA .. .. .     | Land Development ..    | Lurah Jabor .. .. .          | \$0.2 million          |
| FELCRA .. .. .   | Land Rehabilitation .. | Sungai Dura, U. Trengganu .. | \$0.03 million         |
|                  | Youth Scheme .. ..     | Bukit Kapah, U. Trengganu .. | \$0.1 million          |
| Ministry .. .. . | Minor Works .. ..      | Trengganu .. .. .            | \$0.003 million        |
|                  |                        | TOTAL ..                     | <u>\$0.333 million</u> |

### Lembaga Pemulehan dan Penyatuan Tanah Negara

**59. Tuan Mohd. Daud bin Abdul Samad** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan luas tanah yang telah di-pulehkan sa-mula di-bawah ranchangan Lembaga Pemulehan dan Penyatuan Tanah Negara sejak Lembaga itu di-tubuhkan hingga akhir tahun 1971 dan jumlah wang yang telah di-belanjakan.

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Luas tanah yang telah di-puleh sa-mula di-bawah ranchangan Lembaga Pemulehan dan Penyatuan Tanah Negara sejak Lembaga itu di-tubuhkan hingga akhir tahun 1971 ia-lah berjumlah 15,611 ekar dan \$6,377,087.77 telah di-belanjakan.

The acreage of land that has been rehabilitated by the National Land Rehabilitation and Consolidation Authority since its establishment until the end of 1971 is 15,611 acres and \$6,377,087.77 has been spent.

**60. Tuan Mohd. Daud bin Abdul Samad** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan luas tanah dalam ranchangan tanah pinggir yang gagal lalu di-serahkan kepada Lembaga Pemulehan dan Penyatuan Tanah Negara untuk di-buat pemulehan sa-mula sejak Lembaga itu di-tubuhkan hingga akhir tahun 1971 dan jumlah wang Kerajaan Persekutuan yang telah di-belanjakan bagi maksud itu.

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Luas tanah yang telah di-puleh sa-mula di-bawah ranchangan Lembaga Pemulehan dan Penyatuan Tanah Negara sejak Lembaga itu di-tubuhkan hingga akhir tahun 1971 ia-lah berjumlah 15,611 ekar dan \$6,377,087.77 telah di-belanjakan.

The acreage of land that has been rehabilitated by the National Land Rehabilitation and Consolidation Authority since its establishment until the end of 1971 is 15,611 acres and \$6,377,087.77 has been spent.

### Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan

**61. Dr Tan Chee Khoon** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan:

- (a) gaji yang di-bayar kepada Pengerusi dan Pengurus Besar Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan dan lain<sup>2</sup> faedah yang di-dapati oleh mereka itu seperti kemudahan<sup>2</sup> perumahan, kereta, petrol dan lain<sup>2</sup>; dan
- (b) mengapa-kah perlu di-adakan dua pegawai ia-itu Pengerusi dan Pengurus Besar yang bergaji besar dalam Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan.

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:**

- (a) Gaji yang di-bayar kepada Pengerusi Lembaga ada-lah sebanyak \$3,000 sa-bulan dan faedah<sup>2</sup> lain termasuk rumah perchuma, sa-buah kereta, minyak dan pemandu untuk kegunaan kerja<sup>2</sup> resmi dan ganjaran (gratuity) sebanyak 1/96 sa-bulan daripada gaji tahunan-nya.

Gaji yang di-bayar kepada Pengurus Besar ada-lah sebanyak \$3,500 sa-bulan dan faedah<sup>2</sup> lain termasuk rumah perchuma, sa-buah kereta, minyak dan pemandu untuk kerja<sup>2</sup> resmi.

- (b) Jawatan Pengerusi dan Pengurus Besar memang telah di-tentukan oleh Ordinan Kemajuan Tanah, 1956. Memandangkan bahawa L.K.T.P. ada-lah sa-buah badan yang terbesar di-dalam bidang pembukaan tanah di-negara ini ada-lah perlu bagi ia-nya mempunyai sa-orang Pengerusi dan Pengurus Besar untuk melaksanakan kerja<sup>2</sup> yang besar dan berat itu. Pada hakikat-nya gaji yang di-bayar kepada kedua<sup>2</sup> pegawai itu ada-lah samimbang dengan tanggung-jawab dan kedudukan mereka.
- (a) The salary received by the Chairman of F.L.D.A. is \$3,000 per month. Other benefits include free housing, a car, petrol and driver for official use and gratuity at the rate of 1/96 per month of the annual salary received.

The salary received by the General Manager is \$3,500 per month and other benefits include free housing, a car, petrol and driver for official use.

- (b) The posts of Chairman and General Manager are provided for in the Land Development Ordinance, 1956. F.L.D.A. being the largest agency in land development in the country finds it necessary

to have both the Chairman and the General Manager to carry out the onerous and difficult responsibilities. It is an established fact that the salaries paid to these two officers are commensurate with their responsibilities and status.

**62. Dr Tan Chee Khoon** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan tentang jawatan<sup>2</sup> kosong di-Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan sehingga 1 haribulan Mach, 1972.

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Lembaga mempunyai sebanyak 291 jawatan<sup>2</sup> kosong pada 1 haribulan Mach, 1972.

There are 291 vacant posts in the Authority as on 1st March, 1972.

### Penyerahan Wang Pembangunan

**63. Tuan Awang Bungsu bin Abdullah** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan sebab lambat-nya penyerahan wang pembangunan kepada pejabat<sup>2</sup> daerah di-luar bandar terutama sekali di-Sarawak yang mana menyebabkan kelambatan perlaksanaan projek<sup>2</sup> pembangunan tahun itu.

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Peruntokan wang pembangunan ada-lah melalui semua Kementerian yang berkenaan. Sepanjang yang mengenai Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar peruntokan jalan raya kechil biasa-nya di-keluarkan pada awal tahun ranchangan itu di-laksanakan oleh Kementerian Kerja Raya dan Tenaga sa-telah mendapat persetujuan daripada Kerajaan<sup>2</sup> Negeri. Mengenai ranchangan kechil bagi Sarawak wang peruntokan khas telah di-masokkan ka-dalam Buku Belanjawan, di-mana Kerajaan Sarawak boleh memohon peruntokan itu sechara langsung daripada Kementerian ini.

Allocation for Development Fund is made through all Ministries concerned. As far as Ministry of National and Rural Development is concerned the allocation for rural roads is normally issued at the beginning of the year in which the project is implemented by the Ministry of Works and Power after obtaining the approval from the State Government. In relation to minor works in Sarawak a special allocation has been provided in the Budget Estimates whereby the State Government can apply for the allocation direct from this Ministry.

### Kelas Membasmi Buta Huruf

**64. Tuan Chan Fu King** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan sama ada beliau akan menimangkan pembukaan Kelas<sup>2</sup> Lanjutan di semua ladang<sup>2</sup> getah dan ladang<sup>2</sup> kelapa sawit untuk pemuda<sup>2</sup> yang berumur di-antara 16 hingga 24 tahun.

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Kelas untuk belajar membaca dan menulis atau tegas-nya Kelas<sup>2</sup> Membasmi Buta Huruf boleh di-buka di-mana sahaja dan tidak tertentu bagi mana<sup>2</sup> golongan umur.

Class to learn to read and write or Adult Education Class can be opened anywhere and not for any particular age group.

### KEMENTERIAN KERJA RAYA DAN TENAGA

#### "Planter Magazine"

**65. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Kerja Raya dan Tenaga menyatakan sama ada Kementerian-nya akan mengambil indah akan seruan yang di-buat baru<sup>2</sup> ini oleh "Planter Magazine", lidah rasmi Incorporated Society of Planters, yang menchadangkan supaya jalan<sup>2</sup> raya di-Malaysia di-"rubberised"-kan 100% kerana ini ada-lah lebeh menjimatkan dari yang ada sekarang dalam masa jangka panjang, lebeh selamat dan menolong menambahkan kegunaan dan harga getah.

**Menteri Kerja Raya dan Tenaga (Dato' Haji Abdul Ghani Gilong):** Saya sedar akan soalan yang di-buat oleh "Planter Magazine", lidah rasmi Incorporated Society of Planters itu. Ada-lah menjadi polisi Kerajaan semenjak tahun 1961 lagi menggunakan getah dalam menampal (surfacing) di-seluruh Negara ini. Pada masa ini 5 daripada 9 kuari<sup>2</sup> di-Malaysia Barat ada-lah dilengkapi dengan alat<sup>2</sup> menghampor getah (Rubber mixing equipments). Kelima<sup>2</sup> kuari ini dapat menyediakan pre-mix getah (Rubber-rise pre-mix metal) untuk menampal lebeh kurang 500 batu jalan sa-tahun yang menggunakan kira<sup>2</sup> satu ton getah sa-batu. Untuk pengetahuan tuan, kuari<sup>2</sup> ini ada-lah terletak di-Pulau Pinang, Selangor, Johor, Perak dan Negeri Sembilan. Ada-lah menjadi tujuan Kerajaan juga untuk meletakkan alat<sup>2</sup> saperti yang terdapat di-kelima<sup>2</sup> kuari di-atas tadi di-Negeri Pahang, Trengganu, Kelantan dan Kedah. Getah

yang di-gunakan tadi ada-lah dalam bentuk getah chair (latex). Kerja<sup>2</sup> perchubaaan telah pun di-buat sa-belum tahun 1960 lagi. J.K.R. dalam tahun 1968 telah pun menjalankan satu perchubaaan di-mana getah telah di-gunakan untuk menampal jalan dari Batu 17 hingga Batu 18 Jalan Kuala Lumpur/Seremban dan dari Batu 14½ hingga 14½ Jalan Kuala Lumpur/Bentong. Penilaian terhadap permukaan jalan ini maseh lagi berjalan. Walau bagaimana pun Kementerian ini telah berchadang untuk menjalankan kajian<sup>2</sup> selanjut-nya sechara besar<sup>2</sup>an. Di-harap juga keputusan daripada kajian ini akan menggalakkan.

#### Jambatan<sup>2</sup> dan Pembetong<sup>2</sup>

**66. Tuan V. Veerappen** minta Menteri Kerja Raya dan Tenaga menyatakan bilangan jambatan<sup>2</sup> dan pembetong<sup>2</sup> yang telah rosak akibat kemalangan jalan raya, sama ada beliau telah menentukan sebab<sup>2</sup>-nya, dan jika ya, ada-kah beliau akan segera mengambil langkah<sup>2</sup> supaya jambatan<sup>2</sup> yang sempit itu di-lebarkan.

**Dato' Haji Abdul Ghani Gilong:** Saya tidak dapat butir<sup>2</sup> yang lengkap mengenai jambatan<sup>2</sup> dan pembetong<sup>2</sup> yang telah rosak akibat kemalangan jalan raya di-seluruh negara ini. Namun demikian saya sedar dan telah pun mengarahkan Jabatan saya supaya menggantikan atau pun membesarkan mana<sup>2</sup> jambatan yang sempit atau pembetong yang rosak, kechuali ada beberapa jambatan<sup>2</sup> "bailey" atau kayu yang maseh belum ditukar lagi. Ini akan di-gantikan dengan sechara berperingkat<sup>2</sup> memandangkan kapada keutamaan yang telah di-beri kapada kerja<sup>2</sup> pembinaan jalan yang lain dalam Rancangan Malaysia Yang Kedua.

#### Pembinaan Jalan

**67. Tuan V. Veerappen** minta Menteri Kerja Raya dan Tenaga menyatakan apa-kah kemajuan yang telah di-buat dalam pembinaan jalan yang menyimpang Sungai Bakap di-Seberang Perai Selatan dan sama ada jalan persimpangan itu tidak bertemu dengan dua lintasan keretapi di-Nibong Tebal dan Sungai Bakap.

**Dato' Haji Abdul Ghani Gilong:** Pada tahun 1967 "General Transport Survey" telah pun di-jalankan. Projek ini telah tidak di-chadangkan untuk di-bena dalam Rancangan Malaysia Yang Kedua oleh kerana terdapat maseh banyak lagi projek<sup>2</sup> yang perlu di-beri keutamaan.

### Surat Pekeliling

**68. Dr Tan Chee Khoo** minta Menteri Kerja Raya dan Tenaga menyatakan sama ada beliau sedar tentang ada-nya satu Surat Pekeliling Lembaga Letrik Negara yang menyebutkan bahawa keutamaan mesti-lah di-beri kepada anak<sup>2</sup> pekerja L.L.N. bagi sa-barang jawatan yang di-adakan dalam Lembaga tersebut, dan jika ya, ada-kah kebenaran beliau telah di-perolehi bagi mengeluarkan Surat Pekeliling seperti itu.

**Dato' Haji Abdul Ghani Gilong:** Sa-bagai keputusan daripada permintaan yang berulang-kali dari Kesatuan<sup>2</sup> yang mewakili pekerja<sup>2</sup> L.L.N., pihak Lembaga telah mengeluarkan satu Surat Pekeliling pada 16hb Mei, 1958. Pekeliling ini memberi keutamaan kepada anak<sup>2</sup> pekerja L.L.N. bila usaha<sup>2</sup> pengambilan kakitangan untuk memenuhkan kekosongan dengan syarat mereka ini mempunyai kelulusan. Ini bermakna apabila semua keadaan di-dapati sama, keutamaan baharu-lah di-beri kepada anak<sup>2</sup> pekerja L.L.N. Seperti organisasi<sup>2</sup> lain, pihak pengambilan kakitangan Lembaga berpanduan kepada kebolehan dan penyesuaian dengan mengambil pertimbangan Komposisi Kaum<sup>2</sup> di-Negeri ini. Seperti yang saya sebutkan di atas tadi, keutamaan yang di-beri kepada anak pekerja<sup>2</sup> ini hanya-lah bila di-dapati chalon<sup>2</sup> itu sama dalam semua keadaan.

Kandungan Pekeliling yang telah di-sebutkan di-atas tadi telah tidak berdasarkan kepada "Rules and Regulations govern the condition of Service of Employees of the N.E.B." yang mana hanya berkesan mulai pada 1-10-68 yang memberi keputusan bahawa tuntutan pekerja<sup>2</sup> untuk memberi keutamaan kepada anak<sup>2</sup> mereka dalam pemilihan pekerjaan Lembaga Letrik bukanlah sa-bagai satu hak lagi.

### KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SOKAN

#### Lembaga Pekerjaan

**69. Tuan Hor Cheok Foon** minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sokan menyatakan sama ada beliau berchadang hendak menu-bohkan sa-buah Lembaga Pekerjaan untuk menolong ahli<sup>2</sup> sokan menyelesaikan masalah<sup>2</sup> pekerjaan mereka.

**Menteri Kebudayaan, Belia dan Sokan (Dato' Hamzah bin Dato' Abu Samah):** Saya tidak bersetuju hendak menubohkan Lembaga Pekerjaan tetapi Kementerian saya akan

membantu di-mana perlu melalui Majlis Sokan Negara dan Majlis Sokan Negeri mengenai olahragawan dan olahragawati di-dalam menchari pekerjaan.

I have no intention of setting up an Employment Board but my Ministry will assist wherever possible through the National and State Sports Council unemployed sportsmen in finding employment.

### Sharikat Amanah Belia

**70. Dr Tan Chee Khoo** minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sokan menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar tentang ada-nya khabar<sup>2</sup> angin berkenaan dengan pentadbiran Wisma Belia yang di-kaitkan dengan Sharikat Amanah Belia; dan
- (b) memandangkan bahawa pentadbiran Wisma Belia itu telah menjadi begitu sulit, sama ada beliau akan merombak pentadbiran Wisma Belia supaya kepentingan kaum belia akan terjamin.

**Dato' Hamzah bin Dato' Abu Samah:**

- (a) Saya belum dengar apa<sup>2</sup> khabar angin berhubung dengan pentadbiran Wisma Belia dan perkaitan-nya dengan Sharikat Amanah Belia. Kalau Yang Berhormat Wakil dari Batu dapat memberi ma'alumat<sup>2</sup> yang sah, bukan khabar<sup>2</sup> angin, suka-lah saya mendapati-nya. Walau bagaimana pun saya suka menerangkan kedudukan pertalian Wisma Belia dan Sharikat Amanah Belia.
- (b) Wisma Belia, bangunan yang terletak di-Jalan Lornie, Kuala Lumpur kepunyaan Persatuan Kelab<sup>2</sup> Belia Malaysia (MAYC) ada-lah di-tadbirkan oleh Sharikat Amanah Belia, ia-itu sa-buah Sharikat yang di-bentuk sendiri oleh Persatuan tersebut, dan Pengarah<sup>2</sup>-nya ada-lah terdiri daripada Pemegang<sup>2</sup> Amanah Persatuan itu.
- (c) Dengan chara yang berjalan sekarang, yang di-tentukan sendiri oleh belia<sup>2</sup>, pemimpin<sup>2</sup> Persatuan itu, pentadbiran Wisma Belia di-laksanakan sechара perniagaan dan tidak akan berchampur adok dengan perjalanan Persatuan itu sendiri yang berbentuk sukarela. Kiranya peratoran sekarang tidak memuaskan pemimpin<sup>2</sup> Persatuan ini sendiri boleh mengubah-nya tanpa champur tangan dari pihak Kementerian ini.

### Ranchangan<sup>2</sup> Kemajuan Tanah Belia

**71. Tuan Adrew Mara anak Walter Ujah** minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan sama ada Kementerian beliau akan menimbang mengadakan Ranchangan<sup>2</sup> Kemajuan Tanah Belia di-kelima<sup>2</sup> Bahagian dalam Sarawak, untuk menggalakkan penyer-taan Belia dalam melaksanakan ranchangan pembangunan negara.

**Dato' Hamzah bin Dato' Abu Samah:** Setakat ini Kementerian saya belum lagi menjalankan sebarang ranchangan Kemajuan Tanah Belia sechara bersendirian. Walau bagaimana pun Kementerian saya telah memberi kerjasama kepada beberapa buah Kerajaan Negeri untuk melateh belia<sup>2</sup> bagi menyertai Ranchangan<sup>2</sup> Tanah Belia yang di-anjorkan oleh Kerajaan<sup>2</sup> Negeri itu. Oleh itu jika sekira-nya Kerajaan Negeri Sarawak hendak menjalankan Ranchangan Kemajuan Tanah Belia maka Kementerian ini akan dapat menyumbangkan kerjasama dari segi memberikan latehan pada belia<sup>2</sup> yang akan menyertai ranchangan tersebut.

### Badan Penapis Kebudayaan

**72. Tuan Haji Mawardi bin Lebai Teh** minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) sama ada Kerajaan berchadang hendak mengadakan satu Badan Penapis Kebudayaan untuk menapis mana<sup>2</sup> kebudayaan yang menyerap masuk ka-dalam negeri kita ini; dan
- (b) jika badan penapis saperti itu sudah ada, apa-kah langkah<sup>2</sup> yang telah di-buat untuk tujuan itu.

**Dato' Hamzah bin Dato' Abu Samah:**

- (a) Pada masa ini Kerajaan tidak berhajat untuk menubuhkan Badan Penapis Kebudayaan untuk menapis unsur<sup>2</sup> kebudayaan yang menyerap masuk ka-dalam negeri ini.
- (b) Tidak ada.

### JABATAN PEGUAM NEGARA

**Tan Chin Yong alias Ah Bee**

**73. Tuan V. David** bertanya kepada Peguam Negara sama ada beliau akan menimbang-kan kes Tan Chin Yong *alias* Ah Bee yang berthabit di-bawah Perbicharaan Jenayah Dharurat No. 30 tahun 1964 Johore Bahru

(Re-Johore Bahru Emergency Criminal Trial) yang telah di-bicharakan pada 16hb Oktober, 1965 dan di-kenakan hukuman penjara sa-umur hidup. Hukuman yang di-kenakan ia-lah di-bawah seksyen 58 (1) Undang<sup>2</sup> Keselamatan Dalam Negeri (Internal Security Act) kerana menyertai tentera Indonesia. Privy Council sa-bagaimana yang di-laporkan dalam Majallah Undang<sup>2</sup> Malaya ka-VII tahun 1968 maka surat 148, telah membatalkan semua hukuman di-bawah perkara yang sedemikian itu kerana di-kata-kan tidak baik dari segi undang<sup>2</sup>. Dengan demikian ada-kah Menteri akan menimbang membebaskan Tan Chin Yong yang men-jalani hukuman yang di-katakan tidak baik dari segi undang<sup>2</sup>.

**Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof):** Saya berpuashati bahawa hukuman penjara sa-umur hidup yang telah di-jatuhkan ka-atas Tan Chin Yong *alias* Ah Bee telah di-jatuhkan mengikut peruntukan<sup>2</sup> Akta Keselamatan Dalam Negeri dan dengan itu yang di-tuduh itu sedang menjalankan hukuman mengikut perjalanan kuasa<sup>2</sup> ke-hakiman Mahkamah Tinggi. Memang benar, Jawatankuasa Kehakiman Privy Council dengan keputusan lebehsuara telah menyata-kan bahawa suatu pertuduhan bersubahat dengan "orang<sup>2</sup> Indonesia yang bersenjata" tidak boleh di-pertahankan. Keputusan lebehsuara itu walau bagaimana pun, hanya berhubung dengan rayuan<sup>2</sup> di-hadapan Jawatankuasa Kehakiman Privy Council dan tidak boleh berkuatkuasa ka-atas sa-siapa yang tidak membuat rayuan di-hadapan Jawatankuasa Kehakiman Privy Council itu.

Kuasa untuk menimbang melepaskan sa-saorang yang telah di-thabit tidak terletak pada Peguam Negara, tetapi terletak di-tangan Raja di-atas nasihat Juma'ah Pengampunan.

I am quite satisfied that the sentence of life imprisonment on Tan Chin Yong *alias* Ah Bee was passed according to the provisions of the Internal Security Act and the accused is, therefore, serving the sentence pursuant to a proper exercise of the judicial function of the High Court. It is true that the Judicial Committee of the Privy Council by a majority decision has ruled that a charge of consorting with "armed Indonesians" cannot stand. That majority decision, however, related only to the appeals that were before the Judicial Committee of the Privy

Council and cannot have any effect on the persons who have not represented in those appeals that were heard by the Privy Council.

The power to consider releasing a convicted person does not lie with the Attorney-General, but it lies with the Ruler on the advice of the Pardons Board.

74. Tuan V. David minta Peguam Negara menyatakan bilangan orang<sup>2</sup> yang kes-nya sama seperti kes Tan Chin Yong *alias* Ah Bee itu yang maseh di-tahan di-dalam penjara ia-itu di-hukum di-bawah section 58 (1) kerana menyertai orang<sup>2</sup> Indonesia yang bersenjata dan berapa ramai-kah orang<sup>2</sup> yang bersalah seperti itu telah di-hukum gantung.

Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof: Ada sa-ramai 13 orang (termasuk Tan Chin Yong *alias* Ah Bee) yang maseh lagi menjalani penjara sa-umur hidup sa-telah mereka itu di-thabitkan di-bawah sekshen 58 (1) Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960. Tiada sa-orang pun yang di-thabitkan di-bawah sekshen itu telah di-jatuhkan hukuman bunuh.

There are thirteen persons (including Tan Chin Yong *alias* Ah Bee) who are still undergoing sentence of life imprisonment as the result of conviction under section 58 (1) of the Internal Security Act, 1960. No person convicted under that section was sentenced to death.

#### KEMENTERIAN TEKNOLOJI, PENYELIDEKAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

N.I.S.I.R.

75. Tuan Ng Hoe Hun minta Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, memandang kapada bilangan kecil kerja<sup>2</sup> penyelidikan di-jalankan oleh NISIR untuk mendapatkan uranium oksaid daripada mineral monoksaid:

- (a) hasil kerja penyelidikan itu;
- (b) pembeli<sup>2</sup> utama uranium oksaid;
- (c) kegunaan<sup>2</sup> uranium oksaid; dan
- (d) sudah-kah keputusan kerja<sup>2</sup> penyelidikan ini di-umumkan kapada pelombong<sup>2</sup> bijih dan pengeluar<sup>2</sup> arang.

Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Ong Kee Hui):

- (a) Uranium ada-lah satu daripada bahan<sup>2</sup> yang di-dapati dalam "monazite". Bahan<sup>2</sup> lain yang di-dapati dalam monazite ia-lah Thorium, Cerium, Lanthanum dan lain<sup>2</sup> logam tanah seperti Europium. NISIR telah pun menjalankan kerja<sup>2</sup> mengasingkan bahan<sup>2</sup> dalam monazite ini dengan menggunakan satu "complex compound" yang di-panggil HMPA atau "Hexamethylphosphoramide". Compound HMPA dengan bahan<sup>2</sup> yang berlainan yang terdapat dalam monazite ada-lah wujud sa-bagai "precipitates" pada peringkat<sup>2</sup> asid yang berlainan. Chara ini ada-lah baik kira-nya digunakan dalam ma'amal. Tetapi tidak-lah sesuai dari segi ekonomi untuk perniagaan, sebab sa-jumlah besar HMPA perlu di-gunakan dan ini ada-lah mahal. Oleh yang demikian, NISIR telah chuba mengatasi perkara ini dari sudut yang lain dengan menggunakan chara "ion-exchange". Dalam chara ini, camporan monazite di-alirkan melalui satu "column of resin" yang mengumpulkan uranium dan sebak-nya membiarkan bahan<sup>2</sup> lain menerusi-nya. Chara ini sedang di-perbaiki lagi. Hasil<sup>2</sup> permulaan-nya ada-lah menggalakkan. Mengikut anggaran chara ini mungkin sangat sesuai dari segi ekonomi. Banyak lagi kerja<sup>2</sup> yang sedang di-jalankan sa-belum mencapai keputusan yang mu'tamad. Dalam pengkajian mengasingkan uranium, pegawai NISIR telah mereka satu chara baharu bagi mengesan uranium yang berjumlah sekecil<sup>2</sup>-nya. Suatu risalah saintifik mengenai chara ini telah pun di-tulis dan di-kemukakan untuk pengeluaran dalam sa-buah "scientific journal".
- (b) Sa-jumlah besar pembeli<sup>2</sup> uranium ada-lah pengguna<sup>2</sup> uranium dalam "nuclear reactors" seperti Amerika Sharikat, Britain dan Kanada.
- (c) Uranium 235 ada-lah di-gunakan dalam "nuclear reactors" sa-bagai bahan api. Memang ia-nya boleh juga di-gunakan untuk membuat "atomic bombs".
- (d) Oleh kerana proses ini maseh dalam peringkat pemajuan belum-lah tiba

masa-nya untuk mengumumkan hasil<sup>2</sup>-nya. Bagi munafa'at pelombong<sup>2</sup> bijih, mungkin wajar di-nyatakan bahawa sa-bilangan besar logam<sup>2</sup> ada-lah di-dapati dalam hampas bijih (tin tailings) dan ini sa-patut-nya tidak-lah di-jual dengan harga yang murah. Satu "sample" yang berasingan, telah di-dapati mengandungi 35% Titanium, 6.6% Niobium, 3.9% Tantalum di-samping 7.5% bijih. Chontoh ini telah di-cherakinkan dengan teliti, menggunakan "nuclear activation analysis" hasil daripada sa-buah "nuclear reactor".

- (a) Uranium is one of the elements found in monazite. Other elements present in monazite are Thorium, Cerium, Lanthanum and other rare earth metals like Europium. NISIR has done some work in isolating these individual elements in monazite using a complex compound called HMPA or Hexamethylphosphoramide. Compounds of HMPA with different elements found in monazite come down as precipitates at different acid level. This method is good in a laboratory but commercially it has been found uneconomical since fairly large amount of HMPA has to be used and HMPA is quite costly. Accordingly NISIR has changed the approach to the subject from a second angle, using ion-exchange method. In this method a solution of monazite is passed through a column of resin which preferentially retains uranium while allowing the other elements to pass through. This method is being developed. The initial results are encouraging. According to estimation it may be economically viable. More work is being done before a final conclusion is reached. In the course of studying the extraction of uranium, NISIR's officer has developed a new method of detecting uranium in microgram amounts. A scientific paper on this method has been written and submitted for publication in a scientific journal.
- (b) The main buyers of uranium are users of uranium in nuclear reactors such as the United States of America, Great Britain and Canada.
- (c) Uranium 235 is used in nuclear reactors as fuel. Of course it can also be used in atomic bombs.

(d) Since the process is still in the development stage it is premature to release the findings. For the sake of the tin miners, perhaps it should be stated that a large number of metals are present in tin tailings and they should not be disposed of cheaply. In one isolated sample, it has been found to contain 35% of Titanium, 6.6% of Niobium, 3.9% of Tantalum besides 7.5% of tin. This sample has been thoroughly analysed, using nuclear activation analysis made possible by a nuclear reactor.

**76. Tuan Ng Hoe Hun** minta Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan menyatakan berkenaan dengan siri penyelidikan yang di-jalankan oleh Institut Penyelidikan Sains dan Perusahaan Negara untuk mengeluarkan Vitamin A dari kelapa sawit:

- (a) hasil penyelidikan itu;
- (b) sama ada hasil penyelidikan ini telah di-sampaikan kepada kilang<sup>2</sup> kelapa sawit;
- (c) kilang<sup>2</sup> kelapa sawit yang mana telah menggunakan pendapat ini.

**Dato' Ong Kee Hui:** Benda warna dalam minyak kelapa sawit yang di-kenal sebagai Beta-Karotin (B-Carotene) ada-lah Vitamin A pertengahan (intermediate) di-ubah menjadi Vitamin A oleh tubuh manusia. Ia-nya merupakan 0.02 hingga 0.035% minyak kelapa sawit dan ia-nya boleh di-asingkan (extracted) oleh karbon giat (activated carbon).

Kini sa-orang Pegawai Penyelidikan NISIR sedang bekerja untuk mengasingkan Beta Karotin dengan menggunakan arang separoh giat keluaran tempatan. Tujuan-nya ia-lah untuk mendapatkan kapsula (capsule) Vitamin A pertengahan yang boleh di-makan oleh manusia dan di-samping itu menchari kegunaan baharu bagi arang keluaran tempatan.

Sa-takat ini, jumlah Beta Karotin yang boleh di-asingkan dengan menggunakan arang separoh giat keluaran tempatan adalah di-bawah jangkaan. Pembaikan proses penggiatan (activation) itu sedang di-buat untuk menjadikan arang itu lebih memberi kesan.

Pengujian juga sedang di-jalankan untuk menentukan berapa kali-kah karbon giat itu boleh di-kitarkan atau di-pusingkan oleh



kerana ini ada-lah faktor penting mengenai harga pengeluaran-nya.

Oleh kerana pengujian<sup>2</sup> belum lagi selesai maka "economic viability" penyelidikan ini belum lagi di-ketahui dan ada-lah maseh terlalu awal untuk di-hebahkan hasil-nya.

The colouring matter in palm oil known as B-carotene is a Vitamin A intermediate which can be converted into Vitamin A by the human body. It forms 0.02 to 0.035% of palm oil and it can be extracted by activated carbon.

A research officer in NISIR is presently working on the extraction of B-carotene using a locally produced partially activated charcoal. The aim is to produce capsules of Vitamin A intermediates for human consumption and at the same time find a new use for locally produced charcoal.

So far the amount of B-carotene that can be extracted with locally produced partially activated charcoal is below expectation. Improvement on the process of activation is being made so as to make the charcoal more effective.

Tests are also being carried out to determine the number of times the activated carbon can be recycled since this is an important factor on the cost of production.

Since the tests have not been completed the economic viability is not yet known, and it is premature to release the results.

**77. Tuan Ng Hoe Hun** minta Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan menyatakan berkenaan dengan penyelidikan mengenai mengeluarkan minyak<sup>2</sup> yang mustahak dan minyak wangi daripada bunga<sup>2</sup> yang di-jalankan oleh Institut Penyelidikan Sains dan Perusahaan Negara:

- (a) hasil penyelidikan ini;
- (b) apa-kah jenis minyak<sup>2</sup> yang mustahak yang boleh di-keluarkan dari pokok<sup>2</sup> dan bunga<sup>2</sup> di-Malaysia untuk tujuan<sup>2</sup> perniagaan;
- (c) sama ada hasil ini telah di-umumkan; dan jika belum, mengapa; dan
- (d) berapa banyak minyak<sup>2</sup> yang berguna dan minyak wangi yang di-impot ka-Malaysia.

**Dato' Ong Kee Hui:** Malaysia mempunyai banyak pokok<sup>2</sup> yang mengandungi minyak<sup>2</sup>

yang berguna, huraian rengkas-nya ada terdapat dalam Kamus Hasil Ekonomi Semenanjung Tanah Melayu, keluaran tahun 1934 (Dictionary of the Economic Products of the Malay Peninsula). Sejak itu sedikit benar kerja penditelen, pengasingan, penjernehan, pengenalan dan pengkhasiatan nilai pokok<sup>2</sup> itu telah di-buat.

NISIR telah memilih beberapa pokok<sup>2</sup> untuk di-kaji.

- (1) *Gelam (Malaleuca cajuputi)*: Minyak Gelam yang mashor itu dapat diperolehi dengan penyulingan wap (steam distillation). Ada pun perolehan minyak itu bergantung kepada umur pokok-nya. Perolehan yang terbaik boleh di-dapati apabila pokok itu berumur 10 tahun dan ramuan kimia-nya (Cineole) meningkat dari 14.04% hingga 27.14%. Perolehan yang telah pun di-dapati ada-lah 0.8%. Minyak-nya mempunyai bau saperti kapur barus yang melekat kerana ramuan kimia-nya, dengan rasa terbakar sedikit berikutan dengan rasa yang menyejukan sesudah akibat-nya.

Majmuk<sup>2</sup> (compounds) yang berikut telah pun di-kenali: Cineole, Terpeneol, Terpeneol acetate, limonene, Nerolidol, L-pinene, Butyraldehyde, iso-valeraldehyde, Benzaldehyde, Methyl eugenol, Methyl isoeugenol dan V-terpenene.

Ada di-laporkan bahawa ia-nya dapat menyembuhkan sakit perut, sakit dalam usus (perut) (intestinal troubles), sakit gigi, sakit sengal tulang, dan hingga-kan penyakit taun (kolera) bagi arnab<sup>2</sup>. Telah pun di-shorkan sa-bagai satu penchegah mendahak (expectorant) dalam penyakit demam tenggorok (laryngitis) dan demam paru-paru (bronchitis). Ia-nya ada-lah ubat pembunuh serangga yang kuat dan ubat penahan simpan kayu<sup>2</sup>. Di-lihat daripada ujian makmal, pengeluaran minyak ini nampak-nya boleh diperdagangkan, tetapi perentahan pengeluaran pokok-nya hendak-lah dahulu di-jalankan.

- (2) *Chuchur Atap (Baekea frutescens)*: Ia-nya dari jenis pokok<sup>2</sup> kecil (semak) dari famili Myrtaceae yang boleh di-dapati di-atas gunung dan di-pantai yang berpasir. Minyak-nya telah pun di-asingkan dengan penyulingan wap (steam distillation). Hasil minyak-nya

lebih kurang 1.2%. Minyak-nya bau sa-jenis bunga yang harum dan boleh di-gunakan sa-bagai minyak wangi. Telah pun di-gunakan di-Jawa untuk demam dan kelelahan atau kelemahan. Ia mengandungi cineole, methyl, ethyl, butyl, iso-butyl, iso-amyl, alcohols, geraneol, Terpeneol, Piperitol, Globulol, Pinecarveol, Endermal, Butyraldehyde, Valeraldehyde, Benzaldehyde, Cuminal, Aromadendrol, crystal, phelandrol, Citral, Citronellal dan piperitone. Perentehan pengeluaran pokok-nya hendak-lah dahulu di-jalankan.

*Mempoyang (Zingiber gracile)*: Penyulingan wap daripada-nya tiada menghasilkan apa<sup>2</sup> minyak walaupun sa-lepas 10 jam.

*Kenanga Hutan (Cananga odoratum)*: Penyulingan wap daripada-nya memberikan 0.2% minyak Ylang Ylang (bahasa Filipino) yang mashor. Bunga-nya ada-lah bermusim. Kuantiti-nya terlalu kurang untuk di-jadikan hasil perdagangan.

*Bunga Tanjong (Mimusops Elenji)*: Penyanggupan pengasingan bunga-nya menghasilkan lebih kurang 0.2% minyak. Bunga-nya bermusim. Kuantiti-nya terlalu kurang untuk di-jadikan barang perdagangan.

*Pandan Wangi (Pandanus odoratus)*: Penyulingan wap tiada memberikan apa<sup>2</sup> minyak yang mudah menjadi wap. Pengasingan-nya dalam ethanol memberikan bau coumarin. Hasil-nya merosot sekali. Pengasingan ayer-nya ada-lah usul yang lebih baik dan ada di-buat untuk pasaran oleh setengah<sup>2</sup> kilang.

*Dacrydium biforme*: Bahagian tengah kayu telah pun di-asingkan dengan awang<sup>2</sup> minyak petrol dan telah pun di-dapati mengandungi "Manool" sa-jenis ramuan yang di-gunakan untuk memberi kesedapan tembakau. Hasil-nya ada-lah 2%. Pengeluaran-nya ada-lah mahal tetapi jarang sekali di-jadikan bahan perdagangan.

- (c) Oleh kerana perentehan pengeluaran pokok hendak-lah di-jalankan terlebih dahulu, maka terlalu awal untuk menghebahkan hasil<sup>2</sup>-nya.
- (d) Kuantiti dan jenis minyak<sup>2</sup> yang berguna di-impot ka-Malaysia boleh

di-dapati di-dalam Jilid II muka 157-160 Perangkaan Tahunan Perdagangan Luar Malaysia Barat, 1970 (West Malaysia Annual Statistics of External Trade, 1970), dengan angka<sup>2</sup> yang di-perbandingkan dengan tahun 1969.

Malaysia has a large number of plants containing essential oils, a brief account of which is given in Burkhill's Dictionary of the Economic Products of the Malay Peninsula, published in 1934. Since then very little work has been done on the fractionation, isolation, purification, identification and pharmacological properties of these plants.

NISIR has chosen a number of plants for studies.

- (1) *Malaleuca cajuputi (Gelam)*: The famous cajuputi oil is obtained by steam distillation. The yield of the oil depends on the age of the tree. The best yield is obtained when the tree is 10 years old and the cineole content rises from 14.04% to 27.14%. The yield was found to be 0.8%. The oil possesses an agreeable camphoraceous smell reminiscent of cineole, and a slight burning flavour with a cooling after effect.

The following compounds have been identified. Cineole, Terpeneol, Terpeneol acetate, limonene, Nerolidol, L-pinene, Butyraldehyde, iso-valeraldehyde, Benzaldehyde, Methyl eugenol, Methyl isoeugenol and V-terpene.

It has been reported that it cures stomach-ache, intestinal troubles, tooth-ache, rheumatism, and even cholera in rabbits. It has been recommended as an expectorant in cases of laryngitis and bronchitis. It is an effective insecticide and wood preservative. From the laboratory tests, the production of this oil seems to be commercially feasible, but pilot plant production is yet to be carried out.

- (2) *Baekea frutescens (Chuchur atap)*: It is a shrub of the family of Myrtaceae found on mountain tops and sandy coasts. The oil was extracted by steam distillation. The yield of the oil is about 1.2%. The oil smells of lavender and is capable of use in perfumery. It has been used in Java for fevers and

lassitude. It contains cineole, Methyl, ethyl, butyl, iso-butyl, iso-amyl, alcohols, geraneol, Terpeneol, Piperitol, Globulol, Pinecarveol, Endermal, Butyraldehyde, Valeraldehyde, Benzaldehyde, Cuminal, Aromadendrol, cryptal, phelandrol, Citral, Citronellal and piperitone. Pilot plant production is yet to be carried out.

*Zingiber gracile* (Mempoyang): The steam distillation of the rhizome did not produce any oil even after 10 hours. *Cananga odoratum* (Cananga hutan): The steam distillation of the flowers gave 0.2% of famous Ylang Ylang oil. The flowers are seasonal. The quantity seems to be too small to be commercially feasible.

*Mimusops Elenji* (Bunga Tanjong): Solvent extraction of the flowers yielded about 0.2% oil. The flowers are seasonal. The quantity is too small to be commercially feasible.

*Pandanus odorous* (Pandan Wangi): Steam distillation did not give any volatile oil. The extraction in ethanol gave the odour of coumarin. Very poor yield. Extraction of juice is a better proposition and is being done commercially by some factories.

*Dacrydium biforme*: The heart wood was extracted with petroleum ether and it was found to contain "Manool" a compound used in flavouring tobacco. Yield is 2%. It is an expensive product but too rare to be commercially viable.

- (c) In view of the fact that pilot plant production is yet to be carried out, it is premature to release the results.
- (d) The quantities and types of essential oils imported into Malaysia are found in Vol. II pages 157-160 of West Malaysia Annual Statistics of External Trade, 1970, with Comparative figures for 1969.

#### Pembelaan Babi

**78. Dr Tan Chee Khoo** minta Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar bahawa satu keluarga China telah membela babi di kawasan bandaran Parit Jawa, Johor dan perbuatan itu telah menyebabkan bebe-

rapa keluarga yang tinggal berdekatan dengan kawasan itu berpindah tempat; dan

- (b) sama ada beliau berchadang hendak mengambil langkah<sup>2</sup> yang tertentu untuk menyelesaikan masaalah ini.

**Dato' Ong Kee Hui:** Mengikut Perlembagaan negara ini pentadbiran harian Penguasa<sup>2</sup> Tempatan ada-lah tanggung-jawab Kerajaan Negeri masing<sup>2</sup> dan justru itu soalan Ahli Yang Berhormat itu sa-patut-nya di-tujukan kepada Kerajaan Negeri Johor.

Under the Constitution of this country the day-to-day administration of Local Authorities is the responsibility of the individual State Governments and the Honourable Member's question should therefore be directed to the Johore State Government.

#### Ahli<sup>2</sup> Sukarelawan Pertahanan Awam

**79. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah** minta Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan menyatakan ada-kah benar yang pakaian<sup>2</sup> sa-ragam yang di-beri kepada ahli<sup>2</sup> sukarelawan pertahanan awam itu tidak lengkap, dan jika ya, nyatakan sama ada pakaian<sup>2</sup> sa-ragam untuk tahun depan akan di-buat daripada kain<sup>2</sup> yang tinggi mutunya.

**Dato' Ong Kee Hui:** Pakaian<sup>2</sup> seragam yang di-beri kepada ahli<sup>2</sup> sukarelawan pertahanan awam ada-lah tidak lengkap sekarang oleh sebab Peratoran<sup>2</sup> Pakaian Seragam Pasokan Pertahanan Awam, 1971 untuk menukar warna pakaian dari "Khaki" ka-"Executive Grey" baharu sahaja di-kuatkuasakan dan alat<sup>2</sup> pakaian seragam sedang di-bekalkan. Di-jangka pakaian<sup>2</sup> seragam untuk ahli<sup>2</sup> akan di-beri dengan lengkap-nya dalam sedikit masa lagi.

Sayugia di-nyatakan bahawa kain pakaian seragam yang di-bekalkan oleh Kerajaan untuk ahli<sup>2</sup> sukarelawan pertahanan awam ada-lah kain jenis benang yang sama tinggi mutunya dengan kain pakaian seragam yang di-bekalkan oleh Kerajaan untuk Angkatan Bersenjata dan Polis.

Uniforms supplied to Civil Defence Volunteers now are not complete because the Civil Defence Dress Regulation, 1971 for changing the colour of dress from "khaki" to "Executive Grey" has just been put into force and articles of uniform are being supplied. It is estimated that the complete uniform for Civil Defence Volunteers will be supplied shortly.

It ought to be stated that uniform clothing supplied by Government to Civil Defence Volunteers are of the same quality as those supplied by Government to Armed Forces and the Police.

## KEMENTERIAN PERUSAHAAN UTAMA

### Getah Simpanan Kerajaan

**80. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan jumlah getah simpanan Kerajaan.

**Menteri Perusahaan Utama (Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud):** Ada-lah bukan menjadi dasar Kerajaan untuk menyatakan banyak-nya getah di-dalam simpanan oleh sebab kenyataan sa-demikian ada-lah tidak chuchok dengan tujuan penyimpanan getah.

It is not the policy of Government to disclose the quantity of its rubber stockpile as such disclosure will defeat the very purpose for which the stockpile is established.

### Usaha Menchari Minyak

**81. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sama ada Malaysia menerima bantuan dari negara<sup>2</sup> luar dalam usaha menchari minyak; jika ya, dari negeri<sup>2</sup> mana.

**Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud:** Belum ada lagi.

### Mencharigali Minyak

**82. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sama ada Malaysia telah menghantar pelateh<sup>2</sup> ka-luar negeri untuk belajar dalam bidang mencharigali minyak sa-bagai perediaan untuk mengendalikan usaha itu kelak; jika ya, nyatakan bilangan pelateh<sup>2</sup> yang di-hantar dan ka-negara mana.

**Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud:** Kementerian saya telah menghantar empat orang pegawai (dua daripada Jabatan Kaji-bumi dan dua daripada Jabatan Galian Malaysia Barat) ka-Negeri Jepun untuk mengikuti kursus dalam bidang charigali di-dasar laut di-bawah ranchangan Committee for Co-ordinating of Joint Prospecting for Mineral Resources in Asian Offshore Areas. Kementerian ini berchadang untuk menghantar beberapa orang lagi pegawai<sup>2</sup> terutama-nya Jurutera Melombong dan ahli<sup>2</sup>

kaji bumi untuk mengikuti kursus<sup>2</sup> dalam bidang tersebut. Kementerian ini sedang berusaha menchari tempat<sup>2</sup> yang sesuai untuk menghantar pegawai<sup>2</sup> ini mengikuti kursus dalam bidang mencharigali minyak.

### Kegunaan Getah

**83. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sama ada Kerajaan telah membuat suatu usaha untuk meluaskan kegunaan getah dalam negeri ini dengan menjadikan-nya bahan dalam minyak jentera, asphalt, bahan<sup>2</sup> rumah dan lain<sup>2</sup> dalam negeri ini sa-bagai satu langkah untuk mengatasi kemerosotan harga getah.

**Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud:** Kerajaan telah mengusahakan dengan sa-bberapa daya-upaya untuk membanyakkan lagi penggunaan getah. Berkaitan dengan penggunaan getah sa-bagai minyak enjin ada-lah di-dapati bahawa perkara ini tidak menguntungkan oleh sebab apabila getah itu di-panaskan lebeh dari 200°C keadaan minyak getah itu tidak sa-bagitu baik jika di-bandingkan dengan gasoline. Ada-lah di-anggarkan bahawa sa-banyak 17 lb. getah di-kehendakki untuk membuat satu gallon minyak kereta.

Berkaitan dengan penggunaan getah bagi "asphalt" Jabatan Kerja Raya sedang menggunakan getah di-antara 50 hingga 100 tan bagi satu lb. untuk melapiskan jalan<sup>2</sup>. Penggunaan ini akan bertambah kapada 500 sa-hingga 1,000 tan di-dalam masa 5 tahun yang akan datang. Pada masa ini hanya 0.5% getah ada-lah di-champor dengan "asphalt", tetapi peratus ini akan bertambah di-bawah ranchangan pembenaan lapisan jalan raya.

Berkaitan dengan penggunaan getah sa-bagai alat<sup>2</sup> pembenaan, boleh-lah di-katakan bahawa penggunaan ini ada-lah di-bidang kejuruteraan saperti bridge bearing, pads, dock fenders, rubber seals, rings, shutes, dll. Perchubaan sedang di-jalankan untuk menchari penggunaan<sup>2</sup> getah yang lebeh baik dan juga di-bidang<sup>2</sup> lain.

The Government has made every effort to widen the use of rubber. With regard to the use of rubber in engine oil, this is very uneconomic as the rubber has to be heated to high temperatures (above 200°C) and even then the rubber oil is not as effective as

gasoline. It has been estimated that it would require 17 lbs. of rubber to produce 1 gallon of automobile fuel.

With regard to the use of rubber in asphalt, the P.W.D. is currently using 50-100 tons of rubber a year in resurfacing of roads. This usage will be increased to about 500-1,000 tons a year for the next 5 years. At present only 0.5% of rubber is mixed with asphalt, but the percentage will be increased to 2% under the new road laying programme.

With regard to the use of rubber in construction materials, it can be said that rubber is being extensively used in engineering, e.g., bridge bearing, pads, dock fenders, rubber seals, rings, shutes, etc. Experiments are now carried out not only to perfect uses now found to be possible, but also into new fields.

#### Biji Getah

**84. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sama ada Kerajaan sedang mengkaji kemungkinan menjadikan biji getah sa-bagai bahan makanan.

**Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud:** Pada umum-nya biji getah ada-lah tidak sesuai di-jadikan bahan makanan manusia atau pun binatang di-sebabkan ia ada mengandungi beberapa bahagian kimia yang membahayakan. Biji<sup>2</sup> getah ada-lah di-gunakan sa-bagai minyak di-dalam membuat chat.

Generally it can be said that rubber seeds are not fit for human or animal consumption due to the existence of certain undesirable chemical constituents. Rubber seeds are therefore generally crushed into oil which is used as drying oil mainly for paint manufacture.

#### Pembelian Getah

**85. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) sama ada benar bahawa Negara<sup>2</sup> Barat (saperti Britain, dll.) makin kurang membeli getah dari Malaysia dan jika benar, kenapa;
- (b) apa-kah usaha yang telah di-ambil supaya pembelian getah oleh negara<sup>2</sup> barat itu dapat puleh sa-mula saperti sedia kala atau lebih banyak lagi.

**Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud:**

- (a) Ada-lah tidak benar bahawa Negeri<sup>2</sup> Barat, saperti United Kingdom telah kurang membeli getah dari Malaysia. Mithal-nya pada tahun 1971, United Kingdom telah membeli 131,000 tan getah jika di-bandingkan dengan jumlah 120,000 tan dalam tahun 1967; Negeri Peranchis telah menambahkan pembelian-nya daripada 68,000 tan dalam tahun 1967 hingga 94,000 tan dalam tahun 1971; German Barat daripada 70,000 tan dalam tahun 1967 hingga 125,000 tan dalam tahun 1971; Itali daripada 62,000 tan dalam tahun 1967 hingga 94,000 tan dalam tahun 1971; Negeri Belanda daripada 18,000 tan dalam tahun 1967 hingga 28,000 tan dalam tahun 1971. Jelas di-sini menunjukkan bahawa Negara<sup>2</sup> Barat tidak mengurangkan tetapi sa-balek-nya telah menambahkan pembelian mereka.
- (b) Walaupun demikian Kerajaan tidak berdiam diri untuk menggalakkan lebih banyak lagi penjualan getah Malaysia bukan sahaja ka-Negara<sup>2</sup> Barat bahkan kesemua Negara<sup>2</sup> termasuk Negara Komunis. Di-antara tindakan<sup>2</sup> yang di-ambil atas perkara ini termasuk-lah: menghantar rombongan perdagangan ka-luar negeri; memberi penerangan yang lebih lanjut kepada Negara<sup>2</sup> pembeli saperti yang di-buat oleh Biro Getah Asli yang di-tubuhkan di-Negara<sup>2</sup> pembeli, rombongan teknik getah saperti yang melawat Negeri China baru ini untuk menerangkan mengenai Getah Mutu Malaysia (SMR); dan perjanjian perdagangan dengan lain<sup>2</sup> negara.

#### Perusahaan Minyak

**86. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sama ada Malaysia berkemampuan untuk mengendalikan perusahaan minyak di-negeri ini dan jika tidak, apa-kah usaha<sup>2</sup> yang telah di-ambil untuk menambahkan kemampuan kita.

**Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud:** Negara kita ada berkemampuan untuk mengendalikan perusahaan minyak. Oleh kerana perusahaan minyak ini pada masa hadapan akan memainkan peranan yang penting dalam perkembangan ekonomi negara kita maka tindakan telah di-ambil meujudkan beberapa<sup>2</sup> jawatan di-Kementerian

saya dengan tujuan mengadakan satu bahagian khas untuk mengendalikan perusahaan minyak. Pegawai<sup>2</sup> di-bahagian khas ini akan di-hantar ka-luar negeri untuk mengikuti kursus<sup>2</sup> mengenai segala aspek perusahaan minyak.

Malaysia is capable of undertaking mineral oil industry in this country. Since the oil industry will play a vital role in the economic growth of the country in the years to come, steps have been taken to establish a special division in my Ministry to deal with this important industry. The officials in this division will be sent abroad to attend courses to study various aspects relating to oil industry.

## KEMENTERIAN PERTAHANAN

### Madat

**87. Dr Tan Che Khoo** minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar bahawa ramai pegawai<sup>2</sup> tentera yang memakan madat; dan
- (b) langkah<sup>2</sup> yang di-jalankan untuk menyekat perbuatan salah tersebut.

**Menteri Pertahanan (Tun Haji Abdul Razak bin Dato' Hussein):**

- (a) Sa-takat ini hanya sa-orang sahaja pegawai tentera yang di-ketahui telah memakan madat. Pegawai itu kini sedang di-beri rawatan.
- (b) Untuk mencegah merebak-nya penagehan madat di-dalam Angkatan Tentera, langkah<sup>2</sup> yang berikut telah di-ambil:
  - (i) Satu pengampunan beramai<sup>2</sup> telah di-tawarkan dengan mana penageh<sup>2</sup> madat yang tampil untuk mendapatkan rawatan telah tidak di-kenakan hukuman tatatertib. Pengampunan ini berakhir pada akhir tahun 1971.
  - (ii) Tindakan tatatertib yang keras di-kenakan ka-atas mereka yang di-dapati memakan madat.
  - (iii) Melalui Perintah<sup>2</sup> Am Biasa yang di-keluarkan dari semasa ka-semasa, yunit<sup>2</sup> dan kumpulan<sup>2</sup> pasukan di-beri ingatan tentang bahaya<sup>2</sup> memakan madat, dan penagehan-nya dan tentang tin-

dakan tatatertib yang keras yang akan di-kenakan ka-atas mereka yang di-dapati memakan madat. Perintah<sup>2</sup> ini di-keluarkan juga melalui perintah<sup>2</sup> harian yunit<sup>2</sup> bagi makluman semua anggota<sup>2</sup> tentera.

- (iv) Cheramah<sup>2</sup> oleh pegawai<sup>2</sup> perubatan dan ahli<sup>2</sup> ugama dan tayangan<sup>2</sup> filem mengenai bahaya madat dan dadah di-adakan dari semasa ka-semasa.
- (a) To date there is only one military officer known to have been taking drugs. The officer is now undergoing medical treatment.
- (b) To arrest the spread of drug addiction in the Armed Forces the following measures have been introduced:
  - (i) A "moratorium" until the end of 1971 to the effect that no disciplinary proceedings will be instituted against and no punishment would be meted out to those consuming drugs who came forward for medical treatment;
  - (ii) Stern disciplinary action will be taken against those who continue to consume drugs if they are detected;
  - (iii) By means of military orders which are published from time to time, units and formations are reminded of the dangers of drug taking and drug addiction and that stern disciplinary action will be taken against those found to consume drugs. Such orders are also repeated in unit orders for the consumption of all ranks.
  - (iv) Frequent lectures are given by medical and religious personnel and film shows on the dangers of drug taking are shown from time to time.

### Sekim Gaji

**88. Dr Tan Chee Khoo** minta Menteri Pertahanan menyatakan keadaan yang sa-benarnya tentang sekim gaji anggota<sup>2</sup> pasukan bersenjata.

**Tun Haji Abdul Razak bin Dato' Hussein:** Jawatankuasa Khas mengulangkaji gaji, elaun<sup>2</sup> dan sharat<sup>2</sup> perkhidmatan anggota Angkatan Tentera itu baru sahaja selesai

menyediakan laporan-nya. Laporan itu adalah di-dalam penyelenggaraan untuk di-kemukakan kepada Kerajaan.

The special Committee to review the pay and allowances and the terms and conditions of service of Armed Forces personnel has just completed its Report. The Report is in the cause of being submitted to Government.

**89. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad** minta Menteri Pertahanan menyatakan, memandangkan kepada jaminan<sup>2</sup> beliau dalam persidangan<sup>2</sup> Dewan Ra'ayat yang lalu tentang kenaikan<sup>2</sup> gaji anggota<sup>2</sup> Angkatan Tentera kita dan tanpa syarat<sup>2</sup> yang ditentukan sama ada kenaikan<sup>2</sup> gaji ini benar<sup>2</sup> akan di-beri kepada mereka atau hanya sebagai permainan politik sahaja.

**Tun Haji Abdul Razak bin Dato' Hussein:** Tidak ada permainan politik di-sini. Sa-labek-nya pertanyaan Ahli Yang Berhormat itu sendiri ada-lah permainan politik. Jawatankuasa khas yang telah dibentuk oleh Kerajaan untuk mengulangkaji gaji, elauns dan syarat<sup>2</sup> perkhidmatan anggota<sup>2</sup> Angkatan Tentera itu baru sahaja selesai menyiapkan laporan-nya. Laporan itu ada-lah di-dalam penyelenggaraan untuk di-kemukakan kepada Kerajaan.

There is no political gimmick here. On the contrary, the Honourable Member's question itself is a political gimmick. A special Committee appointed by the Government to review the pay, allowances and the terms and conditions of service of Armed Forces personnel has just completed its report. The Report is in the course of being submitted to Government.

#### Askar Wataniah

**90. Dr Tan Chee Khoo** bertanya kepada Menteri Pertahanan ada-kah ahli<sup>2</sup> Tentera Wataniah Tempatan akan mendapat tangga gaji baharu; jika tidak, mengapa.

**Tun Haji Abdul Razak bin Dato' Hussein:** Saya perchaya apa yang di-maksudkan di-dalam pertanyaan Ahli Yang Berhormat itu ia-lah gaji anggota<sup>2</sup> tetap Askar Wataniah. Perkara ini ada-lah termasuk di-dalam bidang kajian Jawatankuasa Mengulangkaji Gaji, Elaun<sup>2</sup> dan Syarat<sup>2</sup> Perkhidmatan Anggota<sup>2</sup> Angkatan Tentera. Laporan Jawatankuasa itu telah pun siap kini sedang di-sediakan untuk di-kemukakan kepada Kerajaan.

I assume that the Hon'ble Member's question refers to the permanent staff of the Territorial Army. A review of the pay and allowances and the terms and conditions of service of such personnel is included in the terms of reference of the Special Committee appointed to review the pay and allowances and the terms and conditions of service of Armed Forces personnel. The Committee's report is now ready and is in the course of being submitted to Government.

#### Peratoran Pertahanan Lima Negara/Kemalangan Helikopter

**91. Tuan Haji Ahmad bin Arshad** minta Menteri Pertahanan menyatakan:

- (a) apa-kah bantuan yang di-perolehi oleh Malaysia daripada Kerajaan<sup>2</sup> Australia dan British dalam Peratoran Pertahanan Lima Negara;
- (b) pendapat lembaga penyiasatan yang mengkaji kejadian kemalangan helikopter TUDM baru<sup>2</sup> ini yang mengakibatkan empat orang terkorban; dan
- (c) ada-kah helikopter tersebut di-beli oleh Malaysia atau ada-kah ia-nya berupa hadiah dari negara asing, dan jika demikian sebutkan negara itu.

**Tun Haji Abdul Razak bin Dato' Hussein:**

- (a) Bantuan yang di-perolehi oleh Malaysia daripada Kerajaan<sup>2</sup> Australia dan Britain ada-lah pada 'am-nya mengikut Annex I, Pertukaran Nota<sup>2</sup> Sechara Bilateral di-antara Malaysia dengan kedua<sup>2</sup> negara itu yang telah dibentangkan di-Dewan ini sa-bagai Kertas Perintah No. 53/71. Dengan ringkas-nya, bantuan itu ada-lah meliputi latehan<sup>2</sup> dalam beberapa aspek tertentu untuk anggota<sup>2</sup> tentera Malaysia di-kedua<sup>2</sup> negara dan pinjaman anggota tentera kedua<sup>2</sup> negara kepada Angkatan Tentera Malaysia khas-nya untuk mengisi beberapa jawatan teknikal. Selain dari itu, Kerajaan Australia telah juga menghadihkan 6 buah lagi kapal terbang pejuang Sabre bersama<sup>2</sup> dengan barang<sup>2</sup> ganti yang bernilai lebih kurang M\$1.5 juta.
- (b) Sa-takat ini Laporan Lembaga Penyiasatan mengenai kemalangan helikopter TUDM pada 11hb Mach, 1972 itu belum lagi di-terima.



- (c) Helikopter yang menemui kemalangan itu telah di-beli dari Amerika Sharikat.
- (a) The assistance received by Malaysia from the Governments of Australia and Britain under the Five Power Defence Arrangements is generally in accordance to Annex I of the Bilateral Exchange of Notes between Malaysia and the two countries which was tabled as Command Paper No. 53/71. Briefly the assistance includes training in some aspects for Malaysian Armed Forces personnel in both countries and military personnels loaned to the Malaysian Armed Forces to fill some technical posts. In addition, the Australian Government has also given 6 additional Sabre Jets together with spares worth about \$1.5 millions.
- (b) To date we have not received the findings of the Board of Enquiry on the RMAF helicopter accident on 11th March, 1972.
- (c) The helicopter involved in the accident was bought from the United State of America.

#### Bekas<sup>2</sup> Anggota Tentera

**92. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad** minta Menteri Pertahanan menyatakan memandangkan begitu ramai-nya perajurit<sup>2</sup> yang telah tamat tempoh perkhidmatan mereka dengan Angkatan Tentera sa-tiap tahun:

- (a) apa-kah tindakan positif yang akan diambil oleh Kerajaan untuk memberikan mereka peluang<sup>2</sup> pekerjaan; dan
- (b) bentuk<sup>2</sup> pertolongan yang telah di-beri dan sedang di-beri kepada mereka.

**Tun Haji Abdul Razak bin Dato' Hussein:**

- (a) Kesukaran untuk mendapat pekerjaan yang di-hadapi oleh bekas<sup>2</sup> anggota tentera ada-lah sa-bahagian besar-nya di-sebabkan oleh ketiadaan kelulusan yang di-perlukan atau yang di-iktiraf dan ketiadaan kebolehan yang produktif. Untuk mengatasi masaalah ini, Kerajaan akan menubuhkan, sa-bagai langkah jangka panjang satu Pusat Latehan Kemahiran bagi melateh anggota<sup>2</sup> tentera yang akan bersara dalam berbagai<sup>2</sup> kemahiran yang boleh memberikan mereka peluang untuk mendapat pekerjaan sa-lepas berhenti

dari perkhidmatan. Sa-bagai langkah jangka pendek, anggota<sup>2</sup> tentera yang akan bersara itu akan berpeluang untuk menjalani latehan vokeshenal di-Institut Latehan Perusahaan, Kementerian Buroh dan Tenaga Rakyat. Ada-lah diranchangkan bahawa ranchangan ini akan di-mulakan dalam bulan Julai, 1972.

- (b) Pertolongan<sup>2</sup> yang telah dan sedang di-berikan kepada bekas<sup>2</sup> anggota tentera ada-lah saperti berikut:

#### 1. Latehan Peralehan

Anggota<sup>2</sup> tentera yang akan berhenti dari perkhidmatan telah di-beri peluang untuk menjalani latehan dalam berbagai bidang kecekapan mengikuti pilihan masing<sup>2</sup> sa-hingga sa-lama enam bulan sa-belum berhenti berkhidmat. Latehan<sup>2</sup> itu diadakan di-Jabatan<sup>2</sup> Kerajaan dan sa-para Kerajaan, badan<sup>2</sup> berkanun dan di-badan<sup>2</sup> perdagangan dan perusahaan swasta.

#### 2. Pekerjaan

Sejak tahun 1969, beberapa jawatan tertentu di-dalam jabatan<sup>2</sup> Kerajaan dan sa-para Kerajaan, serta badan<sup>2</sup> berkanun telah di-khaskan untuk di-penohi sa-bahagian-nya atau semua-nya dengan bekas<sup>2</sup> anggota tentera. Untuk membolehkan mereka memenohi jawatan<sup>2</sup> itu, had umur telah di-longgarkan kepada 40 tahun. Jawatan<sup>2</sup> itu termasuk-lah sa-bagai ahli bomba, atendan hospital, derebar, pengawal keselamatan, penunggu (caretaker) jurugegas, penjaga hutan dan wader penjara.

#### 3. Lesen<sup>2</sup> Teksi

Dalam mengeluarkan lesen<sup>2</sup> teksi, keutamaan ada-lah di-berikan kepada pemohon<sup>2</sup> dari bekas<sup>2</sup> anggota tentera terutama yang menjalankan perniagaan itu sa-chara berkongsi.

#### 4. Ranchangan Tanah

20% daripada tempat<sup>2</sup> dalam ranchangan<sup>2</sup> tanah LKTP telah di-untukkan bagi bekas<sup>2</sup> anggota tentera. Sa-takat ini 10% daripada tempat yang di-resapkan itu telah di-penohi. Ada-lah di-jangka tempat<sup>2</sup> itu akan di-penohi sa-penoh-nya

kerana terdapat minat yang semakin bertambah di-kalangan bekas<sup>2</sup> anggota tentera untuk mengambil bahagian di-dalam ranchangan<sup>2</sup> tanah.

(a) The difficulty faced by ex-servicemen in obtaining employment is largely due to their lack of acceptable or recognised qualifications and lack of productive skills. To overcome this problem, Government in the long term will set up a Trade Training Centre to train retiring servicemen in various trades which will enhance their prospects of obtaining employment on leaving the service. In the short term, retiring servicemen will have the opportunity to undergo vocational training at the Industrial Training Institute of the Ministry of Labour and Manpower. It is planned that the first of such schemes will commence in July 1972.

(b) The assistance given to ex-servicemen are as follows:

#### 1. *Resettlement Training*

Service personnel due to be discharged were given the opportunity to undergo up to six month training for various skills of their choice before leaving the service with government department, statutory bodies and with private commercial and industrial organisations.

#### 2. *Employment*

Since 1969, certain appointments in Government department, quasi government departments and statutory bodies have been reserved partly or wholly for ex-servicemen. For the purpose of absorbing them in these appointments the age limit has been relaxed to 40 years. These appointments include posts of firemen, hospital attendants, drivers, security guards, caretakers, fitters, forest rangers and prison warders.

#### 3. *Taxi Licences*

In the issue of taxi licences, preference is given to ex-servicemen particularly to those who operate the business as a "kongsi" or a joint venture basis.

#### 4. *Land Schemes*

20% of places in FLDA schemes are reserved for ex-servicemen. To date 10% of the reserved places has been taken up. There is indication that the quota will be taken up as there is growing interest among ex-servicemen to participate in land development schemes.

**93. Tengku Zaid bin Tengku Ahmad** minta Menteri Pertahanan menyatakan:

(a) memandangkan begitu ramai-nya bekas<sup>2</sup> perajurit yang tiada mempunyai pekerjaan ada-kah Kerajaan berchadang untuk menubuhkan sa-buah Kementerian khusus-nya bertanggung-jawab menyelenggarakan hal ehwal bekas<sup>2</sup> perajurit; dan

(b) sama ada Kerajaan berchadang untuk melantek sa-orang bekas perajurit menjadi sa-orang Senator sa-bagaimana yang di-buat di-Australia; jika ya, bila, dan jika tidak, mengapa.

**Tun Haji Abdul Razak bin Dato' Hussein:**

(a) Tidak ada keperluan bagi menubuhkan satu lagi Kementerian semata<sup>2</sup> untuk mengendalikan masaalah penganggoran di-kalangan bekas<sup>2</sup> anggota tentera, kerana masaalah pekerjaan dan penganggoran ada-lah di-bawah tanggung-jawab Kementerian Buroh dan Tenaga Ra'ayat. Namun demikian, Kerajaan telah memberikan perhatian utama kepada bekas<sup>2</sup> anggota tentera dengan menubuhkan Bahagian Hal Ehwal Veteran dalam Kementerian Pertahanan untuk mengendalikan semua perkara yang berkaitan dengan bekas<sup>2</sup> anggota tentera.

(b) Jawapan kepada pertanyaan (b) itu sudah tentu "tidak" kerana Kerajaan tidak nampak sebab<sup>2</sup> yang menasabah untuk berbuat demikian. Selain dari itu, Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat dari Kedua<sup>2</sup> Dewan yang mengambil berat tentang hal-ehwal bekas<sup>2</sup> anggota tentera diberi peluang berchakap dengan bebas mengenai perkara<sup>2</sup> berkait dengan bekas<sup>2</sup> anggota tentera dan ini sa-chara tidak langsung menunjukkan bahawa bekas<sup>2</sup> anggota tentera sudah mempunyai perwakilan yang chukup didalam kedua<sup>2</sup> Dewan.

(a) The need for establishing another Ministry merely to look into the unemployment aspect of ex-servicemen does not arise since employment and unem-

ployment is a matter for the Ministry of Labour and Manpower. However, emphasis has been given to ex-servicemen by Government establishing the Veteran Affairs Division in the Ministry of Defence responsible for all matters connected with ex-servicemen.

(b) The answer to Question (b) is certainly no as Government does not see any valid reason for doing so. Furthermore, Members of both Houses who have the interest of ex-servicemen at heart are quite vociferous in raising matter affecting the lot of ex-servicemen which indirectly indicate that ex-servicemen already have ample representation in both Houses.

## JAWAPAN<sup>2</sup> BERTULIS

### Tambahan No. 1

#### KEMENTERIAN BUROH DAN TENAGA RA'AYAT

##### Permit Kerja

**1. Tuan Yeoh Teck Chye** minta Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat menyatakan dasar Kerajaan terhadap pemberian permit<sup>2</sup> kerja.

**Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat (Tan Sri V. Manickavasagam):** Dasar Kerajaan berhubung dengan pengeluaran permit pekerjaan ada-lah seperti berikut:

Permit pekerjaan akan di-kecualikan kepada bukan warganegara dalam kategori<sup>2</sup> berikut yang menetap di-negara ini.

- (a) Isteri Warganegara—(Borang "A").
- (b) Mereka yang lahir di-negara ini dan berhak mendapat kewarganegaraan di-bawah Article 16 dalam Perlembagaan—(Borang "E").
- (c) Mereka yang lahir di-negara ini dan berumur di-bawah 21 tahun dan berhak mendapat kewarganegaraan di-bawah Article (45) (3) di-dalam Perlembagaan—(Borang "C").
- (d) Mereka yang layak untuk menjadi warganegara melalui kemasokan (Naturalisation) dan telah memohon Kewarganegaraan sa-belum 1-7-1969—(Borang "G").

Permit Kerja ada-lah di-keluarkan kepada bukan Warganegara yang menetap di-Malaysia, sekira-nya dapat di-buktikan oleh majikan<sup>2</sup> yang terlibat, ia-itu di-sabalek segala usaha yang di-buat untuk mengisi jawatan yang kosong itu dengan Warganegara tidak ada warganegara Malaysia yang sesuai.

The Government's policy regarding the issue of employment permits is as follows:

Employment permits will be issued to the following categories of non-citizens who are permanent residents of this country:

- (a) wives of citizens—(Form "A").
- (b) those who are local born and are entitled to citizenship under Article 16 of the Constitution—(Form "E").

(c) those who are local born and are under 21 years of age and are entitled to citizenship under Article (15) (3) of the Constitution—(Form "C").

(d) those who are eligible to become citizens by naturalisation and have applied for citizenship before 1st July, 1969—(Form "G").

Employment Permits are issued to non-citizen permanent residents if it can be proved by the employers concerned that despite all efforts taken to fill the vacant posts by citizens suitable Malaysia citizens are not available.

**2. Tuan Yeoh Teck Chye** minta Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat menyatakan sama ada beliau akan mengeluarkan permit<sup>2</sup> kerja kepada pemohon bukan warganegara sa-baik sahaja mereka layak menjadi warganegara.

**Tan Sri V. Manickavasagam:** Ini bergantung kepada kategori bukan warganegara pemohon<sup>2</sup> bukan warganegara itu di-jeniskan dan jenis kerja yang mereka pinta. Permit kerja hanya akan di-keluarkan kepada kategori<sup>2</sup> bukan warganegara berikut yang tinggal tetap di-negara ini:

- (a) Isteri<sup>2</sup> warganegara—(Borang "A").
- (b) Mereka<sup>2</sup> yang di-lahirkan di-dalam negeri dan berhak mendapatkan kewarganegaraan di-bawah Artikul 16 dalam Perlembagaan—(Borang "E").
- (c) Mereka<sup>2</sup> yang di-lahirkan di-dalam negeri dan berumur di-bawah 21 tahun dan berhak mendapatkan kewarganegaraan di-bawah Artikul (15) (3) dalam Perlembagaan—(Borang "C").
- (d) Mereka<sup>2</sup> yang layak menjadi warganegara sa-chara kemasokan dan telah memohon untuk mendapatkan kewarganegaraan sa-belum 1hb Julai, 1969—(Borang "G").

Permit kerja di-keluarkan kepada bukan warganegara yang tinggal tetap kalau ini boleh di-buktikan oleh majikan yang berkenaan ia-itu di-sabalek segala usaha yang di-ambil untuk mengisi jawatan kosong yang sesuai dengan warganegara, tidak ada warganegara Malaysia yang sesuai.

It depends on the category of non-citizens the non-citizen applicants come under and the type of work they are applying for. Employment permits will only be issued to the

following categories of non-citizens who are permanent residents of this country:

- (a) Wives of citizens—(Form "A").
- (b) Those who are local born and are entitled to citizenship under Article 16 of the Constitution—(Form "E").
- (c) Those who are local born and are under 21 years of age and are entitled to citizenship under Article (15) (3) of the Constitution—(Form "C").
- (d) Those who are eligible to become citizens by naturalisation and have applied for citizenship before 1st July, 1969—(Form "G").

Employment Permits are issued to non-citizen permanent residents if it can be proved by the employers concerned that despite all efforts taken to fill the vacant posts by citizens suitable Malaysian citizens are not available.

#### **Warganegara Malaysia di-Singapura**

**3. Tuan V. David** bertanya kepada Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat sama ada beliau sedar bahawa 60,000 orang warganegara Malaysia sekarang sedang bekerja di-Singapura, dan jika sedar ada-kah Kerajaan bersedia untuk menawarkan mereka pekerjaan sa-kira-nya perkhidmatan mereka tidak diperlukan lagi oleh Kerajaan Singapura.

**Tan Sri V. Manickavasagam:** Jumlah sebenarnya warganegara<sup>2</sup> Malaysia yang sekarang bekerja di-Singapura tidak diketahui. Walau bagaimana pun, ada-lah di-fahamkan bahawa sa-bahagian besar dari mereka mendapat pekerjaan dalam kerja<sup>2</sup> perkapalan. Jika mereka ini di-hantar balek ka-negeri ini di-atas satu<sup>2</sup> sebab, mereka akan di-beri bantuan pekerjaan yang biasa setelah mereka mendaftarkan diri di-perkhidmatan pekerjaan. Mereka yang mahir neschaya akan mendapat kedudukan yang lebih baik untuk mendapatkan pekerjaan dengan sa-chepat mungkin.

The exact number of Malaysian citizens currently employed in Singapore is not known. It is understood however, that a good proportion of them are employed in shipyards. If for some reason or other they are sent back to this country, they would be given the normal employment assistance after they have registered with the employment service. Those who are skilled will no doubt be in a better position to find employment quickly.

#### **Ajensi<sup>2</sup> Pekerjaan Persendirian**

**4. Tuan Fan Yew Teng** minta Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat menyatakan sama ada ia sedar bahawa ada ajensi<sup>2</sup> menchari pekerjaan persendirian yang selalu-nya memeras penchari<sup>2</sup> kerja yang muda dan sesak; dan apa-kah langkah<sup>2</sup> yang telah atau yang akan di-ambil oleh Kementerian-nya untuk mengawal ajensi<sup>2</sup> ini.

**Tan Sri V. Manickavasagam:** Kementerian saya sedar akan ada-nya ajensi<sup>2</sup> pekerjaan persendirian. Pada masa sekarang lebih kurang 9 dari ajensi<sup>2</sup> ini menjalankan perkhidmatan mereka di-negeri ini yang mana 6 daripada-nya di-Kuala Lumpur dan 3 di-Petaling Jaya.

Tiada apa<sup>2</sup> pun yang dapat menahan perjalanan perkhidmatan ajensi<sup>2</sup> ini asalkan mereka mendaftar di-bawah Ordinan Pendaftaran Perniagaan.

Sa-hingga sekarang, tiada aduan mengenai kepentingan ajensi itu sendiri yang di-terima dari orang ramai.

Perkhidmatan Pekerjaan di-Kementerian saya memberi bantuan pekerjaan perchuma kepada penchari<sup>2</sup> kerja dan oleh yang demikian, mereka hendak-lah mengambil faedah perkhidmatan yang di-beri oleh Kerajaan.

My Ministry is aware of the existence of Private Employment Agencies. There are at present about 9 of these Agencies operating in the country, 6 of which are in Kuala Lumpur and 3 in Petaling Jaya.

There is nothing to prevent such agencies operating as long as they are registered under the Business Registration Ordinance.

So far no complaints of exploitation have been received from members of the public.

The Employment Service of my Ministry offers free employment assistance to job-seekers and they should therefore take advantage of the service offered by Government.

#### **Bilangan Pekerjaan<sup>2</sup>**

**5. Dr A. Soorian** minta Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat menyatakan bilangan pekerjaan<sup>2</sup> yang telah di-ujudkan hingga kini di-bawah Ranchangan Malaysia Kedua.

**Tan Sri V. Manickavasagam:** Maklumat mengenai bilangan pekerjaan<sup>2</sup> baru yang di-ujudkan dalam tahun 1971 itu maseh belum di-dapati. Walau bagaimana pun keseluruhan pergerakan ekonomi dalam tahun 1971 adalah di-bawah dari jangkaan hitong-panjang kadar kenaikan tahunan di-bawah Rancangan Malaysia Kedua. Kesan ka-atas pengujudan pekerjaan ada-lah juga sama. Satu "Sample Survey" mengenai Tenaga Kerja yang di-jalankan dalam bulan Oktober 1971 di-Malaysia Barat, di-tambah dengan beberapa anggaran<sup>2</sup> lain menunjukkan bahawa pengujudan pekerjaan dalam tahun itu ada-lah kurang sedikit dari matlamat hitong-panjang tahunan di-bawah rancangan ia-itu 100,000 pekerjaan.

Information on the number of new jobs created in 1971 is not yet available. However, the overall performance of the economy in 1971 was below the expected average annual growth rate under the Second Malaysia Plan. The effect of this on new job creation must also have been similar. A "Sample Survey" of the Labour Force carried out in October 1971 in West Malaysia, supplemented by various other estimates, indicates that nett employment creation during the year was slightly below the annual average planned target of 100,000 jobs.

#### **Sekim Keselamatan Sosial**

**6. Dr A. Soorian** minta Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat menyatakan ada-kah langkah<sup>2</sup> yang telah di-ambil oleh Kementerian beliau untuk menjaga kebajikan beribu<sup>2</sup> pekerja ladang getah yang telah di-hantar ka-Sabah kerana kekurangan pekerjaan di-Malaysia Barat, dan sama ada terdapat Sekim Keselamatan Sosial di-Malaysia Timor untuk melindungi pekerja<sup>2</sup> di-sana.

**Tan Sri V. Manickavasagam:** Ordinan Buroh Sabah mempunyai bekalan<sup>2</sup> yang cukup bagi perlindungan awam terhadap semua pekerja<sup>2</sup> yang bertugas di-Sabah dan pekerja<sup>2</sup> yang di-hantar ka-Sabah di-bawah Sekim Lembaga Kumpulan Wang Perpindahan Malaysia mempunyai perlindungan yang sama.

Sekim Keselamatan Sosial belum lagi di-lanjutkan perkhidmatan-nya ka-Sabah. Walau bagaimana pun, pekerja<sup>2</sup> menikmati perlindungan<sup>2</sup> yang perlu di-bawah Ordinan Pampasan Pekerja<sup>2</sup> Sabah.

Pekerja<sup>2</sup> ini juga meliputi bekalan<sup>2</sup> Ordinan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.

The Sabah Labour Ordinance has sufficient provisions for the general safeguard of all workers employed in Sabah and workers sent under the Malaysian Migration Fund Board Scheme enjoying the same protection.

The Social Security Scheme has not yet been extended to Sabah. However, workers enjoy the necessary protection under the Sabah Workman's Compensation Ordinance.

These workers are also covered by the provisions of the Employees Fund Ordinance.

### **KEMENTERIAN KERJA RAYA DAN TENAGA**

#### **Pembinaan Jalan**

**7. Tuan Loh Jee Mee** minta Menteri Kerja Raya dan Tenaga menyatakan bila-kah kerja membina sa-batang jalan dari Gopeng ka-Cameron Highlands yang di-chadangkan itu akan di-mulakan.

**Menteri Kerja Raya dan Tenaga (Dato' Haji Abdul Ghani Gilong):** Kalau Ahli Yang Berhormat maseh ingat saya telah pun memberitahu Dewan ini mengenai pembinaan jalan Gopeng ka-Cameron Highlands ini. Walau bagaimana pun untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat dan Dewan am-nya, pada masa ini kajian awal oleh sebuah firma Jurutera Perunding dari Australia sedang di-jalankan dan reka bentuk jalan ini akan di-mulakan dalam masa kira<sup>2</sup> 4 bulan lagi.

### **KEMENTERIAN KESIHATAN**

#### **Pembedahan Mayat**

**8. Tuan Abu Bakar bin Umar** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau sedar dengan bertambah-nya bilangan kemalangan jalanraya di-negeri ini waris<sup>2</sup> si-mati akibat kemalangan jalanraya menghadapi satu masaalah kerana doktor<sup>2</sup> enggan menjalankan pembedahan mayat di-waktu malam dan jika ya, sama ada beliau akan mengarahkan doktor<sup>2</sup> supaya melakukan pembedahan ka-atas mayat orang<sup>2</sup> Islam dengan segera tidak kira waktu, sesuai dengan ajaran Islam supaya mayat orang<sup>2</sup> Islam di-kebumikan dengan segera.

### **Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew):**

Saya tidak sedar bahawa bertambahnya bilangan kemalangan jalan raya dalam negeri ini telah menimbulkan satu masalah kepada waris<sup>2</sup> si-mati yang terbunuh dalam kemalangan itu disebabkan oleh keengganan doktor<sup>2</sup> melakukan pembedahan mayat pada waktu malam. Doktor<sup>2</sup> di-semua hospital telah pun di-beri arahan untuk menimbangkan tiap<sup>2</sup> satu kes itu dengan chermat dan timbangan dalam mentafsirkan undang<sup>2</sup> berhubung dengan pembedahan mayat supaya waris<sup>2</sup> si-mati itu tidak di-dalam kesusahan. Doktor<sup>2</sup> juga telah di-arahkan untuk melakukan pembedahan mayat atas mayat<sup>2</sup> orang Islam sa-berapa segera sa-telah perintah pembedahan mayat itu di-terima supaya mayat<sup>2</sup> itu dapat di-serahkan untuk pengebumian dengan sa-berapa segera yang boleh.

I am not aware that the increase in the number of road accidents in this country has posed a problem to the next-of-kin of those killed in the road accidents due to the reluctance of doctors to perform post-mortem at night. Doctors in hospitals have already been directed to weigh each case with care and consideration in construing the law with regard to post-mortem examinations so that the next-of-kin is not inconvenienced. Doctors have also been directed to perform post-mortem on Muslim corpses as soon as the post-mortem order was received, so that the corpse could be released for burial as soon as possible.

### **Kemudahan Kesihatan**

**9. Tuan Abu Bakar bin Umar** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa peruntukan mendirikan satu pusat kesihatan atau hospital bagi tiap<sup>2</sup> 50,000 penduduk, ada-lah tidak mencukupi bagi keperluan orang<sup>2</sup> luar bandar, dan jika ya, apa-kah usaha<sup>2</sup> yang di-buat supaya penduduk<sup>2</sup> luar bandar yang miskin dapat menikmati kemudahan kesihatan dari Ranchangan Malaysia Kedua.

**Tan Sri Lee Siok Yew:** Saya ingin membuat penjelesan bahawa Ranchangan Kesihatan Luar Bandar Kerajaan untuk penduduk<sup>2</sup> luar bandar menganggap bahawa tiap<sup>2</sup> 50,000 orang akan di-sediakan dengan satu unit Kesihatan Luar Bandar yang mengandongi 1 Pusat Kesihatan Besar, 4 pusat Kesihatan Kechil dan 20 buah Klinik Bidan.

Ranchangan Kesihatan Luar Bandar pada masa ini belum lagi selesai dan lebih banyak lagi pusat<sup>2</sup> kesihatan dan klinik<sup>2</sup> bidan akan di-siapkan dari sa-tahun ka-satahun sahingga kesemua penduduk<sup>2</sup> luar bandar akan termasuk dalam ranchangan ini. Mesti-lah di-jelaskan juga bahawa ranchangan ini meliputi kedua<sup>2</sup> aspek perkhidmatan kesihatan ia-itu *menchegah* dan *menyembohan* penyakit. Ia-nya patut-lah di-bedzakan daripada perkhidmatan rumah sakit yang chuma meliputi bahagian penyembahan sahaja—kalau tidak kadar 1 orang doktor bagi 50,000 penduduk ada-lah tidak menasabah (salah). Kementerian bagaimana pun menjalankan kajian ka-atas aspek perlaksanaan Ranchangan Kesihatan Luar Bandar dan chadangan<sup>2</sup> pasokan penyelidekan sedang di-kaji dan akan di-gunakan untuk membaiki lagi perkhidmatan itu.

I would like to make a clarification to the effect that the Government's Rural Health Scheme for the rural population envisages that every 50,000 people will be provided with a rural health unit comprising of 1 Main Health Centre, 4 Health Sub-Centres and 20 Midwives Clinics. The Rural Health Scheme at the moment is not yet completed and more and more health centres and midwives clinics will be completed from year to year until the whole rural population will be covered by the scheme. It must be pointed out that this scheme covers both the preventive and curative aspects of the health services. It has to be distinguished from the hospital services which cover only the curative side—otherwise the figure of 1 doctor to 50,000 population may be misleading. The Ministry had, however, carried out a study on the operational aspects of the Rural Health Scheme and the recommendations of the Research Team are being studied and will be implemented to improve the service.

### **Kekotoran Kawasan Sekeliling**

**10. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau akan menubuhkan suatu jabatan khas untuk mengambil langkah<sup>2</sup> *menchegah* kekotoran udara dan ayer di-alam sekitar Malaysia.

**Tan Sri Lee Siok Yew:** Kementerian Kesihatan sedang mengkaji kemungkinan untuk menubuhkan satu Jabatan yang berasingan untuk mengawasi perkara<sup>2</sup> berkenaan



dengan kekotoran kawasan sekeliling. Disamping itu Kerajaan telah mengarah Kementerian Kesihatan untuk bertanggung-jawab berkenaan dengan kekotoran kawasan sekeliling dan mengko-ordinasikan aktiviti<sup>2</sup> Kementerian<sup>2</sup> dan Jabatan<sup>2</sup> yang berkaitan dengan aktiviti<sup>2</sup> pengawalan kekotoran. Ini termasuk juga langkah<sup>2</sup> untuk mengawal kekotoran daripada udara, ayer, tanah dan lain<sup>2</sup> benda<sup>2</sup> kekotoran yang boleh mengganggu kesihatan manusia di-negara ini.

The Ministry of Health is studying the feasibility of setting up a separate department to take care of environmental pollution. In the meantime the Government has directed the Ministry of Health to be responsible for Environmental Pollution and to co-ordinate the activities of Ministries and Departments concerned in anti-pollution activities. This will include preventive measures against air, water, soil and other physical forms of pollution which may adversely affect the health and well-being of people in this country.

#### Pembinaan Klinik<sup>2</sup>

11. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Kesihatan memberikan senarai kampung<sup>2</sup> baru di-mana kelinik<sup>2</sup> akan di-bina di-bawah Ranchangan Malaysia Kedua.

Tan Sri Lee Siok Yew: Kementerian Kesihatan akan membina 17 Pusat Kesihatan Besar, 62 Pusat Kesihatan Kechil dan 402 Rumah Bidan dan Klinik dalam Ranchangan Kesihatan Luar Bandar di-seluruh Malaysia Barat dalam Ranchangan Malaysia yang Kedua.

Kesemua<sup>2</sup> kelinik<sup>2</sup> ini ada-lah di-bina dengan tujuan bahawa semua ra'ayat akan di-beri perkhidmatan kesihatan. Satu yunit kesihatan yang mengandungi 1 Pusat Kesihatan Besar, 4 Pusat Kesihatan Kechil dan 20 Rumah Bidan dan Klinik akan memberi perkhidmatan kepada 50,000 orang, termasuk orang<sup>2</sup> dari kampung<sup>2</sup> baru.

Under the 2nd Malaysia Plan, Ministry of Health will built 17 Main Health Centres, 62 Sub-Health Centres and 402 Midwife Clinics cum Quarters in the Rural Health Development in the whole of West Malaysia.

These clinics are built with the aim of giving health services to the people. One health unit consisting of one Main Health

Centre, 4 Sub-Health Centres and 20 Midwife Quarters cum Clinic will be of service to 50,000 people, including those from the new villages.

#### Rumah Sakit Umum

12. Tuan Mohd. Daud bin Abdul Samad minta Menteri Kesihatan menyatakan bilakah Kerajaan akan mendirikan sa-buah Rumah Sakit Umum di-Kuala Trengganu, dan nyatakan tempat yang di-chadangkan untuk maksud itu.

Tan Sri Lee Siok Yew: Sudah ada sa-buah Rumah Sakit Umum di-Kuala Trengganu. Sekira-nya Ahli Yang Berhormat maksudkan sa-buah Rumah Sakit Umum yang baru, perkara ini sedang di-kaji.

There is already a General Hospital in Kuala Trengganu. If the Hon'ble Member means a new General Hospital this matter is under study.

#### Jururawat<sup>2</sup>

13. Tuan Mohd. Daud bin Abdul Samad minta Menteri Kesihatan menyatakan berapa ramai-kah jumlah jururawat yang di-ambil berkhidmat dengan Kerajaan dalam tahun ini dan di-mana-kah pusat<sup>2</sup> mereka itu di-lateh.

Tan Sri Lee Siok Yew: Bilangan jururawat yang telah di-ambil dan akan di-ambil bagi tahun ini seperti berikut:

|                                                                                   |     |     |                                         |
|-----------------------------------------------------------------------------------|-----|-----|-----------------------------------------|
| (a) Dari luar negeri—                                                             |     |     |                                         |
| United Kingdom                                                                    | ... | 13  |                                         |
| Australia                                                                         | ... | 5   |                                         |
| Singapura                                                                         | ... | 1   |                                         |
| (b) Dari Hospital Universiti                                                      |     |     |                                         |
|                                                                                   | ... | 3   |                                         |
| (c) Dari Hospital Assunta                                                         |     |     |                                         |
|                                                                                   | ... | 2   |                                         |
| (d) Pengambilan semula (bekas jururawat)                                          |     |     |                                         |
|                                                                                   | ... | 5   |                                         |
| (e) Dari Sekolah <sup>2</sup> Latehan, Pulau Pinang, Kuala Lumpur dan Johor Bahru |     |     |                                         |
|                                                                                   | ... | 307 | (tamat bulan Jun, Sept. dan Nov., 1972) |

Number of nurses recruited and to be recruited this year is as follows:

|                                                                                    |     |     |                                                    |
|------------------------------------------------------------------------------------|-----|-----|----------------------------------------------------|
| (a) From abroad—                                                                   |     |     |                                                    |
| United Kingdom                                                                     | ... | 13  |                                                    |
| Australia                                                                          | ... | 5   |                                                    |
| Singapore                                                                          | ... | 1   |                                                    |
| (b) From University Hospital                                                       |     |     |                                                    |
|                                                                                    |     | 3   |                                                    |
| (c) From Assunta Hospital ...                                                      |     |     |                                                    |
|                                                                                    |     | 2   |                                                    |
| (d) Reemployment (ex-nurses)                                                       |     |     |                                                    |
|                                                                                    |     | 5   |                                                    |
| (e) From Training Schools,<br>Pulau Pinang, Kuala Lum-<br>pur and Johore Bahru ... |     |     |                                                    |
|                                                                                    |     | 307 | (coming out<br>in June, Sept.<br>and Nov,<br>1972) |

---

336

---

#### Pusat Kesihatan Kechil

14. Tuan V. Veerappen minta Menteri Kesihatan menyatakan mengapa satu pusat kesihatan kechil belum di-bena di-Sungai Acheh, Nibong Tebal, dan bila-kah di-jangka pusat ini hendak di-bena.

Tan Sri Lee Siok Yew: Sa-buah Pusat Kesihatan Kechil akan di-bena di-Sungai Acheh pada tahun ini (1972).

A Sub-Health Centre will be built in Sungei Acheh, this year (1972).

#### Hospital<sup>2</sup> Daerah

15. Tuan Chan Siang Sun minta Menteri Kesihatan menyatakan rancangan<sup>2</sup> baru yang akan di-laksanakan bagi hospital<sup>2</sup> daerah Bentong dan Mentakab dalam Rancangan Malaysia Kedua.

Tan Sri Lee Siok Yew: Dalam Rancangan Malaysia yang Kedua rancangan<sup>2</sup> seperti berikut akan di-laksanakan bagi:

##### (A) Hospital Daerah Bentong

1. Memperbaiki wad<sup>2</sup>
2. Jabatan X-Ray Baharu
3. Unit Rawatan Pesakit Otak.

##### (B) Hospital Daerah Mentakab

1. Wad Kelas Yang Kedua
2. Jabatan Rawatan Pesakit Luar (Poliklinik)
3. Asrama Jururawat Mentakab.

In the Second Malaysia Plan programmes to be implemented are as follows:

##### (A) District Hospital Bentong

1. Improvement to wards
2. New X-Ray Department
3. Psychiatric Treatment Unit.

##### (B) District Hospital Mentakab

1. 2nd Class Ward
2. Outpatient Department (Poly-clinic)
3. Nurses Hostel.

#### Kekotoran Udara

16. Dr Tan Chee Khoon bertanya kepada Menteri Kesihatan apa-kah langkah<sup>2</sup> yang Kementerian berchadang hendak ambil bagi mengadakan suatu undang<sup>2</sup> yang ketat terhadap kekotoran alam sekitar di-negeri ini dan ada-kah beliau sedar bahawa kekotoran udara di-kawasan Kepong di-sebabkan adanya kilang<sup>2</sup> papan di-sana.

Tan Sri Lee Siok Yew: Kerajaan telah menyediakan satu rang undang<sup>2</sup> "Air Quality Act" dan ini ada dalam perbincangan oleh wakil<sup>2</sup> dari kerajaan dan sektor swasta sa-belum di-iktirafkan sa-bagai undang<sup>2</sup>. Kerajaan sedar di-atas ada-nya kekotoran udara di-Kepong dan telah mengambil tindakan untuk mengawal berkenaan dengan kebakaran terbuka dari abok<sup>2</sup> kayu di-kawasan itu. Kerajaan juga mengambil perhatian untuk menyediakan rang undang<sup>2</sup> bagi "Environmental Quality Act" untuk mengawal semua masaal<sup>2</sup> kekotoran kawasan<sup>2</sup> sekeliling yang berbangkit.

The Government has already drafted an Air Quality Act and this is being discussed by representatives of the public and private sector before being enacted as law. The Government is aware of the air pollution problem existing in Kepong and has brought about control of open burning of sawdust in the area. The Government is also considering the drafting of an overall Environmental Quality Act to take care of all environmental pollution problems as they arise.

#### Dispensari Kerajaan

17. Dr Tan Chee Khoon minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa gudang ubat di-Fraser's Hill tiada menchukupi simpanan ubat<sup>2</sup> yang perlu dan

jika sedar, sama ada beliau berchadang hendak menutup sahaja gudang ubat tersebut.

**Tan Sri Lee Siok Yew:** Di-Bukit Fraser, tidak ada Gudang Ubat. Di-sana ada sa-buah Dispensari Kerajaan termasuk satu bilek untuk simpanan ubat. Stok ubat<sup>2</sup> yang mustahak ada-lah cukup. Dispensari ini sedang memberi perkhidmatan yang berguna kepada penduduk<sup>2</sup> Bukit Fraser dan saya tidak berchadang menutup Dispensari itu.

There is no Medical Store at Frasers Hill. There is a Government Dispensary which has a room for storage of drugs. The stock of essential drugs is adequate. This Dispensary is providing a useful service to the people in Frasers Hill and I am not considering closing it.

#### Perkhidmatan Doktor<sup>2</sup> Asing

**18. Dr Tan Chee Khoo** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau sedar akan sungutan<sup>2</sup> terhadap rendah-nya mutu perkhidmatan doktor<sup>2</sup> asing yang baru<sup>2</sup> ini di-ambil bekerja; jika ya, sama ada beliau akan memberhentikan pengambilan doktor<sup>2</sup> tersebut dan menimbangkan pengambilan doktor<sup>2</sup> dari Singapura dan lain<sup>2</sup> negeri pula.

**Tan Sri Lee Siok Yew:** Saya sedar bahawa ada sungutan<sup>2</sup> terhadap rendah-nya mutu perkhidmatan yang di-beri oleh sa-tengah<sup>2</sup> doktor asing yang di-ambil bekerja baru<sup>2</sup> ini. Walau bagaimana pun, sabagaimana yang di-dapati di-dalam mana<sup>2</sup> chawangan ikhtisas, ada sa-tengah<sup>2</sup> daripada-nya memberi perkhidmatan yang baik dan ada juga sa-tengah<sup>2</sup>-nya memberi perkhidmatan yang kurang baik. Saya akan menimbangkan pengambilan doktor<sup>2</sup> asing, tidak kira daripada mana negeri asal mereka, jika mereka dapat memberi perkhidmatan yang berpatutan tinggi mutu-nya kepada ra'ayat.

I am aware that there are complaints on the low standard of service rendered by some of the foreign doctors recruited recently. However, as in any profession, there are always those who render good service, as well as ~~those who~~ render poor service. I will consider ~~the~~ recruitment of foreign doctors, irrespective of their country of origin, if they can render a ~~reasonable~~ high standard of service to the people.

#### Dispensari<sup>2</sup> Bergerak

**19. Tuan Jonathan Narwin anak Jinggong** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) bilangan dispensari<sup>2</sup> bergerak dan tidak bergerak yang sedang bertugas di-kawasan<sup>2</sup> luar bandar di-Sarawak; dan
- (b) sama ada Kementerian beliau akan menjalankan suatu kajian mengenai kehendak<sup>2</sup> tambahan pusat<sup>2</sup> kesihatan seperti itu dan pasokan<sup>2</sup> kesihatan bagi meliputi kebanyakan kawasan<sup>2</sup> luar bandar sebab di-satengah<sup>2</sup> kawasan, seperti Daerah Lubok Antu, penduduk<sup>2</sup> luar bandar terpaksa berjalan begitu jauh untuk mendapatkan rawatan perubatan.

**Tan Sri Lee Siok Yew:**

- (a) Bilangan dispensari<sup>2</sup> bergerak dan tidak bergerak di-kawasan<sup>2</sup> luar bandar Sarawak ia-lah:

22 buah Dispensari Bergerak—

(a) Melalui Jalanraya ... 6

(b) Melalui Sungai ... 16

41 buah Dispensari Tidak Bergerak.

2 buah Klinik<sup>2</sup> Terapong—sabuah di-Baram dan sabuah lagi di-Rejang. Kedua<sup>2</sup>-nya akan mula berkhidmat dalam bulan Jun tahun ini.

- (b) Kementerian saya sentiasa mengkaji keperluan kesihatan orang ramai terutama sekali yang tinggal di-kawasan<sup>2</sup> luar bandar. Satu shor dalam bentuk perkhidmatan<sup>2</sup> tambahan Dispensari Bergerak akan di-kemukakan pada tahun ini untuk membaiki perkhidmatan<sup>2</sup> perubatan di-daerah<sup>2</sup> pendalaman Sarawak.
- (a) The number of mobile and static dispensaries in the rural areas of Sarawak is:

22 Mobile Dispensaries—

(a) By road ... 6

(b) By river ... 16

41 Static Dispensaries.

2 Floating Clinics—One at Baram, another Rejang. Will start functioning sometime in June this year.

- (b) My Ministry is constantly studying the health need of the people especially those in the rural areas. A proposal in the form of additional Travelling Dispensary services will be put forward this year to improve the medical services in the remote areas of Sarawak.

## KEMENTERIAN PELAJARAN

## Keputusan Peperiksaan Nilain Darjah V

20. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Pelajaran menyatakan butir<sup>2</sup> keputusan peperiksaan Nilain Darjah V untok 1971 terhadap peratus kegagalan untok tiap<sup>2</sup> kertas yang di-sediakan untok Sekolah<sup>2</sup> Rendah Kebangsaan dan beri angka<sup>2</sup> yang berlainan tiap<sup>2</sup> Negeri.

Menteri Pelajaran (Tuan Hussein bin Onn): Butir<sup>2</sup> itu ada-lah saperti berikut:

| Mata Pelajaran            | Negeri |        |       |        |          |           |        |       |        |                 |          |
|---------------------------|--------|--------|-------|--------|----------|-----------|--------|-------|--------|-----------------|----------|
|                           | Perak  | Penang | Kedah | Perlis | Kelantan | Trengganu | Pahang | Johor | Melaka | Negeri Sembilan | Selangor |
|                           | %      | %      | %     | %      | %        | %         | %      | %     | %      | %               | %        |
| BAHASA MALAYSIA II .. ..  | 26.09  | 25.3   | 38.37 | 26.83  | 39.47    | 36.58     | 34.69  | 29.80 | 25.27  | 23.91           | 24.22    |
| BAHASA INGGERIS I .. ..   | 37.97  | 32.82  | 62.90 | 54.40  | 58.52    | 60.67     | 58.18  | 55.28 | 47.94  | 49.81           | 49.37    |
| ILMU HISAB .. ..          | 40.63  | 37.90  | 62.29 | 53.19  | 60.37    | 61.01     | 60.37  | 54.73 | 49.92  | 52.25           | 55.04    |
| ILMU SAINS AWALAN .. ..   | 34.88  | 35.61  | 54.54 | 40.34  | 53.52    | 52.34     | 51.02  | 43.94 | 38.02  | 40.07           | 41.83    |
| ILMU ALAM DAN TAWARIKH .. | 35.10  | 32.32  | 50.81 | 39.40  | 52.80    | 50.48     | 51.05  | 45.29 | 40.63  | 43.24           | 40.49    |

21. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Pelajaran menyatakan butir<sup>2</sup> keputusan peperiksaan Nilain Darjah V untok 1971 terhadap peratus kegagalan untok sa-tiap kertas yang di-sediakan untok sekolah<sup>2</sup> Jenis Kebangsaan (China) dan beri angka<sup>2</sup> yang berlainan untok tiap<sup>2</sup> Negeri.

Tuan Hussein bin Onn: Butir<sup>2</sup> itu ada-lah saperti berikut:

| Mata Pelajaran            | Negeri |        |       |        |          |           |        |       |        |                 |          |
|---------------------------|--------|--------|-------|--------|----------|-----------|--------|-------|--------|-----------------|----------|
|                           | Perak  | Penang | Kedah | Perlis | Kelantan | Trengganu | Pahang | Johor | Melaka | Negeri Sembilan | Selangor |
|                           | %      | %      | %     | %      | %        | %         | %      | %     | %      | %               | %        |
| BAHASA MALAYSIA I .. ..   | 60.75  | 43.32  | 40.81 | 44.66  | 32.44    | 51.75     | 69.11  | 55.25 | 39.00  | 57.35           | 66.33    |
| BAHASA INGGERIS I .. ..   | 60.66  | 50.44  | 44.02 | 51.13  | 40.10    | 55.75     | 61.09  | 56.62 | 45.81  | 55.38           | 66.06    |
| ILMU HISAB .. ..          | 41.64  | 28.69  | 23.22 | 30.66  | 26.58    | 33.75     | 42.04  | 33.60 | 26.20  | 34.69           | 42.17    |
| ILMU SAINS AWALAN .. ..   | 35.59  | 30.96  | 24.77 | 25.25  | 16.28    | 28.75     | 34.72  | 26.86 | 19.24  | 25.78           | 35.99    |
| ILMU ALAM DAN TAWARIKH .. | 49.56  | 43.11  | 33.53 | 36.01  | 31.39    | 36.75     | 47.13  | 41.44 | 29.36  | 41.41           | 47.92    |
| BAHASA CHINA .. ..        | 50.84  | 40.57  | 37.28 | 36.96  | 33.89    | 41.50     | 49.59  | 40.30 | 29.13  | 41.23           | 49.30    |

22. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Pelajaran menyatakan butir<sup>2</sup> keputusan peperiksaan Nilain Darjah V untok 1971 terhadap peratus kegagalan untok tiap<sup>2</sup> kertas yang di-sediakan untok sekolah<sup>2</sup> Jenis Kebangsaan (Inggeris) dan beri angka<sup>2</sup> yang berlainan untok tiap<sup>2</sup> Negeri.

**Tuan Hussein bin Onn:** Butir<sup>2</sup> itu ada-lah saperti berikut:

| Mata Pelajaran            | Negeri |        |       |        |          |           |        |       |        |                 |          |
|---------------------------|--------|--------|-------|--------|----------|-----------|--------|-------|--------|-----------------|----------|
|                           | Perak  | Penang | Kedah | Perlis | Kelantan | Trengganu | Pahang | Johor | Melaka | Negeri Sembilan | Selangor |
|                           | %      | %      | %     | %      | %        | %         | %      | %     | %      | %               | %        |
| BAHASA MALAYSIA II .. ..  | 38.96  | 38.91  | 25.27 | 11.50  | 16.62    | 16.22     | 35.66  | 24.73 | 21.68  | 31.35           | 41.78    |
| BAHASA INGGERIS II .. ..  | 42.75  | 42.33  | 47.52 | 45.50  | 51.01    | 55.28     | 49.98  | 36.68 | 33.08  | 45.80           | 40.24    |
| ILMU HISAB .. ..          | 41.97  | 41.22  | 47.82 | 36.57  | 44.78    | 44.94     | 46.71  | 35.45 | 30.69  | 45.81           | 39.17    |
| ILMU SAINS AWALAN .. ..   | 40.76  | 42.61  | 44.21 | 33.83  | 39.66    | 42.38     | 44.52  | 33.33 | 28.62  | 41.91           | 38.39    |
| ILMU ALAM DAN TAWARIKH .. | 42.37  | 42.89  | 34.49 | 15.92  | 24.67    | 23.43     | 39.90  | 28.96 | 27.63  | 35.55           | 42.06    |

**23. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Pelajaran menyatakan butir<sup>2</sup> keputusan pepereksaan Nilai Darjah V untuk 1971 terhadap peratus kegagalan untuk tiap<sup>2</sup> kertas yang di-sediakan untuk sekolah<sup>2</sup> Jenis Kebangsaan (Tamil) dan beri angka<sup>2</sup> yang berlainan untuk tiap<sup>2</sup> Negeri.

**Tuan Hussein bin Onn:** Butir<sup>2</sup> itu ada-lah saperti berikut:

| Mata Pelajaran            | Negeri |        |       |        |          |           |        |       |        |                 |          |
|---------------------------|--------|--------|-------|--------|----------|-----------|--------|-------|--------|-----------------|----------|
|                           | Perak  | Penang | Kedah | Perlis | Kelantan | Trengganu | Pahang | Johor | Melaka | Negeri Sembilan | Selangor |
|                           | %      | %      | %     | %      | %        | %         | %      | %     | %      | %               | %        |
| BAHASA MALAYSIA I .. ..   | 50.39  | 65.72  | 52.88 | 60.00  | 47.91    | —         | 54.61  | 47.13 | 62.14  | 49.38           | 71.9     |
| BAHASA INGGERIS I .. ..   | 41.87  | 58.58  | 50.89 | 80.00  | 37.50    | —         | 44.86  | 40.83 | 52.30  | 49.10           | 67.52    |
| ILMU HISAB .. ..          | 41.35  | 72.19  | 53.31 | 90.00  | 58.33    | —         | 54.63  | 39.13 | 55.62  | 50.89           | 62.65    |
| ILMU SAINS AWALAN .. ..   | 42.65  | 65.89  | 48.56 | 90.00  | 45.84    | —         | 48.82  | 43.77 | 48.85  | 50.28           | 64.02    |
| ILMU ALAM DAN TAWARIKH .. | 47.39  | 71.76  | 51.89 | 80.00  | 47.92    | —         | 54.40  | 43.89 | 56.07  | 54.81           | 68.03    |
| BAHASA TAMIL .. ..        | 35.80  | 52.48  | 43.57 | 70.00  | 47.92    | —         | 42.14  | 35.73 | 43.39  | 36.97           | 51.12    |

#### Jawi

**24. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada murid<sup>2</sup> di-paksa mempelajari Jawi di-sekolah<sup>2</sup>.

**Tuan Hussein bin Onn:** Tidak. Tulisan Jawi di-wajibkan untuk murid<sup>2</sup> Melayu sahaja mula<sup>2</sup> dari Darjah II. Murid<sup>2</sup> lain tidak di-halangkan mempelajari tulisan Jawi.

#### Pepereksaan S.R.P. dan L.C.E.

**25. Tuan Mohd. Daud bin Abdul Samad** minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah pelajar<sup>2</sup> yang mengambil pepereksaan S.R.P. dan L.C.E. pada tahun 1971 di-Negeri Treng-

ganu, dan berapa ramai-kah di-antara mereka yang lulus serta dapat melanjutkan pelajaran di-Tingkatan Empat.

**Tuan Hussein bin Onn:** Butir<sup>2</sup>-nya ada-lah saperti berikut:

| Jumlah Chalun <sup>2</sup> yang |                   |             |
|---------------------------------|-------------------|-------------|
| Pepereksaan                     | Masok pepereksaan | Naik darjah |
| S.R.P.                          | 2,109             | 1,172       |
| L.C.E.                          | 1,802             | 835         |

**26. Tuan V. Veerappen** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau ber-chadang hendak mendirikan sa-buah Seko-

lah Menengah di-daerah Sungai Aceh untuk menampung murid<sup>2</sup> dari beberapa buah sekolah rendah di-kawasan itu.

**Tuan Hussein bin Onn:** Buat masa ini, tidak. Tiga buah Sekolah Menengah di-Nibong Tebal, yang lebeh kurang 3 batu sahaja jauh-nya daripada kawasan Sungai Aceh, boleh menampung keperluan kawasan Sungai Aceh dan kawasan sekitar-nya.

#### Pembinaan Sekolah

**27. Tuan Chan Siang Sun** minta Menteri Pelajaran menyatakan bila-kah kerja pembinaan dua buah Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (China) di-Sungai Dua dan di-Manchis dalam daerah Bentong akan di-mulakan. (Tapak<sup>2</sup> untuk pembinaan bangunan<sup>2</sup> ini telah di-sediakan).

**Tuan Hussein bin Onn:** Rancangan menuboh dua buah sekolah tersebut telah dimasukkan dalam rancangan untuk tahun 1973.

#### Kelas<sup>2</sup> Tadika

**28. Tuan Haji Ahmad bin Arshad** minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) bila-kah Kementerian berchadang hendak memulakan kelas<sup>2</sup> Tadika (Kindergarten); dan
- (b) sama ada perhubungan telah di-adakan.

**Tuan Hussein bin Onn:**

- (a) Kementerian Pelajaran tidak ada rancangan untuk memulakan kelas<sup>2</sup> Tadika (Kindergarten).
- (b) Tidak ada.

#### Maktab Tengku Abdul Rahman

**29. Tuan Abu Bakar bin Umar** minta Menteri Pelajaran menyatakan berapa jumlah wang yang telah di-berikan oleh Kerajaan kepada Maktab Tengku Abdul Rahman (Maktab TAR) dari mula maktab itu ditubuhkan.

**Tuan Hussein bin Onn:** \$711,068.

#### Kemudahan Kindergarten

**30. Dr Tan Chee Khoon** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau berchadang hendak mendirikan kindergarten di-kawasan<sup>2</sup> luar bandar supaya dengan ber-buat demikian kanak<sup>2</sup> luar bandar itu akan sa-taraf dengan kanak<sup>2</sup> kota yang sudah pun mempunyai kemudahan kindergarten.

**Tuan Hussein bin Onn:** Tidak.

#### Surohanjaya Universiti dan Kolej

**31. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Pelajaran sama ada Kerajaan akan menubuhkan suatu Surohanjaya Universiti dan Kolej yang di-bantu oleh Kerajaan dan mempunyai kuasa<sup>2</sup> luas untuk menyelaraskan pengajian tinggi dan menguntokkan wang kepada yayaan<sup>2</sup> pelajaran tinggi di-negeri ini.

**Tuan Hussein bin Onn:** Perkara ini adalah di-dalam pertimbangan.

#### Kertas Bahasa Malaysia

**32. Dr Tan Chee Khoon** minta Menteri Pelajaran menyatakan mengapa penuntut<sup>2</sup> yang telah mendapat kepujian<sup>2</sup> di-dalam semua mata-pelajaran tetapi terkandas di-dalam kertas Bahasa Malaysia, telah gagal seluruh peperiksaan dan apa langkah<sup>2</sup> yang beliau berchadang hendak ambil bagi mengelakkan kesilapan<sup>2</sup> chap yang tidak sa-patut-nya menjadi sebab penuntut<sup>2</sup> itu gagal di-dalam kertas Bahasa Malaysia.

**Tuan Hussein bin Onn:** Mengikut per-atoran<sup>2</sup> peperiksaan S.P.M/M.C.E., kelulusan dalam Bahasa Malaysia I atau Bahasa Malaysia II ada-lah wajib bagi mendapatkan sijil. Oleh yang demikian penuntut<sup>2</sup> yang telah mendapat kepujian<sup>2</sup> dalam semua mata-pelajaran tetapi kandas dalam Bahasa Malaysia telah tidak memenohi syarat untuk mendapatkan sijil<sup>2</sup> berkenaan. Tidak pernah berlaku kesilapan<sup>2</sup> chap dalam Kertas Bahasa Malaysia sama ada Bahasa Malaysia I atau Bahasa Malaysia II.

## JAWAPAN<sup>2</sup> BERTULIS

### Tambahan No. 2

#### JABATAN PERDANA MENTERI

##### Kerosakan Kebakaran

1. Dr Tan Chee Khoon minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sama ada beliau akan memberi laporan yang lengkap tentang kerosakan disebabkan oleh kebakaran yang berlaku ka-atas Pejabat Pemas di-Jalan Campbell; dan
- (b) sama ada beliau puas hati dengan kenyataan bahawa kebakaran itu berlaku dengan tidak sengaja.

Perdana Menteri (Tun Haji Abdul Razak bin Dato' Hussein):

- (a) Kerugian yang dialami oleh pehak Pemas Trading Sdn. Bhd. akibat daripada kebakaran di-pejabat-nya di-Jalan Campbell, Kuala Lumpur di-taksirkan di-antara \$300 hingga \$350. Barang<sup>2</sup> yang telah musnah ia-lah 3 buah kerusi dan sedikit alat<sup>2</sup> tulis. Tidak ada dokumen<sup>2</sup> penting yang terlibat di-dalam kebakaran itu.
- (b) Penyiasatan telah pun di-jalankan dan dari bukti<sup>2</sup> yang di-terima menunjukkan bahawa kebakaran itu berlaku dengan tidak sengaja.

##### Kempen Politik

2. Tuan Mohd. Daud bin Abdul Samad minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan sedar bahawa Y.B. Tan Sri Ghazali bin Shafie telah sa-chara tidak langsung membuat kempen politik sejak tiga bulan lebih kurang sa-belum ia menjadi chalun dalam pilihanraya kecil Lipis baru<sup>2</sup> ini; jika ya, ada-kah Kerajaan sedar bahawa langkah seperti itu ada-lah tidak demokratik.

Tun Haji Abdul Razak bin Dato' Hussein: Saya sedar bahawa Y.B. Tan Sri Ghazali bin Shafie telah melawat bukan sahaja kawasan Lipis, tetapi seluruh Pahang pada bulan Januari hingga Mach. Beliau juga telah melawat Pulau Pinang dan Kelantan. Lawatan-nya tidak ada kena mengena dengan pilihanraya tersebut. Beliau chuma menjalankan tugas-nya sa-bagai Menteri

Tugas<sup>2</sup> Khas dan Pengerusi Jawatankuasa Banjir, melawat dan mengkaji dari dekat masalah banjir di-tempat tersebut. Beliau juga telah mengambil kesempatan untuk menghadziri Majlis dailog. Dalam semua lawatan-nya, beliau di-ikuti oleh Pegawai<sup>2</sup> Kanan Kerajaan, wakil<sup>2</sup> akhbar tempatan dan juga wakil<sup>2</sup> akhbar dari luar negeri. Ini tidak-lah dapat di-anggap sa-bagai menjalankan kempen politik.

##### Pepereksaan Perchubaaan Kerani<sup>2</sup> Kerajaan

3. Tuan Lim Kit Siang minta Perdana Menteri menyatakan sebab<sup>2</sup> terdapat-nya kadar kegagalan yang memeranjatkan di-dalam pepereksaan perchubaaan bagi kerani<sup>2</sup> Kerajaan, dan menyatakan apa-kah langkah<sup>2</sup> yang telah di-ambil untuk membaiki keadaan ini, dan juga beri angka<sup>2</sup> chalun yang mengambil pepereksaan itu dan keputusan<sup>2</sup> pepereksaan itu.

Tun Haji Abdul Razak bin Dato' Hussein: Kadar kegagalan yang besar di-dalam pepereksaan perchubaaan bagi kerani<sup>2</sup> Kerajaan hanya-lah terdapat dalam pepereksaan yang telah di-adakan dalam bulan Julai, 1971 di-mana daripada 1,561 orang chalun bagi seluruh Malaysia yang mengambil pepereksaan tersebut hanya 91 orang atau 6.81% sahaja yang lulus.

2. Pada pepereksaan<sup>2</sup> yang terdahulu daripada ini kadar kegagalan tidak-lah besar. Mithal-nya pada pepereksaan yang telah di-adakan dalam bulan April, 1971 daripada 1,042 chalun<sup>2</sup> yang mengambil pepereksaan tersebut sa-ramai 258 atau 21.8% telah lulus dan dalam bulan Ogos, 1970 pula, daripada sa-jumlah 1,080 orang chalun yang mengambil pepereksaan sa-ramai 335 chalun atau pun 32.1% telah lulus.

3. Salah satu daripada sebab yang besar mengapa ramai chalun yang gagal dalam pepereksaan perchubaaan bagi kerani<sup>2</sup> Kerajaan ia-lah kerana dalam pepereksaan tersebut chalun<sup>2</sup> terpaksa lulus kedua<sup>2</sup> Kertas I (Peratoran Kerja Pejabat) dan Kertas II (Peratoran Kewangan Permulaan) dalam satu pepereksaan sahaja.

4. Pada pepereksaan yang telah di-adakan dalam bulan Julai, 1971 angka<sup>2</sup> chalun



yang mengambil pepeiksaan dan keputusan pepeiksaan itu ada-lah seperti berikut:

| Jumlah<br>chalun yang<br>mengambil<br>pepe-<br>k-<br>saan | Lulus<br>Kertas<br>I | Lulus<br>Kertas<br>II | Lulus<br>Kedua <sup>2</sup><br>Kertas I dan<br>II |
|-----------------------------------------------------------|----------------------|-----------------------|---------------------------------------------------|
| 1,561                                                     | 843                  | 117                   | 91                                                |

Daripada keputusan di-atas, di-dapati bahawa hanya 91 orang sahaja chalun yang telah lulus kedua<sup>2</sup> Kertas I dan Kertas II dalam pepeiksaan tersebut. Kebanyakan chalun yang lain telah gagal kerana mereka gagal dalam Kertas II. Untuk mengatasi masalah kegagalan yang besar ini, Jabatan Perkhidmatan Awam telah pun membuat keputusan bahawa mulai daripada pepeiksaan kerani am dalam perhubungan bulan Julai, 1971 itu, chalun<sup>2</sup> tidak perlu lagi lulus kedua<sup>2</sup> Kertas I dan Kertas II dalam satu pepeiksaan sahaja.

5. Chalun<sup>2</sup> yang lulus mana<sup>2</sup> kertas akan di-kechualikan daripada mengambil kertas yang ia telah lulus dalam pepeiksaan yang akan datang, dan ia perlu mengambil kertas yang ia gagal sahaja.

6. Sa-lain daripada itu pihak Jabatan Perkhidmatan Awam juga sedang membuat terjemahan dalam Bahasa Malaysia buku<sup>2</sup> yang di-gunakan oleh chalun<sup>2</sup> dalam pepeiksaan tersebut; seperti buku Peratoran Kerja Pejabat, Perintah Am dan Arahan Perbendaharaan. Dengan peratoran dan tindakan ini ada-lah di-harapkan bahawa bilangan chalun yang gagal dalam pepeiksaan kerani am dalam perhubungan akan berkurangan di-pepeiksaan<sup>2</sup> akan datang.

#### Perlantikan Jawatan

4. Tuan V. David bertanya kepada Perdana Menteri sama ada benar pihak Kerajaan membuat perlantikan kepada semua perkhidmatan Kerajaan sa-mata<sup>2</sup> berdasarkan kepada bangsa dan bukan kepada kebolehan.

**Tun Haji Abdul Razak bin Dato' Hussein:** Saya hairan mengapa Ahli Yang Berhormat itu membuat pertanyaan seperti ini melainkan beliau hanya bertujuan sengaja tidak hendak memahami syarat<sup>2</sup> Perlembagaan atau pun sengaja hendak mengelirukan Ahli<sup>2</sup> yang lain di-Dewan ini.

Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan antara lain, ada menchatitkan dengan jelas-

nya bahawa melainkan sa-bagaimana yang di-benarkan oleh Perlembagaan, semua warga-negara hendak-lah tidak di-bedza<sup>2</sup>kan (no discrimination) oleh kerana keperchayaan, ugama, keturunan atau pun bangsa, dalam lantikan ka-jawatan awam (public authority). Sa-bagaimana Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat yang lain di-dalam Dewan ini sedia ma'alum, di-dalam perkhidmatan Kerajaan sekarang ter-dapat warganegara dari semua keturunan bangsa yang ada dalam negara ini.

Dasar yang di-laksanakan sekarang ia-lah sa-suatu lantikan itu di-buat berdasarkan kapada kelayakan chalun, pengalaman serta kesesuaian mereka.

Pemilihan atau perlantikan ada-lah di-jalankan oleh Surohanjaya<sup>2</sup> Perkhidmatan yang berkenaan, yang di-tubuhkan di-bawah Perkara 10 Perlembagaan.

## KEMENTERIAN LUAR NEGERI

### Bantuan Kapada Bangladesh

5. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Luar Negeri menyatakan tujuan Malaysia memberi bantuan sa-banyak \$500,000 kapada Kerajaan Bangladesh.

**Menteri Luar Negeri (Tun Haji Abdul Razak bin Dato' Hussein):** Bantuan itu telah di-buat di-atas dasar peri kemanusiaan.

The donation to the Bangladesh Government was made on humanitarian grounds.

### Alat Perakam Suara di-Pasang di-Bilek Hotel

6. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada benar bahawa bilek hotel yang di-gunakan oleh perwakilan Malaysia di-Persidangan Pertahanan Lima Negara di-Kanbera, Australia pernah di-pasang dengan alat perakam suara seperti yang telah di-bangkitkan dalam Parlimen Australia baru<sup>2</sup> ini, dan jika benar, ada-kah Malaysia menyiasat tentang siapa-kah yang bertanggung-jawab atas perkara itu.

**Tun Haji Abdul Razak bin Dato' Hussein:** Tidak terdapat bukti yang menunjukkan bilek hotel itu telah di-pasang dengan alat

perakam suara dan persoalan untuk menjalankan penyiasatan mengenai perkara ini tidak-lah timbul.

There is no evidence to indicate that the hotel room was bugged and the question of investigation does not arise.

#### **Pendirian China**

**7. Tuan Ng Hoe Hun** minta Menteri Luar Negeri menyatakan, memandangkan kepada kenyataan yang di-keluarkan oleh Tuan Chou En Lai dan President Nixon tahun ini mengenai pendirian Negeri China yang sama seperti prinsip<sup>2</sup> yang telah di-suarakan didalam Persidangan Bandung dalam tahun 1955, sama ada Negeri China bersetuju dengan dasar perkecualian di-Tenggara Asia oleh Malaysia, dan jika ya, bialah hubungan diplomatik dengan Peking akan di-mulakan supaya lebih banyak pertukaran perdagangan dan perniagaan akan ujud di-kawasan Pacific.

**Tun Haji Abdul Razak bin Dato' Hussein:** Saya telah menyatakan di-dalam kenyataan yang di-buat pada 28hb Februari, 1972, mengenai Kenyataan Bersama Amerika Sharikat ia-itu "Saya telah mengambil ingatan dengan senang hati tentang pendirian kedua<sup>2</sup> Kerajaan yang menentang sa-barang bentok perhubungan untuk merebut kuasa dan pengaruh di-rantau ini. Ini adalah sa-nada dengan chadangan pengecualian . . . . .". Prinsip<sup>2</sup> Bandung mengenai dasar hidup bersama ada-lah merupakan sa-bahagian daripada prinsip yang terkandung dalam chadangan pengecualian kita dan oleh kerana itu prinsip ini ada-lah di-alu<sup>2</sup>kan.

Ada-lah tidak wajar sa-kira-nya kita menganggap yang Kenyataan Bersama itu membawa erti yang China telah menyokong pengecualian Asia Tenggara. Perhubungan diplomatik antara Malaysia dan China akan hanya di-pertimbangkan di-dalam kontek (context) penerimaan China terhadap pengecualian Asia Tenggara.

I have said in the statement which I made on 28th February, 1972, on the U.S./Joint Communique that "I note with gratification the reference to the position of the two Governments that they are opposed to any effort to achieve hegemony or spheres of influence. This lies at the heart of the neutralization proposal . . . . .". The

Bandung principles underlying our neutralization proposal and therefore the reference to this is welcomed.

It would be incorrect however to infer from the Joint Communique that China has given her agreement to the neutralization of South East Asia. Diplomatic relations between Malaysia and China could only be considered in the context of China's acceptance of neutralization of South East Asia.

#### **Perwakilan Malaysia di-Luar Negeri**

**8. Dr Tan Chee Khoon** minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) hingga sekarang ini berapa banyak-kah negeri di-mana Malaysia di-wakili oleh Duta Besar, Pesuruhjaya Tinggi, Konsul, dan Wakil Perdagangan masing<sup>2</sup>; dan
- (b) berapa banyak pula negeri asing yang mempunyai perwakilan-nya di-Malaysia.

**Tun Haji Abdul Razak bin Dato' Hussein:**

- (a) Malaysia di-wakili oleh Pesuruhjaya<sup>2</sup> Tinggi di-lapan buah negara, Duta<sup>2</sup> Besar di-lima-belas buah negara dan Konsul<sup>2</sup> di-tiga buah negara. Malaysia juga di-wakili oleh lapan-belas orang wakil<sup>2</sup> perdagangan di-lima-belas buah negara. Sa-bilangan dari Pesuruhjaya Tinggi dan Duta<sup>2</sup> Besar di-tauliahkan serentak ka-beberapa buah negara di-mana Malaysia tiada perwakilan tetap atau pun di-mana perwakilan kita ada tetapi tiada Duta<sup>2</sup> atau Pesuruhjaya Tinggi di-lantek di-perwakilan tersebut.
- (b) Sa-banyak 29 buah negara mempunyai perwakilan<sup>2</sup>-nya di-Malaysia dan 20 buah negara di-tauliahkan serentak di-Malaysia.
- (a) Malaysia is represented by High Commissioners in eight countries, Ambassadors in fifteen countries and Consuls in three countries. We also have trade representatives in fifteen countries. Some of the High Commissioners and Ambassadors are concurrently accredited to other

countries where Malaysia has no permanent mission or where there are permanent missions but no High Commissioners and Ambassadors have been appointed.

- (b) 29 countries have representatives in Malaysia. 20 countries are concurrently accredited to Malaysia.

#### Kedutaan<sup>2</sup> Asing

**9. Dr Tan Chee Khoon** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa sa-tengah<sup>2</sup> Kedutaan Asing di-Kuala Lumpur chuma mengambil pekerja<sup>2</sup> dari satu<sup>2</sup> kaum sahaja dan ini tidak menchermin-kan masharakat Malaysia yang berbilang bangsa.

**Tun Haji Abdul Razak bin Dato' Hussein:** Di-bawah Vienna Convention on Diplomatic Relations, Kerajaan tuan rumah tidak sa-harus-nya memberikan arahan kepada perwakilan<sup>2</sup> asing terhadap sa-siapa yang mereka hendak ambil bekerja. Apa<sup>2</sup> arahan seperti ini akan di-kira sa-bagai mengganggu pentadbiran persendirian perwakilan asing.

Under the Vienna Convention on Diplomatic Relations, the host Government cannot give directive to the embassies, and High Commissions as to who they should employ. Any directive towards that direction will be tantamount to interference in their internal administration.

#### Lawatan Nixon ka-Peking

**10. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Luar Negeri memandang kepada lawatan Presiden Nixon ka-Peking, ada-kah beliau akan menimbang memansokhkan Peratoran Pertahanan Lima Negara itu.

**Tun Haji Abdul Razak bin Dato' Hussein:** Peratoran Pertahanan Lima Negara ada-lah sa-mata<sup>2</sup> untuk pertahanan dan tidak di-tujukan terhadap mana<sup>2</sup> negara. Sunggoh pun kita menyambut baik tanda<sup>2</sup> hubungan damai di-antara Amerika Sharikat dan Republik Ra'ayat China yang telah menjelma daripada lawatan Presiden Nixon ka-Peking, saya berpendapat, pada perengkat ini, tidak perlu kita menimbang untuk memansokhkan Peratoran Pertahanan Lima Negara itu.

The Five Power Defence Arrangements are purely defensive arrangements not offensively aimed at any country. While we welcome the signs of detente between the United States and the People's Republic of China arising out of President Nixon's visit to Peking, I do not think that at this stage, it is necessary to consider abrogating the Five Power Defence Arrangements.

#### Lawatan ka-Peking

**11. Dr Tan Chee Khoon** bertanya kepada Menteri Luar Negeri ada-kah beliau akan membuat satu lawatan ka-Peking sa-bagai merintis jalan bagi memulakan perhubungan diplomatik dengan negeri China.

**Tun Haji Abdul Razak bin Dato' Hussein:** Kerajaan Malaysia menganggap perhubungan diplomatik dengan Republik Ra'ayat China di-dalam kontek pengechualian Asia Tenggara. Pada masa ini, perhubungan dengan Republik Ra'ayat China ada-lah terhad kepada perkara<sup>2</sup> seperti perhubungan perdagangan tidak resmi.

The Malaysian Government regards diplomatic relation with the People's Republic of China in the context of the neutralization of South East Asia. At present, relations with the People's Republic of China is confined to such matters as trade on an unofficial basis.

#### Kebochoran Rahsia

**12. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus** minta Menteri Luar Negeri menyatakan langkah<sup>2</sup> keselamatan yang telah di-ambil khas-nya dalam menchegeh kebochoran rahsia ketika perwakilan<sup>2</sup> Malaysia berada di-luar negeri untuk mengadakan perundingan supaya kejadian seperti yang berlaku di-Australia itu tidak berlaku lagi.

**Tun Haji Abdul Razak bin Dato' Hussein:** Jika soalan yang di-maksudkan oleh Ahli Yang Berhormat berhubung dengan dakwaan ada-nya alat pendengar di-pasang di-bilek<sup>2</sup> hotel perwakilan kita sa-masa Persidangan Pertahanan Lima-Kuasa di-Australia baru<sup>2</sup> ini, Ahli Yang Berhormat harus-lah sedar bahawa Kerajaan Australia telah menafikan perbuatan tersebut. Perwakilan<sup>2</sup> Malaysia

yang pergi ka-luar negeri untuk menghad-hiri persidangan<sup>2</sup> ada-lah terta'alok kepada peratoran<sup>2</sup> tertentu untuk mengadakan lang-kah<sup>2</sup> keselamatan yang chukup bagi menge-lakkan sa-barang kebochoran rahsia<sup>2</sup> Kera-jaan kita. Saperti Ahli Yang Berhormat mungkin faham mengikut Ordinan Rahsia<sup>2</sup> Kerajaan, 1950 (Official Secrets Ordinance, 1950) hukuman yang berat akan di-kenakan terhadap pegawai<sup>2</sup> yang membochorkan rahsia<sup>2</sup> kepada orang lain.

If by this question, the Honourable Member refers to the alleged bugging of our dele-gates' hotel rooms during the recent Five-Power Defence Talks in Australia, the Hon-ourable Member must be aware that there was a denial of this bugging by the Austra-lian Government. Malaysia's representatives going abroad to attend meetings are governed by standing instructions to take adequate measures to prevent any leakage of our official secrets. In addition as the Honour-able Member may be aware, the Official Secrets Ordinance, 1950, imposes severe penalty on officers who give away secrets.

#### **Kaji Sa-mula Peratoran Pertahanan Lima Kuasa**

**13. Tuan V. David** bertanya kepada Menteri Luar Negeri, memandangkan kepada dasar Kerajaan untuk mengechualikan Asia Teng-gara sekarang ada-kah beliau akan menim-bang mengkaji sa-mula Peratoran Pertahanan Lima Kuasa.

**Tun Haji Abdul Razak bin Dato' Hussein:** Memang-lah dasar Kerajaan bertujuan men-jadikan rantau ini bersama<sup>2</sup> negara<sup>2</sup> lain di-Asia Tenggara ini sa-bagai rantau penge-chualian. Ini akan memakan masa tetapi apabila sampai masa-nya sa-bagai permu-laan-nya, peratoran pertahanan dengan kuasa<sup>2</sup> luar akan di-kaji sa-mula.

The policy of the Government is to seek in concert with the other countries of South East Asia the neutralisation of this region. This will take sometime to achieve but when it is achieved, as a prelude to this, the defence arrangement with all outside powers will have to be reviewed.

#### **Bangladesh**

**14. Tuan Haji Ahmad bin Arshad** minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) apa-kah yang telah mendorong Kera-jaan Malaysia menderma wang sa-banyak \$500,000 kepada Kerajaan Bangladesh;

- (b) apa-kah sikap Malaysia terhadap cha-dangan Bangladesh untuk menjadi anggota ASEAN; dan

- (c) apa-kah bentok bantuan lain yang di-minta oleh Kerajaan Bangladesh dari-pada Kerajaan Malaysia.

#### **Tun Haji Abdul Razak bin Dato' Hussein:**

- (a) Bantuan itu telah di-buat di-atas dasar peri kemanusiaan. Sa-tengah daripada bantuan ini ada-lah dalam bentok "corrugated iron sheets" dan "plastic sheets" yang mana sangat<sup>2</sup> di-perlukan oleh Kerajaan Bangladesh untuk mem-buat alat<sup>2</sup> bumbong.
- (b) ASEAN ada-lah terhad kepada negara<sup>2</sup> Asia Tenggara dan kita tidak meng-anggap Bangladesh sa-bagai sa-baha-gian daripada kawasan Asia Tenggara.
- (c) Sa-lain daripada yang telah di-terangkan dalam (a) di-atas, tidak ada permintaan<sup>2</sup> lain yang di-terima.
- (a) The donation was made on humanita-rian grounds. Part of it was in the form of corrugated iron as well as plastic sheets required badly by the Bangladesh Government as roofing materials.
- (b) ASEAN is confined to South East Asian countries and we do not regard Bangla-desh as part of South East Asia.
- (c) Apart from these mentioned in (a) above, no other request has been received.

#### **Ireland Utara**

**15. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sebab<sup>2</sup>-nya Malaysia tidak menyuarakan pandangan terhadap perkara<sup>2</sup> yang berlaku di-Ireland Utara sa-kurang<sup>2</sup>-nya kepada Kera-jaan British.

**Tun Haji Abdul Razak bin Dato' Hussein:** Keadaan di-Ireland Utara ada-lah hal ehwal dalam Negeri Kerajaan British. Bukan-lah dasar Kerajaan untuk champor tangan dalam hal ehwal dalam negeri negara asing.

The situation in Northern Ireland is an internal matter of the British Government. It is not the policy of the Government to inter-fere in the domestic affairs of other countries.

## KEMENTERIAN PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN

### Kawasan Perusahaan

16. Tuan Fan Yew Teng minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan dengan jelas-nya sama ada Kementerian-nya berchadang menubuhkan suatu kawasan perusahaan di-Daerah Kechil Kampar dan Gopeng di-dalam tempoh Rancangan Malaysia Yang Kedua.

**Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Mohamed Khir Johari):** Pembangunan kawasan perindustrian sa-benar-nya ada-lah tanggungjawab Kerajaan Negeri yang berkenaan. Bagi Negeri Perak, Kerajaan Negeri tersebut baharu<sup>2</sup> ini telah mengumumkan rancangan untuk mendirikan beberapa kawasan perindustrian di-beberapa bahagian negeri itu. Tempat yang sa-benar-nya untuk kawasan<sup>2</sup> perindustrian baharu itu belum lagi di-tetapkan. Saya perchaya jika keadaan<sup>2</sup> ekonomi mengizinkan ada kemungkinan yang baik untuk mendirikan kawasan<sup>2</sup> perindustrian di-Kampar dan Gopeng. Kementerian saya bersedia untuk membantu Kerajaan<sup>2</sup> negeri di-dalam apa chara yang boleh.

The development of industrial estates is essentially the responsibility of the State Governments concerned. In the case of Perak, the State Government recently announced plans to establish several industrial estates in various parts of the State. The actual location of the new industrial estates has not been determined. I am sure that if there is sufficient economic justification, there would be a distinct possibility of developing industrial estates in Kampar and Gopeng. My Ministry would be prepared to assist State Governments in whatever way we can.

## KEMENTERIAN BUROH DAN TENAGA RA'AYAT

### "Pekerja<sup>2</sup> Tempatan"

17. Dr Tan Chee Khoon minta Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat menyatakan:

- (a) berapa ramai-kah ra'ayat Malaysia yang di-ambil berkhidmat oleh perwakilan asing sa-bagai "pekerja<sup>2</sup> tempatan"; dan
- (b) ada-kah pekerja tempatan itu di-beri hak untuk menubuhkan kesatuan<sup>2</sup> bagi membela kepentingan mereka sendiri.

**Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat (Tan Sri V. Manickavasagam):** "Pekerja<sup>2</sup> Tempatan" ada-lah berhak untuk menubuhkan kesatuan, tetapi ada-lah tidak praktikal bagi mereka berbuat demikian kerana keistimewaan diplomatik (diplomatic immunity) yang di-nikmati oleh perwakilan<sup>2</sup> asing.

The "local employees" have the right to organise into unions, but it is not very practical for them to do so because of the diplomatic immunity enjoyed by the Foreign Missions.

## KEMENTERIAN PELAJARAN

### Tarikh Kebelakangan bagi Tunggakan Kerani<sup>2</sup>

18. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kerajaan akan memberi tarikh kebelakangan bagi tunggakan kerani<sup>2</sup> di-sekolah bantuan-penoh kapada lhb Januari, 1964—tarikh mereka di-terima sa-bagai kakitangan Kerajaan.

**Menteri Pelajaran (Tuan Hussein bin Onn):** Tidak. Untuk maaloman Ahli Yang Berhormat kerani di-sekolah<sup>2</sup> bantuan penoh di-terima masok ka-dalam Perkhidmatan Kerajaan mula<sup>2</sup> dari lhb sa-lepas tarikh mereka menanda-tangani borang pilehan sendiri yang telah di-penohkan. Jika borang pilehan sendiri itu di-tandatangani pada hari pertama dalam sa-suatu bulan maka tarikh perlantekan mereka akan di-kira pada hari pertama bulan itu. Tetapi jika mereka menandatangani sa-lepas lhb maka tarikh mereka di-terima masok ka-dalam Perkhidmatan Kerajaan ia-lah pada lhb bulan yang berikutan. Oleh itu tidak-lah benar jika di-katakan bahawa kerani di-sekolah<sup>2</sup> bantuan penoh telah di-lantek ka-dalam Perkhidmatan Kerajaan pada lhb Januari, 1964.

### Kelas<sup>2</sup> Kindergarten

19. Tuan Chan Fu King minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau mempunyai rancangan untuk mengadakan Kelas<sup>2</sup> Kindergarten yang di-wajibkan di-semua sekolah<sup>2</sup> rendah di-Malaysia, dan jika tidak, mengapa.

**Tuan Hussein bin Onn:** Tidak, kerana belum lagi di-fikirkan bahawa Kementerian Pelajaran patut mengadakan Kelas<sup>2</sup> Kindergarten.

### Convent Bukit Mertajam

**20. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada suatu penyiasatan telah di-buat terhadap keputusan M.C.E. bagi Convent Bukit Mertajam, dimana dari jumlah 132 chalon, hanya 22 sahaja yang lulus, dan dari jumlah yang tidak lulus, 99 gagal kerana mereka tidak lulus kertas Bahasa Malaysia; menunjukkan dengan tepat sebab yang menyebabkan keadaan yang tidak memuaskan ini.

**Tuan Hussein bin Onn:** Ya. Ada-lah didapati bahawa pada keseluruhan-nya kegagalan ini di-sebabkan murid<sup>2</sup> mempunyai sikap tidak mahu mengambil berat di-dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia. Bagi ma'alumat Ahli Yang Berhormat mata pelajaran Bahasa Malaysia di-Convent Bukit Mertajam di-ajar sa-lama 200 minit seminggu, ia-itu 40 minit lebih daripada masa mengajar yang di-wajibkan kepada sekolah<sup>2</sup> bagi tiap<sup>2</sup> minggu dan mata pelajaran ini ada-lah di-ajar oleh dua orang guru yang berkelayakan.

### Jalan Ka-Sekolah

**21. Tuan Abu Bakar bin Umar** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa jalan<sup>2</sup> menuju ka-sekolah<sup>2</sup> di-luar bandar selalu berlumpur dan banjir di-musim<sup>2</sup> hujan terutama sa-kali di-Ranchangan Perayeran Muda dan kanak<sup>2</sup> sekolah terpaksa berjalan dalam lumpur untuk pergi ka-sekolah, dan jika ya, apa tindakan beliau akan ambil untuk memperbaiki kedudukan ini.

**Tuan Hussein bin Onn:** Ya, saya sedar akan ada-nya jalan<sup>2</sup> menuju ka-sekolah<sup>2</sup> di-luar bandar yang berlumpur dan banjir sa-masa musim hujan seperti di-Ranchangan Perayeran Muda. Di-mana<sup>2</sup> boleh Kementerian Pelajaran sentiasa berusaha untuk memperbaiki keadaan jalan<sup>2</sup> seperti itu. Walau bagaimana pun, pembinaan jalan<sup>2</sup> menuju ka-sekolah di-kawasan<sup>2</sup> bendang adalah menjadi satu masalah kerana kebanyakannya daripada jalan<sup>2</sup> itu melalui tanah private dan tuan punya tanah enggan membenarkan Kerajaan memperbesarkan jalan<sup>2</sup> tersebut.

### "Pep Pills"

**22. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Pelajaran menyatakan apa-kah langkah<sup>2</sup> yang telah di-ambil oleh Kementerian-nya untuk

menyekat murid<sup>2</sup> dari menggunakan atau memakan "pep pills" untuk menyediakan diri untuk peperiksaan, oleh kerana memandangkan akibat buruk kepada kesihatan otak dan jasmani kanak<sup>2</sup> yang muda ini.

**Tuan Hussein bin Onn:** Usaha<sup>2</sup> Kementerian Pelajaran untuk menyekat murid<sup>2</sup> dari memakan "pep pills" ada-lah sa-bahagian dari kempen keseluruhan Kementerian ini untuk menchegeh murid<sup>2</sup> sekolah daripada menggunakan dadah.

Antara langkah<sup>2</sup> yang di-ambil ia-lah:

(i) menjadi ahli Jawatankuasa Narkotik Antara Jabatan dan Jawatankuasa<sup>2</sup> Kechil Pelajaran dan Penerangan. Jawatankuasa<sup>2</sup> terdiri dari Kementerian<sup>2</sup>/Jabatan Kerajaan yang berkenaan, seperti Jabatan<sup>2</sup> Penerangan, Polis, dan Kastam, membincangkan masaalah penggunaan madat dan menchadangkan chara<sup>2</sup> mengatasi masaalah ini; dan

(ii) membuat kajian di-kalangan sekolah<sup>2</sup> di-Negeri Selangor, sa-bagai satu ranchangan perintis, dengan tujuan supaya hasil praktikal dari kajian ini akan di-gunakan oleh negeri<sup>2</sup> lain untuk mengatasi masaalah penggunaan madat ini.

### Kechichiran Murid<sup>2</sup>

**23. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau akan memberi suatu laporan kajian Jabatan Pelajaran Melaka terhadap masaalah kechichiran murid<sup>2</sup> di-Melaka.

**Tuan Hussein bin Onn:** Tidak. "Kajian" itu hanya satu tinjauan ringkas yang di-kendalikan oleh Jabatan Pelajaran Negeri Melaka terhadap beberapa masaalah kechichiran murid<sup>2</sup> di-negeri itu sahaja.

### SPM dan MCE

**24. Tuan Mohd. Daud bin Abdul Samad** minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah pelajar<sup>2</sup> yang mengambil peperiksaan SPM dan MCE dalam tahun 1971 di-Negeri Trengganu dan berapa ramai-kah di-antara mereka yang lulus serta dapat melanjutkan pelajaran ka-Tingkatan Enam.

**Tuan Hussein bin Onn:** Jumlah pelajar<sup>2</sup> yang telah mengambil peperiksaan S.P.M. dan M.C.E. 1971 di-sekolah<sup>2</sup> bantuan penoh dan melanjutkan pelajaran ka-Tingkatan VI bagi tahun 1972 ada-lah seperti berikut:

| Pepereksaan | Kemasokan | Masok<br>Tingkatan VI<br>sa-takat ini |
|-------------|-----------|---------------------------------------|
| S.P.M. ...  | 1,000 ... | 77                                    |
| M.C.E. ...  | 525 ...   | 71                                    |

#### STP dan HSC

**25. Tuan Mohd. Daud bin Abdul Samad** minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah pelajar<sup>2</sup> yang mengambil peperiksaan STP dan HSC dalam tahun 1971 di-Negeri Trengganu dan berapa ramai-kah di-antara mereka yang lulus serta layak untuk memasuki Universiti.

**Tuan Hussein bin Onn:** Jumlah pelajar<sup>2</sup> yang mengambil peperiksaan S.T.P. dan H.S.C. dalam tahun 1971 di-sekolah bantuan penoh di-Negeri Trengganu dan keputusan-nya ada-lah seperti berikut:

| Pepereksaan                                              | Kemasokan | Sijil<br>Penyataan<br>penoh |
|----------------------------------------------------------|-----------|-----------------------------|
| H.S.C. (Termasok<br>Aliran Melayu ia-<br>itu S.T.P.) ... | 132       | 56 75                       |

Daripada jumlah di-atas tidak dapat ditentukan berapa orang-kah yang layak memasuki Universiti kerana pengambilan calon<sup>2</sup> ada-lah di-urus oleh pihak Universiti sendiri.

#### JABATAN TUGAS<sup>2</sup> KHAS

##### Kampong Pantai Baru

**26. Tuan Ng Hoe Hun** minta Menteri Tugas<sup>2</sup> Khas menyatakan sama ada benar bahawa 26hb Januari, 1972, beliau telah mendapati penduduk<sup>2</sup> Kampong Pantai Baru telah membayar sewa kepada sa-orang tuan tanah sejak 22 tahun yang lalu dan jika ya:

- siapa tuan tanah itu dan sama ada rundingan telah di-buat untuk membeli atau memperoleh tanah itu dari-nya untuk di-berikan kepada penduduk<sup>2</sup> Kampong Baru itu; dan
- sama ada tempat<sup>2</sup> lain telah di-berikan kepada penduduk<sup>2</sup> ini.

**Menteri dengan Tugas<sup>2</sup> Khas (Dr Lim Keng Yaik):** Ada-lah di-sahkan bahawa dalam lawatan saya ka-Kampong Pantai Baru

pada 19hb Januari, 1971, saya telah di-beri tahu ia-itu ada lebih kurang 90 keluarga bukan Melayu tinggal di-Kampong tersebut menyewa tanah dalam Rezab Melayu kepunyaan orang<sup>2</sup> Melayu.

Mengikut laporan Pejabat Tanah, Seremban, bilangan sa-benar keluarga bukan Melayu yang terlibat ia-lah 58 dan mereka menyewa tanah yang di-punya oleh:

- Raja Hadijah binti Raja Jaafar dan Siti Rahmah binti Haakir } Lot 527
- Arshad bin Ali ... } Lot 500
- Ab. Karim bin Gemang ... }  
Laayah binti Haji Abu ... }
- Yah binti Monit ... } Lot 499
- Jinga bin Yaakob ... }
- Aziz bin Daim ... } Lot 644
- Zaimah binti Hj. Ab. Ghaffar ... }
- Gomah binti Abu Kasim } Lot 1,373
- Safar bin Angan ... }
- Ab. Rahman bin Angan }  
Admah binti Ahmad ... }
- Dato' Penghulu Mohd. Sidek bin Omar ... } Lot 1,589
- Ab. Kassim bin Omar ... }
- Kamisah binti Rashid ... } Lot 648
- Marzat binti Marzuki ... }
- Mohd. Yassin bin Gemang }  
Abd. Karim bin Gemang }

Oleh kerana tanah itu terletak di-dalam kawasan Rezab Melayu maka tindakan membeli atau mengambil alih tanah itu (acquire) tidak akan di-ambil.

Kemungkinan untuk memberi peluang kepada penduduk<sup>2</sup> berkenaan berpindah telah di-binchangkan dengan pihak Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan. Pihak Pentadbiran Negeri itu bersetuju menawarkan kepada mereka tanah Kerajaan untuk tapak rumah di-Kampong<sup>2</sup> Baru yang berikut:

- Skimat (Ampangan) ... 22 lot
- Paroi (Ampangan) ... 44 lot
- Rasah (Bandar) ... 22 lot

Bagi mereka yang chenderong kepada pertanian pihak Pentadbiran Negeri ini pula bersetuju menimbangkan permohonan mereka untuk menyertai Ranchangan Tanah Pertanian Senawang Peringkat Pertama.



Keluarga<sup>2</sup> yang berkenaan telah pun diberi tahu dengan surat akan tawaran<sup>2</sup> seperti yang di-nyatakan di-atas dan mereka juga telah di-nasehatkan supaya mengemukakan permohonan kepada Pemungut Hasil Tanah, Seremban.

It is confirmed that during my visit to Kampong Pantai on 19th January, 1972, I was told that there were about 90 non-Malay families renting plots of land within Malay Reservation owned by Malays.

According to a report received from the Land Office, Seremban the actual number of non-Malay families involved is 58, renting plots of land belonging to:

- |                                                                                                   |   |           |
|---------------------------------------------------------------------------------------------------|---|-----------|
| (1) Raja Hadijah binti Raja Jaafar and Siti Rahmah binti Haakir                                   | } | Lot 527   |
|                                                                                                   |   |           |
| (2) Arshad bin Ali ...<br>Ab. Karim bin Gemang ...<br>Lauyah binti Haji Abu ...                   | } | Lot 500   |
|                                                                                                   |   |           |
|                                                                                                   |   |           |
| (3) Yah binti Monit ...<br>Jinga bin Yaakob ...                                                   | } | Lot 499   |
|                                                                                                   |   |           |
| (4) Aziz bin Daim ...<br>Zaimah binti Hj. Ab. Ghaffar ...                                         | } | Lot 644   |
|                                                                                                   |   |           |
| (5) Gomah binti Abu Kasim<br>Safar bin Angan ...<br>Ab. Rahman bin Angan<br>Admah binti Ahmad ... | } | Lot 1,373 |
|                                                                                                   |   |           |
|                                                                                                   |   |           |
|                                                                                                   |   |           |

- |                                                                                                              |   |           |
|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---|-----------|
| (6) Dato' Penghulu Mohd. Sidek bin Omar ...<br>Ab. Kassim bin Omar ...                                       | } | Lot 1,589 |
|                                                                                                              |   |           |
| (7) Kamisah binti Rashid ...<br>Marzat binti Marzuki ...<br>Mohd. Yassin bin Gemang<br>Abd. Karim bin Gemang | } | Lot 648   |
|                                                                                                              |   |           |
|                                                                                                              |   |           |
|                                                                                                              |   |           |

Since the land in question is within Malay Reservation no action to buy or acquire it will be taken.

The possibility of giving them the opportunity to move elsewhere has been discussed with the State Administration and the State Administration has agreed to offer them State Land for house lots in the following New Villages:

- |                           |         |
|---------------------------|---------|
| (a) Skimat (Ampangan) ... | 20 lots |
| (b) Paroi (Ampangan) ...  | 44 lots |
| (c) Rasah (Bandar) ...    | 22 lots |

The State concerned has also agreed to consider their applications to participate in the Senawang Agricultural Land Scheme—phase I.

The families concerned have been informed of the offer and they have been advised to submit their applications to the Collector of Land Revenue, Seremban.

## JAWAPAN<sup>2</sup> BERTULIS

### Tambahan No. 3

#### KEMENTERIAN PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN

##### Jabatan Pelancungan

1. Tuan Mohd. Daud bin Abdul Samad minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan negeri-negeri di Malaysia Barat yang telah ada Jabatan Pelancungan dan bilakah Jabatan-jabatan itu akan diadakan di negeri-negeri yang lain.

Menteri Kewangan dan Pemangku Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tun Tan Siew Sin): Tujuan utama Kerajaan Pusat menubuhkan Jabatan Pelancungan dalam tahun 1959 ialah untuk mengendalikan kegiatan-kegiatan penggalakan di seberang laut untuk mendorong seberapa ramai pelancung-pelancung datang melawat negeri ini dan secara keseluruhannya menggalakkan dan meluaskan Kerajaan-kerajaan Negeri dan pihak-pihak swasta untuk membangunkan industri pelancungan ini untuk keuntungan mereka bersama dan menyelaraskan kegiatan-kegiatan mereka. Pejabat-pejabat cawangan Jabatan itu tidak ditubuhkan di peringkat negeri-negeri baikpun di Malaysia Barat atau pun Malaysia Timur.

Untuk tujuan-tujuan menyusun dan menyelaraskan aktiviti-aktiviti pelancungan di Malaysia Barat, Kementerian saya telah menggalakkan Kerajaan-Kerajaan Negeri supaya menubuhkan Jawatankuasa-jawatankuasa Pelancungan Negeri. Lapan daripada Kerajaan-kerajaan Negeri telah pun menubuhkan Jawatankuasa-jawatankuasa Penasihat Pelancungan Negeri yang terdiri daripada ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, Pegawai-pegawai Kerajaan dan juga wakil-wakil dari pihak swasta. Negeri-negeri tersebut ialah Kelantan, Trengganu, Pahang, Perak, Melaka, Negeri Sembilan, Kedah dan Pulau Pinang. Tiga daripada Kerajaan-kerajaan Negeri iaitu Pahang, Johor dan Pulau Pinang telah juga menubuhkan Pejabat Pelancungan Negeri dan telah melantik Pegawai-pegawai Penggalakan Pelancungan Negeri mereka sendiri untuk memajukan potensial pelancungan di negeri-negeri mereka.

Penubuhan lain-lain Pejabat-pejabat Pelancungan Negeri yang sama seperti yang tersebut di atas adalah terserah secara langsung kepada Kerajaan Negeri dan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian sedia memberi apa jua pertolongan yang dikehendaki.

The Federal Government's principal objectives in establishing the Department of Tourism in 1959 was to undertake overseas promotion to induce more tourists to visit the country and generally to encourage and advise the State Governments and the private sector to develop the tourist industry for their own benefits and to co-ordinate their activities. No branch offices were established by the Department in the States in West or East Malaysia.

For the purposes of organising and co-ordinating tourism activities in West Malaysia, my Ministry has encouraged State Governments to establish State Tourism Committees. Eight State Governments have established State Tourism Advisory Committees consisting of elected State Assemblymen, Government officials as well as representatives from the private sector. The States concerned are Kelantan, Trengganu, Pahang, Perak, Malacca, Negeri Sembilan, Kedah and Penang. Three of the States namely, Pahang, Johore and Penang maintain State Tourism Offices and appoint their own State Tourist Promotion Officers to develop their State's tourism potential.

The establishment of similar State Tourism Offices and State Tourist Promotion Officers will depend entirely on the respective States and the Ministry of Trade and Industry is prepared to give whatever assistance is required.

##### Nilai Barang-barang yang dieksepot

2. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan nilai semua jenis barang-barang dieksepot dari Pulau Pinang ke Indonesia untuk tahun-tahun

- (a) 1961;
- (b) 1962;
- (c) 1970; dan
- (d) 1971.

**Tun Tan Siew Sin:** Jumlah eksepot kesemua jenis barang-barang dari Pulau Pinang ke Indonesia bagi tahun-tahun yang ditanya adalah seperti berikut:

| 1961         | 1962         | 1970        | 1971        |
|--------------|--------------|-------------|-------------|
| \$36.30 juta | \$21.31 juta | \$5.24 juta | \$8.11 juta |

## KEMENTERIAN PELAJARAN

### Maktab Tunku Abdul Rahman

**3. Tuan Abu Bakar bin Umar** minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) mengapa Maktab Tunku Abdul Rahman disenaraikan di bawah Kementerian Pelajaran, di dalam buku Panduan Talipon;
- (b) sama ada Maktab tersebut sebuah Yayasan Kerajaan; jika tidak, mengapakah disenaraikan di bawah Yayasan Kerajaan; dan
- (c) mengapakah Maktab TAR diberi kemudahan sedemikian walhal maktab ini belum lagi mengumumkan bahawa ia akan patuh kepada Dasar Pelajaran Kebangsaan.

**Menteri Pelajaran (Tuan Hussein bin Onn):**

- (a) Ini adalah satu kesilapan yang akan diperbetulkan. Kementerian Pelajaran tidak pernah memasukkan Maktab

Tunku Abdul Rahman ke dalam senarainya apabila menghantar senarai itu ke Jabatan Talikom.

- (b) Tidak. Ia hanya sebuah yayasan yang diberi separuh bantuan. Seperti saya sebutkan tadi ini ialah satu kesilapan.
- (c) Memandangkan kepada jawapan (a) di atas, soalan ini tidak timbul.

**4. Tuan Abu Bakar bin Umar** minta Menteri Pelajaran menyatakan mengapa bantuan kewangan patut diberi kepada Maktab ini di dalam Rancangan Malaysia Yang Kedua, oleh kerana Maktab ini belum mematuhi Dasar Pelajaran Kebangsaan.

**Tuan Hussein bin Onn:** Dasar Kerajaan untuk memberi bantuan kewangan kepada Kolej ini disokong dan diluluskan oleh Parlimen ketika Parlimen meluluskan Rancangan Malaysia Kedua. Oleh yang demikian keperluan bagi Kolej seumpama ini telah diakui dan diterima bukan sahaja oleh Kerajaan, malahan juga oleh Parlimen. Dasarnya adalah diasaskan kepada prinsip sama-sama bertanggungjawab diantara Kerajaan dan Penganjur-Penganjur terhadap perbelanjaan, penubuhan dan pengendalian Kolej ini. Menurut kuasa surattara Kerajaan bagi Kolej ini, Kerajaan mempunyai kawalan yang mencukupi di dalam pengurusan dan pentadbiran Kolej ini untuk menentukan supaya Kolej ini mematuhi Dasar Pelajaran Kebangsaan dan kepentingan negara.